05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN KES PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ZAIDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KAJIAN KES PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK

MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ZAIDI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila Taipkan (√):

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus	✓
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **06** (hari bulan) **MEI** (bulan) **2025**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ZAIDI (M20221001808) FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **KAJIAN KES PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NOR JUNAINAH BINTI MOHD ISA** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KAJIAN KES PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)**.

18/6/2025
Tarikh

DR NOR JUNAINAH MOHD ISA
PENSYARAH
JABATAN PENGAJIAN PENDIDIKAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA UPSI

Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind : 01 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI
DECLARATION OF /DISSERTATION

Tajuk / Title: **KAJIAN KES PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM PEMBENTUKAN SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK**

No. Matrik /*Matric's No.*: **M20221001808**

Saya / *I* : **MOHAMAD HAFIZ BIN AHMAD ZAIDI**

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan ~~Tesis~~/Disertasi/~~Laporan Kertas Projek~~ (~~Kedoktoran~~/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. ~~Tesis~~/Disertasi/~~Laporan Kertas Projek~~ ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan ~~Tesis~~/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972
☐ **TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restircted information as specified by the organization where research was done.
☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

DR NOR JUNAINAH MOHD ISA
PENSYARAH
JABATAN PENGAJIAN PENDIDIKAN
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA, UPSI

(Tandatangan Pelajar/ *Signature*)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: 18/6/2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T. Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala pujian hanyalah untuk Allah. Sesungguhnya tiada daya upaya dan daya kekuatan melainkan hanya daripada pertolongan Allah Yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa. Hanya kepada Allah, diri kerdil ini berserah untuk segalanya dan bagi setiap apa yang dirancang sebaiknya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad S.A.W., seluruh keluarga Baginda, serta para sahabat seperjuangan. Diri ini ingin menyampaikan sekalung penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada Ibu, Puan Norsofiah binti Abdul Kadir dan Ayah, Ahmad Zaidi bin Mokhtar yang tercinta. Terima kasih Ibu dan Ayah atas setiap titipan doa segenap detik untuk diri ini. Terima kasih atas setiap sokongan, dorongan, dan bantuan yang diberikan sepanjang perjalanan menuntut ilmu. Semoga Allah sentiasa merahmati Ibu dan Ayah. Seterusnya, pensyarah penyelia yang dihormati, Dr. Nor Junainah binti Mohd Isa. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas setiap jasa, kemudahan, sokongan, dorongan sepanjang diri ini berada di bawah seliaan Dr. Nor Junainah. Semoga Allah merahmati Dr. Nor Junainah di atas setiap kepercayaan dan kesabaran sepanjang mendidik diri ini. Kemudian, Ustaz Razman, Puan Suriani, dan barisan guru seperjuangan di Sekolah Rendah Islam Al-Hidayah, Ipoh, Perak. Terima kasih atas segala doa, bantuan, dan sokongan sepanjang proses menyiapkan penyelidikan berharga ini. Semoga Allah berikan segala kebaikan untuk semua. Tidak lupa kepada ahli keluarga yang sentiasa mendoakan dari jauh dan memberi sokongan. Sahabat-sahabat yang sentiasa menyokong dan mendoakan diri ini walau di mana keberadaan anda. Terima kasih untuk setiap satunya. Turut dihargai juga semua insan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang perjalanan menyiapkan penulisan kajian ini. Terima kasih untuk semua. Semoga Allah membalas jasa baik yang telah kalian berikan kepada diri ini. Semoga kajian ini mendapat limpah berkat Allah S.W.T dalam memberi manfaat untuk perjuangan agama, bangsa, dan negara yang tercinta. Sekian. Terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini bermatlamat untuk memahami pelaksanaan pendekatan didik hibur berasaskan program nyanyian lagu nasihat ke arah pembentukan sahsiah baik murid di Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh, Perak. Reka bentuk pendekatan kajian kes digunakan dalam penyelidikan bagi meneroka pengalaman sebenar daripada perspektif peserta dengan penumpuan lebih daripada satu kes. Bagi tujuan itu, Teori Pelaziman Operan digunakan untuk memahami konsep pembentukan sahsiah murid di lapangan. Sejumlah 12 orang yang terdiri daripada dua orang pentadbir sekolah, empat orang guru, dan enam orang murid telah bersetuju untuk menjadi peserta kajian. Selain temu bual, proses pemerhatian dan analisis dokumen turut dijalankan bagi menyokong kesahan data kajian menerusi triangulasi. Seterusnya, pendekatan analisis tematik oleh Braun dan Clarke digunakan untuk mengekod dapatan temu bual. Proses interpretasi pula dilakukan terhadap perolehan pemerhatian bagi menyokong maklumat temu bual peserta. Manfaat daripada interpretasi analisis dokumen program turut memberi pengukuhan terhadap dapatan kajian. Hasil analisis dapatan telah menemukan tiga tema utama bagi menjawab tiga soalan kajian. Pertama, tema pelaksanaan menunjukkan perubahan positif dalam pembentukan sahsiah murid menerusi kesinambungan penerapan aktiviti nyanyian lagu-lagu nasihat. Kedua, tema strategi menghuraikan usaha guru dalam memberi bimbingan dan inisiatif galakan berterusan untuk mencapai objektif pembinaan tingkah laku murid. Ketiga, tema faktor kejayaan menjelaskan keupayaan program didik hibur sebagai pendorong kepada murid untuk membentuk perilaku baik. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan kekuatan penggunaan elemen lagu berjaya memberi rangsangan positif kepada amalan sahsiah murid. Dalam erti kata lain, murid didapati cenderung berkelakuan baik apabila pembelajaran yang menyeronokkan menerusi pendekatan nyanyian lagu-lagu nasihat dilaksanakan bersama guru. Implikasinya, konsep dan keunikan program didik hibur ini adalah wajar diketengahkan sebagai strategi alternatif pembinaan sahsiah murid, khususnya di peringkat sekolah rendah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A CASE STUDY ON THE IMPLEMENTATION OF EDUTAINMENT PROGRAM TOWARDS PUPILS' BEHAVIOUR DEVELOPMENT IN SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK

ABSTRACT

This qualitative study aims to understand the implementation of an edutainment approach, which integrates advisory song-based learning, in fostering positive character development among pupils at Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh, Perak. A case study design was employed in this research to uncover authentic experiences from the participants' viewpoints, focusing on multiple cases. Operant Conditioning Theory was applied to understand the concept of student character formation in the field to achieve the objective. A total of 12, comprising two school administrators, four teachers, and six pupils, agreed to participate in the study. Besides interviews, observations and document analysis were conducted to support the validity of the data through triangulation. Next, the qualitative data analysis process utilized thematic analysis by Braun and Clarke, applying coding techniques to the interview data. Observational findings were directly interpreted to support the interview results. The direct interpretation of program document analysis further reinforced the study's findings. The analysis revealed three main themes corresponding to the study's three research questions. First, the implementation theme highlighted positive changes in student character development by consistently integrating motivational song activities. Second, the strategy theme describes teachers' efforts to provide continuous guidance and encouragement to achieve behavioral construction objectives. Third, the success factor theme emphasizes the *didik hibur* program effectively motivates pupils to develop positive behaviors. In conclusion, these findings demonstrate the effectiveness of song usage, successfully offering significant stimulus for pupils' positive character practices. In other words, pupils exhibit good behavior when enjoyable learning experiences are implemented alongside teachers through advisory song-based activities. Consequently, the concept and uniqueness of the edutainment program deserve to be highlighted as an alternative strategy for character education, particularly at the primary school level.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		xiii
SENARAI SINGKATAN		xv
SENARAI LAMPIRAN		xvi
BAB 1	**PENGENALAN**	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Tujuan Kajian	8
	1.5 Soalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Andaian dan Delimitasi Kajian	10
	1.8 Definisi Operasional	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.1 Didik Hibur 12

1.8.2 Pembentukan Sahsiah Murid 13

1.9 Penutup 13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 15

2.1 Pendahuluan 15

2.2 Tinjauan Literatur dalam Negara 16

2.2.1 Pelaksanaan Pendekatan Didik Hibur dalam Pembelajaran 16

2.2.2 Pelaksanaan Didik Hibur Berasaskan Nyanyian 21

2.2.3 Pendekatan Didik Hibur dalam Pembentukan Diri Murid 24

2.3 Kajian Luar Pelaksanaan Program Pendidikan Sahsiah Murid 26

2.4 Jurang Penyelidikan 29

2.5 Latar Belakang Sekolah Rendah Al-Hidayah 34

2.5.1 Falsafah Pendidikan Islam Pendidikan IKRAM Musleh 36

2.5.2 Falsafah Pendidikan Al-Hidayah 36

2.5.3 Visi, Misi, Moto dan Piagam Sekolah 37

2.5.4 Bilangan Tenaga Pengajar, Kakitangan dan Murid 38

2.6 Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Didik Hibur di SRAH 39

2.7 Penutup 40

BAB 3 METODOLOGI 42

3.1 Pendahuluan 42

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Pendekatan Kajian 43

3.3 Reka Bentuk Kajian 46

3.4 Peserta Kajian 48

3.5 Lokasi Kajian 51

3.6 Pengumpulan Data 52

3.6.1 Temu Bual 52

3.6.2 Pemerhatian 54

3.6.3 Analisis Dokumen 55

3.7 Analisis Data 56

3.8 Pertimbangan Etika 60

3.9 Kualiti Kajian 61

3.10 Penutup 64

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 65

4.1 Pendahuluan 65

4.2 Dapatan Temu Bual 66

4.2.1 Profil Peserta 67

4.2.2 Verbatim Temu Bual 69

4.2.3 Analisis Tematik 70

4.2.3.1 Peringkat Pertama 71

4.2.3.2 Peringkat Kedua 72

4.2.3.3 Peringkat Ketiga 145

4.2.3.4 Peringkat Keempat 147

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.5 Peringkat Kelima 156

4.2.3.6 Peringkat Keenam 157

4.2.4 Laporan Hasil Analisis Tema Pelaksanaan 161

4.2.4.1 Sub Tema Objektif 161

4.2.4.2 Sub Tema Tempat 163

4.2.4.3 Sub Tema Masa 164

4.2.4.4 Sub Tema Sasaran 166

4.2.4.5 Sub Tema Pelaksana 167

4.2.4.6 Sub Tema Kaedah 169

4.2.4.7 Sub Tema Cabaran 174

4.2.4.8 Sub Tema Kesan 179

4.2.4.9 Sub Tema Kelemahan 183

4.2.5 Laporan Hasil Analisis Tema Strategi 186

4.2.5.1 Sub Tema Stategi Guru 186

4.2.5.2 Sub Tema Cadangan Guru 191

4.2.6 Laporan Hasil Analisis Tema Faktor Kejayaan 197

4.2.6.1 Sub Tema Kekuatan Lagu 198

4.2.6.2 Sub Tema Kerjasama Guru 204

4.2.6.3 Sub Tema Kualiti Pembina Program 208

4.2.6.4 Sub Tema Penerimaan Murid 214

4.2.6.5 Sub Tema Sokongan Pelbagai Pihak 218

4.3 Dapatan Pemerhatian 221

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Pemerhatian Tingkah Laku Murid 222

4.3.2 Analisis Pemerhatian Tingkah Laku Murid 230

4.3.3 Pemerhatian Penilaian Program 232

4.3.4 Analisis Pemerhatian Penilaian Program 242

4.3.5 Rumusan Dapatan Pemerhatian 243

4.4 Dapatan Analisis Dokumen 244

4.4.1 Analisis Dokumen Buku Program Didik Hibur 245

4.4.2 Analisis Dokumen Rekod Disiplin Murid 248

4.5 Triangulasi Dapatan Kajian 250

4.6 Penutup 251

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN 253

5.1 Pendahuluan 253

5.2 Rumusan 254

5.3 Perbincangan Hasil Dapatan 258

5.3.1 Pelaksanaan Program Didik Hibur dalam Membentuk Sahsiah Murid 258

5.3.2 Strategi Guru dalam Membentuk Sahsiah Diri Murid Melalui Pelaksanaan Program Didik Hibur 262

5.3.3 Sudut Pandang Pihak Pentadbir, Guru, dan Murid Terhadap Pelaksanaan Program Didik Hibur dalam Membentuk Sahsiah Murid 267

5.4 Implikasi Kajian 269

5.4.1 Pendekatan Lagu Didik Hibur Terhadap Pembinaan Sahsiah Diri Murid 269

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Pendekatan Lagu Didik Hibur dalam Bidang Psikologi Pendidikan 271

5.4.3 Sumbangan sebagai Program Pembangunan Disiplin Murid 273

5.4.4 Manfaat sebagai Intervensi dalam Pentaksiran 274

5.5 Cabaran dan Limitasi Kajian 275

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan dan Penambahbaikan 278

5.7 Penutup 280

RUJUKAN 281

LAMPIRAN 291

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Kajian-kajian Pelaksanaan Didik Hibur	30
2.2	Visi, Misi, Moto, dan Piagam Sekolah	37
2.3	Bilangan Tenaga Pengajar, Kakitangan, dan Murid di SRAH	38
4.1	Profil Demografi Guru Peserta Temu Bual	68
4.2	Profil Demografi Murid Peserta Temu Bual	69
4.3	Susunan Petikan Perbualan dan Penamaan Kod Bersesuaian	74
4.4	Kod-kod Awal daripada Proses Pengekodan Awal	140
4.5	Kod Utama, Kategori, Sub Tema, dan Tema Utama	146
4.6	Keseluruhan Kod Utama, Kategori, Sub Tema, dan Tema	148
4.7	Maklumat Pelaksanaan Sesi Pemerhatian	223
4.8	Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Sebelum Aktiviti	226
4.9	Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Semasa Aktiviti	228
4.10	Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Selepas Aktiviti	229
4.11	Maklumat Pelaksanaan Pemerhatian Penilaian Program	233
4.12	Pemerhatian Penilaian Program Sebelum Aktiviti	236
4.13	Pemerhatian Penilaian Program Semasa Aktiviti	238
4.14	Pemerhatian Penilaian Program Selepas Aktiviti	240
4.15	Penumpuan Objektif Pembentukan Sahsiah Murid Mengikut Lagu	247
4.16	Rekod Kes Salah Laku Murid di SRAH	248
5.1	Kesan Lagu Didik Hibur kepada Pembentukan Sahsiah Diri Murid	270

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1.	Lagu-lagu Nasihat dalam Program Didik Hibur di SRAH	40
4.1.	Penyusunan 12 Verbatim dalam Aplikasi Atlas.ti	73
4.2.	Hasil Susunan Mengikut Kategori, Sub Tema, dan Tema	148
4.3.	Tiga Tema Utama Kajian	157
4.4.	Hubungan Tema Pelaksanaan dan Sembilan Sub Tema	158
4.5.	Hubungan Tema Strategi dan Dua Sub Tema	159
4.6.	Hubungan Tema Faktor Kejayaan dan Lima Sub Tema	160
4.7.	Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid	224
4.8.	Laporan Naratif Pemerhatian Tingkah Laku Murid	225
4.9.	Hasil Pemerhatian Tingkah Laku Murid	231
4.10.	Borang Pemerhatian Penilaian Program	234
4.11.	Laporan Naratif Pemerhatian Penilaian Program	235
4.12.	Hasil Pemerhatian Penilaian Program	243
4.13.	Buku Program Didik Hibur SRAH	246

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

ADHD	*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JAIPk	Jabatan Agama Islam Perak
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBPK	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SRAH	Sekolah Rendah Al-Hidayah
SRAR	Sekolah Rendah Agama Rakyat
UBK	Unit Bimbingan dan Kaunseling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Pengesahan Status Pelajar

B Sijil Bengkel Etika Penyelidikan

C Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan

D Surat Permohonan Kebenaran Temu Bual Guru

E Surat Permohonan Kebenaran Temu Bual Murid

F Lagu Program Didik Hibur (1)

G Lagu Program Didik Hibur (2)

H Lagu Program Didik Hibur (3)

I Lagu Program Didik Hibur (4)

J Persetujuan Termaklum Peserta Kajian

K Profil Peserta Kajian

L Instrumen Temu Bual (Pembina Program)

M Laporan Pengesahan Instrumen Temu Bual (Pembina Program)

N Borang Pemerhatian Penilaian Program

O Ringkasan Laporan Kesahan Instrumen Pemerhatian Penilaian Program

P Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid

Q Ringkasan Laporan Kesahan Instrumen Pemerhatian Tingkah Laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Malaysia Madani merupakan suatu konsep usaha pembangunan pentadbiran negara secara berkesan yang memberi penekanan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya (Majlis Keselamatan Negara, 2023) berteraskan nilai-nilai kemanusiaan, pengamalan etika atau pemilikan akhlak (Anwar, 2023). Sehubungan itu, pihak kerajaan telah berusaha untuk membentuk sistem pendidikan yang tidak hanya berfokus kepada pencapaian akademik. Penekanan turut diberikan terhadap pembentukan sahsiah diri, pembinaan nilai moral, dan pengamalan elemen integriti dalam kehidupan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Keutamaan FPK memfokuskan keseimbangan pembangunan jasmani, emosi, rohani, dan intelek bagi melahirkan individu berilmu tinggi, berakhlak mulia, serta bersemangat cintakan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan adalah suatu proses pembelajaran yang penting untuk membangunkan tahap keupayaan diri, aras ilmu pengetahuan, pembentukan perilaku, dan penerapan nilai-nilai moral kepada manusia. Konsep pendidikan dijadikan suatu pendekatan signifikan dalam membina nilai kendiri individu yang membentuk masyarakat bagi memenuhi keperluan kelangsungan kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, sistem pendidikan adalah wajar bersifat anjal yang boleh diubah suai mengikut keperluan peredaran waktu dan perubahan teknologi seiring dengan kehendak generasi semasa.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengorak tindakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan mekanisme kurikulum yang sedia ada khususnya di peringkat sekolah. Pihak KPM telah menggerakkan langkah pemurnian pendekatan pendidikan yang berkonsepkan hiburan. Konsep didik hibur ini adalah hasil gabungan kaedah pendidikan dengan cara hiburan yang menyeronokkan (Zainab *et al*., 2022; Desmond & Yusup, 2023). Reka bentuk pengajaran didik hibur ini bertujuan untuk menggalakkan sikap ingin tahu (Zainora *et al*., 2022), menerapkan kreativiti diri, memberi motivasi (Egwu *et al*., 2023), serta meningkatkan minat dan pemahaman dalam kalangan murid (Mohamad Hafiz *et al.,* 2024).

Pelaksanaan pemurnian dalam sistem pendidikan telah mewujudkan kaedah pengajaran didik hibur yang divariasikan dengan unsur hiburan seperti aktiviti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Perubahan pendekatan penyampaian ilmu ini telah mewujudkan persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah yang menarik dan lebih berkesan kepada pemahaman murid. Hasilnya, proses pemindahan ilmu kepada murid telah berubah ke

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

arah lebih interaktif dan bersifat santai (Abdul Rashid, Nurul Nadiah & Shamsudin, 2016; Nuril, Terza & Ivonne, 2024).

Dari sudut perbandingan dengan sistem pendidikan konvensional, kaedah pembelajaran hari ini adalah berbeza melalui tahap penglibatan murid semasa sesi pengajaran berlangsung (Desmond & Yusup, 2023). Dahulu, penyertaan murid dalam proses perolehan ilmu dianggap tidak menyeluruh dan kurangnya pendekatan bimbingan serta motivasi kepada murid. Keadaan ini membawa kepada kemerosotan pencapaian murid, khususnya individu yang lemah dari sudut pembelajaran. Masalah ini kian meruncing apabila murid menjadi semakin tidak berminat untuk menuntut ilmu pengetahuan atas kepelbagaian faktor dalaman mahupun luaran. Sekiranya gejala ini tidak dapat dicegah atau diatasi sebaiknya, pelbagai masalah lain akan muncul dan boleh menyebabkan ketidakstabilan dari segenap aspek, khususnya kepada negara.

Sejajar dengan fenomena permasalahan dalam arena pendidikan kini, kewujudan pendekatan didik hibur dilihat berpotensi sebagai suatu konsep pembelajaran interaktif yang berkesan untuk membantu pencapaian murid. Pendidikan secara hiburan secara asasnya bertujuan memberikan perasaan gembira (Akmal *et al.*, 2022; Servista, Eny & Ernawati, 2023) dan menyediakan iklim pembelajaran ilmu yang selesa kepada murid (Mohamad Hafiz *et al.*, 2024). Implementasi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disulamkan dengan unsur hiburan tampak berupaya menarik tumpuan murid kepada sesi penyampaian ilmu. Hal ini kerana kaedah didikan melalui hiburan hari ini adalah lebih berpusatkan kepada penglibatan diri murid berbanding pendekatan tradisional yang berfokus kepada pengajaran guru (Suraji *et al.*, 2018; Hamidah & Nik Azmah, 2019).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap murid akan memainkan peranan dan saling berinteraksi sambil memperoleh bimbingan daripada guru ke arah suasana pembelajaran yang menggembirakan (Putra & Setyaningrum, 2018; Nathania *et al.*, 2024). Hal ini membuktikan bahawa kaedah inovatif pembelajaran sambil berhibur telah berjaya mencipta persekitaran penyampaian ilmu yang lebih berkesan (Mohamad Yusri, 2017; Tan & Ruhizan, 2022). Kesannya, murid-murid menjadi lebih bersemangat dan berkeyakinan untuk melibatkan diri dalam sesi pembelajaran. Mereka juga semakin berminat untuk berusaha meningkatkan potensi diri dalam pencapaian setiap mata pelajaran. Secara tidak langsung, suasana pendidikan dalam pendekatan hiburan ini dapat membantu proses pembinaan diri murid yang mencakupi segenap aspek, khususnya pembentukan tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Nathania *et al.* (2024) menjelaskan pendekatan pembelajaran dalam sistem pendidikan memerlukan keutamaan yang seimbang dalam pembinaan sahsiah baik kepada murid. Sahsiah murid ini boleh dijelaskan sebagai perwatakan, sikap, dan tingkah laku yang dimiliki atau ditonjolkan dalam pelbagai aspek seperti etika, integriti, disiplin diri, budaya interaksi, serta kesedaran diri. Manakala, langkah pembinaan sahsiah baik pula dikaitkan sebagai suatu pengembangan proses seiring dengan masa yang dipengaruhi oleh gaya interaksi dan perolehan pengalaman dalam persekitaran positif. Proses pembentukan sahsiah murid ini akan memperlihatkan bagaimana seseorang murid menunjukkan interaksi atau tindakan kepada orang lain dalam keadaan yang baik atau sebaliknya. Justeru, pihak sekolah dan guru mempunyai peranan penting dalam membangunkan keperibadian positif murid. Tanggungjawab ini dapat dilihat melalui pelaksanaan program penerapan nilai murni dan pendekatan pendidikan sahsiah di dalam aktiviti kurikulum mahupun aktiviti kokurikulum.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, kepelbagaian aktiviti menarik dalam pendekatan didik hibur seperti kaedah nyanyian dilihat berpotensi memberikan impak positif kepada pembentukan sahsiah baik murid. Aktiviti didik hibur berasaskan nyanyian yang menyeronokkan membantu murid untuk mudah mengadaptasikan diri ke dalam pembelajaran ilmu pendidikan sahsiah secara menyeluruh (Rickson, Legg & Reynolds, 2018). Tarikan aktiviti nyanyian juga dipengaruhi oleh faktor penulisan lirik lagu yang pendek, gaya bahasa mudah, dan kesesuaian dengan tahap umur murid akan dapat menarik perhatian mereka untuk menyanyi sambil belajar (Reney, 2016). Keadaan ini akan memberikan kemudahan kepada guru untuk memberi bimbingan dan kelancaran usaha pihak sekolah dalam sesuatu proses pendidikan sahsiah murid.

Pada masa yang sama, penghasilan lagu kaedah didik hibur yang diselitkan dengan unsur nasihat atau bimbingan dilihat mampu menarik perhatian dan penglibatan murid dalam membaiki tingkah laku sendiri. Elemen nasihat dan bimbingan terhadap perilaku baik ini diterapkan dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh murid. Guru berperanan penting untuk membimbing murid agar dapat memahami penyampaian ilmu pembentukan akhlak daripada pendekatan lagu-lagu nasihat didik hibur. Gabungan keupayaan keberkesanan pendekatan didik hibur dan usaha tunjuk ajar guru adalah berkemampuan untuk membina keperibadian serta tingkah laku murid yang baik (Annisa & Eko, 2022).

Akhir sekali, murid akan belajar mengenal potensi diri melalui kaedah didik hibur, sekali gus dapat memberikan perubahan kepada tingkah laku yang lebih baik (Suraini, Hasrina & Bahiyah, 2014; Nur Fitriya, Ardhe & Asiyah, 2023). Pelaksanaan konsep pengajaran secara berhibur seharusnya tidak hanya berfokuskan kemenjadian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid dalam bidang akademik. Kelebihan dan potensi yang ada pada pendekatan didik hibur boleh divariasikan fungsinya bagi membantu proses pembentukan sahsiah murid. Usaha pembinaan perilaku murid baik melalui pendekatan teknik didik hibur harus diberikan perhatian untuk diketengahkan ke setiap peringkat institusi pendidikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Matlamat pembentukan sahsiah murid yang seimbang dan berakhlak mulia adalah keutamaan dalam sistem pendidikan di Malaysia, selaras dengan hasrat pengembangan potensi murid secara menyeluruh menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pendekatan pengajaran yang holistik dan menyeronokkan dengan elemen didik hibur, dilihat sebagai salah satu strategi berpotensi untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat ini. Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, enam perkara utama dalam penyediaan murid ialah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, serta identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, langkah penekanan terhadap pendidikan nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia perlu diberi perhatian untuk membentuk jati diri murid yang seimbang dan kukuh (Hasbullah, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi, 2020).

Namun, realiti di institusi pendidikan seluruh negara, khususnya di sekolah rendah, menunjukkan bahawa walaupun aplikasi pendekatan didik hibur dilaksanakan secara meluas, tahap keseimbangan potensi murid masih belum mencapai aras yang memuaskan. Hakikatnya, murid masih menghadapi cabaran dalam menjaga disiplin diri dan penghayatan nilai murni, meskipun telah diterapkan pembelajaran pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhlak di bilik darjah. Keberkesanan pendekatan didik hibur dalam usaha pembentukan perilaku baik murid yang diperkenalkan di Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh, Perak telah menimbulkan pelbagai persoalan. Adakah keberhasilan program didik hibur untuk pembentukan sahsiah murid di sekolah ini dipengaruhi oleh pendekatan pedagogi yang berstruktur? Adakah peranan aktif guru atau penglibatan murid memainkan peranan penting dalam proses pembinaan perilaku?

Jurang yang wujud antara matlamat pendidikan dan realiti di lapangan menimbulkan keperluan untuk meneliti elemen-elemen spesifik dalam pendekatan didik hibur yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah murid. Penggunaan elemen nyanyian sebagai medium pemberian nasihat dan teguran dilihat berupaya mewujudkan suasana pembelajaran pendidikan perilaku yang positif. Justeru, penyelidikan ini berpotensi mengkaji keunikan program didik hibur di Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh, Perak yang menyumbang kepada pembentukan perilaku baik murid.

Kegagalan untuk menangani jurang ini boleh memberi dampak jangka panjang terhadap pembangunan sahsiah murid, yang seterusnya mempengaruhi persiapan mereka sebagai generasi pemimpin masa depan. Kajian ini berpotensi mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk manfaat pembinaan sahsiah murid di sekolah agama, khususnya di Sekolah Rendah Al-Hidayah, Ipoh, Perak. Keunikan pendekatan program didik hibur ini turut dapat dikaitkan dengan bidang psikologi pendidikan yang mampu menyediakan variasi maklumat terhadap usaha mendidik generasi muda hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Tujuan Kajian

Kajian kes kualitatif ini mengemukakan tiga tujuan, iaitu untuk :

i. Menjelaskan pelaksanaan program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah murid di SRAH berdasarkan pandangan pihak pentadbir, guru, dan murid.

ii. Menghuraikan strategi yang digunakan oleh guru pembina program dan guru pelaksana bagi menghadapi cabaran dalam membentuk sahsiah murid di SRAH menerusi pelaksanaan program Didik Hibur.

iii. Menilai pelaksanaan program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah murid berdasarkan sudut pandang pihak pentadbir, guru, dan murid.

1.5 Soalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Stake (1995), pengkaji kajian kes berkeperluan menyediakan set kandungan dua atau tiga soalan kajian yang akan membantu penstrukturan pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Sehubungan itu, Pengkaji menyediakan tiga soalan kajian seperti berikut :

i. Bagaimanakah program Didik Hibur dilaksanakan di SRAH dalam membentuk sahsiah murid berdasarkan pandangan pihak pentadbir, guru, dan murid?

ii. Apakah strategi yang digunakan oleh guru pembina program dan guru pelaksana bagi menangani cabaran membentuk sahsiah murid di SRAH melalui program Didik Hibur?

iii. Sejauh manakah pelaksanaan program Didik Hibur dapat membantu dalam membentuk sahsiah individu berdasarkan sudut pandang pihak pentadbir, guru, dan murid di SRAH?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Kepentingan Kajian

Menurut Mokmin (2012), setiap kajian perlu memberikan faedah atau kepentingan yang boleh digunakan. Kepentingan kajian ini dapat diterjemahkan sebagai suatu ikhtiar untuk mengetengahkan kelebihan dan keupayaan elemen didik hibur dalam membentuk tingkah laku murid. Pengkaji mengharapkan keunikan yang sedia ada pada program didik hibur di SRAH untuk membentuk sahsiah murid dapat dijadikan sebagai suatu medium rujukan kepada pelbagai pihak. Barisan pendidik boleh menggunakan kelebihan program didik hibur dalam pembinaan keperibadian diri murid melalui nyanyian lagu-lagu nasihat.

Dari segi sumbangan ilmu baharu, Pengkaji berasa bertanggungjawab untuk menaikkan usaha murni pembina program didik hibur ini. Keistimewaan ilmu dan nilai yang ada pada kaedah mendidik akhlak melalui lagu hiburan sememangnya wajar dijadikan sebagai salah satu langkah menangani masalah tingkah laku murid di sekolah. Hiburan berbentuk nyanyian lagu-lagu nasihat merupakan kegemaran setiap orang yang mana boleh dijadikan sebagai sandaran atau medium tarikan untuk menyampaikan ilmu pendidikan sahsiah.

Di samping itu, kajian ini turut memberi kepentingan dan nilai tambah kepada bidang psikologi pendidikan. Teori-teori psikologi pendidikan boleh diterjemahkan mengikut kesesuaian dalam memberi pemahaman tentang tindak balas murid dengan fenomena kajian. Justeru, hasil daripada pemahaman ilmu berkenaan dapat membantu guru-guru memahami perilaku setiap anak murid ke arah sesi pembelajaran yang inovatif dan menyeronokkan. Akhirnya, hasil kajian ini boleh diguna pakai dalam proses pembentukan diri murid di pelbagai peringkat institusi pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Andaian dan Delimitasi Kajian

Bagi menjalankan kajian, Pengkaji mempunyai tanggapan bahawa setiap peserta kajian adalah bersikap jujur dan positif dalam memberikan maklum balas semasa sesi temu bual. Pengkaji menggambarkan bahawa semua peserta kajian dapat meluahkan perasaan dan berkongsi pendapat mengenai pelaksanaan program didik hibur di SRAH. Pada masa yang sama, Pengkaji mempunyai andaian positif terhadap ketersediaan komitmen para peserta untuk dihubungi pada waktu tertentu jika memerlukan penjelasan lanjutan mengenai dapatan temu bual yang diberikan. Setiap andaian yang dijangkakan ini membantu peranan Pengkaji dalam menyediakan rangka gerak kerja bersistematik untuk kelancaran perjalanan penyelidikan.

Dari sudut delimitasi kajian, Pengkaji mengehadkan pemilihan peserta kajian kepada guru-guru yang terlibat selaku pelaksana program didik hibur. Peranan setiap guru ini dilihat sangat penting untuk merungkai jawapan bersesuaian bagi memenuhi kehendak tujuan dan soalan kajian. Di samping itu, Pengkaji memilih peserta daripada kalangan murid Tahap Dua sahaja bagi mewakili keseluruhan populasi murid di SRAH. Berdasarkan pengalaman sebagai guru, Pengkaji mendapati murid-murid sekolah rendah yang berumur 10 hingga 12 tahun adalah lebih memahami untuk menjawab pertanyaan setiap soalan. Murid-murid Tahap Dua ini dianggap lebih celik akal untuk memberi jawapan yang sesuai dan bermanfaat untuk dijadikan sebagai rujukan dapatan penyelidikan. Menurut Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget, kanak-kanak berumur 10 hingga 12 tahun berada dalam peringkat operasi konkrit yang mempunyai kemampuan berfikir secara logik dan menunjukkan pemikiran sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, Pengkaji juga memastikan pemilihan peserta kajian perlu menepati kehendak soalan kajian. Sekiranya peserta kajian yang terdiri daripada guru dan murid didapati tidak dapat memenuhi keperluan maklumat, Pengkaji perlu menambah jumlah peserta untuk proses pungutan data khususnya untuk sesi temu bual. Pengkaji mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bilangan peserta kajian untuk kaedah sesi temu bual adalah mencukupi sehingga mencapai tahap saturasi data. Perkara ini sangat penting supaya Pengkaji memperoleh dapatan data yang mencukupi dan menepati keperluan soalan kajian agar bermanfaat untuk penulisan pelaporan penyelidikan secara naratif serta terperinci.

Selain itu, memandangkan keseluruhan prosedur kajian ini adalah mengikut metodologi kajian kes kualitatif oleh Stake (1995), maka Pengkaji telah menggunakan terma dan format penulisan laporan kajian berdasarkan cadangan Stake (1995). Setiap penggunaan terma dalam pelaporan kajian harus memperlihatkan pendekatan interpretatif, iaitu Pengkaji selaku instrumen utama penyelidikan dalam memahami fenomena yang dikaji. Menurut Stake (1995), format penulisan laporan kajian kes perlu menekankan naratif deskriptif daripada hasil analisis tematik, yang disampaikan secara induktif untuk pemahaman pembaca daripada perspektif peserta di lapangan. Struktur pelaporan penulisan laporan kajian secara dasarnya merangkumi pengenalan kajian, prosedur kajian, dan penghasilan dapatan utama berdasarkan tema yang muncul. Pada bahagian perbincangan, Pengkaji berperanan untuk mengaitkan hasil dapatan dengan teori bidang penyelidikan yang berkaitan. Penetapan panduan ini membolehkan pemahaman mendalam berkenaan fenomena dalam mengekal keunikan kandungan kajian dan sudut pandang peserta ke arah pembentukan interpretasi yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Definisi Operasional

Berikut merupakan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:

1.8.1 Didik Hibur

Didik hibur adalah pendekatan pendidikan yang menggabungkan teknik pengajaran dengan unsur hiburan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, interaktif, dan berkesan. Penggunaan didik hibur dalam sesi pembelajaran dapat dilihat melalui kepelbagaian unsur hiburan seperti jenaka, estetika, permainan, lakonan, nyanyian, dan muzik (Muhamad Fadhil, 2022).

Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016), pelaksanaan kaedah didik hibur disarankan untuk disimulasikan dalam sesi pengajaran guru bagi memperkasakan keberkesanan pembelajaran di bilik darjah secara terancang. Pihak KPM telah menggalakkan penggunaan teknik didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) ke arah menghasilkan proses pengajaran lebih interaktif dan berpaksikan penglibatan murid.

Pendekatan didik hibur dalam pengajaran guru dilihat mempunyai peranan positif dalam usaha pembentukan sahsiah murid. Penyampaian sesuatu kandungan ilmu pendidikan nilai murni dalam suasana yang gembira dapat memberi kesan pemahaman lebih jelas. Persekitaran pembelajaran bilik darjah yang ceria dan positif berupaya meningkatkan tahap motivasi diri murid terhadap penyampaian ilmu oleh guru, seterusnya menyumbang kepada pembinaan perilaku baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8.2 Pembentukan Sahsiah Murid

Pembentukan sahsiah murid adalah dirujuk sebagai suatu proses perkembangan dan perubahan tingkah laku, sikap, serta nilai-nilai moral individu yang terjadi secara dinamik menerusi interaksi terhadap persekitaran pendidikan, budaya, dan sosial. Hal ini melibatkan pemerhatian terhadap pengalaman subjektif setiap murid dan pemahaman mereka mengenai norma serta nilai kehidupan yang berlaku dalam persekitaran. Proses pembentukan sahsiah ini melibatkan pendekatan yang digunakan oleh murid untuk mengadaptasikan setiap elemen kehidupan bagi membantu mereka membentuk identiti dan keperibadian diri (Mat Daud, Yussuf & Abdul Kadir, 2020).

1.9 Penutup

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, setiap perkara yang ditulis dalam Bab 1 merupakan gambaran keseluruhan mengenai permulaan kronologi penyelidikan. Penulisan sub topik mengenai latar belakang dan pernyataan masalah kajian adalah bertujuan memberi pemahaman berkenaan tujuan kajian yang dijalankan. Pengkaji menyatakan kejelasan kepentingan yang mendorong keperluan kajian berkenaan pelaksanaan program didik hibur dalam membentuk sahsiah murid. Penjelasan mengenai tujuan dan soalan kajian adalah sebagai penunjuk kepada penulisan dapatan yang merungkai sejauh mana program didik hibur di SRAH itu dapat memberi impak positif kepada sahsiah murid. Pengkaji turut menerangkan secara umum mengenai kepentingan kajian dalam membentuk sahsiah murid yang baik dan kepentingan dalam ilmu psikologi pendidikan secara amnya. Kewujudan andaian dan delimitasi dalam penyelidikan ditulis bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerangkan gambaran awal kepada para pembaca atau pengkaji-pengkaji baharu berkenaan senario penyelidikan yang berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Penulisan bab ini bertujuan menunjukkan tinjauan literatur yang telah Pengkaji laksanakan bertujuan untuk melihat perkembangan terkini berkenaan kajian lepas sama ada dalam negara mahupun luar negara. Bagi tinjauan kajian dalam negara, Pengkaji menumpukan kepada pelaksanaan pendekatan didik hibur, penggunaan nyanyian semasa pengajaran, dan implementasi pendidikan hiburan dalam pembentukan tingkah laku. Seterusnya, tinjauan literatur terhadap kajian luar adalah berkaitan gabungan konsep pembelajaran hiburan dan pembinaan perilaku murid. Selain itu, Pengkaji menyediakan penulisan rumusan tinjauan literatur bagi menjelaskan kewujudan jurang dalam fenomena penyelidikan. Pengkaji juga menyampaikan maklumat mengenai latar belakang lokasi kajian dan informasi pelaksanaan program didik hibur yang khusus untuk membentuk sahsiah diri murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Tinjauan Literatur dalam Negara

Tinjauan literatur telah dijalankan bagi meneliti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara berhibur dalam konteks negara Malaysia. Langkah kajian pustaka ini bertujuan memberi penekanan dan implikasi pendekatan didik hibur dalam pembentukan perilaku murid. Hasil analisis ke atas dapatan kajian terdahulu dapat membantu Pengkaji memperoleh gambaran jelas mengenai perkembangan isu, halangan, dan peluang yang ada dalam lingkungan bidang penyelidikan. Pada masa yang sama, Pengkaji dapat mengenal pasti kewujudan jurang-jurang dalam kajian dalam negara sedia ada untuk diberi kegunaan penyelidikan masa hadapan. Pembahagian tinjauan dilakukan kepada tiga skop kata kunci, iaitu pengamalan didik hibur, elemen nyanyian didik hibur, dan pembentukan sahsiah diri murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.1 Pelaksanaan Pendekatan Didik Hibur dalam Pembelajaran

Hari ini, proses pemindahan ilmu kepada murid telah diterapkan dengan pendekatan pendidikan sambil berhibur. Kaedah yang dikenali sebagai didik hibur ini mempunyai kepelbagaian strategi aktiviti menarik seperti unsur nyanyian lagu, penyampaian cerita, pementasan lakonan, dan deklamasi puisi (Fanny *et al*., 2022). Kandungan kegiatan pendidikan yang variasi ini menjadikan sesi pembelajaran bersama murid tampak lebih santai dan memberi perasaan seronok. Hasilnya, pendekatan penyampaian pengetahuan daripada pihak guru akan menjadi lebih mudah dihadam dan difahami oleh murid-murid (Mohd Rosmadi & Hafizhah, 2020; Egwu *et al*., 2023; Kuzmina *et al*., 2023; Nur Adilah, 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Milahwati (2019) telah menjalankan penyelidikan ke atas pelaksanaan strategi didik hibur dalam kemahiran lisan mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil kajian mempamerkan aplikasi pengajaran secara teknik lakonan dalam subjek Bahasa Melayu telah memberi kesan interaksi pembelajaran yang positif. Berdasarkan penulisan penyelidikan, kajian kes kualitatif ini dijalankan ke atas peserta kajian yang terdiri daripada 21 orang murid Tahun Dua. Dapatan pemerhatian terhadap penggunaan aktiviti lakonan menunjukkan usaha guru untuk merangsang pemikiran murid dalam proses pembinaan dan pengembangan kosa kata Bahasa Melayu. Laporan menyatakan murid berinteraksi secara kreatif dengan gaya tersendiri. Mereka belajar menggunakan mimik muka bersesuaian, menghasilkan suara mengikut watak, dan menggerakkan tubuh badan mengikut tema lakonan. Murid-murid juga menunjukkan kesungguhan untuk menghafal skrip lakonan yang disediakan oleh guru. Kesannya, murid dapat memahami kosa kata melalui lakonan watak masing-masing sekaligus membawa kepada peningkatan penguasaan dalam pertuturan Bahasa Melayu.

Begitu juga dengan kajian kes kualitatif oleh Norlela *et al*. (2020) mengenai pengaruh didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Penyelidikan dijalankan bagi meneroka faktor penyebab kesukaran murid sekolah luar bandar untuk menguasai kemahiran membaca. Faktor keupayaan pendekatan didik hibur dilihat meningkatkan kesediaan murid mempelajari kemahiran membaca. Dalam kajian ini, sesi temu bual dijalankan ke atas lima orang murid Tahun 6 yang mendapat keputusan aras lemah dalam Ujian Diagnostik Membaca. Pelbagai punca telah dikenal pasti seperti faktor perasaan rendah diri, tidak terlibat dalam aktiviti pembelajaran bilik darjah, dan kurang motivasi diri. Permasalahan yang timbul telah menyebabkan murid menjadi hilang minat untuk belajar. Justeru itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara didik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hibur dilakukan dengan menggabungkan elemen visual, audio, kinestatik dan taktikal telah berupaya menarik minat murid. Hasil bagi mata pelajaran yang sama telah ditunjukkan melalui penyelidikan kuantitatif oleh Muhamad Fadhil (2022) dan Norhafidah (2023). Implikasi pendekatan pengajaran secara hiburan didapati sememangnya bersesuaian untuk meningkatkan motivasi dan minat murid untuk mempelajari subjek Bahasa Melayu.

Bagi mata pelajaran lain, Rosmadi dan Hafizhah (2020) telah melaksanakan penyelidikan berkenaan kesan minat murid terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran subjek Pendidikan Islam. Kajian kuantitatif ini digerakkan ke atas 102 orang murid Tahun Enam daripada sebuah sekolah kebangsaan di Daerah Seremban. Hasil soal selidik menunjukkan murid-murid sangat berminat terhadap penggunaan didik hibur dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Kiraan nilai skor min keseluruhan adalah tinggi menjadi penunjuk kepada tahap penerimaan murid yang positif dengan pelaksanaan didik hibur. Hasil analisis kajian menunjukkan kesediaan murid juga tinggi kerana peningkatan pemahaman dan penghayatan pengajaran ilmu Pendidikan Islam. Rumusan kajian ini memaparkan kesan suasana pembelajaran yang menarik minat murid telah memudahkan teknik pemindahan ilmu Pendidikan Islam di sekolah tersebut mencapai objektif.

Selain itu, kajian pustaka dijalankan ke atas penulisan penyelidikan oleh Salimi Firdaus (2020) yang membuat perbandingan kaedah pengajaran secara didik hibur dengan teknik penyampaian ilmu secara konvensional. Kajian yang menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen ini dilakukan ke atas 60 orang murid Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah. Perbandingan pendekatan pengajaran didik hibur dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konvensional dibuat bagi melihat respon murid terhadap pembelajaran subjek Ekonomi. Hasil analisis memaparkan perbezaan yang signifikan bagi pencapaian murid dalam mata pelajaran Ekonomi antara kelas kaedah permainan dan kelas teknik konvensional. Dapatan juga menunjukkan hubungan yang positif antara minat murid dan kefahaman murid dalam mempelajari subjek Ekonomi bagi dua jenis pendekatan pengajaran. Laporan kajian ini menunjukkan kaedah pengajaran secara hiburan dalam bentuk permainan dilihat bersesuaian untuk meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid-murid.

Selain mata pelajaran Bahasa Melayu dan Ekonomi, pendekatan didik hibur dilihat dapat memberi kesan kepada pembelajaran subjek Matematik yang dianggap sukar dengan pengiraan numerikal serta aplikasi formula tertentu. Penerapan pembelajaran secara berhibur juga berkemampuan untuk meningkatkan pencapaian dan motivasi murid dalam mata pelajaran Matematik (Mohd Razimi & Sii, 2019; Aina *et al*., 2021). Meskipun demikian, terdapat sedikit ketidaksamaan pendapat terhadap pemilihan elemen-elemen didik hibur yang menepati objektif pengajaran ilmu Matematik. Mohd Razimi dan Sii (2019) berpendapat kehadiran elemen jenaka didik hibur oleh guru akan memotivasikan diri murid bagi mewujudkan proses pembelajaran dua hala yang interaktif dan ceria. Bagi Aina *et al.,* (2021), proses pemindahan ilmu yang berasaskan kaedah permainan didik hibur mempunyai kekuatan tersendiri bagi menarik minat dan memberi motivasi kepada diri murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walau bagaimanapun, penyelidikan kuantitatif yang dijalankan oleh Mohamad Rizwan dan Roslinda (2023) didapati bersesuaian menjelaskan kepentingan elemen didik hibur dalam mata pelajaran Matematik. Kajian yang dibuat telah membuktikan aktiviti permainan didik hibur telah wujud dan banyak digunakan di dalam pembelajaran buku teks Matematik Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Analisis kajian para pengkaji tersebut menunjukkan terdapat 34 jenis aktiviti permainan didik hibur dimasukkan dalam pembelajaran buku teks Matematik KSSR daripada Tahun 1 hingga Tahun 6. Hasil analisis ini menyokong keperluan kaedah permainan didik hibur dalam sesi pemindahan ilmu kepada murid seperti yang dinyatakan oleh Aina *et al*. (2021). Namun begitu, dapatan kajian mereka menunjukkan tiada elemen didik hibur berunsur humor dalam semua buku teks Matematik KSSR yang digunakan. Perolehan dapatan ini adalah tidak selari dengan pendapat Mohd Razimi dan Sii (2019) mengenai kepentingan elemen jenaka didik hibur dalam sesi pembelajaran.

Secara ringkasnya, setiap pengkaji telah mengemukakan rujukan penyelidikan telah menunjukkan penggunaan pendekatan didik hibur yang meluas dalam arena pendidikan khususnya di Malaysia dalam tempoh lima tahun terdekat. Kaedah mendidik sambil berhibur yang diguna pakai telah membantu guru mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Aplikasi pendekatan pendidikan secara hiburan telah mewujudkan suasana pengajaran yang seronok. Hal ini Secara tidak langsung telah dapat menyelesaikan masalah pembelajaran dan pencapaian akademik murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Pelaksanaan Didik Hibur Berasaskan Nyanyian

Pengkaji memberi fokus tinjauan kepada pelaksanaan didik hibur yang menggunakan aktiviti nyanyian bagi menunjukkan perkaitan dengan tujuan utama penyelidikan. Pendekatan pembelajaran melalui hiburan yang digunakan dalam fenomena kajian ini adalah berkonsepkan nyanyian. Pelaksanaan elemen nyanyian secara didik hibur dalam pengajaran mampu memberikan keseronokan dan menarik minat belajar murid-murid (Yi, 2015; Reney, 2016; Siti Aisyah & Musa, 2021). Walaupun aktiviti didik hibur seperti nyanyian digunakan semasa proses pengajaran di bilik darjah, ianya tidak mengabaikan objektif pembelajaran murid yang ingin dicapai oleh guru (Ani, 2018; Gumiandari, 2021).

Nur Aliah (2019) telah menjalankan suatu penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes ke atas kaedah didik hibur yang berasaskan nyanyian dalam pembelajaran subjek Matematik. Kajian dilakukan ke atas 30 orang murid di Sekolah Kebangsaan Taman Sri Rampai dan juga beberapa orang guru. Dapatan daripada sesi temu bual dan pemerhatian menunjukkan cara nyanyian didik hibur adalah sangat berkesan menjadi teknik hafalan kepada murid. Formula Matematik yang dimasukkan sebagai lirik lagu telah berjaya menarik tumpuan perhatian murid untuk menghafalnya. Murid telah dapat mengekalkan maklumat yang diterima daripada aktiviti nyanyian semasa sesi pengajaran subjek Matematik. Hasil temu bual dengan para guru pelaksana pula mengatakan unsur lagu didik hibur yang dipilih mestilah bersifat berulang-ulang, mudah dinyanyikan dan melodinya menarik. Kombinasi ketiga-tiga sifat ini telah membentuk suatu teknik hafalan lagu yang berkesan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian oleh Mohamad Azam dan Kamariah (2020) telah menunjukkan kepentingan muzik dan nyanyian sebagai suatu pendekatan pendidikan yang berkesan terhadap murid prasekolah. Para pengkaji ini melihat keperluan muzik dan nyanyian dalam membantu peningkatan proses perkembangan serta penguasaan kemahiran kanak-kanak di sekolah. Kewujudan unsur muzik dalam pendekatan didik hibur berkeupayaan membantu kanak-kanak mengenal penulisan bacaan iaitu kemahiran literasi. Hal ini dibantu oleh teknik pengulangan muzik dalam sesebuah lagu pembelajaran yang memberikan ruang dan masa kepada kanak-kanak untuk memahami sesuatu ilmu atau kemahiran. Penggunaan muzik dan nyanyian bukan sahaja sebagai alat pedagogi kepada guru, malah mampu mewujudkan komunikasi dua hala sesama guru dan murid. Perihal ini telah mewujudkan suatu suasana pembelajaran yang seronok untuk semua kanak-kanak prasekolah, sekali gus memberikan pengalaman penting dalam penguasaan ilmu dan kemahiran.

Dalam pada itu, kajian kes kualitatif oleh Nazihah (2021) menunjukkan fungsi pendekatan pembelajaran menggunakan lagu kepada murid di peringkat pra persekolahan. Latar kajian ini adalah merangkumi dua buah tadika daripada Marang dan Kuala Terengganu. Pemilihan peserta adalah secara bertujuan ke atas dua orang guru dan lapan orang murid. Kemudian, penggunaan triangulasi metodologi telah menguatkan kualiti data sebagai rujukan penyelidikan. Kajian ini memperlihatkan aplikasi nyanyian lagu dalam proses pengajaran telah menyebabkan peningkatan kosa kata yang dihafal oleh murid. Kesannya, pencapaian murid adalah memberangsangkan dan memuaskan. Hal ini terjadi apabila murid berasa gembira dengan suasana pengajaran sambil menyanyi, maka minat murid untuk belajar juga menjadi lebih tinggi. Kosa kata yang diletakkan pada lirik lagu memberi impak kepada peningkatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran bertutur murid. Proses pengulangan dan latihan bimbingan daripada guru adalah antara faktor penyumbang kepada kemenjadian murid dengan elemen didik hibur.

Seterusnya, tinjauan dilakukan ke atas kajian kuantitatif oleh Mei (2022) mengenai interaksi murid terhadap pembelajaran berhibur yang diselitkan dengan unsur nyanyian. Penyelidikan ini dijalankan ke atas 54 orang murid Tahun Tiga daripada sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina di Gerik, Perak. Pengkaji menggerakkan kajian bagi membuktikan sikap murid dalam pembelajaran yang menggunakan muzik daripada pelbagai aspek. Antara aspek yang dilihat ialah sudut keyakinan diri, kebimbangan kepada muzik, keseronokan dengan muzik, motivasi dalaman diri, dan tanggapan untuk manfaat. Di akhir kajian, dapatan menunjukkan murid-murid sangat menyukai pembelajaran mata pelajaran yang dimasukkan dengan elemen nyanyian. Mereka menyukai dengan suasana interaksi belajar yang gembira dengan nyanyian lagu bagi meningkatkan pemahaman terhadap penyampaian ilmu oleh guru di bilik darjah.

Kesimpulannya, pelaksanaan didik hibur berasaskan muzik dan nyanyian dalam sesi penyampaian ilmu telah berjaya memberikan rangsangan positif kepada murid untuk belajar dan celik akal (Zubaidah, 2017; Ainul Hasanah, 2021; Alwin *et al*., 2023). Ilmu muzik dan nyanyian yang digabungjalinkan dengan sesuatu ilmu lain dilihat sangat membantu pemahaman murid (Dede Rizal *et al*., 2023). Hasil pendekatan nyanyian dan muzik telah meningkatkan motivasi diri murid untuk lebih aktif dalam pembelajaran. Malahan, murid dapat memberi fokus dan menguatkan daya ingatan mengenai setiap ilmu yang ditimba dengan jayanya (Rahma *et al*., 2023).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Pendekatan Didik Hibur dalam Pembentukan Diri Murid

Selain menjadikan aplikasi unsur didik hibur dalam pembelajaran subjek di bilik darjah, kaedah pendidikan secara hiburan juga dapat mempengaruhi proses pembentukan sahsiah murid. Pelaksanaan didik hibur semasa pengajaran secara tidak langsung telah memberikan kesan positif dalam diri setiap murid yang akan membentuk perwatakan diri menjadi lebih baik (Musifa, Siti Nurhidayah & Usman, 2024). Menurut Ani (2018), pelaksanaan biblioterapi kaedah didik hibur telah menimbulkan perkembangan moral murid iaitu perubahan tahap kesedaran terhadap nilai murni kehidupan. Murid berkemampuan membezakan perkara baik dan tidak baik hasil daripada pendedahan ilmu moral kehidupan secara pendekatan didik hibur.

Crisyanti dan Rosadah (2020) telah menjalankan kajian kualitatif untuk memperlihatkan kesan peningkatan sahsiah bagi murid *"Attention Deficit Hyperactivity Disorder"* (ADHD) yang dicapai melalui penerapan nilai-nilai murni menerusi pendekatan nyanyian. Pemilihan sampel adalah tiga orang kanak-kanak yang menghidapi masalah ADHD dikategorikan sebagai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) kerana faktor kurang daya tumpuan, tingkah laku disruptif dan masalah komunikasi. Oleh itu, teknik nyanyian telah digunakan untuk menarik perhatian murid ADHD bagi mengikuti kelas pembelajaran. Penggunaan struktur lagu yang mudah dan berulang telah memudahkan kaedah pengajaran lebih mudah difahami oleh murid ADHD. Berdasarkan sesi temu bual, responden kajian menyatakan maklum balas positif bahawa pembelajaran dalam bilik darjah menjadi lebih menarik dan mudah mengingati setiap ilmu nila-nilai murni. Pelaksanaan pemerhatian menunjukkan intervensi nyanyian yang bersifat didik hibur dilihat bersesuaian dalam pembentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahsiah murid ADHD. Pendekatan ini membantu setiap murid ADHD menjadi lebih fokus dan lebih faham dalam sesi pengajaran. Pada masa yang sama, tingkah laku murid ADHD menjadi lebih terkawal dan tampil dengan keperibadian yang baik.

Selain itu, Siti Rohana (2021) telah menjalankan penyelidikan berkaitan pembangunan modul berasaskan nyanyian kaedah didik hibur bagi menerapkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak prasekolah. Kajian kualitatif ini dilaksanakan bagi membangunkan Modul *My KAPS* yang boleh diguna pakai untuk menolong kanak-kanak dalam kemahiran bersosial dan kemahiran pengurusan emosi. Modul ini menggunakan pendekatan didik hibur berfokuskan aktiviti nyanyian lagu-lagu mudah yang menarik tumpuan murid. Dapatan pemerhatian memaparkan perubahan tingkah laku yang lebih baik bagi kanak-kanak prasekolah terpilih. Semua lagu di dalam modul ini menggunakan bentuk pengajaran mendidik kemahiran sosioemosi. Kanak-kanak responden memberikan respons positif dengan mengamalkan ilmu yang diberikan di luar bilik darjah dan di rumah. Keadaan ini menunjukkan kanak-kanak prasekolah menjadi yakin dan mempunyai kesediaan sosioemosi untuk bersosialisasi dengan aplikasi amalan nilai-nilai murni.

Seterusnya, kesan penerapan aktiviti didik hibur dalam proses pengajaran terhadap pembentukan perilaku murid dapat ditunjukkan oleh hasil penyelidikan Suresh (2022). Kajian kuantitatif ini dijalankan bagi melihat kesan penggunaan pembelajaran secara hiburan menggunakan aplikasi Kahoot untuk mata pelajaran Biologi. Pengkaji ini menggunakan pensampelan bertujuan ke atas 10 orang murid dan pensampelan rawak ke atas 250 orang murid bagi mendapatkan hasil. Hasil kajian menunjukkan berlakunya perubahan suasana pembelajaran subjek Biologi menjadi lebih menarik dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeronokkan. Pendekatan pembelajaran secara bermain ini dilihat sangat efektif sehingga menyumbang kepada perubahan tingkah laku murid yang baik. Antara perubahan positif yang dinyatakan ialah peningkatan daya keyakinan, lebih berdisiplin, fokus kepada penetapan matlamat, dan bersosial dengan baik. Hal ini menunjukkan penggunaan unsur didik hibur dalam pengajaran secara tidak langsung telah membina sahsiah murid menjadi lebih baik.

Ringkasnya, pendekatan didik hibur sememangnya diperakui dapat membantu usaha menarik minat dan tumpuan kanak-kanak dalam mempelajari sesuatu (Nurul An-Nisa & Tono, 2020). Setiap kaedah atau aktiviti didik hibur yang digunakan boleh diolah dan berperanan dalam pembentukan diri generasi muda untuk masa hadapan. Hari ini, kita memerlukan lebih banyak lagi program ataupun modul yang mendidik akhlak generasi muda sambil berhibur. Hasil kajian yang ditunjukkan memerlukan usaha yang berterusan untuk menerapkan proses pendidikan sahsiah diri dalam setiap lapisan umur generasi pelajar.

2.3 Kajian Luar Pelaksanaan Program Pendidikan Sahsiah Murid

Dalam mengharungi zaman keterbukaan akses kepada maklumat, kajian dari luar negara adalah mudah diperolehi tanpa perlu bergerak jauh. Penyelidikan luar negara berfungsi memberikan sudut pandang lebih luas serta mendalam terhadap isu yang menjadi penumpuan kajian. Kajian-kajian oleh penyelidik dari negara berlainan bukan sahaja menawarkan perbezaan perspektif, malahan turut menyediakan data empirikal yang mungkin tidak mendapat pengkhususan pada kajian tempatan. Bagi keperluan penyelidikan ini, tinjauan pustaka terhadap kajian luar negara dijalankan bagi melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelaksanaan program pendidikan sambil berhibur yang membawa kepada pembentukan diri murid. Perbezaan budaya dan cara hidup sesuatu masyarakat di sesuatu tempat akan menzahirkan kepelbagaian sudut pandang terhadap kaedah pendidikan yang membentuk akhlak golongan pelajar.

Pattanaphanchai (2019) telah menjalankan kajian ke atas 69 orang pelajar Tahun Dua, Fakulti Sains, Universiti Prince of Songkla, Thailand mengenai aplikasi pendekatan medium *flipped classroom* dalam meningkatkan pemahaman pembelajaran. Pengkaji ini telah menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada para pelajar tersebut. Dapatan maklum balas kajian menunjukkan para pelajar sangat positif dengan kaedah pembelajaran yang lebih moden dan seiring dengan zaman. Kepelbagaian aktiviti merangkumi sebelum, semasa dan selepas yang dilaksanakan melalui penggunaan *flipped classroom* telah mewujudkan suasana pembelajaran menyeronokkan dan menarik minat para pelajar. Keadaan ini telah menggalakkan peningkatan motivasi pelajar untuk bersemangat memahami pelajaran yang diberikan oleh pensyarah mereka. Keputusan ujian yang dijalankan semasa sesi *flipped classroom* menunjukkan peningkatan markah hasil daripada motivasi keseronokan belajar yang ditunjukkan oleh para pelajar tersebut.

Selain itu, Kalogiannakis, Papadakis dan Zourmpakis (2021) menjalankan kajian kualitatif mengenai penggunaan kaedah gamifikasi dalam pendidikan mata pelajaran Sains. Penggunaan gamifikasi dalam pembelajaran adalah dengan memasukkan unsur permainan atau pemikiran strategi permainan ke dalam sesi pengajaran sesuatu jenis subjek. Pelaksanaan pemerhatian menunjukkan usaha guru memasukkan elemen gamifikasi seperti penggunaan papan permainan, kolaborasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tugasan, dan teknologi animasi telah menarik perhatian murid sekolah. Pendekatan gamifikasi mampu menghasilkan sesi pembelajaran yang lebih seronok dan bermanfaat (Aman Jain, 2019: Kalogiannakis, Papadakis & Zourmpakis, 2021). Kaedah ini dilihat dapat membina jati diri setiap murid yang terlibat yang membawa kepada pembentukan perwatakan yang baik. Dapatan kajian memberi gambaran maklum balas positif apabila murid mampu mencapai objektif pengajaran mata pelajaran, membina motivasi perwatakan diri dan berlakunya interaksi sosial sesama murid.

Seterusnya, Tisza (2022) telah melaksanakan sebuah penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian campuran (*mixed method*) bagi melihat peranan dan kewujudan pendekatan pembelajaran secara berhibur dalam proses pemindahan ilmu kepada murid. Kajian ini menumpukan kepada penggunaan elemen hiburan dalam sesi pembelajaran yang khusus dalam subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Kajian lapangan dijalankan menggunakan pensampelan secara rawak menerusi soal selidik ke atas murid-murid yang berumur lapan hingga enam belas tahun. Hasil kajian telah menyediakan kepelbagaian jawapan yang memberi gambaran bahawa murid-murid sangat menyukai penerapan nilai-nilai murid dalam sesi pengajaran. Penggunaan teknologi dalam sesi penyampaian ilmu diklasifikasikan sebagai salah satu elemen yang menghadirkan rasa gembira dan keselesaan kepada peserta kajian. Aplikasi kecanggihan teknologi sebagai medium pengajaran telah menyediakan kepelbagaian bentuk permainan berbentuk gamifikasi telah mewujudkan iklim pembelajaran seronok. Hal ini telah membantu murid-murid membuat perkaitan dan pemahaman secara langsung kepada ilmu pengetahuan bidang STEM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, dapatan kajian luar menunjukkan kesan positif yang diperolehi daripada pelaksanaan pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Hal ini memberikan impak positif yang sama seperti pendekatan didik hibur dalam pengajaran. Pengkaji mendapati pelaksanaan pendidikan secara hiburan sememangnya menjadi amalan di kebanyakan negara bagi menarik minat murid untuk belajar dan berinteraksi. Elemen didik hibur dalam pembelajaran di luar negara adalah lebih banyak memanfaatkan kecanggihan teknologi semasa bagi menyediakan generasi murid yang seiring dengan kehendak zaman terkini.

2.4 Jurang Penyelidikan

Pendekatan elemen didik hibur dalam sesi pengajaran dan pembelajaran telah memberi kesan positif kepada tahap pencapaian akademik, malahan juga berkeupayaan membina sahsiah diri yang baik. Walau bagaimanapun, penyelidikan yang telah terlaksana menunjukkan suatu jurang mengenai keberkesanan pendekatan didik hibur dalam pembentukan perilaku murid. Penelitian yang dibuat sehingga kini mempamerkan kurangnya perhatian diberikan kepada aspek pembangunan tingkah laku. Kebanyakan kajian dalam mahupun luar negara berfokuskan kepada pertumbuhan aspek kognitif dan perolehan prestasi akademik. Sehubungan itu, Pengkaji telah membuat rumusan sorotan literatur terhadap kajian-kajian sedia ada melalui Jadual 2.1 di sebelah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Kajian-kajian Pelaksanaan Didik Hibur

Pengkaji	Pendekatan Metodologi	Reka Bentuk Kajian	Elemen Didik Hibur	Fokus Pelaksanaan Didik Hibur
Suraini, Hasrina & Bahiyah (2014)	Kuantitatif	Eksperimen	Lakonan dan Dokumentari	Pembentukan Sahsiah
Abdul Rasid, Nurul Nadiah & Shamsudin (2016)	Kuantitatif	Kaedah Tinjauan	Multimedia dan Lakonan	Pencapaian Akademik
Reney (2016)	Kuantitatif	Kajian Tindakan	Muzik dan Nyanyian	Pencapaian Akademik
Ani (2018)	Kualitatif	Kajian Kes	Bercerita dan Lakonan	Pembentukan Sahsiah dan Pencapaian Akademik
Milahwati (2019)	Kuantitatif	Eksperimen	Lakonan	Pencapaian Akademik
Nur Aliah (2019)	Kualitatif	Kajian Kes	Muzik dan Nyanyian	Pencapaian Akademik
Mohd Razimi & Sii (2019)	Kuantitatif	Soal Selidik	Humor dan Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Pattanaphanchai (2019)	Kuantitatif	Soal Selidik	Teknologi Interaktif	Pencapaian Akademik
Norlela (2020)	Kualitatif	Kajian Kes	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Salimi Firdaus (2020)	Kuantitatif	Eksperimen-Kuasi	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Rosmadi & Hafizshah (2020)	Kuantitatif	Soal Selidik	Visual dan Grafik	Pencapaian Akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji	Pendekatan Metodologi	Reka Bentuk Kajian	Elemen Didik Hibur	Fokus Pelaksanaan Didik Hibur
Mohamad Azam & Kamariah (2020)	Kualitatif	Kajian Kes	Muzik dan Nyanyian	Pencapaian Akademik
Kangugu (2020)	Kuantitatif	Eksperimen-Kuasi	Teknologi Interaktif	Pencapaian Akademik
Crisyanti & Rosadah (2020)	Kualitatif	Kajian Tindakan	Muzik dan Nyanyian	Pembentukan Sahsiah
Nur Aina et al. (2021)	Kuantitatif	Soal Selidik	Humor dan Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Shanizan Herman (2021)	Kuantitatif	Eksperimen-Kuasi	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Nazihah (2021)	Kualitatif	Kajian Kes	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Logenthini (2021)	Kuantitatif dan Kualitatif	Kaedah Campuran (*Mixed Method*)	Teknologi Interaktif	Pencapaian Akademik
Mohd Faisal (2021)	Kualitatif	Fenemenologi	Projek Kolaboratif	Pencapaian Akademik
Siti Rohana (2021)	Kualitatif	Kajian Kes	Muzik dan Nyanyian	Pembentukan Sahsiah
Kogilathah (2021)	Kuantitatif	Eksperimen-Kuasi	Gamifikasi dan Teknologi Interaktif	Pembentukan Sahsiah
Mohammad Taufiq (2021)	Kuatitatif	Eksperimen-Kuasi	Gamifikasi dan Teknologi Interaktif	Pembentukan Sahsiah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji	Pendekatan Metodologi	Reka Bentuk Kajian	Elemen Didik Hibur	Fokus Pelaksanaan Didik Hibur
Kalogiannakis, Papadakis & Zourmpakis (2021)	Kualitatif	Kajian Kes	Gamifikasi	Pencapaian Akademik Dan Pembentukan Sahsiah
Hemanathan (2022)	Kuantitatif	Soal Selidik	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Suresh (2022)	Kualitatif Dan Kuantitatif	*Embedded*	Gamifikasi dan Teknologi Interaktif	Pencapaian Akademik
Mei (2022)	Kuantitatif	Soal Selidik	Muzik dan Nyanyian	Pencapaian Akademik
Tisza (2022)	Kuantitatif dan Kualitatif	Kajian Campuran (*Mixed Method*)	Gamifikasi, dan Teknologi Interaktif	Pencapaian Akademik
Rizwan & Roslinda (2023)	Kuantitatif	Kaedah Tinjauan	Gamifikasi, Nyanyian, Visual, dan Interaksi Kembara	Pencapaian Akademik
Nur Khalilah (2023)	Kuantitatif	Eksperimen-Kuasi	Gamifikasi	Pencapaian Akademik
Norhafidah (2023)	Kualitatif	Kajian Kes	Gamifikasi	Pencapaian Akademik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 2.1, Pengkaji telah membuat rumusan maklumat ke atas 30 buah penyelidikan dari dalam dan luar negara. Pengkaji mengambil kajian-kajian sedia yang telah dijalankan dalam tempoh masa 10 tahun bermula tahun 2014 sehingga kini. Hasilnya dapat dilihat bahawa kajian-kajian terdahulu lebih memfokuskan keberkesanan pendekatan didik hibur dalam prestasi pembelajaran akademik. Berdasarkan usaha Pengkaji mengakses hasil penyelidikan berkenaan amalan didik hibur, fokus pelaksanaan adalah kurang diberikan kepada manfaat pembelajaran berhibur kepada pembangunan sahsiah diri murid. Hasil analisis terhadap penyelidikan sedia ada mendapati elemen didik hibur yang digunakan adalah lebih kepada bentuk gamifikasi dan teknologi interaktif. Secara keseluruhan, penggunaan unsur didik hibur dalam proses pengajaran kebanyakannya bermatlamatkan keupayaan pencapaian akademik murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, kedua-dua isu yang diperoleh telah mewujudkan jurang penyelidikan yang menjadi limitasi dan kekurangan dalam kajian-kajian sebelum. Setelah Pengkaji memahami situasi yang berlaku, langkah penyelidikan bersesuaian adalah perlu bagi memenuhi jurang kajian tersebut. Pengkaji telah mengambil langkah untuk meneroka pelaksanaan program didik hibur berasaskan nyanyian lagu-lagu nasihat sebagai medium pembinaan sahsiah diri murid, khususnya di SRAH. Pengkaji yang bertindak selaku penyelidik kualitatif adalah bertanggungjawab untuk merungkai pemahaman terhadap pelaksanaan program Didik Hibur ke arah tujuan pembentukan sahsiah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Latar Belakang Sekolah Rendah Al-Hidayah

Bermula tahun 1985, sekelompok individu yang berminat dengan dunia pendidikan telah bergerak menubuhkan sekolah rendah Islam di kawasan tempat tinggal seluruh Malaysia. Mereka berusaha mewujudkan model pendidikan eksklusif bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak hingga ke peringkat yang tertinggi berteraskan ajaran agama Islam. Kumpulan individu berkenaan berdiri sebagai sebuah organisasi yang mempunyai visi dan misi dalam menyebarkan ajaran Islam di bawah naungan Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM, 2022).

Pada sekitar tahun 1988, sekumpulan akademia di kawasan Ipoh, Perak telah membincangkan idea penubuhan sebuah institusi yang berteraskan pendidikan Islam bagi menyahut seruan Pertubuhan IKRAM Malaysia. Para pendidik ini merupakan tenaga pengajar dari Universiti Sains Malaysia cawangan negeri Perak, Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan sekolah-sekolah kerajaan. Kelompok pengajar itu berpendapat bahawa pembelajaran bidang agama pada masa itu adalah terpisah daripada pendidikan akademik. Ironinya, mereka mahukan generasi muda terutamanya anak-anak mereka mendapat pembelajaran yang seimbang bagi kedua-dua aliran ilmu. Justeru, mereka mencadangkan supaya sebuah Sekolah Rendah Bersepadu ditubuhkan bagi menggabungkan dua disiplin ilmu tersebut (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022).

Rentetan itu, usaha bagi merealisasikan penubuhan SRAH bermula pada tahun 1989. Suatu jawatankuasa Lembaga Pendidikan Al-Hidayah telah ditubuhkan untuk membuat perancangan dan menguruskan kawal selia perjalanan penubuhan sekolah tersebut. Apabila SRAH dibina pada tahun yang sama, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam, Perak (JAIPk) telah memberikan pengiktirafan dan kelulusan pada 14

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

September 1989. melalui surat Bil (4) dalam JAPK/SUR/12/89. Setelah itu, pihak JAIPk telah meluluskan satu enakmen baharu bagi pendidikan agama pada tahun 1997. SRAH telah diminta untuk mendapatkan semula kelulusan pendaftaran baharu daripada pihak JAIPk iaitu JAIPk/SRAR/IP.15/97 (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022).

Selain dinaungi oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia, kewujudan SRAH mempunyai hubung kait dengan Pertubuhan Majlis Guru Besar Sekolah-sekolah Islam Malaysia (MGBSIM) dan organisasi IKRAM Musleh. Pihak IKRAM Musleh telah membawa suatu visi yang jelas untuk menjadi sebuah badan pendidikan berwibawa. Kejelasan visi ini telah menjadi pengaruh positif dan menarik perhatian pihak SRAH untuk berafiliasi bersama. Secara tidak langsung, gabungan ini dapat menyelaraskan sistem pengoperasian antara sekolah-sekolah rangkaian yang sealiran di seluruh Malaysia (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022).

Dari sudut kurikulum, sistem perkhidmatan pendidikan di SRAH adalah dilaksanakan mengikut Akta Pendidikan Kebangsaan 1995. Jawatankuasa Lembaga Pengarah Pendidikan AL-Hidayah (LPPH) yang dilantik telah diberi mandat untuk mengawal selia penggunaan sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru itu, sistem Pendidikan Islam yang sedia ada di SRAH merupakan padanan penetapan sukatan pembelajaran daripada tiga pihak, iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), JAIPk dan IKRAM Musleh (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Saban waktu, tampuk kepemimpinan sekolah telah mengharungi pelbagai perubahan dari segenap aspek. Malah, pencapaian kecemerlangan murid yang dilahirkan dalam pelbagai bidang sama ada kurikulum mahupun kokurikulum telah meletakkan SRAH dalam kelas yang tersendiri. Tambahan lagi, penganugerahan SRAH selaku Sekolah UPSR Terbaik kategori Sekolah Agama Rakyat Sepenuh Masa peringkat Negeri Perak telah memberikan kesan. Pencapaian anugerah selama empat tahun berturut-turut bermula tahun 2013 hingga 2016 telah melonjakkan reputasi SRAH sebagai sekolah rendah agama pilihan. Keadaan ini dilihat bertepatan dengan pegangan visi sekolah, iaitu ingin [m]enjadi sebuah sekolah agama pilihan utama dalam melahirkan generasi uswah hasanah bagi daerah Kinta menjelang tahun 2025 (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Falsafah Pendidikan Islam Pendidikan IKRAM Musleh

> Pendidikan adalah suatu proses yang berteraskan tauhid bagi membina insan Rabbani di dalam sistem yang holistik, bersepadu, seimbang dan dinamik berpandukan Al-Quran dan Al-Sunnah. Usaha ini adalah bagi membentuk individu yang berkemampuan membangunkan kehidupan diri, keluarga, masyarakat dan negara ke arah satu peradaban yang sejahtera demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022, p.11)

2.5.2 Falsafah Pendidikan Al-Hidayah

> Proses pendidikan yang berteraskan Tauhid bagi membina dan melahirkan insan Rabbani yang berilmu dan berakhlak mulia serta berkemampuan untuk membentuk kehidupan diri, masyarakat, negara dan dunia sebagai yang dituntut oleh Al-Quran dan As-Sunnah melalui sistem pendidikan yang seimbang, bersepadu, menyeluruh dan berterusan. (Sekolah Rendah Al-Hidayah, 2022, p.11)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.3 Visi, Misi, Moto dan Piagam Sekolah

Maklumat berkenaan visi, misi, moto, dan piagam sekolah yang dibina oleh SRAH seperti yang tercatat dalam Buku Pengurusan SRAH Sesi 2022/2023 ditunjukkan pada Jadual 2.2 di bahagian bawah:

Jadual 2.2

Visi, Misi, Moto, dan Piagam Sekolah

Perkara	Kandungan
Visi Sekolah	Menjadi sekolah agama pilihan utama yang mampu melahirkan generasi uswah hasanah daerah Kinta menjelang 2025.
Misi Sekolah	1. Melahirkan generasi yang cintakan dan celik Al-Quran. 2. Melahirkan generasi yang mencintai ilmu, keperibadian unggul, dan berketrampilan tinggi. 3. Mewujudkan persekitaran dan pendidikan yang kondusif serta kontemporari.
Moto Sekolah	Bersama membentuk dan memantapkan generasi uswah hasanah.
Piagam Sekolah	1. Memberi asas kefahaman Islam. 2. Membimbing dan membangun potensi diri dari sudut ilmu, kemahiran, akhlak, dan amal. 3. Pencapaian cemerlang dalam akademik dan kokurikulum. 4. Menyantuni dan bekerjasama dengan ibu bapak dan pihak berkepentingan lain. 5. Mewujudkan biah solehah dan keceriaan sekolah.

Berdasarkan informasi daripada Jadual 2.2, setiap perkara yang dinyatakan menunjukkan kesungguhan pihak SRAH dalam menyediakan platform pendidikan kepada masyarakat setempat. Keempat-empat elemen tersebut memberikan gambaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jelas mengenai penghayatan bersama warga SRAH untuk menjadi institusi pendidikan berdaya saing bagi melahirkan generasi pemimpin masa hadapan. Malahan, pelaksanaan program Didik Hibur juga merupakan salah satu cabang usaha pihak sekolah dalam mencapai hasrat pada penetapan visi dan misi.

2.5.4 Bilangan Tenaga Pengajar, Kakitangan dan Murid

SRAH yang berstatus Sekolah Rendah Agama (SRAR) Sepenuh Masa beroperasi dengan sejumlah tenaga pengajar berkelayakan, kakitangan berkemahiran, dan ambilan murid terpilih. Jadual 2.3 di sebelah memaparkan bilangan tenaga pengajar, staf sokongan, dan murid secara keseluruhan berdasarkan tahun 2023 :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.3

Bilangan Tenaga Pengajar, Kakitangan, dan Murid di SRAH

Jenis	Lelaki	Wanita	Bilangan Keseluruhan
Tenaga Pengajar	11 orang	47 orang	58 orang
Staf Sokongan	-	2 orang	2 orang
Murid	416 orang	365 orang	781 orang

n=841 orang

Berdasarkan rekod daripada Jadual 2.3, jumlah tenaga pengajar seramai 58 orang yang disediakan untuk perkhidmatan pendidikan adalah mencukupi bagi menampung bilangan 781 orang murid di SRAH. Rekod ini secara tidak langsung memberikan gambaran jelas keupayaan dan kemampuan sekolah bergerak sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

institusi pendidikan pada skala yang terbaik. Dalam pada itu, perolehan maklumat ini sangat berguna untuk Pengkaji memilih peserta kajian yang boleh membantu dalam proses penyelidikan. Pengkaji dapat memastikan keseluruhan warga yang berada di SRAH ini berkemampuan menyediakan maklumat berkenaan pengalaman dan sudut pandang mengenai pelaksanaan program Didik Hibur.

2.6 Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Didik Hibur di SRAH

Terdapat empat unit yang dikendalikan di bawah pengurusan pentadbiran Guru Besar SRAH. Empat orang Guru Penolong Kanan bertanggungjawab memegang setiap portfolio berkenaan iaitu, Unit Kurikulum, Unit Hal Ehwal Murid, Unit Kokurikulum dan Unit Tarbiyyah. Keempat-empat bahagian ini mempunyai fungsi keterlibatan dalam pelaksanaan pendekatan pembelajaran sambil berhibur yang bergerak di bawah program Didik Hibur. Setiap unit pentadbiran ini bekerjasama dalam memastikan kelangsungan program didik hibur mencapai objektif pembentukan sahsiah murid.

Secara dasarnya, Pengkaji berkeinginan melihat pelaksanaan empat buah lagu yang menjadi keutamaan pelaksanaan di bawah program didik hibur di SRAH. Pengkaji berminat untuk memahami pelaksanaan empat buah lagu tersebut iaitu, Lagu Niat Kita, Lagu Buat Apa Yang Allah Suka, Lagu Langkah Ibadah, dan Lagu S.O.P. Guru Masuk Kelas. Rajah 2.1 di muka surat sebelah menunjukkan empat buah lagu nasihat di dalam program Didik Hibur SRAH yang menjadi tumpuan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 2.1

Lagu-lagu Nasihat dalam Program Didik Hibur di SRAH



Berdasarkan Rajah 2.1, terdapat empat buah lagu didik hibur ini dicipta dengan berunsurkan nasihat dan teguran yang bertujuan untuk mewujudkan suasana persekitaran positif kepada murid di SRAH. Murid-murid diberikan kebiasaan untuk menyanyikan lagu-lagu didik hibur ini setiap waktu pagi sebagai peringatan sebelum memulakan sesi pembelajaran di bilik darjah. Keadaan ini menjadikan pendekatan program didik hibur di SRAH sebagai suatu proses yang membina sahsiah murid secara khusus dan mendapat keutamaan seiring dengan pencapaian akademik.

2.7 Penutup

Secara keseluruhan, pelbagai kajian berkaitan pelaksanaan pendekatan didik hibur telah dijalankan oleh para pengkaji sebelum ini. Dapatan daripada kajian lepas dalam negara menunjukkan persekitaran positif yang diwujudkan di sekolah telah menggalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada pemahaman murid semasa sesi pengajaran akademik. Peranan guru pula dilihat penting sebagai pemudah cara kepada pelaksanaan kepelbagaian aktiviti didik hibur bagi menarik minat belajar murid. Keadaan ini secara tidak langsung telah membangunkan nilai positif dalam diri setiap murid. Nilai positif ini dilihat mampu membawa perubahan kepada murid untuk menunjukkan tingkah laku yang baik.

Setelah itu, dapatan kajian luar negara pula menunjukkan pendekatan pembelajaran yang sama seperti pelaksanaan aktiviti didik hibur. Setiap kaedah pengajaran seperti pendekatan *flipped classroom* mempunyai matlamat ke arah mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Persekitaran pembelajaran positif ini terhasil daripada faktor motivasi belajar murid yang diperoleh semasa menjalani aktiviti pengajaran berunsur hiburan dan santai. Kesannya, murid dapat membentuk peribadi yang baik bagi mewujudkan suasana belajar menyeronokkan.

Kesimpulannya, pendekatan belajar sambil berhibur berkemampuan menghasilkan potensi kepada pembinaan sahsiah murid yang baik walaupun tidak diberikan penekanan khusus. Pelaksanaan program didik hibur di SRAH dilihat mewujudkan suasana positif ke arah pembentukan sahsiah murid. Hal ini menunjukkan jurang yang memerlukan kajian khusus bagi melihat sejauh mana pelaksanaan program didik hibur di SRAH memberi kesan kepada pembentukan sahsiah baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab 3 memberi penjelasan mengenai pendekatan, reka bentuk, dan teknik yang menjadi panduan pelaksanaan kajian. Penulisan ini memfokuskan kewajaran pemilihan kaedah kajian kes intrinsik yang bersesuaian dengan matlamat penyelidikan Pengkaji. Bab ini turut membincangkan rangkuman pemilihan peserta, cara pengumpulan, dan analisis data, pertimbangan etika, serta kriteria penilaian sebagai metodologi dalam gerak kerja penyelidikan. Konklusinya, penulisan Bab 3 ini membolehkan Pengkaji merungkai tatacara bersesuaian supaya dapat digunakan untuk mencapai perolehan dapatan kajian yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Pendekatan Kajian

> Qualitative researchers are interested in understanding how people interpret their experiences, how they construct their worlds, and what meaning they attribute to their experiences. (Merriam, 2009:5; Merriam & Tisdell, 2015, m.s.6)

Kenyataan Merriam (2009) serta Merriam dan Tisdell (2015) di atas menjadi asas kepada Pengkaji untuk memilih pendekatan yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini. Sebagai graduan dalam jurusan ekonomi, Pengkaji berpendapat manusia dilahirkan dengan matlamat hidup. Manusia mampu melakukan pelbagai perubahan bagi memperoleh keperluan dan kehendak yang tidak terbatas sebagai tujuan dalam menjalani kehidupan. Lantaran itu, kemampuan manusia berinteraksi dalam proses kehidupan ini merupakan suatu keistimewaan untuk dikaji. Bagi mengungkap keunikan interaksi ini, Pengkaji mengambil langkah untuk mendekati dan memahami manusia secara mendalam khususnya, peserta kajian dalam latar fenomena yang sebenar. Justeru itu, memandangkan tujuan penyelidikan ini adalah untuk memahami tindak balas kelakuan manusia, maka pendekatan kualitatif merupakan pilihan yang terbaik (Silverman, 2017; Marzni & Marni, 2021).

Menurut Denzin dan Lincoln (2011), penyelidikan kualitatif menyediakan pendekatan terhadap perolehan maklumat, penggunaan proses, dan pembinaan makna yang tidak diukur melalui proses eksperimen. Sehubungan itu, Pengkaji memilih pendekatan kualitatif kerana metode ini digerakkan dalam ruang suasana sebenar (Creswell, 2013; Othman, 2017). Penyelidikan dalam situasi sebenar memerlukan tanggungjawab Pengkaji untuk berada dalam tugasan di lapangan. Bagi tujuan itu, Pengkaji mempunyai peranan dalam menjalankan aktiviti pemerhatian untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan maklumat. Menerusi pemerhatian, Pengkaji bertindak untuk merekod setiap interaksi dan tingkah laku manusia yang berada dalam lingkungan kawasan kajian. Oleh itu, Pengkaji berkeupayaan mendapatkan gambaran kejadian sebenar yang menjamin kesahan setiap perolehan data untuk tujuan pelaporan penyelidikan.

Dari sudut yang sama, pendekatan kualitatif membantu Pengkaji menjalankan proses temu bual mendalam terhadap manusia yang saling berhubungan dalam ruang latar penyelidikan. Melalui sesi temu bual bersemuka, Pengkaji dapat memperoleh gambaran keadaan sebenar mengenai perasaan, fikiran, serta sudut perspektif secara langsung daripada individu di lokasi kajian. Langkah ini membantu Pengkaji untuk meneroka realiti suasana melalui kaca mata mereka yang berada dalam lingkungan fenomena berkenaan (Travers, 2001; Nor Junainah, 2019). Oleh itu, Pengkaji dapat menyediakan keaslian interpretasi makna terhasil daripada pengalaman manusia seperti mana yang dinyatakan oleh Seidman (2006) dan Nor Junainah (2019). Ringkasnya, penceritaan pengalaman yang diperoleh daripada individu peserta akan menyumbangkan kepelbagaian dapatan berharga bersumberkan latar sebenar.

Seterusnya, justifikasi pemilihan pendekatan kualitatif ini adalah disebabkan oleh faktor peranan penting Pengkaji dalam melaksanakan kajian itu sendiri. Menurut Merriam (2009), Merriam dan Tisdell (2015) serta Othman (2017), penyelidik merupakan instrumen utama dalam perjalanan kajian yang merangkumi proses pengumpulan dan analisis data. Hal ini kerana Pengkaji menggalas tanggungjawab untuk mendapatkan data secara langsung menerusi sesi temu bual, proses pemerhatian, dan langkah analisis dokumen. Kemampuan Pengkaji sebagai instrumen penyelidikan diperlihatkan dengan kebolehan berinteraksi secara temu bual bersama dengan peserta,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran merekod kelakuan manusia di lapangan, dan keupayaan meneliti kandungan dokumen. Dalam pada itu, langkah pengumpulan dan analisis hasil dapatan tersebut menuntut Pengkaji agar bersifat responsif dan adaptif bagi tujuan pemahaman kajian. Malah, Othman (2017) dan Waruwu (2024) menegaskan bahawa penyelidik bukan sahaja mengumpul data tetapi perlu memilih tafsiran makna yang tepat daripada perolehan dapatan ke dalam bentuk perkataan.

Selain itu, tujuan pemilihan pendekatan secara kualitatif adalah kerana faktor data kajian yang naratif dan bersifat deskriptif. Berdasarkan penulisan oleh Saldana (2011) dan Othman (2017), hasil kajian kualitatif adalah berbentuk naratif yang panjang. Hal ini demikian kerana pelaporan dapatan penyelidikan kualitatif adalah dalam bentuk olahan perkataan yang terperinci untuk membolehkan penceritaan dihasilkan secara lebih jelas dan mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa yang sama, perolehan kajian kualitatif berperanan memberi tumpuan pemahaman dan penjelasan ke atas sesuatu kejadian yang dikaji (Siti Uzairiah, 2017; Frey, 2018). Justeru itu, laporan penyelidikan yang lengkap dan menarik akan terhasil apabila pengkaji mentafsir kajian mengikut sudut pandangan peribadi (Stake, 2010; Marzni & Marni, 2024), membina olahan ayat atraktif, serta menggunakan lenggok bahasa bersesuaian (Stake & Munson, 2008). Hasilnya, pendekatan kualitatif membolehkan pengetahuan mendalam kepada para pembaca mengenai fenomena kajian yang diterokai (Travers, 2001; Frey, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, Pengkaji dapat menghasilkan pelaporan kajian yang lengkap sebagai bahan bacaan rujukan kepada pembaca. Pengkaji juga berkeupayaan memberi makna terperinci terhadap dapatan kajian yang dipungut daripada peserta dan data di lapangan kajian. Kesimpulannya, penggunaan pendekatan kualitatif adalah bertepatan dalam menyediakan pemahaman menyeluruh terhadap kandungan makna dapatan dan membolehkan eksplorasi isi-isu tertentu yang tidak dapat dinilai secara kuantitatif.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji bersetuju untuk menggunakan metodologi kajian kes sebagai reka bentuk dalam penyelidikan ini. Stake (1995) menerangkan kajian kes sebagai satu penyelidikan ke atas "...*a complex and specific incident...*" bagi tujuan pemahaman perkara dalam lingkungan fenomena berkenaan. Menurut Yin (2003) serta Hancock dan Algozzine (2006), reka bentuk kajian kes akan dapat memberikan pandangan yang menyeluruh untuk menerangkan fenomena kontemporari seperti sebuah program, acara, proses atau institusi. Tambahan pula, Brubaker (2004) dan Silverman (2017) menegaskan bahawa pelaksanaan kaedah kualitatif adalah lebih bersesuaian mencapai objektifnya menerusi pendekatan kajian kes. Oleh itu, Pengkaji bersetuju dengan ideologi yang menyatakan strategi reka bentuk kajian kes menepati kehendak penyelidikan ini.

Di samping itu, Pengkaji secara spesifiknya menggunakan pendekatan kajian kes seperti yang diperkenalkan oleh Stake (1995, 2006). Menurut Stake (1995), kajian kes dijalankan apabila seseorang pengkaji berminat dengan penyelidikan khusus ke atas sesuatu kejadian yang berlaku. Dalam konteks yang sama, penyelidikan kes memfokuskan kepada lebih daripada suatu kejadian atau kes (Stake, 1995; Creswell &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Poth, 2018), seperti penilaian yang dijalankan ke atas sebuah program (Stake, 1995; Merriam, 2009; Creswell & Poth, 2018). Dalam perkataan lain, pendekatan sebegini digunakan untuk memahami secara mendalam ke atas sesuatu situasi atau kejadian, seterusnya akan diperihalkan dengan terperinci (Creswell, 2013; Raether, 2022; Manion, 2022).

Selain itu, reka bentuk kajian kes oleh Stake (1995) mementingkan triangulasi bagi menunjukkan kesahan perolehan maklumat yang menerangkan makna dan ketepatan penulisan dapatan data. Konsep triangulasi boleh diterjemahkan sebagai suatu langkah penggabungan lebih daripada satu teknik pengumpulan maklumat bagi meningkatkan kesahan dapatan data (Patton, 1999). Stake (1995) dan Patton (1999) menjelaskan protokol triangulasi dapatan kajian ini boleh dicapai menerusi empat kaedah iaitu triangulasi sumber data, triangulasi pengkaji, triangulasi metodologi, dan triangulasi teori. Kepentingan triangulasi dapatan data ini dilihat apabila setiap perolehan maklumat semasa kajian saling menyokong dan membuktikan antara satu sama lain. Perolehan triangulasi hasil kajian ini menjadi indikator tahap kualiti dan kesahan data untuk diguna pakai dalam perincian pelaporan yang memberi ketepatan makna.

Sehubungan itu, Pengkaji berkeupayaan untuk menggunakan triangulasi sumber data, iaitu mendapatkan data temu bual daripada tiga sumber dapatan kajian. Peserta kajian yang terdiri daripada pihak pentadbir, guru pelaksana dan murid akan ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang menepati dan tidak bercanggah antara satu sama lain. Setelah itu, Pengkaji berkemampuan untuk mencapai triangulasi metodologi atas penggunaan tiga jenis pendekatan dalam kajian. Pengkaji telah memanfaatkan kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perolehan dapatan, iaitu sesi temu bual, langkah pemerhatian, dan proses analisis dokumen. Kesimpulannya, pemilihan reka bentuk kajian kes menyediakan hasil kajian yang bertepatan mencapai objektif dan soalan penyelidikan.

3.4 Peserta Kajian

Menurut Md. Asadul dan Faraj Mazyed (2022), pensampelan merupakan prosedur pemilihan peserta yang boleh ditemu bual atau diperhatikan bagi tujuan pengumpulan maklumat kepada penyelidikan. Pemilihan individu sebagai peserta dalam penyelidikan kualitatif memerlukan pemahaman yang jelas mengenai tujuan dan soalan kajian. Oleh itu, Pengkaji bertanggungjawab untuk memastikan setiap peserta kajian yang dipilih adalah menepati kehendak ciri atau kriteria terhadap keperluan pemahaman penyelidikan. Antara ketetapan ciri sebagai peserta kajian adalah individu yang berkebolehan untuk menceritakan pengalaman dan pendapat secara reflektif (Bernard, 2017; Waruwu, 2024) berdasarkan keberadaan dirinya di dalam latar kajian.

Dalam melaksanakan penyelidikan kualitatif, pengkaji berperanan memberi tumpuan terhadap penerokaan maksud mendalam bagi fenomena yang menjadi tujuan kajian, bukannya untuk digeneralisasikan kepada populasi besar (Subedi, 2021; Md. Asadul & Faraj Mazyed, 2022). Maka, pemilihan sampel kecil daripada keseluruhan populasi adalah mencukupi untuk pengkaji memberi fokus perolehan maklumat terperinci terhadap konteks kajian (Mocanasu, 2020; Subedi, 2021; Gordon, 2021). Sehubungan itu, Pengkaji mengambil cadangan yang dikemukakan oleh Yin (2013) dan Flick (2018) bahawa saiz sampel untuk pendekatan kajian kes berada dalam lingkungan 10 hingga 20 orang individu. Melalui saiz sampel yang kecil, Pengkaji mendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peruntukan masa yang mencukupi untuk berhubungan dengan peserta di lokasi kajian bagi mendapatkan keperluan perincian data.

Sebelum memperoleh sampel kajian yang bersesuaian, jumlah peserta boleh berubah sama ada bertambah atau berkurang mengikut kepada kehendak kajian dan ketepuan perolehan maklumat (Subedi, 2021; Shaheen, Pradhan & Ranajee, 2021). Secara dasarnya, jumlah sebenar peserta penyelidikan adalah bergantung kepada capaian ketepuan data sepanjang proses pungutan maklumat seperti yang diusulkan oleh Kamarul (2012) serta Baharuddin dan Ismail (2013). Ketepuan data ini boleh difahamkan sebagai suatu tahap, di mana setiap peserta memberi atau mengulang data yang serupa terhadap kesemua pertanyaan berkaitan penyelidikan. Keberadaan situasi ini menyatakan bahawa tiada lagi dapatan baharu yang boleh diperoleh daripada peserta lain sekiranya proses pungutan maklumat diteruskan. Justeru itu, Pengkaji memilih peserta kajian terdiri daripada dua orang guru wakil pentadbiran sekolah, lima orang guru pelaksana program dan lima orang murid yang mewakili populasi warga di SRAH.

Seterusnya, dalam menggerakkan sesuatu kajian kualitatif, kepelbagaian strategi digunakan (Saldana, 2011; Taylor, Bogdan & Devault, 2016) bagi mendapatkan peserta yang bersesuaian sebagai sumber dapatan maklumat. Sehubungan dengan itu, Pengkaji menggunakan strategi pemilihan peserta secara pensampelan bertujuan dan mudah. Pensampelan bertujuan digunakan bagi mengenal pasti dan memilih individu atau kumpulan manusia yang mempunyai pengalaman berfokus dengan latar fenomena kajian (Creswell & Plano Clark, 2011; Flick, 2018). Pensampelan mudah pula diaplikasi melalui pencarian sejumlah perseorangan yang berada di dalam lingkungan latar kajian sebagai sampel penyelidikan. Hasilnya, perolehan peserta dalam kajian ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kumpulan individu terpilih yang mempunyai pengalaman menyeluruh dengan fenomena kajian bagi mewakili keseluruhan populasi.

Berdasarkan keperluan kajian, Pengkaji menetapkan penggunaan 12 orang peserta kajian daripada lapangan yang dibahagikan kepada enam orang guru dan enam orang murid. Sejumlah tujuh orang kelompok guru yang terdiri daripada dua orang pentadbir sekolah, seorang guru pembina program, dan empat orang guru pelaksana adalah diperlukan dalam memenuhi keperluan ketiga-tiga soalan kajian. Pemilihan guru-guru ini dilihat menepati kriteria individu pelaksana yang menggerakkan program dan berpengalaman berhadapan dengan murid dalam usaha pembentukan sahsiah di sekolah. Sebilangan lima orang murid Tahap Dua yang berumur 10 tahun hingga 12 tahun adalah bersesuaian dengan perkembangan kognitif mereka dalam menyampaikan maklumat kepada Pengkaji. Setiap murid yang dipilih sebagai peserta mempunyai pengalaman menjalani program didik hibur di SRAH dan berkeupayaan dalam menyatakan sudut pandang sendiri.

Rumusannya, pemilihan jumlah kecil peserta yang terpilih merupakan langkah bersesuaian dengan pendirian Pengkaji selaku penyelidik dalam bidang kualitatif. Penyelidikan secara kualitatif menuntut peranan Pengkaji mendapatkan pengetahuan dan makna mendalam daripada setiap peserta yang dipilih. Oleh itu, bilangan sampel yang kecil telah membantu proses kutipan data kerana Pengkaji memperoleh kecukupan ruang dan masa mendekati setiap peserta kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Lokasi Kajian

Kajian kualitatif ini dijalankan di Sekolah Rendah Al-Hidayah (SRAH), Ipoh, Perak, iaitu sebuah institusi pendidikan murid Islam yang memberi penekanan terhadap pembentukan keseimbangan akhlak terpuji dalam kalangan murid. Pengkaji berpandangan bahawa sekolah ini berpegang teguh kepada penetapan visi dan misi untuk melahirkan murid yang seimbang kecemerlangannya dalam aspek akademik serta pemilikan keperibadian mulia. Institusi pendidikan agama swasta yang berkapasiti lebih daripada 700 orang murid ini telah menjalankan pelbagai inisiatif sokongan terhadap pembangunan sahsiah murid secara lebih holistik. Salah satu pendekatan utama yang unik telah diperkenalkan di sekolah ini, iaitu program pembentukan sahsiah murid menerusi nyanyian lagu didik hibur. Pengkaji berkeinginan untuk melihat keupayaan para guru di sekolah ini melaksanakan program khusus dalam membina nilai-nilai murni pada setiap murid melalui aktiviti nyanyian yang menyeronokkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan program didik hibur ini telah berkembang saban tahun sejajar dengan usaha sekolah dalam mencapai objektif pendidikan. Pihak sekolah telah mempamerkan keunikan dalam usaha pembentukan sahsiah murid menerusi pendekatan aktiviti nyanyian lagu nasihat. Justeru, pemilihan SRAH sebagai lokasi kajian adalah relevan bagi memahami keupayaan pendekatan didik hibur terhadap perkembangan perwatakan murid secara keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Pengumpulan Data

Setelah pemilihan peserta dan lapangan, Pengkaji mengorak langkah bagi pelaksanaan proses pengumpulan data dengan kaedah yang bersesuaian berdasarkan kehendak gerak kerja kajian. Menurut Creswell (2013), pengumpulan data dalam pendekatan kajian kes adalah meluas, di mana pengkaji perlu mencari kepelbagaian sumber maklumat. Kaedah pengumpulan maklumat dan sifat data adalah bergantung kepada tujuan penyelidikan, keadaan lokasi kajian, dan tahap sensitiviti peserta serta masyarakat (Gibbs *et. al,* 2017). Bagi tujuan itu, Pengkaji telah mengumpul data melalui sesi temu bual peserta, proses pemerhatian di lapangan, dan analisis dokumen berkaitan mengikut saranan oleh Stake (1995) dan Merriam (2009). Secara khususnya, ketiga-tiga pendekatan metodologi tersebut berperanan penting dalam menjawab tiga soalan kajian yang diwujudkan dalam penyelidikan kualitatif ini. Pengkaji memperincikan proses pengumpulan data menerusi temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Temu Bual

Dua prinsip utama dalam pendekatan kajian kes adalah untuk mendapatkan deskripsi dan interpretasi daripada sekelompok individu (Stake, 1995; Siti Uzairiah, 2017; Md. Kausar, 2024). Oleh sebab pandangan setiap individu terlibat adalah berbeza bagi suatu tajuk kes yang sama, maka Pengkaji perlu menjalankan kaedah temu bual. Pengkaji telah memilih peserta bagi mewakili populasi latar fenomena kajian. Proses temu bual mendalam ini sangat penting agar kepelbagaian informasi berkaitan dengan fenomena yang dikaji dapat diperoleh (Bienkowska & Sikorski, 2024).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, Pengkaji mengikut saranan Stake (1995) supaya menyediakan set soalan temu bual yang berasaskan struktur persoalan kajian. Hal ini bertujuan mendapatkan jawapan temu bual yang berbentuk deskripsi latar, penerangan terperinci, dan perolehan perkaitan. Sehubungan itu, Pengkaji memilih pendekatan temu bual secara intensif separa berstruktur yang menggunakan protokol temu bual seperti cadangan oleh Othman (2017) dan Mantula *et al.* (2024).

Kemudian, rakaman temu bicara ditranskripkan ke dalam bentuk teks perkataan supaya membantu Pengkaji menjalankan proses analisis. Transkrip daripada sesi temu bual di lapangan merupakan suatu perkara penting kepada para pengkaji dalam proses penyelidikan. Menurut Silverman (2017), penghasilan transkrip membantu proses pengulangan pemahaman terhadap penyampaian maklumat daripada setiap peserta kajian. Malahan, transkrip temu bual juga dapat dimasukkan ke dalam aplikasi Atlas.ti untuk tujuan analisis yang lebih sistematik. Hasilnya, Pengkaji dapat menjalankan proses interpretasi maklumat dengan lebih terperinci dan teratur bagi penghasilan pelaporan yang lengkap.

Secara keseluruhan, pendekatan sesi temu bual peserta di lapangan adalah penting dalam menyediakan jawapan bagi tiga soalan kajian yang dihasilkan. Pertama, hasil temu bual dapat menceritakan pelaksanaan program didik hibur daripada guru dan murid. Kedua, dapatan temu bual dapat menyediakan senarai strategi yang digunakan oleh para guru dalam usaha membentuk sahsiah murid dengan penggunaan lagu nasihat. Ketiga, data temu bual berupaya menyajikan sudut pandang peserta terhadap pencapaian program didik hibur dalam membentuk perilaku murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu metode utama dalam kajian kualitatif. Penyelidik kualitatif berperanan untuk merekodkan tingkah laku serta latar sebenar yang berlaku semasa proses pemerhatian berlangsung. Menurut Mohd Razimi (2016) dan Othman (2017), pelaksanaan pemerhatian dijalankan dengan langkah mengambil nota dan merakam peristiwa, perkara serta perlakuan.

Sehubungan itu, Siti Uzairiah (2017) menekankan penggunaan borang pemerhatian secara sistematik di lokasi kajian. Borang pemerhatian telah dibahagikan kepada dua jenis sesi iaitu borang pemerhatian tingkah laku murid dan borang pemerhatian penilaian program. Pengkaji dapat mencatat perilaku murid dan penilaian program pada borang secara sistematik dan mudah untuk dirujuk. Justeru, dapatan daripada setiap sesi pemerhatian telah membantu Pengkaji untuk memahami dan mendalami pengalaman sebenar mengenai fenomena yang diselidiki.

Pada masa yang sama, Pengkaji bertindak sebagai peserta sepenuhnya sepanjang proses pemerhatian dilakukan. Berdasarkan Merriam (2009) serta Merriam dan Tisdell (2015), kaedah ini memerlukan pengkaji berperanan sebagai peserta dalam kajian sepenuhnya dan bukannya sebagai penyelidik. Hal ini kerana Pengkaji perlu memastikan kehadiran penglibatan diri tidak mengganggu keaslian perjalanan aktiviti dalam lingkungan fenomena yang dikaji. Oleh itu, Pengkaji memperoleh peluang merasai sendiri perjalanan program yang dikaji di lokasi penyelidikan. Hal ini memberi ruang kepada Pengkaji untuk mendapatkan data pemerhatian yang sah dan boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, perolehan pendekatan pemerhatian dapat menjawab semua soalan kajian yang dirangka untuk menjelaskan hasil penyelidikan. Hasil pemerhatian Pengkaji di lapangan menyokong setiap maklumat daripada dapatan temu bual bersama peserta kajian. Hal ini memperlihatkan pencapaian triangulasi metodologi hasil daripada penggunaan lebih daripada satu kaedah pengumpulan data kajian, sekaligus menunjukkan tahap kualiti penyelidikan kualitatif ini.

3.6.3 Analisis Dokumen

Menurut Stake (1995), penyelidik kualitatif berkeperluan menggunakan pendekatan analisis dokumen bagi mendapatkan data dan mengesahkan dapatan kajian yang sedia ada. Penggunaan analisis dokumen merangkumi proses pemeriksaan terhadap bahan bertulis rasmi seperti laporan rasmi, polisi pendidikan, dokumen kurikulum, serta dokumentasi dalam bentuk multimedia (Sapto Haryoko, Bahartiar & Fajar Arwadi, 2020).

Berdasarkan konteks kajian ini, pendekatan analisis dokumen dilaksanakan ke atas dokumen program didik hibur SRAH dan rekod disiplin murid daripada Unit Hal Ehwal Murid (HEM) SRAH. Kedua-dua dokumen ini memainkan peranan penting dalam memahami hubungan pelaksanaan program didik hibur oleh guru dengan kesan pembinaan sahsiah murid yang berlaku di sekolah. Analisis terhadap dokumen program didik hibur SRAH dapat membantu Pengkaji meneliti perancangan perjalanan program dan kesan pelaksanaan bagi menjawab soalan kajian pertama dan ketiga. Seterusnya, langkah analisis bagi rekod disiplin murid dapat membantu Pengkaji mengenal pasti kesan perubahan perilaku murid sebelum dan selepas mengikuti program. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gandingan analisis terhadap dua dokumen penting tersebut dapat memberikan pemahaman menyeluruh mengenai impak program kepada pembentukan sahsiah murid.

Kesimpulan bagi keseluruhan pelaksanaan pendekatan kaedah pengumpulan data telah menunjukkan keupayaan Pengkaji selaku instrumen utama kajian dalam menentukan rangka pengutipan maklumat yang jelas. Pada masa yang sama, Pengkaji telah memperlihatkan usaha Pengkaji untuk mengikuti keperluan perolehan triangulasi sebagai kriteria pelaksanaan prosedur kajian kes kualitatif daripada Stake (1995). Pengkaji memperoleh triangulasi metodologi kesan daripada aplikasi tiga kaedah pengumpulan data kajian dan triangulasi sumber data daripada tiga kelompok peserta.

3.7 Analisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Data collection and analysis is a simultaneous activity in qualitative research. (Merriam, 2009:165; Merriam & Tisdell, 2015, m.s.191)

Menurut Merriam (2009) serta Merriam dan Tisdell (2015), analisis kualitatif bermula dengan temu bual, pemerhatian, dan bacaan dokumen yang pertama. Keadaan ini memperlihatkan bahawa proses pengumpulan dan penganalisisan data berjalan secara serentak. Situasi ini akan membolehkan Pengkaji membangunkan tafsiran data yang berkait secara logik seiring dengan kaedah berkenaan.

Selanjutnya, Pengkaji mengikuti saranan daripada Rouse (2021), iaitu memulakan analisis data dengan tinjauan transkrip dan audio rakaman temu bual, diikuti proses " *member checking* ", proses analisis data berterusan serta langkah kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengekodan data. Pengkaji juga menggunakan perisian komputer dalam proses pengekodan seperti yang dianjurkan oleh Merriam (2009) serta Merriam dan Tisdell (2015). Hal ini kerana perisian komputer akan dapat membantu dalam menyimpan dan mengekod data, membentuk sistem klasifikasi, enumerasi, mencari perhubungan dan menghasilkan grafik (Othman, 2017). Bagi tujuan itu, Pengkaji telah memanfaatkan penggunaan perisian Atlas.ti dalam proses penyelidikan. Namun begitu, Pengkaji sebagai penyelidik bidang kualitatif berperanan menganalisis dapatan penyelidikan menurut sudut pandangan dan pemahaman sendiri terhadap konteks kajian. Pengkaji tidak menggunakan kemudahan interpretasi data secara langsung daripada perisian Atlas.ti bagi tujuan proses analisis.

Secara lebih spesifik, Pengkaji telah menganalisis data menggunakan kaedah analisis tematik bagi proses tafsiran perolehan data. Braun dan Clarke (2006, 2014) memberi pandangan bahawa analisis tematik adalah sesuai bagi menganalisis data kajian bidang kualitatif. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik ialah sebuah kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan kewujudan tema dalam data yang diperoleh. Pelaksanaan analisis tematik ini berfungsi untuk mencari pola makna data yang membawa kepada penemuan tema bersesuaian dengan kajian. Hasil dapatan pola makna dapatan tersebut membawa kepada penemuan tema-tema bersesuaian bagi menjawab keperluan soalan-soalan penyelidikan. Di akhir proses analisis tematik ini, Pengkaji dapat menyusun dan menghuraikan himpunan data dengan lebih terperinci bagi kegunaan penceritaan pelaporan dapatan keseluruhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut merupakan langkah-langkah melaksanakan proses analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) berdasarkan ringkasan oleh Zuraini, Norliza dan Alizah (2022):

i. Peringkat pertama, pengkaji berperanan melazimkan diri dengan dapatan data melalui pembacaan yang mendalam secara berulang. Di samping itu, pengkaji mengambil nota daripada perolehan data untuk mendapatkan gambaran permulaan bagi pengekodan tema.

ii. Peringkat kedua, pengkaji mengatur setiap data dengan sistematik untuk mencipta kod pendahuluan. Pengkaji menjalankan proses pengekodan ke atas maklumat bagi memperoleh makna yang bertepatan dengan soalan kajian.

iii. Peringkat ketiga, penyelidik mencari tema bersesuaian mengikut penyusunan kod-kod yang telah dihasilkan. Pengkaji bertanggungjawab memastikan setiap tema yang mewakili kod-kod maklumat mampu memberikan gambaran corak data yang signifikan dengan kehendak tujuan dan soalan penyelidikan.

iv. Peringkat keempat, pengkaji menyemak semula semua tema yang telah dibina. Penyelidik melakukan pengubahsuaian pada tema-tema yang telah dibangunkan dengan penggunaan perisian komputer supaya lebih tersusun dan sistematik.

v. Peringkat kelima merupakan proses akhir bagi pengkaji dalam menentukan pilihan tema yang paling sesuai dengan soalan kajian. Pengkaji juga memastikan fungsi tema dalam mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

vi. Peringkat keenam memerlukan peranan pengkaji dalam penulisan laporan analisis data. Pengkaji menulis laporan secara naratif dan terperinci untuk menerangkan perolehan makna maklumat mengenai penyelidikan kualitatif yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasnya, proses analisis tematik yang dianjurkan oleh Braun dan Clarke (2006) merupakan suatu kaedah atau teknik penguraian maklumat bersistematik. Pendekatan tematik ini adalah bermanfaat sepanjang proses pengekodan bagi mendapatkan makna data dan gambaran tema yang sesuai dalam penyelidikan yang dijalankan (Nora, 2019; Hendrickson, 2022).

Selain itu, bagi dapatan pemerhatian, kaedah interpretasi langsung digunakan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang tingkah laku, interaksi, dan maklum balas peserta dalam konteks kajian. Kaedah ini dilakukan tanpa sebarang proses pengubahsuaian atau penyesuaian makna oleh penyelidik dalam penulisan laporan. Stake (1995) menjelaskan bahawa pendekatan ini membolehkan pengkaji dapat menginterpretasi makna daripada pemerhatian tindakan secara terus, dengan mengambil kira persekitaran yang mempengaruhi tingkah laku peserta. Dari sudut kajian ini, teknik interpretasi digunakan untuk memahami tindak balas murid terhadap aktiviti nyanyian, tahap penglibatan, dan penghayatan murid kepada lirik lagu. Hasil interpretasi langsung daripada dapatan pemerhatian dapat memberikan gambaran yang sebenar mengenai pengalaman murid selain daripada perolehan data temu bual.

Di samping itu, pendekatan interpretasi langsung digunakan bagi meneliti kandungan dokumen kajian berdasarkan konteks penggunaannya tanpa tafsiran subjektif daripada pengkaji (Sapto Haryoko, Bahartiar & Fajar Arwadi, 2020). Stake (1995) menjelaskan interpretasi langsung dalam analisis dokumen membolehkan penyelidik memahami penyampaian mesej dalam dokumen bertulis rasmi bagi kajian. Apabila Pengkaji menganalisis lirik lagu nyanyian didik hibur secara langsung, data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan objektif pembentukan sahsiah yang diketengahkan dan kaedah mesej disampaikan kepada murid. Bagi rekod disiplin, analisis interpretasi langsung membantu Pengkaji memahami pola tingkah laku murid dan keberkesanan program dalam mengurangkan kes disiplin, berdasarkan rekod oleh pihak sekolah.

3.8 Pertimbangan Etika

Pengkaji berkeperluan menjalankan kajian kes intrinsik ini berdasarkan ketetapan etika yang betul bagi menjamin keselamatan pemberian maklumat oleh para peserta. Sebelum proses penyelidikan berlangsung, Pengkaji bertanggungjawab memberikan penerangan lengkap bagi mendapat persetujuan secara bertulis daripada bakal peserta penyelidikan. Hal ini sangat penting bagi memastikan kehadiran dan keberadaan diri Pengkaji dapat diterima bagi tujuan kajian tersebut. Pada masa yang sama, Pengkaji memastikan setiap tindakan yang diambil adalah membawa kepada pembinaan hubungan positif dengan peserta kajian. Jalinan hubungan yang baik antara Pengkaji dan peserta membolehkan proses interaksi mendapatkan maklumat dapat berjalan dengan lancar (Md. Kausar, 2024).

Sehubungan itu, Pengkaji merujuk kepada ketetapan panduan yang diberikan oleh Othman (2017) dalam menjalankan penyelidikan beretika. Antaranya adalah seperti yang berikut:

i. Sifat keterbukaan antara peranan penyelidik dan peserta sepanjang kajian supaya dapat mewujudkan interaksi yang baik dalam mencapai objektif penceritaan kejadian sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pengkaji bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan daripada peserta dalam segenap aspek berkaitan supaya tahap keselesaan dan jaminan keselamatan dicapai sebaiknya sepanjang perjalanan penyelidikan.

iii. Prinsip kebebasan dalam penyampaian perolehan maklumat sepanjang sesi kajian diwujudkan antara pengkaji dan peserta bagi mendapatkan gambaran latar yang sebenar.

iv. Tanggungjawab etika kerahsiaan oleh pengkaji bagi menjelaskan hak dan tahap kesulitan maklumat supaya maklumat diri peserta kajian dilindungi.

3.9 Kualiti Kajian

Sebagai pengkaji kualitatif, kualiti kajian merupakan keutamaan dalam menghasilkan kajian yang bernilai tinggi. Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan sangat penting untuk membuktikan ketepatan serta ketekalan gambaran latar kajian yang diperoleh daripada dapatan data (Stake, 1995; Othman, 2017). Terdapat empat kriteria yang boleh menilai penyelidikan kualitatif iaitu kredibiliti, kebolehpindaan, kebolehsandaran, dan kebolehsahan (Merriam, 2009; Merriam & Tisdell, 2015). Setiap kriteria ini mempunyai penerangan yang berbeza dalam mencapai kesahan dan kebolehpercayaan dapatan penyelidikan.

Kriteria pertama ialah kredibiliti atau kesahan dalaman yang merupakan perkaitan persoalan bagaimana dapatan penyelidikan sepadan dengan suasana kajian sebenar (Merriam, 2009; Merriam & Tisdell, 2015). Kredibiliti ialah suatu cara pengkaji menginterpretasi kebenaran setiap perolehan data atau maklumat daripada peserta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian (McCarvy, 2019). Pengkaji perlu memastikan setiap perolehan kajian dapat memberikan ketepatan makna kepada realiti yang dikaji. Oleh itu, Stake (1995) mencadangkan kaedah triangulasi sumber dapatan dijalankan bagi mengesahkan ketepatan makna data kajian. Pendekatan triangulasi sumber data ini menggunakan kepelbagaian sumber data penyelidikan dan metode bertujuan mengesahkan maklumat yang didapati. Di dalam penyelidikan ini, Pengkaji telah melaksanakan triangulasi sumber data yang diperoleh daripada tiga kelompok manusia untuk proses temu bual, iaitu pihak pentadbiran, guru pelaksana, dan murid.

Seterusnya, kriteria kebolehpindaan atau kesahan luaran ialah kemampuan dapatan kajian untuk digunakan dalam suasana yang lain. Menurut Othman (2017), kriteria ini menunjukkan tahap generalisasi data kajian. Stake (1995) menerangkan kriteria kesahan luaran ini melalui penggunaan istilah "*naturalistic generalisation*". Menurut Stake (1995) dan Othman (2017), generalisasi naturalistik berlaku berdasarkan pengalaman apabila pembaca mengenal pasti persamaan perkara atau isu yang berlaku dalam dapatan. Kemudian, pembaca akan membandingkan pengalaman sendiri dengan pengalaman peserta di latar kajian bagi membina generalisasi naturalistik. Hal ini menunjukkan kemampuan data kajian boleh diadaptasi dalam keadaan yang berlainan. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, Pengkaji menyediakan maklumat menyeluruh berkenaan pelaksanaan program pembentukan sahsiah murid di lokasi kajian. Penceritaan pelaporan yang naratif dan lengkap mampu memberikan ruang untuk pembaca membuat perbandingan yang telus untuk pemahaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kriteria kebolehsandaran atau *dependability* mempunyai perhubungan dengan keteguhan instrumen. Othman (2017) menyatakan bahawa kriteria ini berkaitan dengan kemampuan penyelidik menyandarkan kumpulan maklumat dengan instrumen yang digunakan. Oleh sebab Pengkaji bertindak sebagai instrumen utama, maka kesimpulan kajian yang selari daripada kaedah pemerhatian akan dibina. Dalam hal ini, peranan Pengkaji ini akan membantu kesahan dan kebolehpercayaan data yang dipungut. Kemampuan Pengkaji selaku instrumen utama penyelidikan (Stake, 1995) dilihat melalui pemilihan pendekatan metodologi yang bersesuaian, iaitu penggunaan kaedah temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Setiap pendekatan yang dijalankan adalah jelas kepada penemuan tema-tema berpotensi untuk menjawab kehendak soalan kajian. Pada masa yang sama, Pengkaji memperoleh pengesahan daripada pakar terhadap setiap penggunaan instrumen dalam penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, kriteria kebolehsahan atau dipanggil sebagai objektiviti. Kriteria kebolehsahan ini bermaksud instrumen utama iaitu pengkaji, tidak boleh memiliki sebarang bentuk prejudis. Walaubagaimanapun, Pengkaji selaku manusia biasa sememangnya mempunyai nilai tersendiri dalam proses menginterpretasi dapatan. Oleh yang sedemikian, Othman (2017) mencadangkan pengkaji kualitatif perlu mengakui *bias* yang wujud bertujuan untuk meminimumkannya. Dalam perkara ini, Pengkaji mengambil saranan Stake (1995) yang mementingkan keupayaan triangulasi data dan proses "*member checking*" bertujuan untuk mengurangkan pengaruh *bias* dalam kajian. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Pengkaji telah melaksanakan triangulasi sumber dapatan dan triangulasi metodologi. Kemudian, Pengkaji menjalankan proses "*member checking*" ke atas setiap transkrip temu bual dengan semua peserta kajian. Langkah ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan setiap perolehan data adalah bersumberkan kelompok individu daripada latar fenomena penyelidikan itu sendiri.

3.10 Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang mengaplikasikan reka bentuk kajian kes intrinsik. Pengkaji telah menggunakan pensampelan bertujuan mudah bagi memperoleh data daripada sebilangan peserta kajian yang terpilih. Teknik pengumpulan data daripada latar sebenar adalah melalui tiga cara, iaitu temu bual intensif separa berstruktur, pemerhatian sebagai " *complete participant* ", dan analisis dokumen yang berkaitan. Proses analisis data pula berlangsung serentak melalui kaedah pengekodan daripada transkripsi rakaman audio melalui penggunaan perisian Atlas.ti. Pengkaji selaku instrumen utama penyelidikan turut menjelaskan pelaksanaan analisis tematik bagi mendapatkan tema bersesuaian dan teknik analisis interpretasi langsung bagi keperluan ketiga-tiga soalan kajian. Selain itu, Pengkaji mempamerkan nilai bertanggungjawab dalam menjaga setiap hak semua peserta kajian seperti mana ketetapan garis panduan kajian yang beretika.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini memaparkan usaha Pengkaji memperincikan laporan penemuan data kajian daripada dapatan temu bual, hasil pemerhatian, dan perolehan analisis dokumen. Berdasarkan saranan oleh Stake (1995), Pengkaji perlu melaksanakan proses pengekodan data untuk hasil temu bual serta proses interpretasi langsung terhadap dapatan pemerhatian dan analisis kandungan dokumen. Selain itu, Pengkaji menerangkan penggunaan analisis tematik bagi memperoleh tema-tema bersesuaian dengan keperluan soalan kajian. Bagi kaedah pemerhatian, Pengkaji menghuraikan hasil laporan daripada pemerhatian tingkah laku dan pemerhatian penilaian program. Pengkaji turut menunjukkan sokongan perolehan data daripada analisis dokumen berkaitan buku program Didik Hibur dan rekod disiplin murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Dapatan Temu Bual

Pengkaji memulakan langkah penceritaan perolehan data menerusi pendekatan temu bual di lapangan. Pemilihan lokasi penyelidikan adalah berpusat di Sekolah Rendah Al-Hidayah (SRAH), Ipoh, Perak. Bagi menjalankan sesi temu bual, Pengkaji memilih peserta kajian menggunakan pensampelan mudah dan bertujuan. Peserta kajian ini dipilih berdasarkan penglibatan dan kemampuan memberikan maklumat berkenaan pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH. Sehubungan itu, Pengkaji menyediakan surat permohonan pelaksanaan sesi temu bual berserta senarai nama peserta kajian kepada pihak pentadbiran SRAH bagi memperoleh kebenaran secara formal. Kemudian, Pengkaji membina dokumen set soalan temu bual mengikut kesesuaian tahap dan umur peserta kajian yang terdiri daripada wakil pihak pentadbiran sekolah, guru pelaksana, dan murid. Dokumen soalan temu bual tersebut dihasilkan dengan secara berbeza mengikut tahap penglibatan peserta dalam program Didik Hibur SRAH dan laras bahasa yang bersesuaian untuk mendapatkan maklumat.

Setelah itu, Pengkaji menyediakan borang demografi peserta untuk memperoleh maklumat setiap guru dan murid yang terlibat dalam sesi temu bual. Borang persetujuan termaklum turut diberi bagi mendapatkan kebenaran atau persetujuan daripada setiap individu peserta kajian. Berdasarkan pematuhan etika penyelidikan, borang persetujuan termaklum ini turut berperanan memberi kefahaman mengenai risiko dan implikasi penglibatan sukarela para peserta. Secara tidak langsung, hal ini mewujudkan kesefahaman yang jelas bagi setiap peserta kajian terhadap sumbangan dan penglibatan mereka dalam penyelidikan. Justeru, perhubungan baik terjalin antara Pengkaji dan peserta kajian ke arah yang mewujudkan suasana keselesaan proses sesi temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Profil Peserta

Penyelidikan ini melibatkan sebilangan individu peserta seramai 12 orang yang mewakili populasi warga SRAH. Peserta kajian yang ditemu bual terdiri daripada seorang guru pembina program, dua orang wakil pentadbiran sekolah, empat guru pelaksana, dan lima orang murid Tahap Dua. Bilangan peserta kajian ini adalah berdasarkan keperluan proses kutipan informasi apabila Pengkaji mencapai tahap ketepuan data.

Dalam pada itu, Pengkaji menunjukkan penggunaan tiga jenis kelompok individu peserta kajian iaitu wakil pentadbiran, guru, dan murid adalah dikira sebagai pencapaian triangulasi. Menurut Stake (1995), apabila pengkaji menggunakan lebih daripada satu sumber perolehan maklumat ianya merupakan triangulasi sumber dapatan. Setiap kelompok peserta mempunyai pengalaman dan sudut pandang yang berbeza. Hal ini membolehkan Pengkaji mendapat kefahaman mendalam dan holistik mengenai fenomena pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH. Penerapan triangulasi sumber dapatan ini juga menepati kebolehpercayaan dan validasi setiap maklumat.

Berdasarkan borang profil peserta, kesemua tujuh guru yang ditemu bual adalah beragama Islam dan berbangsa Melayu. Bagi sudut tahap pendidikan, tiga orang daripada tujuh peserta temu bual memiliki sijil tahap diploma manakala selebihnya merupakan pemegang kelulusan ijazah sarjana muda. Pengkaji memastikan setiap guru yang terpilih untuk ditemu bual memiliki pengetahuan dan pengalaman dalam pelaksanaan program Didik Hibur. Pengkaji menunjukkan ringkasan maklumat peserta kajian daripada kalangan guru di dalam bentuk jadual seperti Jadual 4.1 di sebelah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1

Profil Demografi Guru Peserta Temu Bual

Perkara	Kod	Jantina	Lingkungan Umur	Jawatan
Guru Pembina Program	G 1	Lelaki	40-50 Tahun	Guru Kanan
Guru 2	G 2	Perempuan	40-50 Tahun	Guru Besar
Guru 3	G 3	Lelaki	50-60 Tahun	Guru Penolong Kanan
Guru 4	G 4	Perempuan	30-40 Tahun	Ketua Panitia Bahasa Melayu
Guru 5	G 5	Lelaki	20-30 Tahun	Ketua Unit Media
Guru 6	G 6	Perempuan	30-40 Tahun	Guru Kanan Bidang Syariah
Guru 7	G 7	Perempuan	30-40 Tahun	Guru Hal Ehwal Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Pengkaji mempamerkan maklumat mengenai lima orang murid peserta kajian iaitu tiga orang murid Tahun 6, satu orang murid Tahun 5, dan seorang murid Tahun 4 dalam bentuk jadual bersesuaian. Semua murid peserta temu bicara ini beragama Islam dan berbangsa Melayu. Pengkaji memilih murid-murid ini atas faktor pengalaman dan pengetahuan mereka selaku peserta dalam program Didik Hibur. Pemilihan murid yang berumur 11 tahun ke atas dilihat mempunyai kemampuan berfikir secara sistematik dan berkeupayaan memberi penjelasan dengan baik seperti yang diterangkan dalam Teori Perkembangan Kognitif oleh Jean Piaget.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 berikut memperlihatkan maklumat berkenaan peserta temu bual yang terdiri daripada lima orang murid terpilih:

Jadual 4.2

Profil Demografi Murid Peserta Temu Bual

Perkara	Kod	Jantina	Umur	Jawatan
Murid 1	M 1	Lelaki	12 Tahun	Ketua Pengawas Sekolah
Murid 2	M 2	Lelaki	12 Tahun	Pengawas Sekolah
Murid 3	M 3	Perempuan	12 Tahun	Pengawas Sekolah
Murid 4	M 4	Perempuan	11 Tahun	Pengawas Pusat Sumber
Murid 5	M 5	Lelaki	10 Tahun	Imam Muda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2 Verbatim Temu Bual

Mekanisme temu bual dilangsungkan mengikut ketetapan dan persetujuan bersama peserta kajian. Setiap sesi temu bicara dirakam bagi tujuan rekod rujukan pemprosesan data. Sebelum sesi dijalankan, Pengkaji bertanggungjawab bagi mendapatkan keizinan setiap peserta untuk merakam audio percakapan. Etika pelaksanaan sesi temu bual ini dipatuhi agar peserta berasa selesa ditemu bual dengan kehadiran gajet rakaman audio.

Seterusnya, Pengkaji berperanan untuk menterjemahkan audio rakaman setiap sesi temu bual ke dalam bentuk perkataan. Setiap rakaman audio sesi temu bual ditukarkan ke dalam bentuk transkrip lengkap untuk dirujuk dan memudahkan proses pengekodan berlangsung. Kemudian, hasil terjemahan audio tersebut dirujuk kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap peserta kajian untuk proses semakan semula. Langkah tersebut dilakukan bagi memastikan interpretasi maklumat yang ditaip adalah betul dan menepati maksud penyampaian oleh peserta. Proses ini amat penting dalam memastikan Pengkaji dapat membiasakan diri dengan data temu bual yang tepat dan berinformasi bagi tujuan pelaksanaan prosedur analisis tematik. Kesannya, Pengkaji dapat menemukan penceritaan dapatan kepada persoalan penyelidikan yang berpotensi dijadikan kod-kod awal daripada transkrip dengan lancar. Oleh itu, kod-kod awal ini akan ditapis dan disusun mengikut keperluan ke arah penemuan tema-tema penyelidikan yang bersesuaian.

4.2.3 Analisis Tematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji melaksanakan pendekatan analisis tematik bagi menganalisis data kualitatif daripada kandungan teks temu bual. Merujuk kepada Braun dan Clarke (2006, 2014), proses analisis tematik ialah kaedah mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan kemunculan tema-tema daripada lingkungan perolehan data. Pengkaji menyedari akan kewujudan fleksibiliti dalam aplikasi analisis tematik dapat membantu penemuan tema-tema potensi untuk menjawab soalan kajian. Bagi menggerakkan proses penguraian maklumat bersistematik ini, Pengkaji mengaplikasikan enam langkah utama yang dianjurkan oleh Braun dan Clarke (2006, 2014). Penggunaan enam langkah analisis tematik berkenaan dilaporkan secara terperinci pada muka surat berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama dimulakan dengan peranan Pengkaji melazimkan diri dengan pemahaman bacaan cetakan transkrip secara mendalam. Pengkaji meneliti transkrip berulang kali sambil mewujudkan pelbagai persoalan terhadap penyampaian maklumat peserta seperti mana yang dianjurkan oleh Nor Junainah (2019). Pengkaji menimbulkan pertanyaan terhadap kandungan verbatim seperti "Apakah kandungan lagu-lagu didik hibur yang digunakan untuk membentuk sahsiah murid?", "Mengapa murid Tahap Satu lebih berminat menyanyikan lagu Didik Hibur?", "Bagaimana guru menggerakkan program?", "Siapakah yang perlu memainkan peranan utama?", dan "Di mana tempat yang sesuai untuk melihat perubahan tingkah laku murid?". Setiap persoalan yang diwujudkan tersebut akan membolehkan Pengkaji lebih memahami dan menemui maklumat yang diperlukan daripada kandungan verbatim peserta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa yang sama, Pengkaji mengambil ruang untuk mencatat input-input penting yang ditemui sepanjang sesi menelaah transkrip temu bual. Sebanyak 12 set transkrip temu bual yang perlu diberi perhatian dan penelitian. Maka, catatan yang dibuat berupaya membantu Pengkaji agar tidak tertinggal dengan sebarang pemberitahuan maklumat daripada peserta temu bual. Hasilnya, Pengkaji dapat mengidentifikasi langkah implementasi, cara mengatasi, sudut pandangan, dan emosi peserta terhadap penerapan program Didik Hibur dalam pembentukan sahsiah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.2 Peringkat Kedua

Tahap pelaksanaan ini menunjukkan usaha Pengkaji menyusun setiap pungutan data secara sistematik. Pengkaji berperanan untuk mengatur semua informasi yang diperoleh supaya memudahkan proses pengekodan data. Langkah tersebut merupakan proses pengekodan awal yang merupakan kaedah mentransformasi dapatan temu bual menjadi struktur untuk dianalisis. Menerusi cara ini, Pengkaji berkeupayaan untuk mengesan kewujudan pola, kandungan, atau konsep yang berulang daripada transkrip temu bicara. Hasilnya, Pengkaji boleh menghasilkan kod-kod awal bagi mewakili setiap maklumat yang dinyatakan secara berulang sebanyak enam kali atau lebih.

Bagi memudahkan tugasan susun atur data daripada transkrip, Pengkaji telah menggunakan bantuan perisian komputer ATLAS.ti. Kebiasaannya, perisian ATLAS.ti diguna pakai dalam analisis kualitatif bagi meneliti dan menganalisis dapatan secara sistem pengkomputeran. Namun begitu, Pengkaji menggunakan perisian ATLAS.ti ini bagi tujuan penyusunan data agar lebih sistematik daripada sudut pengumpulan dapatan, keselamatan penyimpanan, dan kebolehcapaian maklumat. Pengkaji masih mengekalkan identiti penyelidikan kualitatif dalam mengolah dapatan menggunakan perkataan sendiri tanpa bantuan penjanaan data menerusi teknologi sistem komputer.


Kebergunaan perisian ATLAS.ti ini adalah sebagai alat visual yang memaparkan himpunan data temu bual secara tersusun, jelas, dan menarik. Hal ini menjadi dorongan kepada Pengkaji untuk mempercepatkan proses pengesanan produksi kod-kod awal, penggabungan kod-kod ekuivalen, serta penyingkiran kod-kod yang tidak relevan. Rajah 4.1 di sebelah memaparkan hasil proses memasukkan transkrip ke dalam aplikasi ATLAS.ti bagi tujuan pengekodan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.1

Penyusunan 12 Verbatim dalam Aplikasi ATLAS.ti



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Pengkaji turut mengambil saranan Nor Junainah (2019) untuk menggunakan struktur ayat aktif bagi menandai kod-kod awal yang dicipta. Pengkaji bersetuju dengan penggunaan format ayat aktif pada kod kerana ia dapat menjelaskan perincian perkara yang berlangsung dalam dimensi penyampaian kisah oleh peserta. Dalam pada itu, Pengkaji melakukan modifikasi terhadap kaedah penulisan kod supaya tampak ringkas dan mudah difahami seperti yang dicadangkan oleh Nor Junainah (2019). Bagi membezakan setiap kod awal antara satu sama lain, Pengkaji telah meletakkan tanda garis bawah (_). Setiap pembezaan yang dihasilkan adalah mengikut kefahaman Pengkaji sendiri supaya lebih terperinci untuk menterjemahkan setiap maksud kod-kod awal tersebut. Jadual 4.3 pada helaian berikutnya memaparkan hasil awal penyusunan petikan perbualan dan penamaan kod-kod yang bersesuaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Susunan Petikan Perbualan dan Penamaan Kod Bersesuaian

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Hibur ini hanya sekadar salah satu medium di antara banyak medium. Hiburan adalah satu medium yang disukai oleh semua golongan. Kanak-kanak, dewasa hatta orang tua sekalipun.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G1	Menggabungkan dua istilah ini kita melahirkan suatu proses pendidikan yang menyeronokkan.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G1	Hiburan adalah sesuatu yang sangat mudah untuk dimasukkan dalam jiwa pelajar. Jadi kita menggunakan hiburan sebagai alat untuk memasukkan ilmu-ilmu yang kita nak sampaikan.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G1	28 tahun.	Menerangkan_kualiti_pembina program_tempoh perkhidmatan
G1	Suka mendodoi anak dengan menyanyi.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Antara lagu yang paling awal...saya dah masukkan lagu tu dah kombinasi dengan lagu terakhir dia buat sempena untuk program Al-Fatihah.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Kemudian saya tambahkan dengan lagu tu *taratufilkum amroiyi* tu lagu ketika saya mendodoikan anak saya.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Di sekolah tu memang saya mengajar bahasa arab. Tapi takda la kata didik hibur membentuk akhlak ni. Cuma bentuk orang kata untuk membantu pembelajaran.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Jadi, didik hibur ni pendek ceritanya ialah program didik hibur lagu-lagu yang dimulai dengan *basmallah*.	Menerangkan_konsep_didik hibur_pendidikan akhlak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Didik ini suatu proses tarbiah yang berterusan sepanjang hayat sama ada untuk mendidik diri sendiri atau mendidik orang lain, keluarga, sekolah, dan sebagainya.	Menerangkan_konsep_didik hibur_pendidikan akhlak
G1	Lagu sendiri la yang *simple-simple* yang bentuk macam kata-kata yang pendek-pendek.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_lirik pendek
G1	Diulang-ulang, berkonsep ulang.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Apa yang kita buat didik hibur ni sebenarnya konsep solat. Solat kan kita mengulang-ulang kata-kata yang baik.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Dia sama dengan sistem tayar. Tayar kita tengok pusing benda tu lah. Situlah berpusingnya. Tapi walaupun bentuk yang sama sistem yang sama yang dipanggil "*tikrar*". Mengulang-ulang benda yang sama. Tapi dia bawa kereta tu sampai ke destinasi yang dituju.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Dan satu lagi dari segi konsistensi. Jadi, perlu konsisten, berterusan.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_konsisten
G1	Bererti di sekolah, murid-murid telah dibuat secara berterusan.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_konsisten
G1	Masa tu saya pegang fizikal, bahagian kebersihanlah. Masa tu kempen kebersihan, lagunya "Tangkap-tangkap pembuang sampah, Sekolah bersih, Allah pun Kasih." Jadi, dia tu sampai ke peringkat tak nak, tak pernah buang sampah merata-rata. Sebab teringatkan lagu. Jadi lagu tu memberi kesan kepada jiwa pelajar tu. Sampai dia alergik tengok sampah buang merata-rata dan peribadinya sendiri pun dibentuk. Itu mak dia sendiri ceritalah.	Menganggap_kesan_murid_ berdisiplin
G1	Dia seolah-olah macam kita panggil sebagai penasihat dalaman.	Menerangkan_konsep_didik hibur_nasihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Jadi *reminder* dalaman ni penting. Kita kena ada penasihat dari dalam. Kita kadang-kadang, tiba-tiba. Contoh antara penasihat dalaman yang paling berkesan ialah Al-Quran itu sendiri. Tiba-tiba kita nampak pembaziran berlaku di dalam kelas. Tiba-tiba kita tak nak menutup tu. Tiba-tiba keluar "*innal mubalzirun kaanul ikhwanul syaiton*". Dengan sebab ayat Quran tu terpantul dalam fikiran kita. Sebab Quran itu sendiri tegur kita. Haa, inilah didik hibur.	Menerangkan_konsep_didik hibur_nasihat
G1	Diulang-ulang ayat Quran, dengan kata-kata baik. Akhirnya, kata-kata lagu. Walaupun lagu, benda yang baik.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Kami dulu menghadapi masalah, selalu di mesyuarat, masalah akhlak budak ketika guru masuk mengajar.	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Mungkin disebabkan generasi sekarang ni. Dia kurang menghormati guru. Jadi, saya fikir. Bincang dengan kawan. Antara yang kita nak buat, kita cuba buatkan satu peraturan yang menyatakan pelajar mesti bangun sebelum guru masuk kelas.	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Buat peraturan tapi tak berjaya juga. Peraturan tu bukan senang.	Menganggap_cabaran_program _kurang sambutan
G1	Guru sendiri pun kadang tidak meraikan peraturan tersebut. Kalau guru pun, pakai masuk je. Guru tidak akan masuk ke dalam kelas selagi pelajar tak bangun. Tapi guru sendiri yang langgar benda tu.	Menganggap_cabaran_guru_ kurang komited
G1	Bila tak boleh, saya cuba pula dalam kaedah lagu. Itu yang timbul lagu SOP Guru Masuk ke kelas.	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Kita nyanyikan lagu ni. Dan budak suka dengan rentak tersebut.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka rentak lagu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Tapi mereka dengan cepat menghafal. Mungkin dipengaruhi dengan rentaknya.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka rentak lagu
G1	Kami mesyuarat dan kami seragamkan. Supaya benda ni saya kata. Supaya benda ini diputuskan oleh guru. Guru sendiri tetapkan. SOP ni kita sepakat. Jadi semua sepakat SOP macam ni.	Menerangkan_strategi_ mesyuarat seragam penguatkuasaan
G1	Kesepakatan dalam mesyuarat baru ni pun, itupun dah ada perubahan. Terutamanya kelas *Sir* la.	Menganggap_kejayaan_guru_ bekerjasama
G1	Cikgu-cikgu pun perlu sepakat supaya satu sekolah dapat melaksanakan benda yang sama.	Menganggap_kejayaan_guru_ bekerjasama
G1	Lagu secara seronok untuk menyanyilah. Menyanyi dan mendidik.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik
G1	Menyanyi nak tujuan mengajar dan tujuan nak mendidik akhlak. Itu sahaja.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik
G1	Nak kata *support* pun takde. Maknanya, kita buat secara *lone-ranger*. Suka-suka. Kerja sukarela.	Menganggap_cabaran_pembina program_tiada sokongan
G1	Sekadar menyanyi je. Tiada apa kesannya. Itu kadang-kadang, kita tak dapat *support*.	Menganggap_cabaran_pembina program_tiada sokongan
G1	Budak-budak memang suka sebab benda tu menyanyi kan. Mereka suka menyanyi dan sebagainya. Mereka terima benda ni.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka nyanyian
G1	Apabila dikumpulkan di surau, program saya ialah untuk memahamkan budak, makna bacaan solat. Bila nak memahamkan bacaan dalam solat, maka direkalah satu cara didik hiburlah.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _memberi pemahaman
G1	Yang tu susah saya nak buat rentaknya. Nak cari rentak tu tak jumpa-jumpa.	Menganggap_cabaran_pembina program_mencipta rentak lagu
G1	Ada sekali dua je ajar di perhimpunan.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Yang awal-awal tu, memang biasa diulang-ulang tu, memang mereka ingatlah.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Lagu Buat Apa. Tu pun antara yang mudah budak ikut sebab ada pengulangan.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Besar-besar tu ada masalah sikit. Mereka tak berminat nak menghafal.	Menganggap_cabaran_murid_ Tahap Dua_tidak berminat
G1	Macam kelas-kelas yang rendah-rendah ni mereka cepat hafal.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka nyanyian
G1	Dinyanyikan di perhimpunan pagi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Haa. Cikgu tak nyanyi sama.	Menganggap_cabaran_pembina program_tiada sokongan
G1	Didik Hibur mengambil pendekatan fitrah ni sebab manusia sukakan kepada keseronokan, kesempurnaan yang membawa manusia ni kepada Allah.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G1	Mencari zikir-zikir menyeronokkan jiwa. Jadi, keseronokan tu memang dicari dalam pelbagai bentuk. Memang itu fitrah manusia.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G1	Lirik Didik Hibur semuanya yang sesuai dengan fitrah manusia. Mengajak mencintai Allah, mencintai Nabi, perbuatan baik. itu yang fitrah suka.	Menganggap_kejayaan_lagu_ mengajak kebaikan
G1	Sebab lagu ni memang tak boleh disentuh. Kalau lagu tu, bentuk ni, kita boleh bagi la sentuh lagu ni, kan. Itulah antara sebab pergerakan itu diadakan untuk menarik minat. Supaya pelajar-pelajar yang berpotensi dengan deria mata, dia tertarik dengan lagu tersebut.	Menganggap_kejayaan_lagu_ pergerakan menarik minat
G1	Sokongan Didik Hibur, adalah daripada Guru Besar lah. Mantan Guru Besar. Dia memang, setiap lagu yang saya nak buat, semua *on*. Dia tak pernah bangkang, teruskan sebagainya. Cuma,	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	dia tak bantu dari sudut idea macam mana nak buat. Tapi, dia tak pernah menghalang dan dia menyokong.	
G1	Dia tak pernah bangkang, teruskan sebagainya. Cuma, dia tak bantu dari sudut idea macam mana nak buat.	Menganggap_cabaran_pembina program_tiada sokongan
G1	Kemudian, dari segi guru-guru. Saya cubalah jumpa kawan-kawan, macam yang boleh berbincang, yang memahami kehendak, dia beri *support*lah dengan program.	Menganggap_kejayaan_guru_ bekerjasama
G1	Saya tak menyalahkan orang. Macam tulah saya. Kadang-kadang orang lain buat program, saya pun tak masuk mungkin sebab saya tak faham kenapa dia nak buat program tu, tak beri sokongan. Jadi tak perlu kecil hatilah, kalau tak dapat sokongan sepenuhnya.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Ditambah lagi dengan sokongan dua sahabat ni kan untuk buat, sanggup buat *master* pulak kan.	Menganggap_kejayaan_guru_ buat kajian program
G1	Sebenarnya, kekuatan tu terletak pada niat.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Kadang-kadang orang kata, menyanyi je kerjanya. Daripada rumahlah kan, orang rumah, daripada keluarga. Jadi, dalam keadaan, kadang-kadang saya menyanyi tak kira waktu. Kadang tengah malam saya nyanyi.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Untuk menyebarkan suatu benda kita cuba nak bantu pihak sekolah untuk mendidik akhlak budak ni.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik
G1	Akhirnya, saya banyak mengadu dekat Tuhan la. Ya, kadang-kadang. Ya Allah Ya Tuhanku, Engkau sahaja yang tahu apa yang aku buat. Untuk apa aku buat. Tiada rahsia bagimu. Minta bantuan dengan Dia jelah. Mengadu, bercakap dengan Dia, sebagainya. Macam kita mengadu dengan manusia biasa.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Sebab bagi saya, bila saya melihat di sekolah tu, bukan senang nak disiplinkan pelajar, dalam kelas, di surau, sebagainya, susah. Jadi, di situ otak mencari apakah kaedah yang kita nak buat supaya dapat bantu pihak sekolah?	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Saya merasakan tenang bila saya hilangkan kehendak saya tadi. Itulah rahsianya.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Saya pegang dengan kata-kata "*La Haula Wala Kuwata Illa Billah*." Itulah ayat saya, saya pegang. *Sticker* tu dia ada pengaruh dengan diri saya.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Selagi kita nak, nak, nak. Kita akan tension dengan kehendak. Tambah-tambah dengan kehendak kita gagal kita dapat. Lagi kecewa. Sebelum kecewa pun dah runsing dah.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Saya masuk *test* lah. Buat lagu pada satu kelas tu, yang hantar dalam *Whatsapp*, Tahun Dua. Tentang empat lagu ni. Dan sebelum tu, ada kelas-kelas yang saya masuk, saya panggil buat video kat belakang, ambil video yang ada latar belakang gambar gunung tu. Nampak gayanya, mereka boleh menghafal. Walaupun saya tak training mereka di dalam kelas. Tapi, mereka boleh menghafal lagu, yang empat tu lah.	Menganggap_kejayaan_murid_ menghafal
G1	Tu cadangannya lepas ini, kemungkinan kita nak buat ujianlah. Ujian untuk ambil data. Data kelas-kelas mana yang boleh buat secara umum. Dan bab untuk pergi kepada peribadi tu, memang sukarlah, makan masa yang agak lama. Mungkin kita akan pilihlah untuk ujian tertentu. Kita ambil yang lemah, yang sederhana dan yang pandai. Kita akan tengok berapa lagu yang boleh dihafal.	Mencadangkan_kutipan data pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Kalau secara dalam kelas tu, kita tak pernah buat, tak bimbinglah. Sebab kita takda masa nak bimbing.	Menganggap_cabaran_guru_ kekangan masa
G1	Cuma kita ulang-ulang lagu tu.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Bukan semua budak pandai. Ada yang boleh, ada yang tak boleh. Tetapi kita berikan galakan, beri semangat, kat rumah, tengok video, hafal. Jadi, dengan desakan itu, persembahan Ihtifal tu, akhirnya mereka berjaya. Mereka menghafal. Dan akhirnya, berjaya membuat persembahan di Ihtifal.	Menerangkan_strategi_galakan _persembahan
G1	Yang pertamanya, dari segi kalau segi organisasi, ataupun dari segi *benefit* untuk sekolahlah. Saya harap benda ni satu tarikan. Kami ni sekolah swasta, memerlukan pelanggan. *So*, mesti ada satu benda yang boleh menarik minat. Haa, itu dari segi aset. Harta intelektual yang boleh menarik pelanggan. Demi kelangsunganlah.	Menganggap_kesan_sekolah_ tarikan program
G1	Yang keduanya, dari segi untuk budak-budak itu sendiri. Sebagai bekalan mereka, bila mereka keluar nanti. Ada benda-benda baik yang tertanam dalam minda ingatan kekal.	Menganggap_kesan_murid_ berdisiplin
G1	Zakat ilmu dia kena ajar. Jadi, antara yang saya nak beri ialah sedekah untuk amalan pahala yang berterusanlah. Itu untuk keuntungan peribadilah. Sebab pasti kita akan mati kan? Apa yang kita nak tinggal? Saya fikir saya bukan orang yang pandai berceramah, yang pandai mengajar, sebagainya. Jadi, saya menggunakan pemberian Allah Taala. Sedikit kemahiran untuk memikir, mencipta lirik yang mudah-mudah, keberanian sebagai guru untuk mengajar dan bina satu program yang boleh memberi manfaat oleh ramai manusia.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Kemudian kita akan bentuk dalam satu pasukan. Sekarang ni pun dah ada pasukan kompang Didik Hibur, yang support. Dia pun nak, dia, Muallimah Saadiah ni, dia berminat untuk pasukan kompang menyanyikan lagu Didik Hibur sahaja. Tak mau la marhaban ke semua tu orang lain dah buat, dia kata. Didik Hibur ni untuk menaikkan nama sekolah. Dia ada pasukan kompang Didik Hibur.	Menerangkan_strategi_galakan _gabungan pasukan kompang
G1	Hubungan baik dengan pentadbir. Kalau kita buat baik dengan dia, kita minta apa pun senang dapat.	Menerangkan_strategi_ hubungan baik pentadbir_kelancaran
G1	Alhamdulillah, Guru Besar kita tu memahami tujuan kita ni sebenarnya apa, untuk apa kan. Jadi dia mudahlah untuk meluluskan program-program tersebutlah.	Menerangkan_strategi_ hubungan baik pentadbir_kelancaran
G1	Saya nak jawab dari segi data dan sebagainya sebab benda tu, kita tak buat kajian lagi secara terperinci.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada kajian
G1	Dari segi *parents*, saya tak jumpa lagilah yang berjumpa dengan saya.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada maklum balas
G1	Saya sendirilah sebagai guru, bila nak masuk mengajar tu, memang saya tegas dengan peraturan tersebut, dengan lagu.	Menerangkan_kualiti_pembina program_tegas melaksanakan program
G1	Tapi, setelah lagu tu ada. Sebelum kita masuk pun, dah ada pasukan peninjau. "*Sir* nak masuk". "Muallim nak datang". Mereka pun siap-siap. Awal-awal, kita dah tahu peraturan tu dah ada. Jadi, kita masuk dengan keadaan yang tenang. *Ready*, murid tunggu kita. Itu antara perubahan dari segi disiplin. Hasil lagu tersebut.	Menganggap_kesan_murid_ berdisiplin
G1	Yang lagu lain tu macam Langkah Ibadah sebagainya, sekadar menyanyi lagi lah. Dia belum lagilah ke arah praktikal untuk berjalan sambil berselawat. Belum lagilah. Kita sendiri	Menganggap_kelemahan_ program_kurang praktikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	pun susah nak berjalan sambil berselawat, tanpa berzikir. Inikan lagi budak-budak.	
G1	Memang setiap kali perhimpunan pagi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Di situlah terjadinya rentetan itu terhasillah Lagu Niat Kita. Kemudian, kita pamerkan niat tu pun di dinding, dekat kantin, yang ada tulisan hitam tu.	Menerangkan_strategi_ penyebaran lirik lagu
G1	Kemudian, tindakan yang kita dah ambil, mereka akan nyanyi setiap kali perhimpunan pagi. Keluar barisan, mereka akan nyanyi setiap hari.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Yang pagi-pagi untuk hari Selasa, Rabu, Khamis dan Jumaat. Sebelum mereka keluar tu, seorang pelajar tu, dia akan pegang mikrofon. Dia akan nyanyi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Setiap hari. Kecuali hari Isnin.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Setiap hari, diulang-ulang.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_konsisten
G1	Kalau pagi-pagi tu kan, PK HEM selalu bagi kerjasama. Dia sediakan sendiri hadiah, pensel la, pemadam la.	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan
G1	Siapa yang nyanyi kat depan, lepas nyanyi, bagi hadiah. Jadi, ramai yang berebut nak menyanyi tu. Jadi galakan.	Menerangkan_strategi_galakan _persembahan
G1	Tapi selepas dah tak dapat hadiah pun, mereka nak nyanyi juga. Hadiah dah habis kan. dia tetap berebut nyanyi juga.	Menganggap_kesan_murid_ berdisiplin
G1	Tahap Satu saja yang minat. Tahap Dua macam, lirik tu macam tak kena dengan jiwa mereka lagi. Lirik kanak-kanak. Sesuai dengan tadika dan sebagainya.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka nyanyian
G1	Perubahan sikap tu saya tak berapa nampak lagi benda tu. Saya tak fikirkan ke arah mengkaji kesan lagu lagi.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Cuma dari segi sikap yang kita boleh diukur ialah dari segi disiplin tu. Dari sikap belajar, sukar lagilah nak berubah.	Menganggap_kesan_murid_ berdisiplin
G1	Mula-mula, mereka peringkat pertama saya ajar di perhimpunan pagi tu hanya tepuk tangan sahaja. Buat apa yang Allah suka, mereka pun tepuk tanganlah.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pergerakan dalam lagu
G1	Akhirnya, tepuk tangan tu dah sebati dengan mereka. Saya minta mereka nyanyi pula. Kita nyanyi sambil bertepuk tanganlah.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pergerakan dalam lagu
G1	Bila persembahan kat Ihtifal tu, anak-anak kecil kat belakang tu bertepuk tangan kat belakang. Padahal mereka tak tahu pun lagu tu.	Menganggap_kesan_sekolah_ tarikan program
G1	Bila persembahan kat Ihtifal tu, anak-anak kecil kat belakang tu bertepuk tangan ikut rentak. Padahal mereka tak tahu pun lagu tu. Tapi mereka tu memberi respons tu secara tak langsung. Bila adik-beradiknya tengok, depan mata, bila adik dia buat, abang dia, kakak dia semua buat.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka rentak lagu
G1	Rentaknya tu. Bila dengar lagu, saya dengar sekali dah bermain dalam kepala. Tak tahu lirik pun.	Menganggap_kejayaan_lagu_ rentak lagu menarik
G1	Pertama, kita nak melatih budak, buat apa yang Allah suka, tinggal apa yang Allah benci. Amar makruf nahi mungkar.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _memberi pemahaman
G1	Yang tu jauh lagi. Bagi mereka hafal dulu. Suatu hari nanti bila mereka kata, mereka dah bergelut dengan masalah dunia dan sebagainya. Mereka akan, yang penting redha Allah. Yang penting segala-galanya redha Allah.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Fokus kepada pembentukan akhlak di sekolah sahaja. Seolah-olah menyediakan murid untuk kehidupan.	Menerangkan_tujuan_nyanyian_mendidik
G1	Mungkin kita akan nak menyampaikan sesuatu kalau kita tak ada. Saya takkan bagi duit, kalau duit saya tak ada. Kalau benda tu pun tak ada dalam diri saya, macam mana saya nak kongsikan dengan yang lain. Saya tak mahu buat lagu yang hipokrit. Menyanyi tapi dalam diri sendiri, tak ada. Kita suruh orang buat, tapi kita pun tak ada benda tu. Dia seolah-olah, saya meluahkan apa yang ada dalam diri saya ke dalam bentuk lagu. Jadi boleh kenal siapa diri saya, daripada lagu tersebut.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Setakat ni, tepuk tangan saja. Tepuk tangan untuk bagi dia gembira atau macam mengiyakan. Buat apa yang Allah suka. Itu idea yang terkini lah tu. Tapi tak ada la yang betul-betul tu. Tapi tepuk tangan sebagai *enjoy*.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pergerakan dalam lagu
G1	Beri peringatan kepada guru dan kepada diri sendiri dulu, sebagai guru kan. Kadang-kadang saya terus masuk je kan. *So*, macam mana saya betul-betul nak laksanakan. Nanti, lagu ni nanti kan akan tegur saya balik kan. Engkau buat lagu, engkau yang tak ikut lagu engkau.	Menerangkan_strategi_tegas melaksanakan program
G1	Dia macam memo, masuk kelas, dia *refresh* balik. Sebelum masuk kelas kan, murid akan berhimpun kat perhimpunan pagi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Jarang sangat dinyanyikan. Sebab perhimpunan tu masanya ada lima minit. Lagu yang nak diajarkan tu banyak sangat, nak perkenalkan lagu baru. Bila nak perkenalkan lagu baru, bukan budak yang tak ingat. Saya pun kadang tak ingat.	Menganggap_cabaran_guru_ kekangan masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Lagu Langkah Kita Langkah Ibadah ni, kita ni daripada rumah dah niat. Kita nak pegang semua slot kehidupan pelajar ni. Di rumah dah mula dengan niat. Bila sampai ke sekolah tu, melangkah ke pintu pagar tu, langkahnya itu ada isi.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik
G1	Berjoging sambil berselawat. Berjalan kaki sambil berselawat. Haa, sebab ni memang saya dah praktikal dulu. Sebab nak ambil rentak tu, saya buat sambil joging kat taman tu. Lima pusingan ke empat pusingan. Sambil tu berselawat.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Ya, masa perhimpunan.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Ini lagu yang dipaparkan pada dinding tu, yang ini.	Menerangkan_strategi_ penyebaran lirik lagu
G1	Jadi dari segi pelaksanaan, kesemua lagu ini dibuat semasa perhimpunan pagi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Ya, nyanyi secara beramai-ramai.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_nyanyian
G1	Jadi, walaupun saya tahu konsep yang sama, tetapi Didik hibur ni suatu benda yang saya fikir lirik yang *simple* dan ada mesej agama yang budak boleh faham dengan bahasa budak. Kalau qasidah ni bahasa orang tua, hatta orang tua pun tak faham, apa bahasa yang diguna.	Menerangkan_konsep_didik hibur_pendidikan akhlak
G1	Saya tak kecil hati kalau budak Tahun Empat, Lima, dan Enam tak minat. Sebab mereka *level*, mungkin perlukan lirik yang *boom*.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Untuk sekolah lain tu memang saya berhasratlah nak *transfer* ke sekolah lain.	Mencadangkan_penyebaran ke luar sekolah
G1	Saya sendiri pun tak sempat nak buat. Saya hanya peringkat untuk mereka lagu dan mengajar lagu sahaja. Peringkat yang lebih tinggi, nak buat	Menganggap_cabaran_pembina program_kekurangan masa penekanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	kajian dan sebagainya belum sampai dalam kemampuan saya lagi. Tu bukan kekuatan sayalah.	
G1	Dia sebagai suatu bahan yang kita rasa ia akan membantu pelajar untuk menjadi penasihat dalaman.	Menerangkan_konsep_didik hibur_nasihat
G1	Saya buat lagu berdasarkan situasi yang ada yang saya nak tegur berlaku ketika itu.	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Kemampuan lagu, itu kemahiran yang ada. Di samping berleter pun saya dah berleter dah kat sekolah. Saya dulu memang suka marah kat surau. Tegur-tegur dan sebagainya. Sekarang dah tua ni tukar *style* la kan. tak larat dah nak marah-marah budak.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Saya memang ada cadangan. Dan saya pun pernah minta *quotation*, daripada adik ipar saya. Dia ni mantan ketua PASTI Malaysia. Dia pernah buat lagu PASTI dan dia ada juga maklumat tentang komposer dan sebagainya, berapa upah. Dah ambillah. Sebab nak tahu berapa harga. MasyaAllah mahalnya. Lima buah lagu lapan ribu. Siap sekali semualah. Kecuali artis kena cari sendiri tu. Belum masuk upah artis lagi tu. Yang tu upah studio sahaja.	Mencadangkan_naik taraf lagu
G1	Yang ke depan, kalau boleh perkara ni mendapat pengiktirafan daripada JAIPK. Dan JAIPK boleh *transfer* program ni macam mereka *transfer* program Quran, untuk ke sekolah-sekolah. Dan kalau benda ni memang UPSI boleh buktikan, berkesan untuk pendidikan akhlak. Jadi, saya nak buat di sekolah agama sepenuh masa ni dulu. Dan juga untuk rangkaian IKRAM-Musleh, banyak sekolah, satu Malaysia. Tu pun bermula dengan pengiktirafan dan ada juga bukti akademik ni.	Mencadangkan_mendapat pengiktirafan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Tu yang saya kata, saya perlukan kekuatan diri untuk bangunkan motivasi diri balik. Itu cara tadilah. Doa, apa semuanya, yang kata Fana', menghilangkan kehendak diri tu. Terus berusaha, akhirnya berjaya tak berjaya, tu semua kerja Allah. Yang penting kejayaan terbesar ialah Allah redha. Itu.. haa.. sebab kalau kita nak fikir kejayaan kecil-kecil yang berbentuk makhluk ni	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Jadi sekarang ni berjaya tak berjaya bukan lagi jadi isu bagi saya. Kalau macam orang yang kena sakit *depress*, dia tak kira dah, hidup mati dah tak kisah dah. Tapi saya bukanlah *depress*.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Sebenarnya, ya. Sebab saya tengok, saya cubalah nak tengok respons daripada sekolah menengah. Antar lagunya, ada dalam video *channel* tu, yang ada budak sekolah menengah sekali yang tepuk tangan sekali. Kemudian tanya anak, sampai anak saya jadi malu. Mereka ulang-ulang nyanyi tu di kelas. Padahal saya tak suruh nyanyi pun. Dan mereka hafal lagu tersebut. Saya tak mengajar pun, Cuma ada sekali-sekali je kat surau tu, tapi mereka *follow* je. Mereka dah hafal dan terus menghafal, dan mereka ulang.	Menganggap_kejayaan_murid_ menghafal
G1	Ya, sekolah menengah. Maknanya benda tu mungkin sesuai dengan fitrah mereka . Mereka merasakan di situ ada pengisian yang mengubati jiwa, buat apa yang Allah suka, Langkah Ibadah. Semua ajak benda baik.	Menganggap_kejayaan_lagu_ mengajak kebaikan
G1	Murid-murid telah dibuat secara berterusan. Dari Darjah Satu.	Menyatakan_sasaran_murid_ sekolah rendah
G1	Dapatkan kesepakatan. Jadikan lagu dan SOP. Mudah-mudahan dengan lagu dan SOP, setakat ni sebelum berlakunya penetapan SOP yang ketat, seperti	Menerangkan_strategi_ kesepakatan dalam mesyuarat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	kesepakatan dalam mesyuarat baru ni pun, itupun dah ada perubahan.	
G1	Takde kata, istilah Didik Hibur pun tak kenal. Dah kenal jumpa seorang pensyarah ni baru tahu istilah Didik Hibur tu apa dia. Tak tahu pun Didik Hibur tu ada dalam KPM. Tak tahu benda pun. Hanya tahu perbuatan.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Masa tu gaya memang dah ada dah semua. Gaya tu bukan yang baru, gaya tu memang dah lama. Di situlah antara lagu yang nampak gaya mereka boleh ikutlah di surau.	Menganggap_kejayaan_lagu_ pergerakan menarik minat
G1	Walaupun dia berbelit-belit lidah, tapi budak mampu untuk hafal. Disebabkan rentak kan.	Menganggap_kejayaan_lagu_ rentak lagu menarik
G1	"*Bismillahirrahmanirrahim*" dan akan diulang hari-harilah.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	InsyaAllah kalau ada rezeki, saya kan cubalah buat. Satu-satu lagu tu ada pergerakan.	Mencadangkan_tambah baik pergerakan
G1	Buat lagu pakai bahasa isyarat. Lagu Fatihah je yang ada bahasa isyarat. Kalau ada rezeki, kita akan buat. Upah dia itu standard la.	Mencadangkan_guna bahasa isyarat
G1	Maknanya aku nak Allah redha. Jadi, kedua-dua ni adalah kehendak kita. Macam tadi. Maka, di sini, seolah-olah kita merasakan kita ada dua kehendak. Saya berusaha untuk menghilangkan kehendak diri sendiri. Kalau biasa dengar. Kita larutkan diri kita ni semuanya dalam ketentuan Allah. Kita berusaha, tapi apa yang Allah Taala tentukan sama ada berjaya atau tidak, itu yang terbaik untuk diri kita.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berserah kepada Allah
G1	Kawan-kawan yang rapat memahami.	Menerangkan_kualiti_pembina program_meluah kepada kawan memahami

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Kita pilih di kalangan Tahun Tiga. Yang mana, guru yang pilih hantar wakil.	Menyatakan_sasaran_murid_ sekolah rendah
G1	Paling penting sekali ialah jaga hubungan dengan Guru Besar. Itulah kunci *power*.	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan
G1	Akhirnya, saya minta dalam mesyuarat, lagu ni diterima sebagai lagu. Itupun tak minta *direct* lagi. Dapat letak lagu ni. Biasalah perhimpunan akan jadi panjang, padahal videonya dua minit je.	Menerangkan_strategi_ kesepakatan dalam mesyuarat
G1	Tapi dari segi tindak balas dari segi peraturan kelas, yang lagu SOP tu memang ada perubahan.	Menganggap_kejayaan_lagu_ menjadi SOP setiap hari
G1	Lagu niat ni tujuannya adalah supaya pelajar ni daripada rumah lagi dah berniat. Kita nak tanam nak ajar, pergi sekolah mesti mula dengan niat.	Menerangkan_tujuan_ memperbaiki niat setiap hari
G1	Tahun Satu suka dan akan *follow*.	Menganggap_kejayaan_murid_ suka nyanyian
G1	Ya. Jati diri dia. Tanam pohon yang baik, akar yang tanam dalam jiwanya, kalimah-kalimah yang baik. Prinsip-prinsip yang baik. Akhirnya dia akan, angin taufan melanda kehidupan dia pun, apa pun, dia tetap teguh.	Menerangkan_kualiti_pembina program_prihatin
G1	Jadi, bila saya masuk kelas, saya *brake*. Kena buat tu, jangan masuk terus. Lagu dah ada ni, SOP dah ada. Kita sendiri yang kena. Dan dia tegur untuk diri.	Menerangkan_kualiti_pembina program_tegas melaksanakan program
G1	Membina mood dulu sebelum masuk ke kelas. Nampak ada rasa seronok.	Menganggap_kesan_murid_ rasa gembira
G1	Kemudian, masuk pintu pagar sekolah, nak pergi kelas. Lagu Langkah Ibadah, sampai ke kelas. Ataupun keluar perhimpunan pagi, lagu langkah lagi, sampai ke kelas. Itu praktikal lah.	Menerangkan_pelaksanaan_ sewaktu sesi persekolahan
G1	Itulah Lagu SOP. Guru takkan masuk ke kelas selagi murid tidak berdiri	Menerangkan_guru_pelaksana program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	sempurna. Itulah SOP nya. Guru tidak akan mula mengajar,	
G1	Ada, saya ada jumpa dengan Jabatan Agama. Sebab saya macam lagu Sorof tu memang saya menggubal lagu Sorof yang Lughati yang Perak punya ni. Masa tu saya bawah seorang penyelia.	Mencadangkan_sokongan pihak luar
G1	Kejayaan lagu ni, dia tidak boleh melibatkan satu pihak. Dia mesti melibatkan semua pihak daripada guru besar, guru-guru, pelajar-pelajar, ibu bapa, semua golongan, hatta masyarakat sekalipun, dan orang-orang yang ada kuasa seperti jabatan dan sebagainya, perlu mengambil peranan.	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Pakar-pakar yang menyokong program ni. Kepakaran mungkin ada pensyarah lain yang support. Jadi, kepelbagaian kelompok ni di satu-satu pasukan, yang saya lihat dari segi pelaksanaan pensyarah mungkin dari sudut perancangan yang lebih besar.	Mencadangkan_sokongan pihak luar
G1	Ketika itu, kalau tak ada sokongan, itu yang, *Bismillahirahmanirrohim*, (surah Al-Ikhlas, ayat 1-2). Katakanlah Dia yang Maha Esa. Dialah tempat aku bergantung. "*Somad*" ni padu. Kita ni tak padu. Kita ni makhluk yang bersifat lompong, banyak kekurangan. Jadi bergantung kepada *As-Somad*. Bergantung dengan Dia jelah, dan teruskan berusaha, bercakap je lah.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berserah kepada Allah
G1	Sebab berjaya tu bukan di sisi manusia. Berjaya itu ialah di sisi Allah. Walaupun semua orang tolak, tak apa.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berserah kepada Allah
G1	Sebab tu saya merasakan yang paling penting bagi saya, Allah terima usaha kita bersama. Itu je. Dan ini, sama ada siapa sahaja yang menyokong program ni, usaha kami ni, untuk-Mu.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berserah kepada Allah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Rekalah macam mana nak buat budak tiru apa yang kita buat. Tak kan nak cerita, haa budak, Muallim joging sambil tu berselawat. Nampak sangatlah tak seronoknya nak cerita benda yang kita buat.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Di situlah bermulanya nak *apply*kan apa yang kita buat, nak kongsikan kepada pelajar dalam bentuk lagu. Itu asal-usulnya.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Buat Apa Yang Allah Suka. Dia sebenarnya berkaitan dengan kehidupan kita. Dalam tujuan hidup kita ni, budak-budak ni susah nak faham keredhaan Allah.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mencapai keredhaan Allah
G1	Jadi, orang yang nak bagi kesedaran tu tak boleh rakan sebaya. Kalau saya yang bercakap, Muallim ni hari-hari cakap benda yang sama. Dia kena cakap dalam posisi yang lain. Maksudnya, ada pakar-pakar yang lain yang bercakap tentang mana hala tujunya, apa potensinya, dari sudut psikologinya, dari sudut agama, baru mereka akan rasa lagu ni ada potensi sebenarnya. Di situlah caranya, kalau bolehlah.	Mencadangkan_kesedaran tanggungjawab
G1	Biar guru-guru merasakan SOP ni lah hasil mereka sendiri. Bukannya daripada sebelah pihak. Bukan kata pentadbiran.	Menerangkan_guru_pelaksana program
G1	Bila nak memahamkan bacaan dalam solat, maka direkalah satu cara Didik Hiburlah. Tetapi masa tu tiada istilah Didik Hibur lagi. Makna bacaan solat jelah. Mengajar bacaan solat dalam bentuk menyanyi. Versi Lagu Melayu.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_nyanyian
G1	Saya usaha kumpulkan dalam buku tu, yang dalam buku tu, ada lebih kurang dalam 39 lagulah.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berusaha menyebarkan program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Mereka dengar hari-hari lagu tu. Sebab bilik guru dengan tapak perhimpunan tu memang, apa yang kami cakap kat perhimpunan tu memang terus tala ke bilik guru punya.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G1	Bila kita, siapa-siapa yang buat program, kadang-kadang kita rasa program aku ni berjaya. Kita nak, kita ada kehendak, kita nak. Siapalah yang tak nak berjaya. Semua fitrah manusia nak berjaya. Memang itu fitrah. Kita tak boleh nafikan.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berusaha menyebarkan program
G1	Jadi, dengan desakan-desakan yang itu, persembahan Ihtifal tu, akhirnya mereka berjaya. Mereka menghafal. Dan akhirnya, berjaya membuat persembahan di Ihitfal. Bukannya semua budak pandai.	Menerangkan_strategi_galakan _persembahan
G1	Saya kata tepat masanya, terus mula. Budak ada ke tak ada ke, terus mula.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berusaha menyebarkan program
G1	Tu peringkat yang seterusnya. Kalau mereka mampu menyanyikan daripada rumah, kita akan tanya siapa yang nyanyi lagu "*Azha Bu*" daripada rumah, dalam kereta, kita akan *survey* la nanti.	Mencadangkan_kutipan data pelaksanaan
G1	Kita masukkan dalam perhimpunan pagi.	Menerangkan_pelaksanaan_ masa perhimpunan
G1	Lagu tu, saya reka sendiri.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berusaha menyebarkan program
G1	Mungkin terinspirasi ke. Mungkin tertarik dengan rentak lagu tu.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berusaha menyebarkan program
G1	Pertama, kita nak melatih budak, buat apa yang Allah suka, tinggal apa yang Allah benci. *Amar makruf nahi mungkar*.	Menerangkan_tujuan_nyanyian _mendidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Kehidupan masa depan. Ya betul. Sekiranya dia berdepan dengan kemalangan, dia akan nyanyi lagu ni.	Menganggap_kesan_murid_ muhasabah diri
G1	Untuk kehidupan dia. Bekalan dia.	Menganggap_kesan_murid_ muhasabah diri
G1	Memo sebelum masuk ke kelas.	Menerangkan_konsep_didik hibur_peringatan
G1	Dia tak nyanyi di dalam kelas. Dia Cuma dinyanyi sebelum masuk.	Menerangkan_pelaksanaan_ sebelum masuk kelas
G1	Muallim akan berada kat depan. Nyanyi lagu-lagu yang Muallim rasa nak bagi peringatan. *So* bila murid nyanyi, murid akan ingat.	Menerangkan_konsep_didik hibur_peringatan
G1	Berubah sambil berjalan. Tapi yang sebenarnya itu sebagai lagu. Yang kita nak ialah inti dia. Dia sambil berjalan "*Subhanallah Walhamdulillah Wala Ila Haillallah Wallahu Akbar*". Atau sambil berjalan "*Allahumma Solliala Muhammad Waala Ali Muhammad*". Kemudian, itu yang saya *top up* dengan langkah ibadah.	Menganggap_kesan_murid_ perubahan tingkah laku
G1	Satu lagi syarat untuk kebersihan. Nak belajar, mesti tempat bersih, baru malaikat turun rahmatnya.	Menerangkan_strategi_tegas melaksanakan program
G1	Dia sebenarnya konsep menyampaikan dakwah melalui lagu ni pelbagai unsur. Yang saya buat di sekolah, Didik Hibur ni, walaupun konsep yang sama, tapi saya tak pernah merujuk kepada ambil dari qasidah ke marhaban ke sebab saya bukan bidang dia.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_nyanyian
G1	Tetapi saya nak pergi nak membawa tanpa ada pengiktirafan memang sukar.	Menganggap_cabaran_pembina program_tiada sokongan
G1	Saya tidak ada *proof* bila ditanya apa kesan lagu ni, saya tak boleh jawab. Sangat sukar untuk dinilai dalam bentuk data dan sebagainya melainkan ada orang-orang yang pernah cerita kajian.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
G1	Dia sebagai suatu bahan yang kita rasa ia akan membantu pelajar untuk menjadi penasihat dalaman.	Menganggap_kesan_murid_ muhasabah diri
G1	Lagu itu sendiri ialah akhlak untuk orang lain juga mempraktikkan benda yang sama.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berkongsi kebaikan
G1	Kalau dah ada pengiktirafan, barulah kita nak minta bantuan sebagainya. Ada sokongan, PhD ke apa ke. Senang nak minta bantuan mana-mana. Itu hasrat yang akan datanglah.	Mencadangkan_mendapat pengiktirafan
G1	Akhlak ni, kalaulah semua orang ni boleh bergabung, dengan suatu usaha yang ada bukti bahawasanya bagus. Dia akan lebih bermanfaat untuk kembali.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Peranan *parent* cukup baik, memberi galakan. Contoh video yang baru ni, *parent* ambil gambar, anak yang kecilnya pun berpusing-pusing.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Pihak sekolah mesti ada satu kelompok ataupun kelompok elit yang katakan dalam empat atau lima orang atau 10 orang, yang betul-betul mantap dari segi matlamat, hala tuju dan sebagainya. Supaya bila ada gangguan-gangguan yang melemahkan semangat ni, kelompok ni ada kekuatan jemaah. Dia bukan seorang, individu.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G1	Kalau pembina program, tanpa sokongan, *confirm* tak akan berjaya. Saya menyanyi sorang-sorang kat bilik air jelah. Lepas tu nangis, kenapa program aku tak berjaya.	Menerangkan_kualiti_pembina program_bersikap positif
G1	Akhirnya, walaupun seorang pengikut, Allah kata dia berjaya. Sebab berjaya tu bukan di sisi manusia. Berjaya itu ialah di sisi Allah.	Menerangkan_kualiti_pembina program_berserah kepada Allah
G1	Perkataan yang mereka mudah nak faham ialah suka. Suka, tak suka. Jadi, yang ada suka, tak suka ni ialah semua,	Menganggap_kejayaan_lagu_ pengaruh lirik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	termasuklah Allah. Allah pun ada suka dan tak suka. Bahasa Arabnya, redha atau tak redha. Jadi, di situlah bermulanya Buat Apa Yang Allah Suka.	
G2	Kalau dunia pendidikan, kalau macam artis contohnya kan dia buat lagu supaya sedap di dengar tetapi mendidik ini dia. Lagu itu adalah bagaimana untuk menyampaikan ilmu. Hah, melalui pendekatan lagu sebab mendidik ini dia pelbagai pendekatan.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G2	Hiburan ini tak ada orang yang tak suka. Dia adalah sinonim dengan manusia, dia sebati. Semua orang suka hiburan. Jadi, itu adalah pendekatan yang santai dan menarik dan dalam masa yang sama kita boleh jadikan salah satu usaha untuk mencapai matlamat ataupun objektif kita dalam mendidik tu lah.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G2	Cuba kalau kita nyanyi, "Buat apa yang Allah suka" secara tak langsung dia akan ulang-ulang benda tu. Dia akan sedar dan makin faham.	Menerangkan_kaedah_didik hibur_pengulangan
G2	Mungkin budak Tahun Satu, dia akan nyanyi tapi tanpa perasaan…bukan takda perasaan tapi dia tak faham. Dia ada perasaan, perasaan dia gembira lah.	Menganggap_kesan_murid_ rasa gembira
G2	Tapi *by years, by time*, dia akan "Betullah, apa yang Allah suka? Ini Allah suka". Dia mula berfikir.	Menganggap_kesan_murid_ muhasabah diri
G2	Kematangan setiap individu ni berbeza. *So*, untuk jawapan tu sangat subjektif. Sebab ada murid, Tahun Tiga dia dah matang, *so*, dia boleh cepat faham.	Menyatakan_sasaran_murid_ sekolah rendah
G2	Tarikan, sebab nama pun hiburan. Hiburan ni tak ada orang yang tak suka. *So*, tarikan lah.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G2	Apa yang program didik hibur buat sekarang ni adalah satu usaha	Menerangkan_konsep_didik hibur_pendidikan akhlak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	pendekatan untuk membantu membentuk sahsiah murid.	
G2	Pembentukan sahsiah murid utamanya adalah dari ibu bapa.	Menganggap_kejayaan_pihak luar sekolah_beri sokongan
G2	Kat sekolah ni bila kita perkenalkan didik hibur ni, pada pandangan Muallimah lah, kita tak capai benda ni dalam masa yang singkat. Ia membantu proses mendidik tetapi kita belum boleh katakan ia berjaya. Maksudnya, *outcome* tu kita tak dapat serta merta.	Menganggap_cabaran_program _keberkesanan ambil masa
G2	Cuma ia membantu murid di satu masa nanti, murid tu akan faham. Sebab bila nak memahami sesuatu memang dia memerlukan kematangan.	Menganggap_cabaran_program _keberkesanan ambil masa
G2	Cuma di peringkat sekolah rendah ni kita lebih kepada menarik minat dia untuk dia mengalunkan benda yang baik kemudian sebagai alternatif kepada hiburan.	Menerangkan_konsep_didik hibur_hiburan
G2	Sebab sahsiah ni bukan satu benda yang dinyanyikan. Sahsiah bukan dilagukan.	Menganggap_kelemahan_ program_kurang praktikal
G2	Ia takkan berjaya hanya dengan lagu tetapi program Didik Hibur adalah salah satu usaha ataupun pendekatan yang sangat baik.	Menganggap_kelemahan_ program_kurang praktikal
G2	Contohnya, kita didik murid jaga kebersihan. Kita kena cakap dan satu lagi pendekatan guna lagu. Kan ada lagu kutip sampah tu, *so*, dia akan dengar.	Menerangkan_guru_ pembimbing program
G2	Baguslah, sebab ia kepelbagaian *method*.	Menganggap_kejayaan_pentad bir sekolah_beri sokongan
G2	Sebenarnya, kalau ingat sejak tahun 2007 masuk tu dah ada benda ni yang "Kutangkap tangkap…" hah, tu kan. Dah lama lah, dah lama.	Menyatakan_asal usul_masa pelaksanaan
G2	Benda ni dah berlangsung lama cumanya dalam tempoh setahun dua ni	Menyatakan_asal usul_masa pelaksanaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peserta	Petikan Perbualan	Penamaan Kod
	lah baru nampak benda tu diberikan penekanan.	
G2	*Of course* lah benda yang baik.	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan
G2	Rasanya kalau kita ni seorang guru ataupun kita seorang pendidik, kita akan nampak apa saja benda yang bawa kepada kebaikan dan pembentukan sahsiah murid tu benda yang baik. Apa sahaja. *So*, tak nampaklah benda tu sebagai buang masa, sekadar hiburan.	Menerangkan_konsep_didik hibur_pendidikan akhlak
12.	Menerangkan_masa_sesi persekolahan			
13.	Menyatakan_asal usul_masa pelaksanaan	2. Sejarah Pelaksanaan		
14.	Menyatakan_sasaran_ murid_sekolah rendah	1. Murid Sekolah Rendah	4. Sasaran	
15.	Menerangkan_guru_ pelaksana program	1. Tugasan Guru	5. Pelaksana	
16.	Menerangkan_guru_ pembimbing program			
17.	Menerangkan_kaedah_ didik hibur_konsisten	1. Berterusan	6. Kaedah	
18.	Menerangkan_kaedah_ didik hibur_lirik pendek	2. Lirik Ringkas		
19	Menerangkan_kaedah_ didik hibur_nyanyian	3. Nyanyian		
20.	Menerangkan_kaedah_ didik hibur_pengulangan	4. Berulang		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
21.	Menerangkan_kaedah_ pergerakan dalam lagu	5. Pergerakan Tubuh Badan		
22.	Menganggap_cabaran_ guru_bebanan tugasan	1. Halangan Pelaksana	7. Cabaran	
23.	Menganggap_cabaran_ guru_kekangan masa			
24.	Menganggap_cabaran_ guru_bersikap negatif	2. Sikap Guru		
25.	Menganggap_cabaran_ guru_kurang komited			
26.	Menganggap_cabaran_ guru_tiada sokongan			
27.	Menganggap_cabaran_ murid_Tahap 2_tidak berminat	3. Sikap Murid		
28.	Menganggap_cabaran_ murid_tidak fokus			
29.	Menganggap_cabaran_ pembina program_ kekurangan masa	4. Halangan Pembina Program		
30.	Menganggap_cabaran_ pembina program_ mencipta rentak lagu			
31.	Menganggap_cabaran_ pembina program_tiada sokongan			
32.	Menganggap_cabaran_ keberkesanan ambil masa	5. Halangan Program		
33.	Menganggap_cabaran_ kurang sambutan			
34.	Menganggap_cabaran_ tidak berterusan luar sekolah			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
35.	Menganggap_cabaran_ tidak sesuai sekolah menengah			
36.	Menganggap_kesan_ murid_berdisiplin	1. Perilaku Murid	8. Kesan	
37.	Menganggap_kesan_ murid_mudah belajar			
38.	Menganggap_kesan_ murid_muhasabah diri			
39.	Menganggap_kesan_ murid_perubahan tingkah laku			
40.	Menganggap_kesan_ murid_rasa gembira	2. Emosi Murid		
41.	Menganggap_kesan_ sekolah_tarikan program	3. Manfaat Program		
42.	Menganggap_kelemahan_ guru kurang penghayatan	1. Tindak Balas Guru	9. Kelemahan	
43.	Menganggap_kelemahan_ program_kurang praktikal	2. Penghayatan Kandungan		
44.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada data	3. Perolehan Maklumat		
45.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada kajian			
46.	Menganggap_kelemahan_ program_tiada maklum balas			
47.	Menerangkan_strategi_ wujudkan pasukan kompang	1. Galakan Murid	1. Strategi Guru	2. Strategi
48.	Menerangkan_strategi_ persembahan murid			
49.	Menerangkan_strategi_ galakan kepada guru lain	2. Bimbingan Guru		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
50.	Menerangkan_strategi_ guru beri teguran	3. Bimbingan Murid		
51.	Menerangkan_strategi_ guru guna pendekatan psikologi			
52.	Menerangkan_strategi_ guru susun keutamaan	4. Asertif		
53.	Menerangkan_strategi_ guru bersepakat			
54.	Menerangkan_strategi_ guru bertegas melaksana			
55.	Menerangkan_strategi_ guru seragam penguatkuasaan			
56.	Menerangkan_strategi_ hubungan baik pentadbir	5. Bantuan Pentadbiran Sekolah		
57.	Menerangkan_strategi_ penyebaran lirik lagu	6. Usaha Pembina Program		
58.	Mencadangkan_guna bahasa isyarat	1. Pembaikan Lagu	2. Cadangan Guru	
59.	Mencadangkan_naik taraf lagu			
60.	Mencadangkan_tambah baik pergerakan			
61.	Mencadangkan_guru menjadi contoh teladan	2. Tambah baik Pelaksana		
62.	Mencadangkan_ kesedaran tanggungjawab mendidik			
63.	Mencadang_pendedahan pelaksanaan kepada guru			
64.	Mencadangkan_kutipan data pelaksanaan	3. Tambah baik Hasil Program		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
65.	Mencadangkan_budaya amalan baik	4. Tambah baik Perancangan		
66.	Mencadang_mendapat pengiktirafan			
67.	Mencadangkan_ penguatkuasaan pelaksanaan			
68.	Mencadangkan_ penyebaran ke luar sekolah			
69.	Mencadang_perancangan strategik pelaksanaan			
70.	Mencadang_sokongan pihak luar			
71.	Menganggap_kejayaan_ lagu_mengajak kebaikan	1. Membentuk Akhlak	1. Kekuatan Lagu	3. Faktor Kejayaan
72.	Menganggap_kejayaan_ lagu_pendidikan adab murid	2. Amalan		
73.	Menganggap_kejayaan_ lagu_menjadi SOP harian			
74.	Menganggap_kejayaan_ lagu_mudah difahami	3. Kefahaman Lagu		
75.	Menganggap_kejayaan_ lagu_pengaruh lirik	4. Lirik Lagu		
76.	Menganggap_kejayaan_ lagu_pergerakan menarik minat	5. Pergerakan		
77.	Menganggap_kejayaan_ lagu_rentak lagu menarik	6. Rentak Lagu		
78.	Menganggap_kejayaan_ lagu_sesuai dengan tahap umur	7. Kesesuaian Umur		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
79.	Menganggap_kejayaan_ guru_bekerjasama	1. Tanggungjawab Guru	2. Kerjasama Guru	
80.	Menganggap_kejayaan_ guru_memahami program			
81.	Menganggap_kejayaan_ guru_berminat dengan program			
82.	Menganggap_kejayaan_ guru_boleh menyanyi			
83.	Menganggap_kejayaan_ guru_buat kajian	2. Sumbangan Guru		
84.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ berkongsi kebaikan	1. Akhlak Pembina Program	3. Kualiti Pembina Program	
85.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ berserah kepada Allah			
86.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ prihatin			
87.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ bersikap positif			
88.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ usaha penyebaran	2. Komited		
89.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_kreatif membuat lagu			
90.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_luahan kepada rakan			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

No.	Kod Utama	Kategori	Sub Tema	Tema
91.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ ketegasan			
92.	Menerangkan_kualiti_ pembina program_ tempoh berkhidmat	3. Pengalaman		
93.	Menganggap_kejayaan_ murid_faham lirik	1. Keupayaan Murid	4. Penerimaan Murid	
94.	Menganggap_kejayaan_ murid_mengajak kebaikan			
95.	Menganggap_kejayaan_ murid_menghafal			
96.	Menganggap_kejayaan_ murid_menghayati ilmu			
97.	Menganggap_kejayaan_ murid_suka nyanyian	2. Minat Murid		
98.	Menganggap_kejayaan_ murid_suka rentak lagu			
99.	Menganggap_kejayaan_ pentadbir sekolah_beri sokongan	1. Pentadbir Sekolah	5. Sokongan Pelbagai Pihak	
100.	Menganggap_kejayaan_ pihak luar sekolah_beri sokongan	2. Ibu Bapa dan Pihak Berkepentingan		

Secara keseluruhan, Jadual 4.6 telah memaparkan perincian proses pencarian tema yang Pengkaji lakukan secara teliti. Pengkaji berjaya menemukan tiga tema utama yang bersesuaian menjawab keperluan tujuan dan soalan penyelidikan. Hasil proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penemuan tema-tema dan sub tema pada Jadual 4.6 telah dirujuk serta disemak oleh pakar-pakar bidang. Hal ini adalah penting supaya hasil analisis yang Pengkaji laksanakan adalah mematuhi piawaian pelaksanaan kajian kualitatif.

4.2.3.5 Peringkat Kelima

Peringkat ini merupakan tahap akhir penentuan terhadap pilihan tema yang paling sesuai bagi menjawab soalan-soalan kajian. Untuk itu, Pengkaji berperanan untuk memastikan fungsi tema adalah saling berkait antara satu sama lain. Fungsi tema yang saling berhubungan sesama sendiri menunjukkan bahawa fokus kajian adalah konsisten dan signifikan bagi tujuan keperluan keberhasilan penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Di akhir proses pengekodan dan pengelasan mengikut kategori yang sistematik, Pengkaji telah menemukan tiga tema utama iaitu tema pelaksanaan, tema strategi, dan tema faktor kejayaan. Di bawah tiga tema tersebut, terdapatnya 16 sub tema yang saling berkait. Berdasarkan penemuan sub tema pula, Pengkaji telah mengatur 49 kategori yang mewakili 100 kod utama. Perincian hubung kait ketiga-tiga ini akan dilaporkan pada peringkat akhir pelaporan analisis tematik.


Pengkaji meringkaskan dalam bentuk rajah bagi menunjukkan hasil penemuan tiga tema utama yang saling berhubungan bagi menceritakan pelaksanaan program Didik Hibur dalam membina sahsiah murid di SRAH. Rajah 4.3 di sebelah menunjukkan hasil akhir penemuan tema besar yang berpotensi menjawab keperluan soalan kajian yang diwujudkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.3

Tiga Tema Utama Kajian



Hasil paparan pada Rajah 4.3 menunjukkan bahawa ketiga-tiga tema ini adalah bersesuaian dan bertepatan dengan kehendak penyelidikan. Pengkaji selaku instrumen penting dalam kajian kualitatif ini telah menetapkan tema pelaksanaan, tema strategi, dan tema faktor kejayaan sebagai hasil analisis daripada data temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.6 Peringkat Keenam

Berdasarkan Braun dan Clarke (2006, 2014), peringkat akhir ini merupakan ruang untuk Pengkaji menulis pelaporan analisis data yang dilaksanakan secara tematik. Pengkaji bertanggungjawab untuk menulis laporan analisis ini secara naratif dan terperinci untuk memberi penerangan bagi setiap perolehan tema kajian yang memberi makna mengenai penyelidikan kualitatif yang dijalankan. Namun begitu, bagi keperluan penulisan sub topik ini, Pengkaji menggunakan penggunaan rajah bagi menunjukkan ringkasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


perhubungan tema utama dan sub tema. Hal ini demikian kerana Pengkaji telah menyediakan ruang karangan khas laporan analisis tematik pada sub tajuk berikutnya untuk lebih berfokus bagi tujuan pembacaan dan rujukan.

Bagi penemuan tema utama pelaksanaan, terdapat sembilan sub tema iaitu objektif, tempat, masa, sasaran, pelaksana, kaedah, cabaran, kesan, dan kelemahan. Kesemua sub tema ini saling berkaitan bagi menunjukkan perjalanan program Didik Hibur yang dilaksanakan di SRAH. Pengkaji mengungkapkan penemuan tema pelaksanaan bersama sembilan sub tema melalui Rajah 4.4 berikut:

Rajah 4.4

Hubungan Tema Pelaksanaan dan Sembilan Sub Tema

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, tema utama kedua ialah tema strategi yang memuatkan dua sub tema. Tema strategi ini saling berkait dengan dua sub tema iaitu strategi guru dan cadangan guru. Perhubungan tema dan sub tema ini berkeupayaan menjawab keperluan soalan kajian kedua. Keperluan tema ini adalah untuk menceritakan strategi yang digunakan oleh guru dalam menangani cabaran pembentukan sahsiah murid menerusi pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH. Pengkaji mengilustrasikan perkaitan tema strategi serta sub tema strategi guru dan sub tema cadangan guru melalui Rajah 4.5 seperti di bawah:

Rajah 4.5

Hubungan Tema Strategi dan Dua Sub Tema



Akhir sekali, Pengkaji telah menghasilkan tema utama ketiga iaitu tema faktor kejayaan yang memiliki kandungan lima sub tema berkaitan. Hasil pengaturan sistematik telah memproduksi sub tema kekuatan lagu, kerjasama guru, kualiti pembina program, penerimaan murid, dan sokongan pelbagai pihak. Perhubungan tema dan sub


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tema ini berpotensi menjawab soalan kemampuan pelaksanaan program terhadap pembinaan sahsiah murid melalui sudut pandang pihak pentadbir, guru, serta murid. Pengkaji menunjukkan penemuan tema faktor kejayaan dan lima sub tema ini melalui Rajah 4.6 yang dinyatakan berikut:

Rajah 4.6

Hubungan Tema Faktor Kejayaan dan Lima Sub Tema



Tuntasnya, Pengkaji telah menunjukkan hubungan tema utama dan setiap sub tema melalui Rajah 4.4, Rajah 4.5, dan Rajah 4.6. Setiap rajah yang dibina adalah sebagai ringkasan daripada jadual perolehan analisis data temu bual. Oleh itu, Pengkaji dapat membuat laporan yang terperinci dan mendalam ke atas setiap kewujudan tema serta sub tema bagi menjawab keperluan penyelidikan ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4 Laporan Hasil Analisis Tema Pelaksanaan

Seperti yang dilaporkan ketika proses analisis tematik, Pengkaji telah memperoleh sembilan sub tema yang berada di bawah tema pelaksanaan. Di bawah kesemua sub tema tersebut, Pengkaji telah mengatur 23 kategori bagi mewakili 46 kod utama secara sistematik. Setiap kod utama yang telah dianalisis daripada verbatim mampu menjelaskan persoalan bagaimana program Didik Hibur digerakkan untuk membentuk sahsiah murid di SRAH. Oleh itu, Pengkaji melaporkan dapatan bagi tema pelaksanaan ini mengikut pembahagian sub tema untuk mudah difahami serta jelas menjawab soalan kajian yang pertama.

4.2.4.1 Sub Tema Objektif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis, terdapat dua kategori yang terkandung di dalam lingkungan sub tema objektif. Pengkaji mendapati kategori konsep didik hibur dan kategori tujuan didik hibur berkait rapat menerangkan objektif pelaksanaan program. Secara dasarnya, program Didik Hibur ini merupakan pelaksanaan pendidikan yang menggunakan medium hiburan sebagai suatu tarikan. Seorang peserta menerangkan konsep tersebut:

> Hiburan adalah satu medium yang disukai oleh semua golongan seperti kanak-kanak, dewasa, hatta orang tua sekalipun. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Program Didik Hibur yang dijalankan di SRAH adalah melalui hiburan jenis nyanyian lagu nasihat untuk murid sentiasa memperbaiki tingkah laku dan menunjukkan akhlak baik. Lirik lagu nasihat yang diberikan adalah sebagai peringatan dalam diri semua murid pada setiap hari. Dua orang peserta melaporkannya seperti di bawah:

> Kewujudan lagu adalah sebagai memo dalaman dalam diri setiap murid. (G1).

> Lagu Niat Kita ini tujuannya adalah supaya beri peringatan kepada murid daripada rumah lagi dah perbaiki niat. Kita nak tanam untuk ajar, pergi sekolah mesti mula dengan niat. (G2).

Pengkaji melihat lagu-lagu nasihat yang digunakan adalah menggunakan pendekatan hiburan secara Islamik memandangkan status SRAH selaku Sekolah Agama Rakyat Sepenuh Masa di bawah seliaan JAIPk. Hal ini menjadi suatu keunikan dan identiti tersendiri kepada murid-murid untuk memperoleh manfaat daripada konsep program. Seorang peserta menjelaskan konsep pembawaan program didik hibur ini, iaitu:

> Jadi, didik hibur ini pendek ceritanya ialah program didik hibur lagu-lagu yang dimulai dengan basmallah. (G4).

Konklusinya, pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH adalah melalui penggunaan medium nyanyian lagu nasihat yang mempunyai nilai-nilai Islam bagi tujuan mendidik sahsiah murid. Lirik lagu yang dihasilkan adalah sebagai peringatan kepada semua murid untuk sentiasa menjaga tingkah laku pada setiap hari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.2 Sub Tema Tempat

Sepanjang sesi temu bual ke atas 12 orang peserta kajian, Pengkaji mendapati kesemuanya memberikan jawapan yang sama untuk tempat pelaksanaan program. Jawapan yang diterima mengatakan bahawa tapak perhimpunan merupakan kawasan tumpuan perjalanan program Didik Hibur di SRAH saban hari. Beberapa guru mengesahkan perkara ini:

> Semua lagu didik hibur dinyanyikan di tapak perhimpunan pagi sebab semua murid berkumpul di situ setiap pagi untuk sesi pemberian info semasa berserta peringatan harian. (G1)

> Kalau Lagu Langkah Ibadah tu lebih kepada di tapak perhimpunan. Daripada tapak berbaris sampai masuk ke kelas. (G4).

> Setiap pagi guru bertugas memang akan kumpulkan semua murid di tapak perhimpunan harian dan nyanyi lagu program bersama. (G7).

Penerimaan maklumat daripada murid turut menyatakan perkara yang sama iaitu, tapak perhimpunan merupakan lokasi penggerak utama program setiap hari. Mereka memberitahu:

> Semua murid berkumpul dan beratur kat tapak perhimpunan pagi sebelum pukul 7.30 pagi. Kemudian, kami akan nyanyi Lagu Niat Kita dan Lagu Buat Apa Allah Suka sama-sama. (M1).

> Muallim akan bagi peringatan setiap hari sebelum atau lepas nyanyi lagu. (M3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji membuat kesimpulan bahawa pemilihan tapak perhimpunan harian adalah bersesuaian sebagai kawasan untuk menjalankan sesi nyanyian lagu program Didik Hibur. Sebagai tempat pengumpulan semua murid, pembina program telah memanfaatkan pertemuan di ruang perhimpunan harian untuk menyampaikan peringatan dan nasihat ke arah pemahaman memiliki tingkah laku baik.

4.2.4.3 Sub Tema Masa

Di bawah lingkungan sub tema masa, Pengkaji menunjukkan penyusunan dua kategori iaitu kategori sejarah pelaksanaan dan kategori waktu pelaksanaan. Menerusi pungutan maklumat, Pengkaji mendapati sejarah permulaan pelaksanaan program telah membawa kepada penetapan waktu bagi menjalankan program Didik Hibur dengan lebih efektif. Dua peserta kajian menceritakan:

> Program Didik Hibur ini sudah lama dijalankan di SRAH cuma diberi penjenamaan semula selepas tempoh PKP berakhir sepenuhnya. (G1).

> Sebabnya bila tanya cikgu lain, dia kata Muallim ni dari awal lagi dah memang ada didik hibur. Lagu Tangkap-tangkap Pembuang Sampah, itu awal lagi. Awal daripada kita masuk 2014 tu. Tak silap saya, saya rasa dah ada lagu tu, awal daripada tu. Maksudnya, secara *officially*, selepas *Covid*. Didik Hibur punya tu memang awal dah ada. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian, Pengkaji memperoleh penceritaan ketetapan sesi persekolahan untuk menggerakkan program Didik Hibur secara harian. Menurut seorang peserta:

> Yang saya nampak, contohnya Lagu Niat Kita tu bermulah dengan hadirnya ke sekolah. Kemudian, Langkah Ibadah tu sewaktu kita berjalan masuk sekolah. Bila dah masuk kelas tu Lagu SOP tu. Di kelas, Lagu Buat Apa yang Allah Suka tu. Jadi, lagu ni berkait daripada budak bangun buka mata, pergi sekolah sehinggalah mereka pulang ke rumah. (G5).

Seterusnya, dapatan temu bual menjelaskan durasi implementasi program secara terperinci adalah sewaktu perhimpunan pagi iaitu sebelum murid-murid masuk ke kelas. Beberapa orang guru daripada peserta temu bual memberikan informasi yang sama:

> Dinyanyikan setiap hari di perhimpunan pagi. (G1)

> Memang mereka akan nyanyi setiap kali perhimpunan pagi. (G3)

> Jadi, dari segi pelaksanaan, kesemua lagu ini dibuat semasa perhimpunan pagi. (G6).

Pengkaji turut mendapatkan pembuktian daripada temu bual murid-murid dalam menjelaskan perincian ruang masa menjalankan sesi program Didik Hibur. Beberapa orang murid memberitahu:

> Ya, dah biasa nyanyi lagu untuk setiap pagi. (M2).

> Hanya buat masa perhimpunan pagi. (M4).

> Setiap pagi, ketua nyanyian akan nyanyi lagu kat depan perhimpunan. (M5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhannya, dirumuskan bahawa pengalaman pelaksanaan program Didik Hibur pada sebelum ini telah mencorakkan penetapan masa perhimpunan pagi setiap hari untuk menggerakkan sesi nyanyian lagu nasihat. Program Didik Hibur ini berlangsung dengan pemberian peringatan kepada semua murid sebelum mereka masuk ke dalam kelas bagi memulakan sesi pembelajaran.

4.2.4.4 Sub Tema Sasaran

Menerusi sub tema sasaran ini, Pengkaji mengatur 14 kod utama yang berada di bawah kategori murid sekolah rendah. Kesemua kod utama tersebut menunjukkan verifikasi terhadap sasaran murid sekolah rendah dalam pelaksanaan program Didik Hibur. Menurut perkongsian maklumat daripada guru yang ditemu bual:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Murid-murid telah buat secara berterusan, dari Darjah Satu hingga Darjah Enam. (G1).

> Lagu-lagu nasihat ini sesuai untuk murid-murid sekolah rendah. Boleh dijalankan, tiada masalah. (G2).

Hasil keterangan daripada murid peserta juga menunjukkan informasi yang mengukuhkan dapatan daripada guru peserta temu bual. Antara yang diberitahu oleh murid-murid adalah:

> Saya pernah nampak dan selalu dengar murid-murid Tahun Satu dan Tahun Dua nyanyi-nyanyi semua lagu tu dalam kelas. (M2).

> Selalunya, murid-murid Tahun Satu, Tahun Dua, dan Tahun Tiga yang semangat. Sebab mereka yang selalu nyanyi lagu tu. (M3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Majoritinya adik-adik Tahap Satu dan kawan-kawan sebaya. (M5).

Sebagai kesimpulan, Pengkaji memahami bahawa pelaksanaan program Didik Hibur ini adalah berkeperluan untuk mendidik sahsiah murid-murid sekolah rendah. Mereka ini berumur dalam lingkungan bermula tujuh tahun sehingga dua belas tahun. Sub tema ini membuktikan pelaksanaan program adalah melibatkan tindak balas tingkah laku yang dipamerkan oleh semua murid khususnya di SRAH.

4.2.4.5 Sub Tema Pelaksana

Guru pelaksana merupakan individu yang berperanan penting dalam menggerakkan perjalanan dan kelancaran program Didik Hibur di SRAH. Bagi keperluan tanggungjawab selaku pelaksana untuk program pendidikan sahsiah adalah terletak pada bahu setiap guru yang mengajar. Hal ini kerana proses pembinaan sahsiah untuk murid berlangsung dalam lingkungan kawasan sekolah yang sememangnya melibatkan keberadaan guru. Berdasarkan proses pengaturan kod-kod utama daripada transkrip, Pengkaji membahagikan dua bahagian iaitu kategori guru sebagai pelaksana program dan kategori guru sebagai pembimbing program.

Peranan guru sebagai pelaksana program ini dapat diceritakan daripada temu bual sebahagian individu daripada senarai guru peserta temu bual. Mereka menjelaskan peranan guru, iaitu:

> Bila dah ada penguatkuasaan Didik Hibur ini, tahun 2023 ini kan. Akak sebagai guru kena didik diri akak. Dah tak boleh sembarangan. Sebab apa? Sebab kita sebagai guru mampu mengubah perangai budak melalui pelaksanaan Didik Hibur ini. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Bila murid datang ke sekolah, mereka menggunakan masa yang lama berada di sekolah. Itu menjadi tanggungjawab guru pula untuk memberikan pembentukan sahsiah yang baik kepada murid-murid. (G5).

Seterusnya, peranan guru sebagai pembimbing program dilihat penting kerana kehadiran pendidik diperlukan secara langsung dalam proses pendidikan murid-murid sekolah rendah. Keberadaan guru untuk mendampingi dalam usaha pembentukan sahsiah diri murid ini dipersetujui oleh kebanyakan peserta kajian. Mereka menjelaskan suasana ini seperti di bawah:

> Guru tak payah nak buat apa sangat. Sebab dalam lirik lagu dah beritahu dah. Cuma *elaborate* sahaja. (G2).

> Diulang-ulang selalu. Kemudian, guru-guru berikan penerangan yang baik kepada murid-murid. (G4).

> Contohnya, kita didik murid jaga kebersihan. Guru guna pendekatan lagu. Kan ada lagu kutip sampah. *So*, dia akan dengarlah. (G6).

Bagi meneguhkan dapatan daripada semua guru peserta temu bual, Pengkaji memperoleh pembuktian daripada pengekodan transkrip murid peserta kajian. Hampir kesemua murid bersetuju dengan ketersediaan guru sebagai pelaksana dan pembimbing program Didik Hibur. Murid-murid tersebut menjelaskan perkara ini seperti berikut:

> Tak kisah mana-mana Muallim atau Muallimah. Yang penting mesti ada. Janji kena nyanyi lagu-lagu tu setiap hari. (M1).

> Setiap pagi, Muallim akan keluar ke tapak perhimpunan untuk pegang mikrofon. Dah terbiasa mesti ada muallim. (M2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Okey je kalau guru lain yang buat program. Tak ada rasa apa pun. Tapi, kalau Muallim yang buat lagi seronok. *Feel* tu lagi lebih. (M4).

Secara tuntasnya, Pengkaji dapat merumuskan bahawa kehadiran guru sebagai pelaksana dan pembimbing semasa sesi pendidikan sahsiah murid memberi impak yang positif. Tugas guru mendidik dan membimbing murid melalui penggunaan medium hiburan khususnya lagu-lagu nasihat program adalah penting supaya mencapai objektif melahirkan murid berkelakuan baik.

4.2.4.6 Sub Tema Kaedah

Bagi memberi gambaran perjalanan program Didik Hibur dalam pembentukan sahsiah murid, Pengkaji perlu mengeluarkan data mengenai pendekatan yang digunakan oleh guru pembina program dan guru pelaksana. Melalui proses analisis, Pengkaji dapat menata lima kategori yang dapat menceritakan kaedah pelaksanaan program iaitu kategori berterusan, lirik ringkas, nyanyian, berulang, dan pergerakan tubuh badan.

Pengkaji menemukan banyak data temu bual yang menyatakan bahawa kaedah implementasi program nyanyian lagu nasihat di SRAH adalah secara berterusan. Elemen konsistensi penerapan sesuatu program merupakan suatu indikator penilaian terhadap kesungguhan pihak sekolah dan barisan guru dalam usaha pembinaan sahsiah murid. Sesi nyanyian lagu-lagu program berlangsung setiap hari supaya penyampaian mesej bertingkah laku baik menjadi amalan murid sepanjang sesi persekolahan. Hampir kesemua peserta temu bual menerangkan suasana implementasi program yang berterusan ini. Guru yang ditemu bual memberitahu maklumat pada helaian sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Bererti, di sekolah ini, program Didik Hibur ini dibuat dengan murid-murid secara berterusan setiap hari. (G1).

> Kita boleh nyanyikan lagu-lagu nasihat ini seperti biasa setiap hari. Tiada masalah sebab ia membentuk kita kepada minda yang positif kepada murid-murid, sebagai halwa telinga. Kita boleh bentukkan menjadi *mindset* boleh nyanyi setiap hari dan berterusan. (G5).

Suasana pelaksanaan program Didik Hibur yang berterusan ini dialami oleh murid yang berada dalam lingkungan fenomena kajian. Dua orang murid menjelaskan keadaan ini seperti di bawah:

> Rasa tak lengkaplah kalau tak nyanyi lagu-lagu tu setiap waktu pagi. Tambah dengan nasihat Muallim hari-hari. (M2).

> Ya, kena buat banyak kali. Kena berterusan. Kalau tinggal buat, murid-murid pun akan kembali kepada perangai asal. (M3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, penggunaan lirik lagu yang ringkas menjadikan pelaksanaan program Didik Hibur ini lebih berkesan dan mencapai objektif. Terdapat sebilangan peserta temu bual mengolah faktor penghasilan lirik lagu yang mudah ini. Guru dan murid yang ditemu bual menyampaikan dapatan, iaitu:

> Lagu-lagu yang dicipta dalam bentuk *simple-simple*. Bentuk macam kata yang pendek-pendek. (G1).

> Lirik semua lagu semuanya pendek dan mudah untuk dihafal. (M1).

> Seronok nak nyanyi lagu ni semua sebab *simple* dan pendek. Senang nak nyanyi. (M3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Pengkaji mendapati keseluruhan dapatan temu bual menerangkan kaedah Didik Hibur yang menggunakan pendekatan nyanyian dalam penyampaian. Oleh itu, Pengkaji mewujudkan kategori nyanyian sebagai pengumpulan ke atas kod-kod utama yang mengisahkan penggunaan medium nyanyian dalam program. Seorang peserta kajian memulakan penceritaan kaedah nyanyian seperti di bawah:

> Bila nak memahamkan bacaan dalam solat, maka direkalah satu cara Didik Hibur. Tetapi masa tu tiada istilah Didik Hibur lagi. Dia panggil nyanyian makna bacaan solat jelah. Mengajar bacaan solat dalam bentuk menyanyi. Versi Bahasa Melayu. Lagu Melayu. (G1).

Setelah itu, pembina program tersebut menyatakan usaha penerapan amalan tingkah laku baik menerusi penggunaan aktiviti nyanyian lagu nasihat. Beliau menerangkan pandangan terhadap usaha tersebut, iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dia sebenarnya konsep menyampaikan dakwah melalui lagu ini pelbagai unsur. Yang saya buat di sekolah, Didik Hibur ni, walaupun konsep yang sama, tapi saya tak pernah merujuk kepada ambilan dari qasidah ke marhaban ke sebab bukan bidang berkaitan. Hanya menggunakan konsep menyanyi lagu sahaja. (G1).

Kemudian, perolehan dapatan temu bual menemukan pengucapan daripada para peserta kajian yang menceritakan kaedah nyanyian ini. Para guru yang ditemu bual menceritakan pelaksanaan kaedah nyanyian ini seperti di bawah:

> Sebab lagu ni bila ada muzik ada alunan tu, ada rentak tu, jadikan murid terhibur. Bila dah jadi terhibur, macam kita ni akan mudah ingat. Contoh, lirik lagu bukan main cepat lagi kita ingat terutama kalau suka, proses tangkap tu jadi cepat. (G2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Lagu-lagu tu boleh dijadikan satu medium kepada pendidikan dari sudut Islam. Sebab kadang-kadang kalau kita lihat generasi yang baru ni mereka jarang da nak dengar nasyid-nasyid nasihat ni. (G5).

Pada masa yang sama, proses pengulangan dalam aktiviti nyanyian lagu nasihat ini merupakan suatu kaedah yang diguna pakai dalam menggerakkan program pendidikan sahsiah murid di SRAH. Langkah pengulangan sebagai kaedah pelaksanaan program ini dijelaskan oleh peserta temu bual. Hal ini dijelaskan oleh sejumlah peserta seperti berikutnya:

> Apa yang kita buat Didik Hibur ni sebenarnya seperti konsep solat. Diulang-ulang, berkonsep ulang. Solat kan kita mengulang-ulang kata-kata bacaan yang baik. (G1).

> Lagu Buat Apa Allah Suka tu senang. Lirik mudah dan ulang-ulang. Budak jadi mudah ikut sebab ada konsep pengulangan tu. (G3).

> Pengulangan. Kena banyak kali buat. Dan kita akan sedar bila banyak kali buat tu. Ada kelemahan, kita akan perbaiki. Ulang balik. Ulang yang lebih baik la. Jadi, bila kita dah mantap, kita bawa keluar. Kita dah yakin memang menjadi baik. (G5).

Di samping itu, sebilangan murid peserta kajian ada menyatakan kepentingan dan manfaat kaedah pengulangan sepanjang penyertaan mereka dalam program Didik Hibur ini. Antara yang diperkatakan oleh murid ialah:

> Kalau mula-mula tu susah la. Tapi bila dah biasa dengar, senang la nak menyanyi tu. Mula-mula jela susah nak faham sikit. Bila dah *start* biasa dengar, dah boleh dah hafal sebab ulang banyak kali kan. (M1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ya, betul. *Practice* banyak kali, ulang-ulang, lama-lama jadi ingat dan terhafal. Kena buat banyak kali. Kalau tak, nanti akan ditinggalkan macam tu saja. (M3).

> Selalunya tak hafal sangat pun lagu-lagu ni. Tapi bila dah hari-hari nyanyi, ulang benda yang sama. Jadi terbiasa dengar, tiba-tiba je dah hafal lirik. (M4).

Akhir sekali, terdapatnya kaedah yang menggunakan unsur pergerakan tubuh badan dalam nyanyian lagu nasihat. Hal ini sebagai suatu tarikan kepada murid-murid untuk lebih menjadi fokus dan kreativiti guru pembina program menyampaikan ilmu berkaitan pendidikan tingkah laku baik. Dua orang peserta kajian menyatakan hal ini seperti di bawah:

> Mula-mula, mereka peringkat pertama saya ajar di perhimpunan pagi tu hanya tepuk tangan sahaja. Lagu Buat Apa Yang Allah Suka, mereka pun tepuk tanganlah. Bila tepuk tangan tu dah sebati dengan mereka, saya minta mereka nyanyi pula. Kita nyanyi sambil bertepuk tangan. Setakat ni, tepuk tangan saja. Untuk buat lebih gembira. (G1).

> Bila ada gerakan tu, kita akan jadi lagi seronok. Macam tepuk-tepuk tangan tu. Lagi senang nak ingat apa yang disebut. Gerakan tu akan jadi lebih lagi ingat. (M3).

Kesimpulannya, Pengkaji melihat bahawa penggunaan kaedah berterusan, lirik mudah, medium nyanyian, konsep pengulangan, dan gerakan tangan telah menjadikan hubungan perkaitan antara satu sama lain. Hubungan ini menerangkan bagaimana program Didik Hibur ini digerakkan melalui pelbagai kaedah agar memberi impak positif kepada pembentukan sahsiah murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.7 Sub Tema Cabaran

Untuk melihat sejauh mana implementasi program Didik Hibur memberi pengaruh kepada pembinaan tingkah laku baik murid, Pengkaji perlu mengenal pasti faktor cabaran yang dihadapi. Sehubungan itu, sub tema cabaran diwujudkan hasil daripada pengaturan kod-kod utama berkaitan dapatan penceritaan rintangan dalam pelaksanaan program. Terdapat pembahagian lima kumpulan pengekodan iaitu kategori halangan pelaksana, sikap guru, sikap murid, halangan pembina program, dan halangan program.

Pertama, Pengkaji melihat kepada keberadaan rintangan berkaitan diri pelaksana program Didik Hibur. Hasil dapatan memperlihatkan rintangan yang dihadapi oleh guru selaku pelaksana ialah aspek bebanan tugasan dan faktor kekangan masa. Dua orang peserta menjelaskan situasi bebanan guru seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita kena faham kita ada kekangan tanggungjawab dan kita pun faham kena buat benda-benda lain juga macam Didik Hibur untuk membentuk akhlak murid. (G2).

> Kadang-kadang guru-guru pun terbeban dengan tanggungjawab masing-masing. Kemudian, ditambah lagi dengan perkara-perkara begini untuk kita minta guru-guru tersebut laksanakan program Didik Hibur. Jadi, memang bebananlah kepada semua orang. (G5).

Kemudian, Pengkaji menzahirkan pula faktor kekangan masa seperti yang dimaklumkan oleh sejumlah peserta. Kata mereka:

> Kalau secara dalam kelas tu, kita tak pernah buat, tak bimbinglah, hanya ketika perhimpunan saja. Sebab kita tak ada masa nak bimbing sepenuhnya. Perhimpunan pun juga masanya ada lima minit untuk ditekankan semua perkara berkaitan Didik Hibur. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Cabarannya mungkin juga benda ni. Benda yang baru dikuatkuasakan sepenuhnya. Perlukan lebih masa.(G3).

Malahan, sebilangan guru ada mengaitkan faktor halangan peruntukan masa yang perlu dibahagikan dengan pelbagai tugasan dan aktiviti pengajaran. Mereka memberi keterangan berkenaan isu ini seperti berikut:

> Kadang tu sebab kekangan waktu. Dengan kita nak kejar silibus lagi, jadi agak sukarlah untuk kita laksanakan program nyanyian SOP tu secara penuh. (G5).

> Sebab kadang-kadang bila kita nak menyanyikan ni banyak lagu, masa yang digunakan pun banyak. Jadi apabila disuruh untuk buat benda-benda baik sebegini menyebabkan waktu habis banyak termasuklah masa bimbingan. (G7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cabaran kedua yang ditemukan ialah sikap guru-guru selaku pelaksana utama dan penggerak berkepentingan terhadap program pembentukan sahsiah murid. Penyusunan kod-kod utama menunjukkan pelbagai cabaran sikap guru seperti guru bersikap negatif, guru kurang komited, dan guru tiada sokongan bersama. Sebahagian peserta berkongsi pengalaman mereka, iaitu:

> Dia memandang tu sebagai sesuatu benda yang susah, malas nak fikir. Payah nak fikir. Tahu nak buat perkara yang mudah dan berkaitan diri sahaja. (G4).

> Bayangkan semua cikgu buat, seorang dua cikgu tak buat. Mungkin masih ada guru yang buat, ada juga guru yang tak buat. Ataupun mungkin lebih banyak guru yang tak buat daripada guru yang buat. Semua ini jadi negatif. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Situasi cabaran daripada segelintir guru ini sedikit sebanyak mendapat perhatian untuk diketengahkan kerana mempunyai potensi pengaruh terhadap usaha pembentukan sahsiah murid. Dua orang guru menggambarkan peristiwa yang dialami seperti berikut:

> Ada guru yang tak nak. Guru yang tak nak terlibat. Guru yang tak nak melaksanakannya. Guru yang tak nak aplikasikannya. Jadi, sayanglah. (G6).

> Masalah tu ialah daripada guru tu sendiri. Cabaran tu, dari segi guru perempuan kan, kawan sebelah meja atau kawan depan meja yang jelas tak ambil endah dengan program. (G7).

Cabaran pelaksanaan ketiga dilihat berpunca daripada perilaku murid-murid selaku peserta program Didik Hibur itu sendiri. Kewujudan kelompok murid ini digambarkan sebagai tidak mempunyai minat terhadap program dan tidak mewujudkan fokus untuk memperbaiki diri. Beberapa guru menceritakan gambaran cabaran sikap murid, iaitu:

> Murid-murid yang dah besar tu ada masalah sikit. Mereka tak berminat nak menghafal lagu-lagu nasihat ni. (G1).

> Pandangan saya, kenapa boleh berlaku? Mungkin kerana mereka merasakan perkara ini budak-budak Tahap Satu saja buat. Mereka dah besar, Tahap Dua ni tak perlu pun nak hafal. Janji dia orang dah ikut apa yang dibuat semasa sesi nyanyian bersama. (G5).

> Pada suatu ketika tu, kita akan sukar nak dapatkan perhatian daripada murid. Kita tak dapat nak ubah *mood* dan suasana yang berlaku supaya murid memberi perhatian kepada penyampaian kita. (G6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara keempat yang menjadi cabaran pelaksanaan ialah halangan daripada diri pembina program. Selaku tuan empunya idea pembikinan program Didik Hibur, guru pembina program berhadapan dengan pelbagai cabaran anggapan. Antaranya, faktor kekurangan masa, penciptaan rentak lagu menarik, dan tiada sokongan, menyeluruh. Pembina program ini memberi gambaran cabaran kekurangan masa seperti yang dinyatakan di bawah:

> Saya sendiri pun tak sempat nak buat lebih mendalam. Saya hanya peringkat untuk mereka lagu dan mengajar lagu sahaja. Peringkat yang lebih tinggi, nak buat kajian dan sebagainya belum sampai dalam kemampuan saya lagi. (G1).

Pembina program turut menerangkan situasi cabaran penciptaan rentak lagu Didik Hibur yang bersesuaian mengikut keperluan dan keadaan semasa. Beliau berkata:

> Nak buat lirik tu bukan susah. Yang susah tu saya yang nak buat rentaknya. Nak cari rentak sedap tu tak kadang tak jumpa-jumpa. (G1).

Seterusnya, pembina program menjelaskan anggapan beliau mengenai cabaran kekurangan sokongan untuk pelaksanaan program. Guru ini menyuarakan rasa, iaitu:

> Nak kata *support* pun tak ada sangat. Maknanya, kita buat secara *lone ranger*. Suka-suka. Kerja sukarela. Cikgu-cikgu pun ada yang tak nyanyi sama. Kita tak dapat *support* guru. Lepas tu, tak ada bantuan secara langsung daripada pihak pentadbiran. Tapi, mereka tak pernah bangkang untuk teruskan dan sebagainya. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cabaran pelaksanaan terakhir dapat dijelaskan melalui rujukan dapatan yang dikaitkan dengan rintangan daripada program itu sendiri. Pengkaji memperoleh aturan kod utama yang menjelaskan halangan program terdiri daripada keberkesanan mengambil masa, program kurang sambutan, tiada penerusan di luar sekolah, dan tidak bersesuaian untuk kegunaan murid sekolah menengah.

Seorang peserta kajian berjawatan guru besar telah menggambarkan situasi keberkesanan program memerlukan kapasiti masa. Beliau menyatakan pandangannya, iaitu:

> Pada pandangan Muallimah, bila kita perkenalkan Didik Hibur ni, kita tak capai benda ni dalam masa yang singkat. Ia membantu proses mendidik tetapi kita belum boleh kata ia berjaya sepenuhnya. Bagi murid, didikan yang diberi perlukan kefahaman. Bila kita nak memahami sesuatu, memang dia perlukan kematangan. Faktor *time frame* melaksanakan benda ni pun ambil masa. (G2).

Peserta kajian lain turut menzahirkan pandangan mereka berkaitan keberkesanan program memakan tempoh masa tertentu. Mereka berpandangan bahawa:

> Lagu-lagu ni pun masih baru. Jadi, kita belum nampak lagilah perubahan yang besar. Lagu ni memberi impak kepada murid-murid setakat yang bagaimana pun belum dilaporkan. (G3).

> Apabila berkaitan hiburan, jadi dia mungkin mengambil masa. Paling kurang pun benda ni akan memberi kesan kepada setiap orang yang buat dan faham. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, terkandung pendapat oleh peserta temu bual berkenaan kurangnya sambutan terhadap pelaksanaan program. Seorang guru memberitahu:

> Buat peraturan pun tak berjaya juga sambutannya. Padahal bukan senang nak buat peraturan. (G6).

Pada masa yang sama, terdapat peserta memaklumkan keadaan tidak berterusan di luar waktu sekolah dan tidak bersesuaian dengan sekolah menengah. Menurut dua orang guru:

> Tak nampak penerapan di rumah, di kawasan sekitar, tak nampak. Terhenti kat sekolah je la. Tak buat, sebab orang lain tak buat. (G4).

> Mungkin untuk sekolah menengah, kita mungkin perlu lihat balik lirik-lirik lagu tersebut. Ianya perlu dijadikan lebih bersesuaian di peringkat mereka kerana faktor diri mereka yang lebih dewasa dan matang. (G6).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

4.2.4.8 Sub Tema Kesan

Pengkaji memerlukan pemahaman mendalam untuk menganalisis sejauh mana program Didik Hibur dapat memberikan kesan positif kepada pembinaan sahsiah murid khususnya di SRAH. Di bawah lingkungan sub tema kesan, Pengkaji meletakkan susunan kod ke dalam tiga kategori iaitu kesan terhadap perilaku murid, kesan kepada emosi murid, dan manfaat pelaksanaan program kepada sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai permulaan, pembina program mendedahkan pengalaman mengenai asal usul penglibatan beliau dalam meneruskan usaha mendidik perilaku baik murid di SRAH. Guru pembina program ini berkongsi pengalaman yang dilalui olehnya:

> Masa tu kempen kebersihan. Lagunya, "Tangkap-tangkap Pembuang Sampah". Liriknya sehingga "Sekolah bersih, Allah pun kasih". Jadi, ada murid tu sampai ke peringkat tak nak dan tak pernah buang sampah merata-rata. Sebab, dia teringatkan lagu tu. Jadi, lagu tu memberi kesan kepada jiwa pelajar tu. Sampai dia jadi alergi tengok sampah dibuang merata. Akhirnya, peribadinya dan disiplin pun terbentuk. Itu yang mak murid itu sendiri ceritakan. (G1).

Kesan terhadap perilaku murid ini selain dapat dilihat menerusi aspek disiplin diri, kita akan nampak kesan kelebihan mudah belajar dan penambahbaikan sikap muhasabah diri bagi setiap murid. Dua murid peserta temu bual mengisahkan pengalaman mereka yang terkesan dari sudut kemudahan menerima ilmu dan ciri amalan muhasabah diri. Mereka bercerita seperti di bawah:

> Ya, suka. Sebab kalau kita guna nyanyian dalam pelajaran, kita akan senang nak ingat. (M4).

> Ya, bila dapat dengar lagu-lagu nasihat ni akan bawa kebaikan kepada diri kita. Jadi, lagu-lagu nasihat ni mampu beri kesedaran kepada diri. (M5).

Kemudian, kesinambungan yang berlaku telah menyebabkan terjadinya proses transformasi sahsiah diri kepada versi yang lebih bagus dan terpuji. Perkongsian dapatan pengalaman daripada semua murid peserta temu bual diceritakan sebagai bukti. Sebilangan murid menceritakan perubahan tingkah laku diri mereka di sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ya, betul ada perubahan. Saya jadi lebih rajin. (M1).

> Ada perubahan. Macam guru nak masuk kelas, kita dah kena berdiri tegak hormat kat guru. Lepas dengar lagu tu, campur dengan nasihat guru. Semua berubah. Guru kat depan pintu, ketua kelas bagi arahan, yang lain akan terus berdiri hormat. (M2).

> Berubah tu ada la sikit-sikit. Pada diri saya, memang ada berubah. Pada kawan-kawan pun ada. Lepas dengar lagu tu, kita praktik sendiri. Buat sama-sama dengan kawan. Jadi lebih baik dan disiplin. (M3).

Pengalaman perubahan kelakuan adalah pelbagai mengikut perbezaan latar belakang diri setiap murid. Dua orang murid menyampaikan pengalaman yang dialami:

> Rasanya, semua ada perasan perubahan tu kat diri saya. Mak ayah pun ada perasan perubahan tu. Dulu, kadang-kadang mak bagi arahan tu macam lambat nak respons bergerak. Tapi, sekarang macam ada la berubah, cepat sikit bergerak respons tu. (M4).

> Bila dengar lagu-lagu Muallim, rasa diri ni perlu berubah. Lepas dah dengar lagu dan dengar apa muallim cakap, baru faham. Jadi, lagi banyak berzikir daripada sebelum dengar lagu Muallim. (M5).

Selain itu, Pengkaji menghasilkan kategori kesan terhadap emosi murid setelah atau sepanjang mengikuti aktiviti nyanyian lagu-lagu nasihat bagi membentuk perilaku baik. Hampir keseluruhan guru peserta memberikan respons yang positif mengenai kesan emosi baik kepada murid. Tiga daripada tujuh orang guru menyampaikan maklumat seperti di bawah ini:

> Nyanyian ni dibuat waktu pagi sebelum masuk kelas. Dia membina *mood* dulu sebelum masuk kelas. Rasa seronok dan ada gembiranya. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setiap kali perhimpunan habis, macam contoh murid-murid Tahun Satu ni seronok nak nyanyi. Mereka akan nyanyi tapi tanpa ada kefahaman yang jelas apa yang dinyanyikan tu. Tapi, dia ada perasaan kan. Perasaan gembira itu ada hadir dalam diri mereka. (G2).

> Kenapa Didik Hibur ni sesuai dilaksanakan? Ia untuk memberi keseronokan kepada murid-murid untuk hadir ke sekolah. (G5).

Dalam pada itu, semua murid yang ditemu bual turut menyumbangkan maklum balas positif untuk perkara tersebut. Mereka memberitahu perasaan yang dialami, iaitu:

> Saya rasa gembiralah lepas nyanyi-nyanyi tu. Gembira juga sebab dapat nyanyi sama-sama dengan kawan. Ilmu pun dapat. (M1).

> Lagu-lagu ni sedap la. Saya jadi *excited* nak dengar dan nyanyi setiap hari. Saya pun rasa seronok dapat tengok dan dengar kawan lain nyanyi juga. (M2).

> Lagu-lagu Muallim ni buat murid jadi gembira dan seronok. (M3).

Akhir sekali, turut dihasilkan kategori manfaat program yang memfokuskan kesan kebaikan kepada pihak sekolah. Pembina program menyatakan nilai tambah yang diperoleh oleh pihak SRAH seperti berikut:

> Yang pertamanya, dari segi kalau segi organisasi, ia beri *benefit* untuk sekolah. Saya harap benda ni satu tarikan. Kami ni sekolah swasta, memerlukan pelanggan. *So*, mesti ada satu benda yang boleh menarik minat. Haa, itu dari segi aset. Harta intelektual yang boleh menarik pelanggan. Demi kelangsungan. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.4.9 Sub Tema Kelemahan

Sub tema kelemahan ini merupakan perkara terakhir berada di dalam lingkungan tema utama pelaksanaan. Dalam setiap proses penerapan sesuatu program sememangnya menjadi keperluan untuk melihat kelemahan yang ada sepanjang perjalanan mencapai objektif. Sudut kelemahan pelaksanaan program ini dibahagikan kepada kategori keterbatasan tindak balas guru, kekurangan penghayatan kandungan, dan ketidakmampuan perolehan maklumat berkenaan program.

Perkara pertama yang dilihat adalah kategori keterbatasan respons guru terhadap program, di mana guru-guru kurang beri penghayatan. Ujar seorang peserta:

> Bagi guru, masih kuranglah. Pemahaman guru-guru pun masih kurang mengenai program. Jadi, sukar untuk guru-guru memberi penerangan kepada murid-murid. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal yang sama turut dipersetujui oleh seorang wakil pentadbiran sekolah. Beliau menyatakan persetujuannya terhadap kewujudan kelemahan program, iaitu:

> Ia pada peringkat awal ni, *of course* kelemahannya ialah bila ia seolah-olah kurang dihayati oleh semua pihak, terutamanya guru sebagai pelaksana. (G2).

Perkara kedua yang diberi perhatian sebagai kelemahan ialah faktor penghayatan kandungan program. Setiap nyanyian lagu nasihat hanya difokuskan kepada penerangan lirik lagu berserta kefahaman isi kandungan yang tersirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penghayatan yang menjerumus kepada praktikal adalah kurang diberi perhatian. Hal ini dinyatakan oleh beberapa peserta seperti berikut:

> Lagu Langkah Ibadah contohnya, ni masih lagi sekadar menyanyi. Dia belum lagi ke arah praktikal untuk berjalan sambil selawat. (G1).

> Hanya di bibir, bukan melalui perbuatan. Belum nampak lagi. (G3).

> Kekurangan pada program ini kalau kita lihat, murid masih belum mampu memahami dan menghayati apa yang mereka nyanyikan tu. Masih belum memahami kita kata secara menyeluruh apa yang mereka sebutkan. (G5).

Malahan, kelemahan penghayatan kandungan ini juga mendapat respons daripada sebilangan murid. Menurut penjelasan mereka:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dia orang nyanyi je, tapi tak praktikkan pun. (M4).

> Kawan-kawan banyak nyanyi-nyanyi je. Dah kena suruh baru nak buat baik. (M5).

Isu terakhir yang menjadi kelemahan dalam pelaksanaan program Didik Hibur ini ialah masalah perolehan maklumat. Dapatan temu bual menunjukkan masalah ini terjadi melibatkan ketiadaan data lengkap, tiada kajian tindakan dijalankan, dan tiada proses maklum balas yang berlaku. Guru pembina program Didik Hibur menyatakan:

> Saya tidak ada bukti bila ditanya apa kesan lagu ni. Saya tak boleh jawab. Sangat sukar untuk dinilai dalam bentuk data dan sebagainya. Melainkan ada orang-orang yang pernah buat cerita kajian berkait. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ditambah pula dengan penerangan berkaitan ketiadaan kajian khusus mahupun rekod kajian tindakan dibuat oleh. Dua orang guru mengatakan:

> Saya nak jawab dari segi data sebab benda tu tak ada. Kita tak buat kajian lagi secara terperinci. (G1).

> Perubahan sikap? Secara zahir tu ada nampak melalui pandangan mata. Cuma belum ada kajian yang dibuat untuk mengesahkan apa yang telah dibuat dan apa yang telah berlaku, sebelum dan selepas, dan sebagainya. (G7).

Masalah perolehan maklumat ini juga disertakan dengan isu ketiadaan tindakan rekod maklum balas berkenaan pelaksanaan program Didik Hibur. Pengkaji mendapati tiada dapatan yang menceritakan mengenai proses maklum balas daripada mana-mana pihak untuk langkah penambahbaikan pada masa akan datang. Hal ini disahkan oleh dua orang peserta, iaitu:

> Saya tidak menerima sebarang maklum balas secara bertulis ataupun rekod. Yang saya dapat hanyalah respons cakap-cakap daripada ibu bapa dan guru sendiri. (G1).

> Tiada rekod bertulis untuk maklum balas program Didik Hibur ni. Jadinya, kita susah nak lihat sejauh mana penerimaan orang lain pasal program ni kepada murid-murid SRAH. (G7).

Tuntasnya, Pengkaji dapat merumuskan setiap dapatan daripada sembilan sub tema di bawah tema utama pelaksanaan adalah saling berhubungan dan berkait. Kesemuanya berpotensi dan bermanfaat dalam menyampaikan maklumat sewajarnya berkenaan bagaimana program Didik Hibur melalui medium nyanyian lagu nasihat dapat membentuk sahsiah baik murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.5 Laporan Hasil Analisis Tema Strategi

Tema utama strategi telah dihasilkan berikutan keperluan untuk menjawab soalan kajian yang kedua iaitu berkenaan strategi yang digunakan oleh guru dalam menangani cabaran pembentukan sahsiah murid di SRAH menerusi program Didik Hibur. Hasil analisis tematik telah mengatur dua sub tema yang berpotensi iaitu sub tema strategi guru dan sub tema cadangan guru. Pengkaji telah menyusun 10 kategori bagi mewakili 24 kod utama yang berada dalam lingkungan kedua-dua sub tema tersebut. Oleh itu, pelaporan secara naratif adalah dibuat mengikut pembahagian sub tema strategi guru dan sub tema cadangan guru.

4.2.5.1 Sub Tema Strategi Guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mewujudkan sub tema strategi guru untuk memerihalkan segala langkah mengatasi yang sememangnya telah diambil oleh guru-guru bagi menyelesaikan cabaran yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program. Di bawah strategi guru, Pengkaji menyusun atur enam kategori berkaitan iaitu galakan murid, bimbingan guru, bimbingan murid, asertif, bantuan pentadbiran sekolah, dan usaha pembina program.

Strategi guru pertama ialah pemberian galakan kepada murid untuk mengikuti program Didik Hibur dan mendapatkan manfaatnya dengan baik. Langkah ini adalah tanggungjawab guru selaku pelaksana dan pembimbing murid dalam program Didik Hibur di SRAH. Tindakan galakan yang pertama kepada murid telah dirungkaikan oleh seorang peserta kajian pada muka surat sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita baru sedang melatih beberapa murid. Seorang dua yang kita nampak potensi masa perhimpunan pagi tu untuk menyanyi. Kemudian, kita akan bentuk satu pasukan. Sekarang pun dah ada pasukan Kompang Didik Hibur. Yang bagi *support*, ada seorang Muallimah. Dia berminat untuk pasukan kompang ni menyanyikan lagu Didik Hibur sahaja. Tak mau la marhaban ke semua tu, orang lain dah buat, dia kata. Didik Hibur ni untuk menaikkan nama sekolah. Dia dah ada pasukan kompang Didik Hibur. (G1).

Kemudian, inisiatif galakan kepada murid diertikan ke dalam bentuk membuat persembahan di hadapan penonton. Dua orang peserta menjelaskan strategi oleh guru tersebut, iaitu:

> Dalam latihan persembahan Hari Anugerah, cikgu akan memilih murid yang berkebolehan. Tapi, bukan semua murid pandai. Ada yang boleh buat, ada yang tak boleh. Kita tetap bagi galakan, beri semangat kepada mereka. Tengok video sebagai rujukan dan hafal secara bijak dengan bimbingan. Akhirnya, usaha mereka terbayar dengan kejayaan buat persembahan di pentas Ihtifal. (G2).

> Masa perhimpunan siapa yang menyanyi lagu Didik Hibur kat depan, akan dibagi hadiah. Jadi, ramai yang berebut-rebut nak menyanyi tu. Ini jadi galakan la. (G4).

Strategi guru kedua dilihat kepada usaha bimbingan kepada guru-guru yang mengajar khususnya di SRAH. Galakan penyertaan program juga diberi kepada semua guru supaya dalam keadaan seiringan bersama membentuk sahsiah diri murid. Seorang peserta mendedahkan pengalaman yang dilakukannya seperti berikut:

> Cerita jujurnya, masa duduk kat tempat meja kerja sendiri. Kita tak membicarakan hal kerja sangat pun. Tetapi, bicarakan bab masalah. Sebab bila datang masalah, baru kita bincang lebih dalam. Contoh, isu murid bising dalam kelas bila dibangkitkan, kita sebagai rakan akan memainkan peranan. Masa tu baru kita suntik untuk beri galakan gunakan pendekatan program Didik Hibur. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Strategi ketiga yang digunakan oleh guru-guru adalah pendekatan bimbingan mendalam kepada semua murid ke arah pembentukan sahsiah baik melalui pendekatan teguran. Tindakan memberi teguran kepada murid merupakan salah satu khidmat bimbingan oleh guru. Hal ini diperincikan oleh dua orang guru peserta kajian, iaitu:

> Macam bab sampah tu jela kan. Mungkin dia orang dah biasa. Tak ada apa pun. Tapi, bagi kita tengok, sakit mata. Sebab kita nampak putih-putih sampah atas lantai. Bila kita sakit mata, *so* kita tegurlah. Penilaian tahap kebersihan ruang tu kan berbeza. (G4).

> Ya, sebab kadang bila mereka buat silap, contoh mereka tak nak solat atau lambat solat ke. kita cakaplah atau nyanyikanlah lagu Buat apa yang Allah Suka. Secara tak langsung, kita dah tegur dan bimbing murid melalui lagu. (G6).

Dalam hal yang sama, guru-guru mengaplikasikan pendekatan psikologi sebagai langkah bimbingan kepada murid. Terdapat peserta menerangkan beberapa pendekatan psikologi yang digunakan untuk membimbing sekaligus menangani masalah. Mereka menghuraikan hal ini seperti di bawah:

> Kita guna suara *deep*. Budak hormat guru ni lain. Cikgu tetap betul. Kita pergi mana-mana, *parents* cakap "Muallimah, saya cakap, anak saya tak nak dengar. Kalau muallimah yang cakap, dia akan dengar. Jadi, kita cakap *slow* je dan *tone* tak payah tinggi. "Disebabkan awak buat saya berdiri lama kat depan tu, jadi awak kena bayar balik berdiri tu. Jangan duduk selagi saya tak duduk". Sedar ya, mereka tak nak buat lagi. Percayalah. (G4).

> Untuk anak-anak murid ni sebenarnya kita perlu rapatlah dengan anak-anak murid ni sebab budak-budak ni kadang-kadang dia perlukan, orang kata orang yang rapat dengan mereka. Maksudnya, kalau orang dewasa ni tak perlu pun kita dekat dengan mereka sebab mereka memang suka mendengar ilmu. Tapi, kalau budak-budak ni kalau kita tak dekat dengan mereka, akan sebabkan mereka tak minat dengan apa yang kita ajar. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Strategi keempat yang guru-guru gunakan adalah tindakan berbentuk asertif. Perkataan asertif ini diungkapkan sebagai suatu tingkah laku atau tindakan secara berani, jelas, dan tegas dalam menyampaikan sesuatu perkara. Keadaan ini dapat dilihat apabila guru bertegas dalam menyusun keutamaan penyampaian ilmu. Keadaan ini disampaikan oleh seorang guru, iaitu:

> Kita ni ada silibus yang nak dihabiskan. Walaupun masa itu singkat, tetapi kita tetap kena buat sesuatu perkara untuk bimbing murid-murid ni. Kita tak boleh biarkan saja jika berlaku kesalahan tingkah laku depan mata. Anak-anak murid perlu faham yang kita sangat pentingkan akhlak semasa belajar, sebagai contoh. (G6).

Di samping itu, penegasan dalam tindakan guru dapat dilihat melalui kesepakatan persetujuan melaksanakan program berkaitan pendidikan tingkah laku murid. Muafakat tindakan ini dicapai menerusi mesyuarat guru sebagai elemen penegasan pelaksanaan. Guru-guru yang ditemu bual menjelaskan tindakan itu seperti berikut:

> Dalam mendapatkan kesepakatan jadikan lagu dan SOP, setakat sebelum ini tiada penetapan SOP kepada murid. Bila dimasukkan dalam mesyuarat dan dibincangkan bersama, barulah ada kata sepakat untuk pelaksanaan program tu. (G1).

> Akhirnya seperti yang diminta dalam mesyuarat, lagu-lagu ini diterima sebagai pelaksanaan semasa perhimpunan. Biasalah, semuanya ambil masa untuk diperincikan sebelum ditetapkan bersama semua. (G7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasilnya, penegasan itu ditonjolkan melalui tindakan guru yang berpendirian teguh dalam memberi pengajaran dan bimbingan terhadap pembentukan sahsiah murid. Tindakan guru kategori asertif ini membuat murid-murid menyedari akan usaha yang diberikan. Sebilangan guru menjelaskan tindakan ini seperti di bawah:

> Saya sendirilah sebagai guru, bila nak masuk mengajar tu, memang saya tegas dengan peraturan tersebut, dengan inti pati lagu yang dinyanyikan. (G1).

> Kita kena mencari satu mekanisme, pastikan budak buat dan laksanakan SOP Keluar Kelas tu. Sama macam lagu yang nyanyi tu. Apa dia? Ya, kena tegas. (G4).

> Kalau cara saya, ikut macam Muallim kata. Selagi murid tak berdiri, kita cikgu jangan masuk. Haa, jangan masuk. (G6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, setiap tindakan asertif oleh guru seperti yang dinyatakan adalah dipengaruhi oleh strategi kelima iaitu bantuan daripada pihak pentadbiran sekolah. Kategori strategi ini memaparkan bagaimana hubungan baik dijalinkan dengan barisan pentadbir untuk kepentingan dan kelancaran pelaksanaan program di sekolah. Hal ini dirumuskan oleh seorang peserta, iaitu:

> Hubungan baik dengan pentadbir. Kalau kita buat baik dengan dia, kita minta apa pun senang dapat. Alhamdulillah, Guru Besar kita tu memahami tujuan kita ni sebenarnya apa, untuk apa kan. Jadi, mudahlah untuk meluluskan program-program tersebut. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, kesemua tindakan yang dilaksanakan oleh guru disokong oleh strategi keenam iaitu usaha pembina program. Kategori ini menunjukkan tindakan pembina program melakukan langkah penyebaran lirik lagu kepada warga sekolah khususnya murid. Usaha keras dalam menyebarkan kandungan lagu Didik Hibur diceritakan oleh pembina program seperti bahagian berikut:

> Rentetan terhasil Lagu Niat Kita, kemudian kita pamerkan lirik lagu tu di dinding bangunan, dekat kantin sekolah tu. Yang ada tulisan hitam tu. Masa murid masuk kawasan sekolah dah nampak. Secara tak langsung, mereka dah sebut dan nyanyi dalam hati bila nampak lirik tu. (G1).

Kesimpulannya, Pengkaji berjaya mengumpulkan setiap tindakan yang dilaksanakan oleh para guru dalam menjayakan program mendidik sahsiah murid. Enam kategori yang diwujudkan adalah saling berhubungan untuk menyokong keberadaan sub tema strategi guru. Perhubungan yang berkait dengan tema utama strategi dilihat berpotensi menceritakan langkah yang diambil oleh guru dalam menangani cabaran mendidik sahsiah murid melalui program Didik Hibur di SRAH.

4.2.5.2 Sub Tema Cadangan Guru

Dalam proses mendapatkan informasi ketika sesi temu bual, Pengkaji turut memperoleh pelbagai cadangan yang diutarakan oleh peserta temu bual sebagai kaedah penambahbaikan kepada tindakan sedia ada. Oleh itu, Pengkaji mewujudkan sub tema cadangan guru bagi menyusun empat kategori di bawahnya iaitu penambahbaikan lagu, penambahbaikan pelaksana, penambahbaikan hasil program, dan penambahbaikan perancangan program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cadangan pertama yang diberikan oleh guru dalam menangani cabaran pembinaan sahsiah murid melalui program Didik Hibur ialah langkah pembaharuan kepada lagu-lagu nasihat. Antara cadangan penambahbaikan yang diberikan oleh sebilangan peserta kajian adalah seperti berikut:

> Buat lagu pakai bahasa isyarat. Lagu Al-Fatihah je yang ada bahasa isyarat setakat ni. Kalau ada rezeki, kita akan buat. Upah dia, itu standard la. (G1).

> Mungkin kita boleh letak penyanyi-penyanyinya ialah ikon-ikon daripada orang-orang yang kita kata macam guru-guru yang sedap suaranya. Yang boleh nyanyikan lagu-lagu ni. Sekurang-kurangnya, dia menjadi lebih menarik untuk kita dengar. Untuk menarik minat kepada murid-murid untuk lebih menyanyikannya. (G5).

Terdapat juga cadangan untuk tambah baik daripada sudut gerakan tubuh badan semasa menyanyikan lagu. Beberapa peserta menyatakan cadangan:

> Kalau ada rezeki, saya akan cubalah buat satu-satu lagu tu ada pergerakan. (G1).

> Kalau ada gerakan, maksudnya boleh berpegang tangan dengan kawan-kawan, ia jadi lebih menghiburkan berbanding kita suruh berdiri tegak sambil menyanyi. (G6).

> Tapi, kalau nak tambah gaya pun boleh juga. Budak-budak pun akan jadi lebih tertarik dan jadi lebih menarik. (M4).

Cadangan kedua yang diajukan oleh guru-guru ialah kaedah penambahbaikan kepada pelaksana iaitu diri pendidik. Pengkaji mendapati idea perubahan baik untuk guru ini adalah kerana faktor sebagai model peranan yang baik kepada murid-murid. Perkara ini disahkan melalui bicara oleh seorang peserta seperti di helaian sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dia tiru apa yang dia nampak. Dia dah ada ilmu tu, tapi tak nampak orang buat. Dia nampak sampah. Dia nampak perlakuan orang lain. mungkin guru atau sesiapa yang kutip sampah tu. Dia akan terdorong untuk buat. Itu akan membentuk roh. Tambah-tambah lagi kalau guru yang buat. Guru *upgrade* diri untuk berubah dulu. (G4).

Bagi mendapatkan perubahan baik ini, para guru perlu mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab mendidik akhlak murid secara jelas. Kepentingan kesedaran tanggungjawab selaku pendidik ini disebut oleh peserta kajian. Mereka menceritakan:

> Pertama, guru ni dia kena bagi satu bentuk kesedaran. Dia mesti tahu lagu ni apa matlamatnya. Ke mana dia boleh pergi? Potensi yang macam mana? Dan sebagainya. Sebab dari segi *basic* tu, nak kena faham jelas dulu. (G1).

> Tapi atas kesedaran jiwa pendidik tu kan. Pendekatan yang baik untuk kita sama-sama supaya guru pun dapat bawa benda ni dengan faham. Contohnya, Lagu Niat Kita, Lagu SOP Guru Masuk Kelas, dan Lagu Buat Apa Yang Allah Suka. Pertama, guru sendiri kena hadam, bukan hadam lagu. Tapi, hadam maksud ataupun hadam dia punya falsafah yang nak dicapai. Intipati dalam tu yang nak kena faham bersama. (G2).

Oleh itu, perlunya ada keperluan untuk memberikan pendedahan cara pelaksanaan program dengan betul dan baik kepada semua guru. Langkah pendedahan ini berperanan untuk memastikan adanya penambahbaikan pada diri setiap guru. Beberapa peserta temu bual memberitahu:

> Yang patut memperjelaskan semua ini mungkin kita boleh mula daripada pembuat lagu ni kepada guru-guru. Diulang-ulang banyak lagi sehingga guru-guru mampu memberikan penerangan yang baik kepada murid-murid. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Mungkin perlu ada sedikit penambahbaikan penyampaian agar guru-guru dapat faham dulu. Barulah boleh ceritakan kepada murid. (G6).

Kategori cadangan ketiga yang diberi ialah penambahbaikan hasil program sebagai rekod kegunaan masa akan datang. Rekod data pelaksanaan ini penting untuk lihat sejauh mana keberkesanan program ini membina sahsiah murid. Terdapat peserta kajian yang mencadangkan kepentingan kutipan data pelaksanaan, iaitu:

> Tu cadangannya lepas ni, kemungkinan kita nak buat ujianlah. Ujian untuk ambil data. Data kelas mana-mana yang boleh buat secara umum. Dan bab untuk pergi kepada peribadi tu, memang sukarlah, makan masa yang agak lama. Mungkin kita akan pilihlah untuk ujian peribadi tertentu. Kita ambil yang lemah, yang sederhana, dan yang pandai. Pelajar tu, kita akan tengok berapa lagu yang boleh dihafal, contohnya. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori akhir yang saling berhubungan ialah kategori penambahbaikan terhadap perancangan pelaksanaan program. Langkah pembaikan semasa tahap perancangan adalah penting agar ianya lebih terperinci mencapai objektif pembinaan sahsiah murid. Dua orang peserta temu bual menghujahkan sudut modifikasi pembudayaan amalan yang baik, iaitu:

> Kalau boleh diterapkan dengan masukkan roh. Maksud roh ni macam Lagu Buat Apa Yang Allah Suka, kita kena ajarkan dan peringat anak murid untuk perbanyakan lagi kebaikan. Perlu nampakkan kebaikan itu dalam diri murid. Contoh lagi, macam budaya buang sampah. Kita perjelaskan kandungan lagu tu sebagai bentuk nasihat supaya murid ni beramal dengan apa yang mereka dengar. Tak boleh buang sampah merata. Tangkap sesiapa yang buang sampah merata ni. Macam tu. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kita boleh beri peluang kepada murid-murid untuk meneroka lirik lagu tu. Mungkin kita boleh bentukkan secara amalan. Bila dia tak amalkan apa yang ada pada lirik tu, seolah-olah tak ada apa-apa pun yang berlaku. (G5).

Sehubungan itu, Pengkaji memperoleh dapatan yang mencadangkan perancangan strategik pelaksanaan dibuat sebagai penambahbaikan. Hal ini dilihat sebagai rujukan utama kepada pelaksanaan program yang berkesan. Beberapa pernyataan diberikan oleh peserta kajian adalah seperti di bawah:

> Kesan pendidikan tu kita kena fikirkan secara serius. Kita kena susun macam ini dan begini. Produk yang keluar dari Sekolah Hidayah ni, *mostly* adalah orang yang boleh dipercayai dan boleh dibanggakan. (G2).

> Kena ada pembaharuan *method-method* lain. Tak boleh dah ada kita punya pemikiran kita guru lama. Budak zaman dulu, dia orang tak nak dengar dah. Zaman sekarang, fokus sekarang. Kena buat rancang yang baru. Barulah betul. (G5).

> Pelaksanaan ni mungkin kita boleh bincang, boleh ambil pandangan daripada guru-guru lain bagaimana untuk kita buat. Kita faham setiap guru ni berbeza *character*. Jadi, kita perlu minta pandangan supaya apa yang dibuat dapat disesuaikan dengan setiap *character* daripada guru-guru. (G6).

Setelah pembaharuan pada perancangan dibuat, langkah penguatkuasaan program perlu dijalankan agar pelaksanaannya menjadi lebih rasmi dan menyeluruh. Perkara ini menjadi ulasan oleh sebilangan peserta:

> Maksudnya, Unit HEM kena keluarkan SOP Masuk Kelas. Ni memang kena buat. *So*, guru baru dan guru lama boleh nampak. Guru masuk ke kelas pun mesti dah tahu dan faham SOP Guru Masuk Kelas. Benda ini mesti sentiasa disebut-sebut, diperingatkan. Perlu dikuatkuasakan oleh semua guru. (G2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya minta semua warga kompleks ni cakna la dengan benda baik ni. Saya harap pihak pentadbiran fokus kepada apa yang patut difokuskan. Sebab guru ni, tugasnya mendidik. Kalau tengok falsafah pendidikan, mendidik tu tugas guru. Bila kita sebut pasal mendidik, *direct* terus kepada *point* adab. Kita akan nampak akhlak dulu. Kita kena buat dengan jelas. (G4).

Apabila selesai penambahbaikan dalaman, pelbagai cadangan dihulurkan guru peserta kajian yang melibatkan usaha luar ruang lingkup sekolah. Terdapatnya cadangan untuk dapatkan pengiktirafan luar ke atas pelaksanaan program. Antara usul yang disampaikan oleh dua orang guru ialah:

> Yang ke depan, kalau boleh perkara ni perlu mendapat pengiktirafan daripada JAIPk. Supaya JAIPk boleh *transfer* program ni macam mereka *transfer* ilmu program Al-Quran. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Kalau dah ada pengiktirafan, barulah kita nak minta bantuan sebagainya. Senang nak minta bantuan mana-mana untuk program. (G2).

Pada masa yang sama, terselit juga pandangan peserta kajian untuk bahagian pelaksana program dapatkan sokongan pihak luar. Antara cadangan yang diberikan adalah seperti berikut:

> Pakar-pakar yang menyokong program ini mungkin ada kepakaran. Kalau benda ni memang UPSI boleh buktikan berkesan untuk pendidikan akhlak. Rangkaian IKRAM-Musleh yang banyak sekolah kat satu Malaysia. (G1).

> Sahsiah murid ni kita sepatutnya letakkan tanggungjawab ini kepada ibu bapa dan guru. Sebab ibu bapa ni, murid-murid bermulanya bangun mereka ni adalah dari ibu bapa hingga ke sekolah dengan guru-guru dan berakhir dengan ibu bapa semula di rumah. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Usaha akhir yang dibuat adalah penyebaran lagu ke luar sekolah untuk mendapatkan lebih banyak maklum balas berkaitan pembentukan sahsiah murid. Pembina program dan wakil pentadbiran mengulas cadangan langkah penyebaran lagu ke luar seperti di bawah:

> Harap dapat diterima, disambut baik, dan diaplikasi oleh semua warga SRAH dan SMAH. Termasuk SMAH, sebab lagu adab kan. Adab, sampai ke tua kita belajar adab. Sampai ke tua kita mengubah adab yang tak elok. (G1).

> Sebagai pentadbir, kita berfikir akan memperkenalkan ke sekolah-sekolah lain. Mungkin program akan datang dalam MGBSIM. Kalau SRAH terpilih untuk perkongsian ilmu, muallimah akan bawa benda ini sebab ia satu kelainan yang setakat ni tak ada dengar lagi di sekolah-sekolah rangkaian lain. Memang nak sangat berkongsi dengan sekolah lain. (G2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, kesemua kod utama dan setiap kategori saling berkaitan dalam menyokong dua sub tema strategi dan sub tema cadangan. Kedua-dua sub tema ini saling berhubungan bagi mendukung langkah yang diambil oleh guru dalam menangani cabaran membentuk sahsiah murid menerusi program Didik Hibur.

4.2.6 Laporan Hasil Analisis Tema Faktor Kejayaan

Pengkaji telah menjana tema faktor kejayaan yang berpotensi melengkapkan keperluan soalan kajian ketiga iaitu kemampuan pelaksanaan program Didik Hibur terhadap pembinaan sahsiah murid melalui sudut pandang pihak pentadbir, guru, dan murid. Di bawah skop tema ini, telah tersusun lima sub tema iaitu kekuatan lagu, kerjasama guru, kualiti pembina program, penerimaan murid, dan sokongan pelbagai pihak. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaturan yang sistematik, Pengkaji menemukan 16 kategori yang mewakili 30 kod utama. Pengkaji mempamerkan laporan analisis bagi tema faktor kejayaan mengikut pembahagian lima sub tema yang telah dinyatakan.

4.2.6.1 Sub Tema Kekuatan Lagu

Berdasarkan hasil dapatan sudut pandang daripada pihak pentadbir, guru, dan murid di SRAH, kekuatan lagu merupakan sub tema yang mengandungi banyak kategori iaitu sebanyak tujuh kumpulan mewakili lapan kod utama. Sub tema ini memerihalkan sejauh mana faktor kejayaan kekuatan lagu Didik Hibur dapat membina perilaku murid yang baik khususnya di SRAH.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Pertama, anggapan kejayaan pelaksanaan program ini dapat dilihat menerusi keberhasilan ciptaan lirik lagu yang mengajak kepada kebaikan untuk membentuk tingkah laku baik setiap murid. Pembina program sememangnya memfokuskan kepada kemenjadian peribadi terpuji menerusi kandungan lirik lagu yang menjadi peringatan dalaman terhadap kebaikan. Anggapan faktor kejayaan ini dipersetujui oleh sebilangan guru yang ditemu bual seperti berikut:

> Lirik Didik Hibur semuanya sesuai dengan fitrah manusia. Mengajak mencintai Allah, mencintai Nabi, dan perbuatan yang baik. Itu benda-benda yang fitrah baik. (G1).

> Lagu-lagu ni sangat boleh kita jadikan medium dakwah kebaikan seperti lagu-lagu nasyid yang kita biasa dengar. Ia memberikan lirik-lirik yang baik. Berbanding mereka dengar lagu-lagu melalaikan. Pentingnya, saya nampak ia menjadi halwa telinga kepada murid-murid. Dia memberikan kebaikan. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kalangan murid pula, mereka turut membuat tanggapan positif yang sama terhadap faktor kejayaan tersebut. Murid-murid ini menyampaikan anggapan, iaitu:

> Saya rasa lagu-lagu Muallim buat ni membantu diri saya membuat kebaikan. Kita pun boleh ajak orang berbuat kebaikan dengan lagu-lagu ni. (M1).

> Diri kita sendiri yang buat untuk berubah. Lagu tu macam mendorong diri kita untuk berubah jadi lebih baik. (M4).

Kedua, para peserta mempunyai anggapan bahawa kejayaan pada lagu Didik Hibur ini adalah daripada sudut motif amalan pelaksanaan program. Lagu-lagu nasihat yang dicipta bertujuan kepada pendidikan adab baik untuk murid-murid. Wakil pentadbiran sekolah menyatakan sudut pandangnya terhadap pengamalan pembentukan peribadi baik murid. Beliau memberitahu:

> Sebagai seorang pendidik, boleh jadikan program Didik Hibur ni sebagai suatu medium persediaan kepada murid sebagai amalan untuk ke sekolah menengah. (G2).

Pada masa yang sama, sejumlah guru peserta kajian membincangkan kesungguhan pelaksana dalam amalan didikan sahsiah yang berlaku di SRAH. Ujar mereka:

> Daripada awal lagi dah nampak yang pendidikan adab murid dibuat melalui lagu-lagu yang dicipta dalam program Didik Hibur. (G3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Dia kena pada situasi. Kena pada masa. Kena pada apa yang nak dibetulkan. Adab bersama guru di dalam kelas, ada lagunya. Buang sampah, ada lagunya. Duduk saja sambil ingat Allah, ada lagunya. Langkah saja-saja, ada lagunya. Maksudnya, semua lagu kena pada situasi. Ada pada benda yang nak dibetulkan. (G4).

Kesan amalan bimbingan pengajaran sahsiah oleh guru setiap hari turut diperkatakan oleh murid. Mereka mengatakan:

> Bila kita nyanyi lagu tu setiap hari, setiap masa, tak akan la tak ada perubahan dalam diri kita. Mesti akan ada rasa keinsafan walau sedikit. (M3).

> Dapat buat kita jadi baik hari-hari. Sebab lagu-lagu ni mengajar kebaikan. Bukan lagu bukan-bukan. (M5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, kejayaan amalan pelaksanaan program Didik Hibur didukung oleh usaha menjadikan nyanyian lagu-lagu nasihat ini sebagai prosedur setiap hari. Kewajipan amalan nyanyian lagu nasihat yang menyebabkan perubahan diri murid. Guru Besar dan seorang guru pelaksana menjelaskan perkara ini secara ringkas, iaitu:

> Jadi, benda tu dah jadi pun. Ia dah jadi program sekolah, diprogramkan setiap hari. Yang lain pun macam tu, mesti disebut-sebut kepada murid dan dimasukkan dalam diri mereka. Dijadikan SOP oleh pihak HEM sampai bila-bila. (G2).

> Kekuatannya dari segi lagu ni kita lihat kepada apa yang dibudayakan kepada murid. Kesan perubahan diri murid untuk patuh kepada penetapan prosedur program tu dah boleh nampak. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji melihat kepada kategori ketiga iaitu faktor kejayaan kefahaman lagu yang diterapkan dalam diri setiap murid. Apabila lagu-lagu yang dihasilkan adalah mudah untuk disebut, difahami, dan diamalkan setiap hari, menjadikan murid-murid dapat mengikutinya dengan baik. Pendapat yang bersetuju dengan pengaruh kefahaman lagu boleh dilihat pada penceritaan peserta di bawah:

> Mudah untuk dinyanyikan dan mudah untuk difahami. (G3).

> Lagu-lagu ni semuanya ringkas. Tak ada masalah untuk siapa-siapa nyanyikan atau amalkan. Dia seolah-olah macam lagu-lagu biasa kita dengar. Ada perkataan-perkataan agama yang bawa kebaikan diri. (M2).

Hal yang lebih kurang sama dilihat pada faktor kejayaan lirik lagu. Kandungan yang mengajak membuat kebaikan ada pada penulisan lirik lagu menyebabkan anggapan kejayaan dalam membentuk sahsiah baik murid. Beberapa guru ada menjelaskan mengenai kelebihan lirik lagu program Didik Hibur, iaitu:

> Gunakan Bahasa Melayu yang mudah-mudah. Ayat budak-budak. Kalau tengok dalam buku tu, ayat budak-budak. (G1).

> Lirik mudah difahami. Aras, ya sesuai dengan murid. Tak ada perkataan-perkataan yang murid tak faham. Semua perkataan murid faham. Walaupun dalam Bahasa Arab, Muallim terjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, pun perkataan yang murid faham. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam pada itu, murid-murid turut menjelaskan sudut pandang mereka berkenaan kekuatan lirik lagu didik hibur. Mereka berpendapat bahawa:

> Liriknya yang ringkas sepertinya lirik tu adalah lirik yang berulang-ulang sahaja. Liriknya juga ada unsur selawat. Kita ni selawat tak selalu sebut kan. Jadi, dengan lagu ni, sambil kita berjalan kita akan selawatlah. Baguslah kan? (M1).

> Tapi kalau pendek macam ni, banyak kali ulang-ulang lirik tu, jadi senanglah. Sebab murid sekolah rendah ni kan tahap faham tu rendah, tak macam sekolah menengah. Memang perlulah lirik ringkas, baru senang nak faham. (M4).

Seterusnya, kita lihat kepada kategori kelima iaitu unsur pergerakan dalam aktiviti nyanyian disebut sebagai pengaruh kejayaan kepada kekuatan lagu. Kelebihan unsur pergerakan tubuh badan semasa menyanyi menjadi tarikan kepada murid-murid untuk menyertai program pembinaan sahsiah di SRAH. Beberapa peserta menyatakan pandangan mereka seperti di bawah:

> Sebab lagu ni memang tak boleh disentuh. Kalau lagu tu, bentuk sebegini, kita boleh sentuh lagu tu kan. Itulah antara sebab pergerakan itu diadakan untuk menarik minat. Supaya murid-murid yang berpotensi dengan deria mata tu, dia jadi tertarik dengan lagu tersebut. (G1).

> Nyanyi lagu ni seronok sebab Muallim datangkan lagu tu dengan gaya tersendiri. Contoh macam tepuk tangan. Lagu Buat Apa Yang Allah Suka tu ada tepuk-tepuk tangan. (M1).

> *Best* je kalau ada gaya. Kalau macam ada lagu tu, kan ada tepuk-tepuk tangan. Kita jadi lebih ceria dan seronok la. (M4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori keenam ialah faktor kejayaan rentak lagu yang menjadi tarikan dan kemenjadian pelaksanaan program Didik Hibur membentuk perilaku baik murid di SRAH. Pengkaji mendapati keseluruhan peserta kajian sangat bersetuju dengan keupayaan rentak lagu menarik perhatian murid yang memberi peringatan berkelakuan baik. Sebilangan peserta kajian menyampaikan sudut pemikiran mereka, iaitu:

> Bila dah masuk-masuk dengan lirik dan nyanyian gerakan semua tu. Rentaknya *very catchy*. Sangat kena pada dia punya situasi. Jadi, akak rasa baguslah dan menarik. (G4).

> Tarikannya ialah pada rentak lagu. Rentak yang dinyanyikan agak mudah untuk murid-murid hafal dan murid-murid nyanyikan. Rentak yang mudah. Sebagai medium penyampaian, lagu tu mesti ada melodi rentak yang sedap untuk menarik perhatian. (G5).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malahan, semua murid peserta temu bual turut menyuarakan pengalaman mereka selaku peserta program yang terhibur dengan lagu-lagu Didik Hibur. Mereka menceritakan pengalaman yang dirasai, iaitu:

> Ya, seronok sebab rentak lagu tu. Suka gembira sebab rentak nyanyi lagu. (M1).

> Rentaknya macam *best*. Senang nak ingat. Senang nak hafal. Senang sangat. Dengan faktor rentak yang *catchy*. Lagi senang nak hafal. (M3).

> Sebab rentak dia tu *best*. Rentaknya pun seronok. Ya, rentak tu senang nak ikut. Nak nyanyi pun jadi senang. Dan semuanya lebih kurang je. (M4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, faktor kejayaan kekuatan lagu ini mempunyai pengaruh kesesuaian umur. Lagu-lagu yang dicipta adalah bersesuaian dengan tahap umur murid. Perkara ini dimaksudkan dengan penyampaian kandungan lagu yang mudah difahami khususnya untuk murid-murid di peringkat sekolah rendah. Tahap lagu yang bersesuaian dengan umur ini diusulkan oleh dua orang peserta seperti berikut:

> Aras untuk budak-budak. Sebab tu yang paling minat, budak Tahun Satu, Dua, dan Tiga. (G1).

> Kita boleh kata setiap lagu tu maksudnya sangat mudah dan sangat ringkas untuk kita, juga untuk murid dan semua. Lagu-lagu Didik Hibur ni sangat mudah difahami. Jadi, untuk budak sekolah rendah, adalah sangat bersesuaian untuk nyanyikan. (G7).

Kesimpulannya, semua tujuh kategori yang dihasilkan adalah berperanan dalam menerangkan hubungan antara sub tema kekuatan lagu sebagai faktor kejayaan kepada pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH. Perolehan dapatan sudut pandang daripada pihak pentadbir, guru, dan murid memberi pembuktian kepada kemampuan tema faktor kejayaan menjawab soalan kajian yang ketiga.

4.2.6.2 Sub Tema Kerjasama Guru

Pengkaji telah memperoleh data yang menyatakan faktor kejayaan pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH dalam membentuk sahsiah murid adalah berdasarkan elemen kerjasama guru. Proses analisis tematik telah membantu Pengkaji mengatur dua kategori yang menyokong keberadaan sub tema kerjasama guru iaitu kategori tanggungjawab guru dan kategori sumbangan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sub tema kerjasama guru dilihat berkaitan dengan kategori tanggungjawab pendidik sebagai penggerak program kerana berpotensi mempengaruhi kejayaan pembinaan sahsiah murid. Tanggungjawab semua guru sebagai pelaksana program Didik Hibur ditonjolkan melalui usaha kerjasama yang diberikan dalam suatu bentuk pasukan. Beberapa pandangan peserta diambil kira sebagai gambaran kepada suasana kerjasama guru seperti berikut:

> Kesepakatan dalam mesyuarat baru-baru ini telah membawa kepada perubahan dalam melaksanakan program nyanyian lagu nasihat setiap hari. (G1).

> Kalau kita cerita konteks sekolah, kita ni sebagai guru memang jadi ibu bapa kedua kepada anak-anak ini. Bezanya, kita ramai untuk bergabung dalam mendidik. (G2).

> Kita guru-guru ni kena gembleng tenaga sama-sama buat. Baru nampak kesan, barulah rasa perubahan tu. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor pengaruh kejayaan kedua dapat dipamerkan menerusi kefahaman pihak guru terhadap motif pelaksanaan program. Apabila guru memperoleh kefahaman yang jelas dengan matlamat program, tugasan mendidik sahsiah murid mampu memberi impak positif. Sejumlah peserta kajian menyatakan persetujuan mereka dengan berkata:

> Ya, bila nak aplikasi sesuatu perkara macam mendidik akhlak murid ni, pertama sekali guru mesti faham dan mengerti dengan matlamat program. (G3).

> Sejauh mana diri saya sebagai guru untuk memahami apa yang ingin dicapai dalam program Didik Hibur hanyalah dalam rahsia Tuhan. Mungkin apa yang saya faham berbeza dengan orang lain. Tapi, kita sama-sama nak memupuk nilai kebaikan pada diri setiap anak murid. Memang penting untuk faham apa yang nak sampaikan. (G6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, faktor minat guru terhadap guru turut memainkan peranan dalam menunjukkan tanggungjawab guru menggerakkan pendidikan perilaku baik murid menerusi program Didik Hibur di SRAH. Apabila guru berminat dalam melaksanakan program Didik Hibur yang bermotifkan pendidikan sahsiah murid, nescaya guru mampu menyampaikan ilmu dan membimbing dengan sebaiknya. Peserta yang ditemu bual menyuarakan keadaan minat guru terhadap pelaksanaan program. Ujar mereka:

> Didik Hibur ni satu benda yang akak suka. Walaupun kita ni tak ada latar belakang agama yang tinggi sebenarnya. Macam jiwa yang kehilangan, tercari-cari, dan jumpa kat sini. Bila ada benda-benda yang macam ni, akak minat sebenarnya. (G4).

> Tapi, saya suka. Saya sokong mungkin secara tidak langsung. Sebab kalau langsung tu, memang saya ikut nyanyi sekali kot. Langkah kita, langkah ibadah. Secara tak langsung tu, kita macam contoh perhimpunan pagi tu. Ketua akan datang kat depan, dia nyanyi. Kita nyanyi dari tepi, sama-sama sambil pantau murid. (G7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam masa yang sama, kemampuan guru untuk nyanyikan lagu-lagu Didik Hibur untuk tujuan mendidik murid adalah suatu perkara yang dianggap sebagai keistimewaan tersendiri. Murid-murid akan menjadi lebih tertarik dan seronok dengan suasana nyanyian lagu bersama guru. Secara tidak langsung, hal ini menjadi suatu cerminan positif kepada semua murid bahawa guru memandang penting dalam perihal pembinaan sahsiah diri. Antara kenyataan yang diberikan oleh peserta temu bual ialah:

> Kalau tengok lirik tu, boleh la nyanyi. (G3).

> Biasa nyanyi sama-sama dengan murid masa perhimpunan. Ataupun suruh murid nyanyi masa terluang dalam kelas sambil beri pengajaran. (G6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Jadi seronok bila tengok Muallim nyanyi sama-sama setiap pagi. Sambil nyanyi tu sambil faham perkataan dalam lirik lagu tu. (M4).

Seterusnya, sub tema kerjasama guru dikaitkan dengan kategori kedua iaitu sumbangan guru dalam program. Para peserta kajian beranggapan bahawa sumbangan guru ini dilihat apabila mampu mengembangkan produk program Didik Hibur ini ke peringkat yang lebih tinggi. Pembina program dan Guru Besar memberi pandangan mengenai sumbangan guru berbentuk penyelidikan ke atas program seperti di bawah:

> Ditambah lagi dengan sokongan sahabat-sahabat yang sanggup buat kajian *Master* untuk program ni. Dikira sebagai satu pengorbanan bersama. (G1).

> Muallimah mengharapkan dengan adanya kajian sebagai sokongan kepada pencipta program. Sebenarnya, kajian yang dibuat adalah satu bentuk sokongan padu sebenarnya. Sebab kita akan rasa *wow*. Orang luar akan tahu pasal program bermanfaat yang dibuat di sekolah kita. Tu sebagai satu bentuk promosi untuk sekolah. (G2).

Akhir sekali, Pengkaji melihatkan dapatan yang diperoleh menerusi sudut pandang pihak pentadbir, guru, dan murid ke atas faktor kejayaan kerjasama guru adalah saling berkaitan serta berimpak positif. Guru dilihat telah melaksanakan tanggungjawab dalam membimbing pembinaan tingkah laku murid dengan baik. Terdapat juga kerjasama guru yang memberi sumbangan menjalankan kajian ke atas keberkesanan pelaksanaan program Didik Hibur membentuk sahsiah murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.3 Sub Tema Kualiti Pembina Program

Bagi menjawab soalan kajian ketiga mengenai sejauh mana kemampuan pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH, sub tema kualiti pembina program diterbitkan daripada hasil temu bual. Selaku pembina program, individu tersebut adalah berkepentingan dalam mempunyai personaliti diri baik untuk dijadikan contoh teladan kepada guru lain dan khususnya murid-murid. Pengkaji menemukan tiga kategori yang berkaitan menyokong kewujudan sub tema ini iaitu akhlak pembina program, komited, dan berpengalaman. Ketiga-tiga kategori tersebut adalah mewakili kualiti diri pembina program dalam menjadi faktor kejayaan mendidik sahsiah murid menggunakan medium program Didik Hibur.

Kategori pertama adalah akhlak pembina program yang disandarkan kepentingannya bagi proses pembinaan sahsiah baik murid di SRAH. Pelbagai faktor yang menyokong kepada ketersediaan akhlak pembina program selaku suri teladan kepada semua. Antaranya, kemampuan pembina program dalam berkongsi kebaikan untuk dimanfaatkan bersama. Guru pembina program ini menonjolkan akhlak menyebarkan kebaikan seperti pada bahagian bawah.

> Zakat ilmu, dia kena ajar. Jadi, antara yang saya nak beri ialah sedekah untuk amalan pahala yang berterusanlah. Itu untuk keuntungan peribadi. Saya bukan orang yang pandai berceramah atau pandai mengajar. Jadi, saya menggunakan pemberian Tuhan. Sedikit kemahiran untuk berfikir mencipta lirik yang mudah-mudah. Guna keberanian sebagai guru untuk mengajar dan bina satu program yang boleh memberi manfaat kepada ramai manusia. Saya nak kongsikan perkara baik yang diri sendiri buat supaya orang lain pun buat sama, bahkan lebih baik lagi. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembuktian akhlak berkongsi kebaikan pada diri pembina program turut dibuktikan oleh peserta temu bual. Mereka memberitahu:

> Kalau semua kebaikan tu tak ada pada diri Muallim, Muallim tak akan cipta pun lagu-lagu ni. Contohnya, Muallim tak pernah buat bising masa orang lain sedang bercakap. Muallim memang selalu berselawat dan sentiasa ingatkan anak murid untuk selawat sama-sama. Muallim pun buat niat yang baik sebelum ke sekolah untuk ajar murid-murid. (M3).

> Muallim ajarkan benda baik untuk nak kita berubah menjadi orang yang lebih baik. Jadi lebih baik setiap masa. Muallim pun memang selalu nampak baik untuk ajar kami berakhlak mulia. (M4).

Seterusnya, pembina program menunjukkan akhlak yang sentiasa berserah kepada Tuhan setelah berusaha melakukan sesuatu perkara kebaikan. Akhlak sebegini sangat sesuai dijadikan contoh kepada semua murid mengenai kebergantungan diri manusia sebagai makhluk kepada Sang Pencipta. Selaku pembina program, berserah kepada Tuhan adalah sebagai usaha paling akhir dilakukan sebelum menyerah kalah kepada keadaan. Beliau berkata:

> Sebab berjaya tu bukan di sisi manusia. Berjaya itu di sisi Tuhan. Walaupun semua orang tolak, tak apa. Sebab tu juga saya merasakan yang paling penting Tuhan terima usaha kita. Selebihnya, kita berserah sebab kita ni hamba biasa. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa yang sama, keprihatinan pada diri guru pembina program menampakkan aura keperibadian yang baik untuk dijadikan model contoh kepada orang lain. Sebagai pendidik yang bercita-cita tinggi dalam membentuk keperibadian semua murid, pembina program ini sangat cakna dengan isu atau keadaan semasa. Beliau menyuarakan perasaan yang dialami, iaitu:

> Mungkin disebabkan generasi sekarang, dengan faktor pemakanannya dan teknologi yang ada. Mereka kurang menghormati guru. Jadi, saya fikir dan bincang dengan rakan guru, macam mana nak buat. Antara yang kita buat, kita buatkan satu peraturan yang menyatakan pelajar mesti bangun sebelum guru masuk kelas. Ini usaha untuk tangani masalah yang berlaku. (G1).

Malahan, sifat prihatin kepada sesuatu perkara telah mendapat perhatian orang sekeliling termasuklah murid-murid yang menjadi pemerhati keadaan. Kata murid:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Sebab Muallim nak ubah perangai budak-budak. Daripada perangai buruk kepada perangai yang lebih baik. (M3).

> Ya, budak-budak sekarang ni selalu buat bising, selalu tak ikut peraturan, selalu tak hormat orang lain. Bila kena tegur baru nak faham. Jadi, nampak Muallim ni nak ubah perangai dan adab tu menjadi lebih baik. (M4).

Untuk memberikan gambaran akhlak baik pembina program dengan lebih jelas, Pengkaji memperoleh dapatan yang menyebut mengenai kualiti diri bersikap positif. Pembina program menggambarkan keperibadiannya selaku pencipta program Didik Hibur dengan amalan sikap yang konstruktif. Beliau menyampaikan penceritaan seperti pada helaian sebelah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya tak menyalahkan orang lain. Macam tulah saya. Kadang-kadang orang buat program, saya pun tak masuk. Mungkin sebab saya tak faham kenapa dia nak buat program tu. Jadi, tak perlu kecil hatilah, kalau tak dapat sokongan sepenuhnya. Sebab, kita anggap mereka ini tidak memahami apa yang kehendak diri kita. (G1).

Kelakuan diri pembina program yang sentiasa positif dalam segala hal mendapat sokongan daripada peserta kajian lain. Guru dan murid menyatakan persetujuan yang sama, iaitu:

> Beliau selalu bersemangat buat program walaupun dalam keadaan yang kurang sokongan. Tetap meneruskan membuat kebaikan walau apa jua cabaran. (G3).

> Muallim ada selalu cakap tak perlu nak kecil hati kalau orang tak nampak kebaikan apa yang kita usahakan. Yang penting kita buat sampai jadi. (M2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori kedua untuk sub tema kualiti diri pembina program ialah komited. Dapatan temu bual menunjukkan pembina program ini digambarkan sebagai individu yang sentiasa berdedikasi dalam melaksanakan program Didik Hibur. Selaku pendidik yang berkualiti, guru pembina program dianggap sebagai orang berkemampuan dalam memberi komitmen untuk menyebarkan program pendidikan sahsiah murid. Beberapa peserta kajian memberi pandangan ke atas kualiti diri pembina program seperti di bawah:

> Muallim ni orangnya adalah ideanya sentiasa bercambah setiap waktu dan setiap hari. Saya faham dengan keadaan yang berlaku tu. Dari sebelum saya masuk ke sekolah ni, sampailah saya dah masuk sini, saya faham dengan cara kerja beliau. Orangnya sentiasa cepat. Buat apa-apa program memang cepat. (G2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Muallim ni orang komited. Mula program tepat pada masanya. Murid ada ke tak ada ke, tetap terus mula. (G3).

> Sebab Muallim dah sediakan murid. Sebelum dirasmikan program, dia dah hari-hari tanam dalam kepala murid. Jadi, murid ni dah bersedia. Hanya tinggal tindakan guru sahaja. (G4).

Keadaan ini dipersetujui oleh murid-murid yang memuji usaha gigih pengasas program menyebarkan kebaikan inisiatif pendidikan sahsiah murid. Selaku peserta program, mereka berpandangan bahawa:

> Sebab telah jadi tabiat Muallim letak kat murid-murid Sekolah Rendah Al-Hidayah. Setiap pagi, Muallim akan keluar ke perhimpunan dan pegang mikrofon. Muallim akan terangkan lirik-lirik lagu tu tanpa jemu. Bagi nasihat setiap hari. (M2).

> Dah biasa dengan Muallim ni. Muallim je ada rentak dan irama nyanyian yang betul. Tambah pula, Muallim yang buat lagu-lagu tu. Jadinya, lagi seronok kalau Muallim yang berdiri kat depan perhimpunan. (M5).

Dalam proses penyebaran kandungan lagu Didik Hibur secara intensif oleh pengasasnya, elemen kreativiti dalam proses penciptaan lagu-lagu nasihat turut menjadi faktor kejayaan pelaksanaan program. Usaha daya cipta pada diri pembina program dalam penghasilan lagu-lagu hiburan nasihat mendapat perhatian daripada kalangan peserta. Mereka memberi penjelasan, iaitu:

> Muallim terjemahkan perkataan ke dalam Bahasa Melayu pun, semuanya perkataan yang mudah. Perkataan yang murid boleh faham. Buat apa yang baik. Buat dapat pahala. Perkataan sayang. Perkataan suka. Benda mudah. Semua orang tahu. Mudah untuk kanak-kanak jadi faham. (G4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Semua lagu Muallim buat tu seronok. Muallim memang pandai buat lagu-lagu *best*. (M5).

Di samping itu, Pengkaji memperoleh dapatan temu bual yang memerihalkan unsur ketegasan pada kualiti diri pembina program Didik Hibur. Kehadiran nilai ketegasan dalam sesuatu pelaksanaan program dilihat meninggalkan kesan positif kepada kelancaran mencapai objektif. Guru pembina program menjelaskan ketegasan yang dibawa dalam implementasi lagu Didik Hibur kepada pembentukan sahsiah murid, seperti di bahagian bawah:

> Saya sendirilah sebagai guru, bila nak masuk mengajar tu memang saya tegas dengan peraturan yang dibuat. Saya guna dengan kandungan lagu tersebut. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila nilai ketegasan ini ditunjukkan sebagai contoh, para guru pelaksana turut terkesan untuk melakukan hal yang sama. Ketegasan pelaksanaan program Didik Hibur ini diterjemahkan oleh guru lain seperti berikut:

> Jadi, bila saya nak masuk kelas tu, saya akan berhenti dulu depan pintu. Guru kena buat macam tu, jangan masuk lagi. Lagu dah ada, SOP dah ada. Kita sendiri yang kena tegas dengan apa yang nak diterapkan dalam diri murid kita. Sebab tu Muallim kata, kita semua kena buat. (G4).

> Sebagai guru, kita kena buat sesuatu untuk perubahan adab murid. macam contoh, SOP Masuk Kelas. Muallim dah beritahu apa yang murid perlu buat dalam lagu tu. Guru pun kena ikut sekali. (G6).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori akhir bagi sub tema kualiti diri pengasas program adalah pengalaman yang ada pada dirinya sendiri. Faktor pengalaman dalam menjalankan sesuatu program dipandang sebagai perkara yang signifikan kepada kemenjadian objektif pelaksanaan khususnya dalam pendidikan sahsiah murid di SRAH. Hal ini disahkan sendiri oleh pengasas program Didik Hibur tersebut. Beliau memberitahu:

> Saya dah berkhidmat dalam dunia pendidikan khususnya di SRAH ni selama 28 tahun. Peringkat sekolah rendah sahaja. Kira dah lama juga la kan. (G1).

Tuntasnya, setiap kategori yang mewakili kod-kod utama daripada hasil temu bual sangat berkaitan antara satu sama lain dalam menyokong sub tema kualiti diri pembina program. Oleh itu, Pengkaji dapat mengesahkan perhubungan yang membuktikan keberadaan tema faktor kejayaan bagi menjawab soalan kajian ketiga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.4 Sub Tema Penerimaan Murid

Sub tema keempat yang mendorong kepada faktor kejayaan pelaksanaan program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah murid di SRAH ialah penerimaan murid. Pengkaji mendapati faktor murid juga memainkan peranan dalam menjayakan pelaksanaan pembinaan sahsiah diri. Elemen murid ini dilihat sebagai penanda aras pencapaian objektif program yang utama. Analisis dapatan temu bual pula telah menghasilkan dua kategori kepada enam kod utama iaitu kategori keupayaan murid dan kategori minat murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertama, Pengkaji merungkaikan kandungan kategori keupayaan murid yang mendukung kewajaran sub tema penerimaan murid selaku faktor kejayaan pelaksanaan program Didik Hibur membentuk perilaku baik. Hasil pengaturan kod-kod utama menemukan banyak penceritaan mengenai keupayaan murid memahami maksud lirik lagu-lagu Didik Hibur yang dinyanyikan setiap hari. Apabila murid-murid mempunyai kefahaman lirik lagu yang jelas, maka penyampaian guru pelaksana adalah menepati maksud program. Dapatan temu bual memerihalkan impak positif kefahaman murid pada lirik lagu nasihat Didik Hibur. Guru dan murid menyatakan kefahaman mereka, iaitu:

> Tapi, kalau Lagu SOP Guru Masuk Kelas ni, kesan jangka masa panjang tu saya nampak dah. Murid-murid yang pernah saya ajar dulu, tahu dah saya ni macam mana. Saya berdiri kat luar, selagi mereka tak sedia. Walaupun ada murid yang tak pernah ajar, kawan-kawan lain akan bisik antara satu sama lain beritahu. Jadi, kejayaannya tu saya nampak apabila semua murid faham apa yang perlu dibuat berdasarkan lagu Didik Hibur tu. (G4).

> Saya faham Lagu Niat Kita ni macam suruh kita untuk berniat baik sebelum membuat sesuatu perkara. (M1).

> Lirik lagu tu saya faham untuk mengajar kita supaya tinggalkan segala larangan Tuhan. Lepas tu, buat setiap suruhan kebaikan dan bermanfaat. Contohnya, macam berzikir dan berselawat. Tak bazirkan masa. Seronok bila kita nyanyi tu kita faham lirik tu. (M3).

Setelah murid berjaya memahami inti pati maksud kebaikan pada lirik lagu-lagu nasihat, semestinya ia menjadi amalan dalam setiap kelakuan mereka. Keadaan ini akan menjadi dorongan kepada individu murid mengajak rakan-rakan mereka melakukan kebaikan yang sama. Kemampuan mendorong orang di sekeliling melakukan kebaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah pencapaian tahap positif diri yang baik untuk murid. Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian, iaitu:

> Saya memang suka untuk berkongsi ilmu, tak ada la kedekut. Kita boleh cuba nasihat kawan lain dengan cara lagu Muallim ni. Kalau tak boleh, kita boleh cuba dengan cara lain. (M1).

> Ya, memang akan berkongsi ilmu dan pengalaman pasal lagu-lagu nasihat Muallim ni dengan orang lain. Kita boleh perkenalkan lagu-lagu tu kat sekolah lain. Kita nak mereka pun ikut sama buat kebaikan. Kita nak kembangkan lagu-lagu tu supaya orang lain pun turut merasai untuk beramal kebajikan buat baik. (M3).

> Rasa macam seronok bila kita jadi tolong menyebarkan kebaikan kepada orang lain. Orang pun akan rasa kita ni baik la sebab nak tolong buat kebaikan. Kita pun jadi bangga kongsi ilmu baik dengan orang lain. (M4).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Elemen keupayaan murid juga dilihat pada kemampuan untuk menghafal lirik lagu sambil diiringi dengan penghayatan penyampaian kandungan lagu tersebut. Hal ini akan membawa kepada keberhasilan penerapan nilai kebaikan akhlak yang mendorong kepada pembinaan sahsiah baik murid. Perolehan dapatan temu bual menjelaskan persekitaran pembentukan sahsiah kesan hafalan dan penghayatan oleh murid yang berlaku. Dua orang murid menyampaikan maklumat seperti berikut:

> Bila kita dah hafal tu, sambil jalan bertugas pagi-pagi tu pun boleh nyanyi dah. Masa saya bertugas, mata fokus kat murid-murid lain untuk pantau. Tapi, telinga saya fokus kat apa yang Muallim beritahu. Sambil-sambil bertugas tu, boleh je dengar nyanyian lagu Muallim. (M1).

> Ya, saya hafal semua lagu tu. Ada empat lagu nasihat tu kan. Sebab setiap pagi, Muallim akan nyanyikan sambil bagi penerangan kepada semua murid. Jadi, waktu nyanyi tu, saya macam masuk dalam kepala untuk hafal dan faham juga. (M2).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori kedua di bawah lingkungan sub tema penerimaan murid ialah minat murid. Pengkaji menjumpai kod utama yang memerihalkan kejayaan yang terhasil daripada minat suka nyanyian dan minat suka rentak lagu. Hal ini menunjukkan murid-murid di SRAH sememangnya berminat dengan pelaksanaan nyanyian lagu nasihat Didik Hibur. Antara yang diceritakan oleh murid ialah:

> Saya suka Lagu Langkah Ibadah tu. Lirik mudah saya faham. Rentak lagu pun seronok, *best* je nyanyi. (M1).

> Ya, saya suka. Lepas tu, saya tengok murid-murid Tahun Satu, Dua, dan Tiga selalu je nyanyi dalam kelas. Mereka la yang paling suka nyanyi lagu-lagu tu. (M3).

> Bila nak faham sesuatu, kalau guna nyanyian pun dah mudah faham. Memang saya suka. Lagu-lagu Muallim pun senang nak hafal. Senang juga nak faham. (M4).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Saya suka nyanyi saja. Saya suka semua lagu Muallim buat. Sebab macam lagu nasyid. Saya memang suka lagu nasyid. Irama lagu Muallim buat tu sedap. Senang nak nyanyi. (M5).

Rumusannya, faktor kejayaan daripada elemen penerimaan murid dilihat saling berhubungan yang mengesahkan kepada keberhasilan pelaksanaan program mendidik sahsiah murid di SRAH. Pengkaji menyedari bahawa para peserta yang terdiri daripada wakil pentadbiran, guru pembina program, guru pelaksana, dan murid telah memberikan jawapan tepat kepada pengaruh murid menjayakan program. Triangulasi yang berlaku ini mengesahkan validasi data faktor murid untuk menjawab soalan penyelidikan kualitatif ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.6.5 Sub Tema Sokongan Pelbagai Pihak

Sub tema kelima untuk tema faktor kejayaan ialah sokongan pelbagai pihak. Hasil analisis data temu bual menemukan dua kod utama yang diwakili oleh dua kategori di bawah sub tema sokongan pelbagai pihak. Dua kategori yang terhasil ialah kategori pentadbir sekolah dan pihak luar sekolah. Elemen sokongan pelbagai pihak dianggap penting bagi memastikan kelancaran program membentuk sahsiah diri murid di SRAH. Kehadiran sokongan pelbagai pihak berfungsi untuk memastikan kesinambungan proses program Didik Hibur berlangsung di dalam kawasan sekolah dan di luar ruang lingkup sekolah.

Kategori pertama yang boleh diterjemahkan perhubungannya dengan sub tema ialah sokongan pihak pentadbiran sekolah. Sokongan guru besar dan barisan guru penolong kanan di SRAH amat memainkan peranan dalam memastikan kelancaran program Didik Hibur berlangsung setiap hari. Kerjasama yang diberikan juga akan memberi kemudahan kepada guru-guru pelaksana menjalankan tanggungjawab bimbingan pembentukan tingkah laku baik murid. Pembina program menyuarakan pandangan mengenai sokongan pihak pentadbiran sekolah dalam program, iaitu:

> Sokongan utama dalam program Didik Hibur ni, Guru Besar lah. Mantan Guru Besar yang paling utama. Beliau memang setiap lagu yang saya nak buat, semua *on*. Beliau tak pernah bangkang. Beliau tak pernah menghalang malah beliau menyokong. Yang paling penting, kita jaga hubungan dengan Guru Besar. Penolong Kanan HEM pun sangat memberi kerjasama setiap pagi. Beliau akan sediakan hadiah sendiri untuk bagi galakan murid-murid nyanyi lagu Didik Hibur masa perhimpunan pagi. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa yang sama, wakil pentadbiran sekolah dan guru turut serta menyampaikan pendapat yang mengesahkan sokongan barisan pentadbiran sekolah dalam program Didik Hibur di SRAH. Ujar mereka:

> Sebagai kepala sekolah, saya sangat menggalakkan. Tak ada halangan. Kita sangat *support*, sangat sokong apa sahaja yang memberi kebaikan kepada murid dan kepada sekolah juga. Kita ni sebagai pentadbir, kita banyak cabang perlu dilihat. Syukur Muallimah rasa satu bonus dan satu anugerah, bila kita ada orang macam Muallim yang nak memikirkan perkara luar kurikulum macam sudut akhlak sahsiah ni semua. Sebab ini adalah kerja tambahan sebagai pendidik. (G2).

> Jadi, kita berfikir jugalah. Satunya melalui perbincangan bersama barisan pentadbiran, kita akan sentiasa bagi galakan dan tak menghalang. Kadang kita beri percambahan idea. Kita akan bagi apa sahaja yang boleh dibuat. Sebabnya kita nampak jelas, program Didik Hibur ni ada benda yang kita nak capai. (G7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, kategori kedua yang mempunyai peranan penting terhadap kesinambungan program ialah sokongan pihak luar sekolah. Pengkaji menerima dapatan yang memaksudkan sokongan pihak luar ini adalah daripada kalangan ibu bapa murid dan pihak berkepentingan kepada sekolah. Justeru itu, guru peserta masing-masing menceritakan pengalaman dan sudut pandang berkenaan sokongan pihak luar sekolah kepada program. Antara pengalaman yang dimaklumkan ialah:

> Kejayaan lagu ni tidak boleh melibatkan satu pihak. Dia mesti melibatkan semua pihak daripada guru besar, guru-guru, murid-murid, ibu bapa, semua golongan, hatta masyarakat sekalipun. Orang-orang yang ada kuasa seperti Jabatan Agama perlu mengambil peranan. (G1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Tanggungjawab mendidik akhlak ni, dua-dua pihak ibu bapa dan guru. Tapi tanggungjawab utama memang ibu bapa. Bila ibu bapa hantar anak-anak ke sekolah sini untuk belajar, itu juga telah dikatakan sebagai tanggungjawab ibu bapa. Walaupun tugas utama mendidik akhlak anak ni terletak pada bahu ibu bapa, tetapi sekolah memang memainkan peranan besar. Tak dinafikan murid ni terbentuk akhlaknya dan sahsiahnya juga berpunca dari rumah dan sekolah. (G2).

Dalam pada itu, murid turut menyampaikan pengalaman mereka mengenai perolehan sokongan program Didik Hibur di luar kawasan sekolah khususnya di rumah bersama ibu bapa dan keluarga. Mereka memberitahu:

> Kalau kat rumah, mak saya tak marah pun nyanyi. Mak saya lagi suka. Sebab lirik lagu pun baik-baik je. (M2).

> Pada pendapat saya, ibu ayah kita pun boleh sokong anak-anak yang nak buat kebaikan, yang nak berubah jadi baik ni. Sebab kat rumah pun, saya dan adik saya nyanyi je lagu Muallim ni. Sebab lagu seronok. Perkataan dalam lagu pun senang. Mama ayah saya tak pernah halang kami nyanyi. (M3).

Secara keseluruhan, Pengkaji mendapati tema kajian faktor kejayaan adalah disokong dengan keberadaan sub tema sokongan pelbagai pihak. Gabungan kerjasama pihak sekolah, ibu bapa, dan pihak berkepentingan lain telah menghasilkan satu proses yang signifikan kepada kemenjadian program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Dapatan Pemerhatian

Pengkaji menjalankan langkah pemerhatian ke atas tingkah laku murid-murid di SRAH bagi melihat sejauh mana pelaksanaan program Didik Hibur dapat memberikan kesan positif dalam usaha pembinaan sahsiah diri murid. Berdasarkan Stake (1995), pengkaji perlu melaksanakan proses analisis data terhadap dokumentasi pemerhatian melalui kaedah interpretasi secara langsung. Hal ini supaya dapatan pemerhatian dapat digunakan sebagai sokongan triangulasi kepada hasil pelaporan analisis tematik pada data temu bual sebelumnya.

Peserta pemerhatian adalah terdiri daripada murid Tahun Satu hingga Tahun Enam yang menjalani sidang pembelajaran dan mengikuti program Didik Hibur di SRAH. Ketika sesi pemantauan tingkah laku dijalankan, Pengkaji bertindak selaku "*complete participant*" yang terlibat dan berinteraksi sepenuhnya dalam pelaksanaan program Didik Hibur tersebut. Kewujudan peranan Pengkaji ini sangat penting supaya dapat merasai, melihat, dan memahami pengalaman secara mendalam daripada setiap individu yang berada dalam lingkungan fenomena kajian.

Kemudian, Pengkaji telah menyediakan borang pemerhatian yang sistematik bagi merekod setiap dapatan dan kejadian sepanjang aktiviti tinjauan berlangsung. Keberadaan borang pemerhatian ini membantu Pengkaji merekod dapatan yang berlaku sebelum, semasa, dan selepas untuk setiap sesi pelaksanaan program secara tersusun. Bagi tujuan mendapatkan maklumat observasi yang terperinci, Pengkaji membahagikan gerak kerja kepada dua iaitu pemerhatian tingkah laku murid dan pemerhatian penilaian program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Pemerhatian Tingkah Laku Murid

Langkah pemerhatian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana perilaku murid-murid bertindak balas dengan konsistensi usaha bimbingan guru pelaksana sepanjang sesi program Didik Hibur dijalankan. Murid-murid ini terlibat dengan aktiviti nyanyian lagu nasihat yang dilaksanakan pada setiap pagi ketika waktu perhimpunan harian. Terdapat empat buah lagu nasihat yang dinyanyikan dalam program iaitu Lagu Niat Kita, Lagu Langkah Ibadah, Lagu SOP Guru Masuk Kelas, dan Lagu Buat Apa Yang Allah Suka. Kemudian, sesi program Didik Hibur tersebut mengambil tempat di tapak perhimpunan harian pagi. Oleh itu, Pengkaji akan berada di tapak tinjauan sepanjang tempoh pelaksanaan sesi program Didik Hibur bersama murid.

Perkara pertama, Pengkaji menyusun jadual pemerhatian ke atas pergerakan tingkah laku murid SRAH sebanyak tujuh kali. Penyusunan masa aktiviti pemerhatian adalah untuk memastikan pemilihan waktu adalah bersesuaian untuk melihat kesan perubahan yang berlaku pada perilaku murid. Dalam pada itu, pemerhatian digerakkan sebanyak tujuh kali kerana faktor ketepuan data diraih apabila perolehan maklumat adalah sama atau lebih kurang serupa. Tempoh masa pemerhatian adalah berbeza bagi setiap sesi tinjauan kerana kebergantungan kepada jangka masa program Didik Hibur dilaksanakan oleh guru-guru. Perincian maklumat pelaksanaan sesi pemerhatian ditunjukkan dalam Jadual 4.7 pada muka surat berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Maklumat Pelaksanaan Sesi Pemerhatian

No.	Bilangan Pemerhatian	Tarikh	Peserta Kajian	Tempoh Masa
1.	Pemerhatian 1	7 Ogos 2023	Tahun 1 – Tahun 6	25 minit
2.	Pemerhatian 2	17 Ogos 2023	Tahun 1 – Tahun 6	35 minit
3.	Pemerhatian 3	6 September 2023	Tahun 1 – Tahun 6	25 minit
4.	Pemerhatian 4	7 September 2023	Tahun 1 – Tahun 6	35 minit
5.	Pemerhatian 5	25 September 2023	Tahun 1 – Tahun 6	35 minit
6.	Pemerhatian 6	4 Oktober 2023	Tahun 1 – Tahun 6	35 minit
7.	Pemerhatian 7	13 Oktober 2023	Tahun 1 – Tahun 6	35 minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian, Pengkaji menggunakan borang pemerhatian tingkah laku yang menggunakan format bersesuaian untuk tujuan merekod. Pengkaji bertanggungjawab untuk mencatat gambaran suasana pelaksanaan program bermula sebelum, semasa sehingga sesi selepas. Bagi tujuan validasi perolehan data pemerhatian, instrumen pemerhatian tingkah laku yang digunakan telah mendapat pengesahan daripada pakar-pakar bidang kajian. Pengisian maklumat menggunakan borang pemerhatian tingkah laku murid ini akan memudahkan Pengkaji menggunakan dapatan bagi tujuan penulisan laporan secara naratif. Rajah 4.7 pada helaian sebelah menunjukkan tapak borang pemerhatian tingkah laku murid yang Pengkaji gunakan bagi tujuan rekod tinjauan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.7

Borang Pemerhatian Tingkah Laku Murid

BORANG PEMERHATIAN TINGKAH LAKU MURID

KAJIAN KES INTRINSIK KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM MEMBENTUK SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH, IPOH, PERAK

TARIKH : .....

HARI : .....

TEMPOH MASA : ..... - ..... (..... jam ..... minit)

LOKASI : .....

PESERTA KAJIAN : .....

.....

NAMA PEMERHATI : .....

PEMERHATIAN : 1 / 2 / 3 / 4 / 5 / 6 / 7 / 8 / 9 / 10 / .....

JENIS PROGRAM :

Lagu Niat Kita		Lagu SOP Guru Masuk Kelas	
Lagu Langkah Ibadah		Lagu Buat Yang Allah Suka	

TINGKAH LAKU / TINDAK BALAS :

	GURU	MURID
PERMULAAN		
PERTENGAHAN		
AKHIR		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah itu, Pengkaji memindahkan penulisan dapatan pada borang pemerhatian tingkah laku ke dalam bentuk penulisan laporan naratif yang lengkap. Langkah ini bagi memastikan gambaran sebenar semasa proses tinjauan direkodkan secara terperinci mengikut keperluan penyelidikan kualitatif. Oleh itu, rekod laporan sebanyak tujuh kali tersebut boleh dijadikan rujukan bagi tujuan analisis. Rajah 4.8 berikut memaparkan penulisan laporan berdasarkan rekod pemantauan pada borang pemerhatian.

Rajah 4.8

Laporan Naratif Pemerhatian Tingkah Laku Murid

LAPORAN PEMERHATIAN TINGKAH LAKU MURID 1

TARIKH	7 Ogos 2023	**HARI**	Isnin
MASA	7.10 pagi – 7.35 pagi	**TEMPOH**	25 Minit
TEMPAT	Tapak Perhimpunan Pagi		
PESERTA KAJIAN	Murid Tahun 1 – Tahun 6		

Proses pemerhatian yang pertama telah dijalankan oleh pengkaji sendiri secara individu pada 7 Ogos 2023 bersamaan dengan hari Isnin. Pengkaji mengambil masa selama 25 minit untuk membuat pemerhatian iaitu bermula jam 7.10 pagi sehingga 7.35 pagi. Tempoh masa ini dipilih kerana semua murid SRAH bermula murid Tahun Satu hingga murid Tahun Enam akan berkumpul di tapak perhimpunan pagi secara rutin. Anggaran murid yang berkumpul di tapak perhimpunan pagi ialah seramai 700 orang murid SRAH.

Pada jam 7.10 pagi, guru bertugas kumpulkan semua murid untuk berada di tapak perhimpunan pagi. Guru beri arahan kepada murid-murid untuk bergerak dalam keadaan teratur sambil dipantau oleh pengawas sekolah bertugas. Pergerakan murid berada dalam keadaan yang terkawal ke tapak berhimpun. Pengkaji dapat melihat beberapa orang murid Tahap Satu yang berlari untuk sampai ke tapak perhimpunan. Susana pergerakan murid adalah dalam keadaan yang bising tetapi terkawal. Di samping itu, terdapat sejumlah murid yang sememangnya telah duduk dalam barisan kelas di tapak. Murid-murid yang telah siap duduk beratur dalam barisan masih lagi bersembang, ketawa, bergurau senda dengan rakan, dan kelihatan gembira. Terdapat juga murid-murid yang duduk diam sambil berzikir menunggu permulaan perhimpunan.

Setelah atur cara pengumuman, Muallim Razman mengambil alih slot untuk program Didik Hibur SRAH. Guru memasangkan tiga buah lagu iaitu Lagu Niat Kita, Lagu SOP Guru Masuk Kelas, dan Lagu Buat Apa Yang Allah Suka. Kebanyakan murid menyanyi tiga buah lagu ini dengan bersemangat, terutamanya murid Tahun Satu, Tahun Dua, dan Tahun Tiga. Mereka menyanyikan lagu sambil mengoyangkan badan. Pengkaji dapat melihat ada murid Tahun Empat, Tahun Lima, dan Tahun Enam yang tidak menyanyikan lagu-lagu tersebut. Mereka mendiamkan diri sambil melihat kawan-kawan sekeliling menyanyi. Muallim Razman juga memberi sesi kefahaman ke atas lirik Lagu Niat Kita supaya semua murid SRAH memperbaharui niat baik apabila hadir ke sekolah. Pengkaji dapat melihat semua murid memberikan fokus yang penuh kepada penyampaian oleh guru tersebut.

Semasa bersurai, ketua nyanyian lagu program dipanggil ke hadapan untuk mengetuai nyanyian Lagu Langkah Ibadah. Murid-murid Tahun Satu dan Tahun Dua kebanyakannya mengikut nyanyian tersebut sambil bergerak masuk ke kelas. Murid-murid Tahun Tiga menyanyikan lagu sambil berjalan laju ke kelas. Murid-murid Tahap Dua pula hanya sekadar nyanyi yang tidak bersungguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, Pengkaji melakukan proses mengekstrak data daripada pelaporan pemerhatian yang dihasilkan. Pengkaji mengasingkan informasi pemerhatian lebih terperinci kepada tiga peringkat iaitu sebelum aktiviti, semasa aktiviti, dan selepas aktiviti. Tugas selaku penyelidik kualitatif memerlukan kemahiran membuat interpretasi maklumat yang jelas agar boleh digunakan untuk memenuhi kehendak soalan kajian. Pada masa yang sama, data pemerhatian yang ditafsir secara tepat membolehkan hasilnya melengkapi keperluan triangulasi kaedah kajian.

Sehubungan itu, Pengkaji mengeluarkan informasi daripada laporan bagi melihat kesinambungan proses pembentukan sahsiah murid hasil daripada tingkah laku guru menjalankan program Didik Hibur. Jadual 4.8 di bawah ini memaparkan rumusan dapatan tindakan guru dan perilaku murid sebelum program Didik Hibur dijalankan pada setiap pagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Sebelum Aktiviti

Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
1. Guru menepati masa untuk mengumpulkan semua murid. 2. Guru menunjukkan sikap prihatin terhadap pergerakan murid. 3. Guru bertanggungjawab untuk memastikan semua murid menepati masa. 4. Kehadiran guru adalah elemen penting bagi memastikan keberadaan murid sebelum, semasa, dan selepas sentiasa dalam keadaan terkawal.	1. Murid dapat berkumpul di tapak perhimpunan mengikut ketetapan masa. 2. Terdapat sebilangan murid berkumpul di tapak perhimpunan lebih awal tetapi bermain sesama rakan. 3. Murid-murid sentiasa menunjukkan perasaan gembira dan bersemangat. 4. Murid menunjukkan kepekaan yang sangat tinggi apabila mendengar arahan guru dan bunyi loceng untuk hadir berkumpul setiap pagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
	5. Terdapat juga murid berjalan pantas dan teratur sambil berzikir sehingga ke tapak perhimpunan pagi. 6. Semua murid menunjukkan disiplin yang baik apabila guru berada di hadapan. 7. Pengawas sekolah yang bertugas bertanggungjawab memastikan semua murid berkumpul mengikut ketetapan tempoh masa

Berdasarkan paparan Jadual 4.8, kehadiran guru pada awal sesi pertemuan dengan murid telah memberi suatu impak positif. Keberadaan guru menjadikan suasana di sesuatu tempat kelihatan berdisiplin dan terkawal dengan baik. Pada masa yang sama, dapat diperhatikan bahawa semua murid sangat patuh dengan setiap arahan yang diberikan oleh guru. Permulaan sesuatu proses didikan secara positif sebegini sememangnya menunjukkan kelancaran di pertengahan dan keberkesanan di fasa akhir.

Langkah berikut menunjukkan rumusan yang Pengkaji lakukan terhadap rekod semasa aktiviti berlangsung. Di pertengahan proses ini, Pengkaji mendapati para guru mempamerkan aura positif dan ketegasan sepanjang program. Penyampaian yang menarik daripada guru menyebabkan murid memberi tumpuan sebaiknya. Jadual 4.9 di bahagian sebelah pula memaparkan rumusan yang dibuat terhadap langkah pelaksanaan program oleh guru dan tingkah laku murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Semasa Aktiviti

Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
1. Guru sangat bertegas dalam mengawal tingkah laku semua murid. 2. Guru menunjukkan emosi yang gembira pada setiap pagi. 3. Guru pembina program menyampaikan slot didik hibur dengan berkesan dan mudah difahami. 4. Guru pembina program menggunakan konsep didik hibur melalui kaedah nyanyian berserta penerangan. 5. Guru bertugas dan guru pembina program sentiasa memastikan penyampaian ilmu dan peringatan pada setiap pagi mestilah padat dalam ketetapan tempoh. 6. Guru bertugas dan guru pembina program sangat konsisten dalam penyampaian slot didik hibur.	1. Murid mampu memberikan fokus terhadap penyampaian guru pada setiap pagi. 2. Murid sangat menghayati setiap penyampaian slot didik hibur oleh pembina program. 3. Segelintir murid Tahun Satu dan Tahun Dua tidak fokus. 4. Sebilangan murid Tahap Dua yang berkelakuan baik walaupun tidak berminat dengan program. 5. Murid memberikan tumpuan kepada nyanyian lagu Didik Hibur yang ada pergerakan tepuk tangan. 6. Kebanyakan pengawas sekolah yang bertugas dilihat dapat memberikan perhatian.

Rumusan pada Jadual 4.9 menunjukkan perhubungan yang positif antara usaha guru dan tindak balas murid. Sepanjang aktiviti berlangsung, kebanyakan murid menunjukkan fokus dan penghayatan yang baik kepada penyampaian ilmu oleh guru. Faktor konsistensi pengajaran yang kreatif oleh guru menyebabkan murid memperoleh kesan positif pada diri mereka. Tingkah laku yang ditunjukkan adalah selaras dengan usaha yang diberikan oleh para guru pelaksana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikutnya, Pengkaji meletakkan rumusan pemerhatian selepas aktiviti dilaksanakan ke atas tingkah laku guru dan murid seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.10 yang berikut:

Jadual 4.10

Rumusan Pemerhatian Tingkah Laku Selepas Aktiviti

Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
1. Guru sentiasa memberikan arahan yang tepat kepada semua murid. 2. Guru bertugas dan guru pembina program konsisten mengawal selia pergerakan semua murid. 3. Guru sentiasa memberi pelbagai peringatan kepada semua murid berkenaan dengan adab-adab. 4. Guru peka dengan setiap pergerakan murid. 5. Guru menegur sebarang kesalahan yang dilakukan oleh murid.	1. Murid berjalan masuk ke kelas dengan teratur sambil dipantau. 2. Murid-murid dilihat sangat peka dengan arahan guru. 3. Murid menyanyikan lagu Didik Hibur sehingga masuk kelas. 4. Sebilangan murid Tahun Enam dan Tahun Lima tidak berminat dengan nyanyian lagu Didik Hibur. 5. Ketua Nyanyian lagu Didik Hibur menyanyi dengan penuh semangat. 6. Kumpulan kompang mengalunkan bunyi kompang bagi mengiringi nyanyian lagu Didik Hibur. 7. Terdapat juga murid yang tidak fokus dengan nyanyian lagu.

Ringkasnya, paparan rumusan pada Jadual 4.10 menunjukkan keseluruhan kesan yang diperoleh daripada fasa permulaan dan fasa pertengahan program. Peranan guru ditunjukkan melalui sudut kepekaan terhadap setiap perkara yang dilakukan oleh murid. Apabila guru sentiasa memberi teguran positif, murid akan sentiasa berhati-hati dan berterusan untuk mempamerkan perilaku baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Analisis Pemerhatian Tingkah Laku Murid

Pada bahagian ini, Pengkaji berkeperluan untuk membuat analisis terhadap hasil rumusan yang dibuat pada sebelumnya. Berdasarkan jadual rumusan sebelum, semasa, dan selepas aktiviti, Pengkaji mendapati perilaku murid adalah baik dan memuaskan. Pengkaji melihat kepada keberadaan guru dalam menjalankan program Didik Hibur dalam bentuk nyanyian lagu nasihat telah menampakkan berlakunya pembentukan sahsiah murid.

Dapatan temu bual pada sebelumnya yang menggambarkan peranan guru di dalam pelaksanaan program sememangnya memperlihatkan perhubungan dengan perubahan tingkah laku positif oleh murid. Apabila guru menunjukkan ketegasan dalam pelaksanaan program atau sesi bimbingan akhlak, murid menjadi akur dengan setiap arahan yang diberikan. Ditambah pula dengan faktor konsistensi sikap guru dalam gerakan program pendidikan adab, akan memberi peluang kepada murid agar sentiasa mendapat nasihat dan teguran sepanjang sesi persekolahan. Maka, Pengkaji berpandangan bahawa kehadiran di sesuatu tempat keberadaan murid akan menyebabkan murid-murid berdisiplin dan berkelakuan baik.


Hasil interpretasi langsung daripada dapatan pemerhatian menunjukkan perhubungan positif antara sikap positif guru menyebarkan inti pati kebaikan program dengan perubahan positif tingkah laku murid. Kesimpulan perhubungan positif yang menyebabkan pembangunan sahsiah murid ditunjukkan melalui Rajah 4.9 pada bahagian helaian seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.9

Hasil Pemerhatian Tingkah Laku Murid



Kesimpulannya, Pengkaji merumuskan bahawa pemerhatian yang dibuat pada fasa sebelum, semasa, dan selepas program telah menunjukkan proses pembentukan tingkah laku positif. Rajah 4.9 mempamerkan sahsiah murid yang telah dibentuk oleh guru sepanjang aktiviti program Didik Hibur pada setiap pagi. Minat dan fokus murid dibentuk dalam proses yang berterusan. Hal ini menunjukkan gabungan usaha guru dan pendekatan nyanyian lagu nasihat secara didik hibur telah menunjukkan hasil pembinaan perilaku murid yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Pemerhatian Penilaian Program

Pendekatan pemerhatian dilaksanakan terhadap penilaian perjalanan program Didik Hibur bagi memperhatikan sejauh mana murid-murid mempamerkan perilaku mereka hasil penerapan bimbingan lagu-lagu nasihat. Pengkaji menjalankan tinjauan ke atas kelakuan murid-murid SRAH ini di empat tempat yang berbeza iaitu tapak perhimpunan rasmi, bilik darjah, kantin, dan surau sekolah. Pemilihan empat tapak pemantauan ini adalah kerana menjadi faktor tumpuan keberadaan murid pada setiap hari sepanjang waktu persekolahan.

Langkah awal dimulakan dengan pengaturan jadual pemerhatian penilaian program sebanyak tujuh kali. Pengkaji berpandangan jumlah tujuh kali pemantauan tersebut adalah mencukupi untuk mendukung dapatan pemerhatian tingkah laku yang dibuat pada sebelumnya. Tempoh masa tinjauan ke atas keempat-empat tempat ini adalah berbeza mengikut kelangsungan sesi program yang berlaku pada ketika itu. Pengkaji juga memberi spesifikasi terhadap kelompok murid yang dipilih sebagai sampel pemerhatian mengikut tempat pemerhatian. Jumlah sampel yang lebih kecil memudahkan Pengkaji melihat sejauh mana murid berinteraksi setelah mendapat bimbingan daripada program Didik Hibur pada setiap pagi. Pengkaji menyusun atur jadual pemerhatian penilaian program mengikut keperluan yang ditentukan. Jadual 4.11 pada muka surat sebelah menunjukkan maklumat pelaksanaan pemerhatian penilaian ke atas program yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Maklumat Pelaksanaan Pemerhatian Penilaian Program

No.	Bilangan Pemerhatian	Tarikh	Murid	Tempoh Masa
1.	Pemerhatian 1	15 Ogos 2023	Tahun 1 – Tahun 6	1 Jam 10 Minit
2.	Pemerhatian 2	7 September 2023	24 Orang Murid 5 Muhammad	30 Minit
3.	Pemerhatian 3	12 September 2023	Tahun 1 – Tahun 6	1 Jam 05 Minit
4.	Pemerhatian 4	14 September 2023	Tahun 1 – Tahun 3	30 Minit
5.	Pemerhatian 5	20 September 2023	Tahun 4 – Tahun 6	30 Minit
6.	Pemerhatian 6	3 Oktober 2023	25 Orang Murid 5 Yahya	30 Minit
7.	Pemerhatian 7	31 Oktober 2023	Tahun 1 – Tahun 5	1 Jam 05 Minit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah itu, Pengkaji mewujudkan borang pemerhatian penilaian program bagi memudahkan tujuan merekod gambaran sebenar kejadian yang berlaku. Borang pemerhatian penilaian program ini dirujuk kepada pakar-pakar bidang kajian sebagai pengesahan terhadap proses pungutan maklumat di lapangan. Di samping itu, proses identifikasi kelakuan murid melibatkan empat tempat berbeza, iaitu di tapak perhimpunan rasmi, perpustakaan, kantin, dan surau sekolah. Rajah 4.10 di helaian berikutnya memaparkan contoh borang pemerhatian penilaian program yang digunakan semasa di lapangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.10

Borang Pemerhatian Penilaian Program

BORANG PEMERHATIAN PENILAIAN PROGRAM

KAJIAN KES INTRINSIK KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM DIDIK HIBUR DALAM MEMBENTUK SAHSIAH MURID DI SEKOLAH RENDAH AL-HIDAYAH IPOH PERAK

TARIKH : .....

HARI : .....

TEMPOH MASA : ..... - ..... (..... jam ..... minit)

LOKASI : Kelas / Surau / Perhimpunan / Kantin / Pusat Sumber

PESERTA KAJIAN : .....

.....

NAMA PEMERHATI : .....

PEMERHATIAN : 1 / 2 / 3 / 4 / 5 / 6 / 7 / 8 / 9 / 10 / .....

TINGKAH LAKU / TINDAK BALAS MURID :

Peringkat gerak kerja seterusnya ialah penulisan laporan secara naratif. Sebagai pengkaji dalam bidang penyelidikan kualitatif, pelaporan dapatan secara terperinci merupakan kriteria utama. Hal ini memberi ruang kepada Pengkaji untuk menceritakan suasa sebenar yang berlaku berkenaan tingkah laku murid setelah mengikuti program Didik Hibur. Pelaporan naratif di lapangan membantu Pengkaji menyediakan rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap pemerhatian penilaian program pembentuk sahsiah diri murid ini. Rajah 4.11 berikut memperlihatkan laporan tinjauan yang dibuat secara naratif.

Rajah 4.11

Laporan Naratif Pemerhatian Penilaian Program

LAPORAN PEMERHATIAN PENILAIAN PROGRAM 1

TARIKH	15 Ogos 2023	**HARI**	Selasa
MASA	7.25 pagi – 8.35 pagi	**TEMPOH**	1 Jam 10 Minit
TEMPAT	Tapak Perhimpunan Rasmi		
PESERTA KAJIAN	Murid Tahun 1 – Tahun 6		

Pengkaji menjalankan pemerhatian penilaian program pertama pada 15 Ogos 2023 iaitu hari Selasa di tapak perhimpunan rasmi. Jangka masa pemerhatian adalah selama satu jam sepuluh minit bermula 7.25 pagi sehingga 8.35 pagi. Pengkaji memerhati tingkah laku keseluruhan murid-murid SRAH bermula Tahun Satu sehingga Tahun Enam.

Tepat jam 7.25 pagi, murid-murid Tahun Satu dan Tahun Dua sudah siap berkumpul di tapak perhimpunan pagi sebelum dibawa bergerak ke tapak perhimpunan rasmi. Pengawas sekolah bertugas berperanan dalam memastikan pergerakan murid-murid dalam keadaan teratur dan terkawal. Bagi murid-murid Tahun Tiga, Tahun Empat, Tahun Lima, dan Tahun Enam telah siap beratur di tapak perhimpunan rasmi. Keadaan di tapak perhimpunan rasmi agak riuh rendah dengan suara murid-murid SRAH. Kebanyakan murid membuat bising dan bergurau sesama rakan. Guru bertugas mingguan memberikan arahan untuk semua murid bersedia bagi sesi perhimpunan rasmi.

Keadaan menjadi tenang apabila pengerusi majlis memulakan majlis. Sepanjang sesi perhimpunan, kebanyakan murid berada dalam suasana terkawal dan berdisiplin. Namun, Pengkaji mendapati sebilangan murid Tahun Satu yang tidak boleh duduk diam. Mereka menganggu kawan-kawan yang bersebelahan. Mereka tidak boleh memberikan fokus yang lama kepada penyampaian semasa perhimpunan. Walaupun begitu, murid-murid Tahun Satu ini masih mampu duduk di tempat masing-masing.

Setelah selesai perhimpunan, guru HEM memberikan arahan untuk pergerakan masuk ke kelas masing-masing. Pengawas sekolah bertugas membantu murid-murid berjalan dalam keadaan teratur sehingga ke kelas. Pengkaji dapat melihat murid-murid SRAH mampu mengawal diri mereka agar mematuhi keadaan yang diperuntukkan. Walaupun terdapat segelintir murid yang nampak bermain-main sambil berjalan, namun dengan bantuan peranan guru dan pengawas sekolah menyebabkan keadaan lebih sistematik. Kesimpulannya, Pengkaji mengandaikan bahawa mrid-murid SRAH telah terbiasa dengan peraturan pergerakan masuk ke kelas yang dijalankan setiap pagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian, Pengkaji bertanggungjawab untuk memproses dapatan daripada setiap pelaporan yang ditulis. Hal ini sama seperti proses pengekodan pada temu bual. Pengkaji akan mengeluarkan data yang jelas menunjukkan berlakunya kesan proses pembentukan keperibadian positif pada diri murid. Dalam pada itu, faktor keberadaan guru di tempat-tempat pemerhatian dianggap sebagai penetapan yang tidak berubah. Hal ini kerana guru merupakan elemen penting yang perlu ada dalam lingkungan pemerhatian. Oleh itu, Pengkaji boleh menggunakan dapatan ini sebagai sokongan kepada dapatan temu bual mengenai faktor kejayaan program melalui kehadiran guru.

Proses analisis terhadap data pemerhatian penilaian program dijalankan dengan pembahagian yang sama iaitu sebelum aktiviti, semasa aktiviti, dan selepas aktiviti. Bersamaan dengan langkah itu, Pengkaji mengasingkan perilaku murid mengikut lapangan iaitu tapak perhimpunan rasmi, pusat sumber, kantin, dan surau sekolah. Rujukan untuk tindak balas perilaku murid sebelum aktiviti boleh dilihat melalui penyusunan data pada Jadual 4.12 yang berikut:

Jadual 4.12

Pemerhatian Penilaian Program Sebelum Aktiviti

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
Tapak Perhimpunan Rasmi	1. Guru berada awal di tapak perhimpunan rasmi. 2. Guru prihatin dan peka memerhatikan keseluruhan pergerakan murid-murid ke tapak perhimpunan.	1. Kebanyakan murid sudah berkumpul awal dan beratur. 2. Pergerakan murid ke tapak perhimpunan adalah teratur dan terkawal di bawah pemantauan pengawas sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
		3. Murid-murid bersemangat untuk memulakan hari persekolahan dengan sesi perhimpunan rasmi. 4. Hanya segelintir murid yang membuat bising di tapak perhimpunan sementara menunggu permulaan majlis.
Bilik Darjah	1. Guru berada awal di depan pintu kelas. 2. Guru peka dan prihatin memastikan semua murid melaksanakan SOP kelas.	1. Murid pantas berdiri apabila nampak guru di pintu kelas. 2. Murid memberikan salam hormat dengan semangat. 3. Murid membacakan doa dengan khusyuk. 4. Murid mematuhi peraturan kelas yang ditetapkan. 5. Murid menegur rakan yang tidak beri perhatian.
Kantin Sekolah	1. Guru memberi peringatan untuk menjaga tingkah laku dan mematuhi peraturan kantin.	1. Murid bergerak pantas ke kantin. 2. Terdapat segelintir murid yang berlari ke kantin tetapi ditegur.
Surau Sekolah	1. Guru berada awal di surau untuk mengatur murid. 2. Guru memberikan arahan yang tegas dan peringatan adab berada di surau.	1. Pergerakan murid ke surau adalah teratur sambil dipantau oleh pengawas sekolah. 2. Sebilangan murid yang berlari untuk berebut saf hadapan. 3. Murid menyusun kasut dengan kemas di rak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.12, Pengkaji mendapati guru mempamerkan usaha yang konsisten pada awal fasa setiap aktiviti walaupun di lapangan berbeza. Guru menunjukkan komitmen yang baik dan memberi bimbingan sewajarnya kepada murid. Kesannya, semua murid memahami dengan tingkah laku guru yang tegas dalam usaha pembentukan perilaku baik. Murid-murid akan bertindak balas dengan menunjukkan tingkah laku yang berdisiplin dan terkawal.

Bagi hasil rumusan data daripada laporan pemerhatian penilaian program yang menunjukkan tingkah laku guru dan murid diletakkan pada Jadual 4.13 di bawah:

Jadual 4.13

Pemerhatian Penilaian Program Semasa Aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
Tapak Perhimpunan Rasmi	1. Guru bijak mengawal suasana supaya tenang dan bersedia untuk nyanyian lagu-lagu rasmi perhimpunan. 2. Guru peka memerhatikan keseluruhan pergerakan murid-murid sepanjang sesi perhimpunan. 3. Guru bertegas memberikan peringatan penjagaan disiplin.	1. Murid Tahap Dua mampu memberikan fokus sepanjang sesi perhimpunan. 2. Segelintir murid Tahap Satu tidak dapat bertahan fokus di dalam barisan perhimpunan. 3. Semua murid bersemangat apabila ada unsur nyanyian atau persembahan.
Bilik Darjah	1. Guru bersemangat menyampaikan ilmu kepada murid. 2. Guru kreatif dalam proses pengajaran.	1. Murid memberikan fokus kepada penyampaian guru. 2. Murid berinteraksi dengan guru dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
	3. Guru sentiasa memberikan peringatan menjaga tingkah laku kepada murid. 4. Guru memberikan teguran kepada murid yang melakukan kesalahan.	keadaan sopan dan tertib. 3. Murid menjaga kebersihan di dalam kelas. 4. Murid mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. 5. Murid menerima teguran dengan baik dan positif.
Kantin Sekolah	1. Guru berada di kantin sepanjang sesi untuk memantau keberadaan murid di kantin.	1. Murid beratur untuk membeli makan dan minum. 2. Murid memberi salam kepada guru. 3. Murid menjaga kebersihan diri dan tempat makan. 4. Murid menjaga adab sebelum, semasa, dan selepas makan.
Surau Sekolah	1. Guru memantau pergerakan murid. 2. Guru sentiasa beri peringatan menjaga perilaku di dalam surau.	1. Murid berada di dalam saf sambil berzikir dan berselawat. 2. Murid menjaga adab dan disiplin sambil dipantau. 3. Segelintir murid membuat bising semasa berwuduk tetapi ditegur. 4. Murid menerima teguran dengan positif.

Berdasarkan maklumat pada Jadual 4.13, Pengkaji melihat usaha guru yang kreatif dalam memastikan semua murid memberi tumpuan dan fokus yang berterusan. Faktor kepekaan guru sepanjang sesi aktiviti telah menyebabkan murid berada dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keadaan terkawal. Pada masa yang sama, langkah pemantauan oleh guru sangat memberi impak kepada pembinaan perilaku murid. Kehadiran guru di sesuatu lokasi telah menyebabkan murid-murid berasa diperhatikan dan mereka menjadi sentiasa berhati-hati untuk melakukan sesuatu.

Jadual 4.14 berikut pula mempamerkan hasil daripada proses mengekstrak maklumat daripada laporan bertulis berkenaan pemerhatian penilaian program selepas murid selesai menjalani aktiviti:

Jadual 4.14

Pemerhatian Penilaian Program Selepas Aktiviti

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
Tapak Perhimpunan Rasmi	1. Guru memberikan arahan jelas kepada murid. 2. Guru sentiasa memberi peringatan menjaga disiplin.	1. Murid bergerak dengan teratur dan terkawal. 2. Murid bergerak sambil berzikir dan menyanyi lagu langkah Ibadah.
Bilik Darjah	1. Guru memberi peringatan untuk menjaga kelakuan dan disiplin.	1. Murid memberi salam dengan tertib. 2. Murid membacakan doa dengan sopan. 3. Murid sentiasa ucap terima kasih. 4. Murid menerima nasihat guru. 5. Murid menjaga kebersihan kelas.
Kantin Sekolah	1. Guru memberi peringatan dan teguran kepada semua murid.	1. Murid menjaga kebersihan tempat makan masing-masing. 2. Murid menjaga tatatertib selepas makan dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tempat Pemerhatian	Tingkah Laku Guru	Tingkah Laku Murid
		3. Murid bergerak masuk ke kelas secara teratur. 4. Terdapat sebilangan murid yang menunaikan solat Dhuha selepas makan. 5. Segelintir murid perlu ditegur selalu mengenai kepekaan terhadap kebersihan.
Surau Sekolah	1. Guru memberikan arahan jelas mengenai pergerakan murid. 2. Guru memantau pergerakan murid keluar surau. 3. Guru memberikan peringatan mengenai penjagaan adab keluar surau. 4. Guru menegur kesalahan murid.	1. Murid menunjukkan kefahaman yang jelas terhadap arahan guru. 2. Murid meninggalkan surau dalam keadaan tertib dan bersih. 3. Sebilangan murid yang masih berlari tetapi ditegur oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan daripada paparan rekod pemerhatian di Jadual 4.14 menunjukkan suasana yang positif antara tingkah laku guru dan murid. Guru sentiasa memberi peringatan dan teguran secara berterusan untuk murid memberi perhatian terhadap sahsiah yang ditonjolkan oleh mereka sepanjang sesi persekolahan. Walaupun terdapat segelintir murid yang masih belum mengikuti ketetapan peraturan dan bimbingan, namun hal itu tidak menjejaskan keseluruhan kesan yang diterima oleh murid. Apabila bilangan murid yang mengamalkan sahsiah baik lebih ramai, keadaan ini akan menimbulkan suasana rangsangan kepada murid lain untuk turut berubah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.4 Analisis Pemerhatian Penilaian Program

Menerusi perolehan data daripada pemerhatian penilaian program, Pengkaji mendapati terdapat perubahan yang berlaku apabila konsistensi diterapkan dalam pelaksanaan program Didik Hibur. Apabila pelaksanaan program ini dijalankan bersama iringan bimbingan guru secara berulang setiap hari, semua murid dilihat melakukan kebaikan sendiri. Secara tidak langsung, keadaan ini membawa kepada perubahan tingkah laku murid seperti mana yang dicatat dalam laporan penulisan.


Pengkaji dapat merumuskan hasil pemerhatian ke atas penilaian program ini bahawa murid-murid mampu menunjukkan kelakuan baik walaupun berada di lapangan yang berbeza. Selain faktor konsistensi guru melaksana program dan membimbing pembentukan akhlak murid, hasil penerapan daripada lagu-lagu nasihat berkeupayaan menjadi peringatan dalaman untuk murid memperbaiki adab. Pengkaji memperlihatkan hasil hubungan positif penilaian program yang dilaksanakan oleh guru terhadap pembentukan sahsiah murid melalui Rajah 4.12 pada muka surat berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.12

Hasil Pemerhatian Penilaian Program



Berdasarkan Rajah 4.12, Pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa faktor keberadaan dan tanggungjawab guru untuk membimbing murid dalam pembentukan tingkah laku adalah perkara penting. Walaupun tempat pemerhatian adalah berbeza, namun semua guru masih berperanan dengan baik. Perubahan tingkah laku yang berlaku pada murid telah membuktikan gabungan usaha guru dan pendekatan didik hibur telah mempengaruhi proses pembentukan sahsiah murid dengan baik.

4.3.5 Rumusan Dapatan Pemerhatian

Secara keseluruhan, Pengkaji mendapati proses interpretasi langsung data daripada dapatan langkah pemerhatian telah menunjukkan berlakunya proses pembentukan sahsiah murid di SRAH. Program Didik Hibur yang dilaksanakan telah mendatangkan kesan positif kepada kelakuan baik oleh murid. Elemen konsistensi oleh guru dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan aktiviti nyanyian lagu nasihat setiap hari telah menyebabkan murid-murid sentiasa mendapat peringatan untuk melakukan kebaikan.

Hasil pemerhatian di kawasan tumpuan murid seperti tapak perhimpunan rasmi, pusat sumber, kantin, dan surau sekolah menunjukkan murid mampu mempamerkan perilaku yang baik. Keberadaan guru di setiap lapangan tumpuan murid ini menjadikan murid sentiasa dibimbing dalam merealisasikan aspirasi pembentukan sahsiah murid menerusi aplikasi aktiviti nyanyian lagu nasihat daripada program Didik Hibur. Oleh itu, dapatan pemerhatian tingkah laku murid dan pemerhatian penilaian program telah menjadi faktor kepada triangulasi sumber dapatan data kajian.

4.4 Dapatan Analisis Dokumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis kandungan dokumen dijalankan berdasarkan soalan kajian yang khusus. Proses analisis ke atas inti pati dokumen boleh dilaksanakan dengan segera dan sistematik yang serta menjadi sokongan kepada dapatan kajian sebelumnya. Langkah analisis dokumen bermula daripada langkah pemilihan sampel dokumen berkaitan, menelaah dokumen terpilih, menganalisis teks daripada dokumen, dan seterusnya mencari jawapan yang bertepatan dengan kehendak pengkhususan soalan kajian.

Bagi keperluan penyelidikan program Didik Hibur ini, Pengkaji berhasrat untuk menjalankan analisis ke atas dokumen yang berkeupayaan menjawab kehendak soalan kajian pertama. Pengkaji bertanggungjawab mencari dokumen yang boleh menjawab soalan bagaimana program Didik Hibur dilaksanakan dalam membentuk sahsiah murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di SRAH. Setiap dokumen boleh dijadikan sebagai bahan bukti mengenai pelaksanaan program Didik Hibur dalam membina sahsiah murid khususnya di SRAH.

4.4.1 Analisis Dokumen Buku Program Didik Hibur

Antara dokumen yang berpotensi sebagai bahan rujukan informasi ialah buku program Didik Hibur SRAH. Kandungannya ialah empat buah lagu nasihat yang diberikan keutamaan penggunaannya dalam program pembentukan sahsiah murid pada setiap hari. Empat buah lagu nasihat yang dimuatkan dalam buku program ini ialah Lagu Langkah Ibadah, Lagu Niat Kita, Lagu Buat Apa Yang Allah Suka, dan Lagu S.O.P. Guru Masuk Kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Setiap lagu nasihat ini mengandungi lirik dan perkataan yang mengajak murid membuat kebaikan serta sebagai peringatan untuk berkelakuan baik. Rajah 4.13 pada helaian sebelah adalah dokumen yang dianalisis mengenai kandungan lagu-lagu nasihat yang diguna dalam program Didik Hibur ke arah pembinaan sahsiah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 4.13

Buku Program Didik Hibur SRAH



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan proses pembacaan kesemua lirik lagu yang dicipta, Pengkaji membuat rumusan secara berjadual untuk melihat penumpuan objektif yang ingin dicapai. Setiap lagu mempunyai fokus yang ingin dicapai ke arah membentuk keperibadian baik pada diri murid. Jadual 4.15 yang diberikan pada muka surat berikutnya menunjukkan rumusan pembentukan sahsiah murid mengikut ciptaan lagu-lagu nasihat oleh pembina program.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Penumpuan Objektif Pembentukan Sahsiah Murid Mengikut Lagu

Lagu Program	Objektif Pembentukan Sahsiah oleh Lagu
Lagu Langkah Ibadah	1. Membentuk murid untuk mengisi masa berjalan kaki dengan ucapan yang baik iaitu berzikir dan berselawat. 2. Membentuk murid untuk berjalan dalam keadaan yang baik dan terkawal ke sesuatu destinasi.
Lagu Niat Kita	1. Membentuk diri murid untuk sentiasa memperbaharui niat ke sekolah untuk belajar pada setiap hari. 2. Membentuk pemikiran murid untuk menuntut ilmu supaya mendapat keredhaan Ilahi.
Lagu Buat Apa Yang Allah Suka	1. Membentuk murid untuk sentiasa melakukan kebaikan pada setiap masa. 2. Memberi peringatan untuk sentiasa muhasabah diri untuk berubah menjadi lebih baik.
Lagu S.O.P. Guru Masuk Kelas	1. Membentuk adab murid apabila menerima kehadiran guru yang mengajar. 2. Memberi peringatan untuk menjaga kebersihan kelas sepanjang masa, terutamanya sebelum guru masuk kelas.

Tuntasnya, Jadual 4.15 menunjukkan lagu-lagu yang dibuat adalah ke arah membentuk keperibadian baik setiap murid. Setiap lagu menghasilkan lirik yang mudah difahami untuk dilaksanakan oleh murid untuk membentuk kelakuan baik. Semua murid faham dengan maksud penyampaian pada setiap lagu. Guru-guru juga berperanan untuk mengolah isi kandungan lagu sebagai pemahaman kepada murid. Justeru, tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap lagu adalah selari dengan perubahan tingkah laku yang berlaku pada murid seperti yang dilaporkan pada dapatan temu bual dan data pemerhatian sebelumnya.

4.4.2 Analisis Dokumen Rekod Disiplin Murid

Pengkaji telah mendapatkan kebenaran untuk melihat dokumen rekod disiplin murid yang dipantau oleh Unit Hal Ehwal Murid SRAH. Pengkaji berkeinginan untuk melihat sejauh mana hasil penerapan program Didik Hibur telah memberi kesan kepada perubahan perilaku murid-murid di SRAH. Berdasarkan proses penelitian ke atas dokumen tersebut, Pengkaji menemukan rekod berkenaan kes salah laku murid yang dicatatkan oleh Unit Disiplin SRAH. Rekod salah laku murid yang boleh diakses untuk tujuan kajian adalah bermula tahun 2019 sehingga tahun 2023. Pengkaji mendapat kebenaran untuk menunjukkan rekod salah laku murid sebagai rujukan dan analisis kajian. Jadual 4.16 berikut menunjukkan rekod kes salah laku murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Rekod Kes Salah Laku Murid di SRAH

Tahun	Jumlah Kes Salah Laku	Catatan
2019	20 Kes	Permulaan Program Pendidikan Akhlak
2020	Tiada Rekod	Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
2021	Tiada Rekod	Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
2022	36 Kes	Program Didik Hibur Tidak Sepenuhnya
2023	12 Kes	Penguatkuasaan Program Didik Hibur untuk Pembentukan Sahsiah Murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan paparan informasi pada Jadual 4.15 di helaian sebelum, Pengkaji mendapati kes-kes salah laku yang berlaku hanyalah melibatkan kesalahan yang ringan dan sederhana. Rekod kesalahan murid adalah seperti berlari di tapak perhimpunan, tidak menghormati guru di dalam kelas, dan membuat bising di bilik darjah. Hal ini boleh terjadi dengan usaha bimbingan pembentukan sahsiah sememangnya diamalkan di SRAH. Pada tahun 2019, kes yang dicatatkan hanya 20 kes. Pada ketika ini, program pendidikan akhlak murid tidak diperkasakan sepenuhnya. Kesinambungan proses pendidikan sahsiah tersebut tidak dapat diteruskan atas faktor penularan wabak pandemik *Covid-19*. Sesi pembelajaran hanya tertumpu secara atas talian sahaja. Murid-murid tidak mendapat pendedahan dan bimbingan pembentukan tingkah laku secara langsung bersama guru-guru.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

Namun begitu, berlakunya peningkatan kes salah laku sebanyak 36 kes pada tahun 2022. Pada tahun tersebut, program pendidikan adab murid tidak diberikan penekanan. Hal ini terjadi atas faktor sesi persekolahan yang baru bermula sepenuhnya pada ketika itu. Pihak sekolah khususnya pihak pentadbiran dan guru-guru berada mengambil masa untuk menyediakan sesi pembelajaran yang bersesuaian dengan standard pengoperasian semasa.

Bermula hujung tahun 2022, guru pembina program telah bekerjasama dengan pihak pentadbiran dan guru-guru lain untuk menguatkuasakan program Didik Hibur untuk proses pembentukan sahsiah murid di SRAH. Langkah penguatkuasaan ini berikutan penjenamaan semula ke atas program pendidikan akhlak yang pernah dilaksanakan pada sebelum ini. Program Didik Hibur yang digerakkan ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berfokus untuk membangunkan semula pembentukan kelakuan murid yang baik setelah sekian lama menjalani sesi persekolahan atas talian.

Kesimpulannya, Pengkaji memperoleh dapatan analisis dokumen yang bersesuaian untuk menjawab kehendak soalan pertama kajian ini. Penurunan kes salah laku yang dicatatkan oleh Unit Disiplin SRAH menunjukkan keberhasilan pelaksanaan program Didik Hibur untuk usaha pembangunan sahsiah murid. Pada masa yang sama, dapatan analisis dokumen ini juga mendukung kepada dapatan temu bual. Rekod ini menjadi bukti triangulasi kepada sub tema kesan di bawah tema pelaksanaan program. Kedua-dua pendekatan dapatan ini mencapai triangulasi data apabila menunjukkan hasil yang sama dan saling berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Triangulasi Dapatan Kajian

Secara keseluruhan, penulisan pelaporan hasil kajian adalah berdasarkan saranan Stake (1995), iaitu mengikut tema-tema yang terhasil daripada pendekatan analisis tematik terhadap data sesi temu bual. Bagi menyokong dapatan analisis tematik ini, teknik pengumpulan lain turut dikemukakan agar mencapai tahap validasi kajian yang berkualiti untuk menjelaskan tujuan penyelidikan secara berkesan. Setelah Pengkaji melaporkan hasil analisis terhadap setiap data, perolehan dapatan kajian telah menunjukkan hubungan positif yang saling menyokong antara satu sama lain, sekaligus mencapai triangulasi. Pengkaji mendapati hasil kajian memperoleh dua jenis triangulasi, iaitu triangulasi metodologi dan triangulasi sumber data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi triangulasi metodologi, Pengkaji telah menggunakan lebih daripada satu teknik pengumpulan data bagi memperoleh jawapan untuk keperluan soalan kajian. Dalam kajian kes kualitatif ini, Pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan sesi temu bual kepada 12 orang peserta kajian, kaedah pemerhatian terhadap tingkah laku murid, dan teknik analisis ke atas dua jenis dokumen berkaitan pelaksanaan program Didik Hibur SRAH.

Pada masa yang sama, Pengkaji telah menunjukkan triangulasi sumber data apabila sesi temu bual dilaksanakan ke atas tiga kelompok peserta, iaitu pentadbir sekolah, guru, dan murid bagi mendapatkan variasi dapatan sudut pandang manusia. Pengkaji mengadakan sesi temu bual kepada peserta yang terdiri daripada dua orang wakil pentadbiran sekolah, seorang guru pembina program, empat orang guru pelaksana, dan lima orang murid. Setiap dapatan daripada peserta kajian ini menunjukkan hubungan positif saling menyokong antara satu sama lain. Keadaan ini mempamerkan tahap kualiti data temu bual dalam menjelaskan ketiga-tiga soalan kajian yang dikemukakan oleh Pengkaji.

4.6 Penutup

Secara keseluruhan, Pengkaji berjaya mendapatkan pengesahan dapatan kajian secara triangulasi metodologi dan triangulasi sumber dapatan seperti mana yang disarankan oleh Stake (1995). Pencapaian triangulasi metodologi adalah apabila Pengkaji berkemampuan melaksanakan penggunaan lebih daripada satu kaedah untuk memungut data penyelidikan. Menerusi penyelidikan yang dijalakan ini, Pengkaji telah menggunakan tiga pendekatan kajian iaitu kaedah temu bual, langkah pemerhatian, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses analisis kandungan dokumen. Selain itu, triangulasi sumber dapatan ditunjukkan apabila Pengkaji menggunakan lebih daripada sumber untuk mengesahkan dapatan temu bual. Pengkaji menjalankan kaedah temu bual ke atas wakil pihak pentadbiran sekolah, guru-guru pelaksana program, dan murid-murid. Perolehan kesemua data menunjukkan perkaitan dan berhubungan positif untuk memenuhi keperluan soalan-soalan kajian.

Secara dasarnya, setiap dapatan kajian menerusi ketiga-tiga kaedah kajian tersebut telah membantu Pengkaji menjawab keperluan tiga soalan kajian ini. Pengkaji dapat menjawab semua soalan kajian melalui penemuan tiga tema kajian daripada analisis tematik terhadap dapatan temu bual. Bagi menyokong dapatan tersebut, hasil dapatan pemerhatian juga berperanan memenuhi kriteria ketiga-tiga soalan kajian. Kewujudan data daripada analisis dokumen telah mendukung kepada impak yang terhasil daripada penerapan program Didik Hibur.

Hasil dapatan kajian memperlihatkan usaha pelaksanaan program Didik Hibur oleh para guru di SRAH telah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif ke arah pembentukan sahsiah murid-murid. Tindak balas yang dipamerkan oleh murid-murid menerusi kelakuan yang baik dan pematuhan kepada penetapan program adalah suatu pencapaian yang positif. Langkah pembinaan tingkah laku murid seharusnya diwujudkan di setiap peringkat pendidikan, khususnya di peringkat sekolah rendah (Elfi *et al*., 2022). Namun begitu, impak perubahan sepenuhnya memerlukan usaha yang lebih jitu dan ditambah dengan faktor keperluan jangka masa yang lebih panjang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI, & CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pendahuluan

Bab 5 ini merumuskan keseluruhan perolehan hasil kajian yang telah dilaporkan bagi menjawab tiga soalan penyelidikan. Pengkaji membincangkan setiap hasil dapatan dan membuat perkaitan dengan teori bidang psikologi pendidikan. Kemudian, Pengkaji memberi implikasi penggunaan didik hibur kepada pelbagai aspek yang mempunyai objektif kepada pembentukan sahsiah diri murid. Seterusnya, Pengkaji memuatkan penulisan mengenai kewujudan cabaran dan limitasi sepanjang mengharungi perjalanan penyelidikan. Akhir sekali, Pengkaji memberikan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian untuk dilaksanakan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan

Secara dasarnya, penghasilan tiga tema yang diperoleh menerusi proses analisis tematik dilihat berpotensi menjawab setiap soalan penyelidikan ini. Bagi tema pertama, iaitu tema pelaksanaan telah menyediakan maklumat berkenaan pelaksanaan program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah diri murid khususnya di SRAH. Penghasilan tema pelaksanaan ini telah memberikan informasi program mengenai objektif, tempat, masa, sasaran, pelaksana, kaedah, cabaran, kesan, dan kelemahan. Sembilan perkara tersebut telah menjelaskan keseluruhan perjalanan program Didik Hibur yang digerakkan dalam membina sahsiah murid di SRAH. Pengkaji dapat menterjemahkan dengan baik penceritaan pelaksanaan program Didik Hibur dalam melahirkan murid bertingkah laku baik bagi keperluan kefahaman pembacaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian, dapatan pemerhatian menunjukkan tingkah laku murid adalah selari dengan perolehan maklumat daripada sesi temu bual. Semua murid mempamerkan kelakuan dan disiplin yang mengikut keperluan pada empat buah lagu program Didik Hibur. Manakala, hasil analisis dokumen rekod salah laku murid memperlihatkan penurunan jumlah kes yang dilaporkan. Pengkaji dapat lihat maklumat yang diperoleh di lapangan adalah saling menyokong bagi menunjukkan proses pembentukan sahsiah diri murid sememangnya berlaku di SRAH. Pada masa yang sama, perolehan informasi menerusi temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen ini menunjukkan triangulasi metodologi dicapai untuk keperluan soalan penyelidikan pertama. Penekanan untuk mencapai triangulasi terhadap dapatan kajian adalah penting sebagai pengukuran kualiti dan kesahan data yang digunakan dalam kajian kes intrinsik ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, penghasilan tema kedua ialah tema strategi. Melalui kewujudan tema strategi, Pengkaji dapat memberikan langkah mengatasi oleh guru dalam menghadapi cabaran pembentukan sahsiah murid melalui aplikasi program Didik Hibur. Di bawah lingkungan tema ini, terdapat dua jenis kandungan strategi daripada guru, iaitu langkah mengatasi yang telah diambil dan cadangan langkah bersesuaian untuk digunakan. Pengkaji merumuskan para guru telah melakukan pelbagai usaha yang pelbagai bentuk seperti khidmat bimbingan, pemberian nasihat, ketegasan pelaksanaan program, dan penyampaian ilmu berkesan. Bagi mengukuhkan tindakan, para guru turut mencadangkan penambahbaikan kepada pelaksanaan sedia ada agar menjadi lebih efektif mencapai objektif pembinaan sahsiah murid.

Dalam pada itu, hasil pendekatan pemerhatian telah mengesahkan tindakan guru dalam mengatasi cabaran pembentukan sahsiah murid melalui pendekatan lagu nasihat program Didik Hibur. Pemerhatian di kawasan lapangan terpilih menunjukkan kehadiran guru di tempat keberadaan murid memainkan peranan penting dalam memastikan semua murid mematuhi peraturan. Guru menunjukkan keutamaan tanggungjawab mereka selaku pelaksana program mengikut keperluan objektif pada program.

Bagi keperluan tapak pemerhatian pula, Pengkaji telah memilih bilik darjah, surau, kantin, dan tapak perhimpunan rasmi kerana kesemua tempat tersebut merupakan tempat tumpuan keberadaan murid. Tugas Pengkaji di lapangan adalah sebagai pemerhati "*complete participant*" atau pemerhati peserta sepenuhnya dan bukanlah sebagai penyelidik, Langkah ini bertujuan memastikan kehadiran Pengkaji tidak mengganggu keaslian perjalanan program. Kesannya, Pengkaji dapat melihat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merasai sendiri pengalaman untuk setiap tindakan strategi yang dijalankan oleh para guru apabila berhadapan dengan cabaran melahirkan murid bertingkah laku baik.

Tema faktor kejayaan merupakan tema ketiga yang memaparkan informasi daripada sudut pemikiran pihak pentadbiran, guru, dan murid terhadap pelaksanaan program Didik Hibur untuk membina murid berkelakuan baik di SRAH. Pengkaji telah menjalankan proses analisis tematik yang menemukan tema faktor kejayaan bagi menjawab keperluan soalan kajian ketiga. Penghasilan tema ini adalah berdasarkan gabungan maklumat daripada wakil pentadbiran sekolah, guru, dan murid yang berada dalam lingkungan fenomena kajian. Pada masa yang sama, hal ini menunjukkan triangulasi sumber data dicapai apabila dapatan adalah daripada sumber tiga kelompok peserta kajian. Berdasarkan perolehan sesi temu bual, terdapat lima perkara yang berperanan sebagai faktor kejayaan pelaksanaan program Didik Hibur ke arah pembentukan tingkah laku baik murid. Semua faktor yang diperolehi adalah faktor kekuatan lagu, kerjasama guru, kualiti diri pembina program, penerimaan murid, dan sokongan pelbagai pihak terhadap program.

Dari sudut perolehan data pendekatan pemerhatian pula, hasil daripada lapangan memberi gambaran yang sama mengenai hubungan semua faktor kejayaan kepada pelaksanaan program Didik Hibur dalam membina murid berkelakuan baik. Pengkaji dapat melihat faktor-faktor kejayaan, iaitu pihak pentadbiran, pembina program, guru, dan murid adalah saling berhubungan dalam melancarkan program. Hubungan yang terjalin ini telah menampakkan keberhasilan manfaat program kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH menerusi medium nyanyian membuktikan bahawa pendekatan ini berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai kebaikan dan membentuk perilaku murid secara interaktif dan menggembirakan. Program bermanfaat ini bukanlah sekadar suatu bentuk hiburan, tetapi berperanan sebagai wadah pembelajaran nilai keagamaan yang lebih dekat dengan jiwa murid, khusus di institusi pendidikan agama Islam. Usaha pelaksanaan program Didik Hibur SRAH ini berkait rapat dengan konsep simbiosis agama, iaitu kesepaduan antara pengajaran akidah, ibadah, dan akhlak dengan kaedah yang bersesuaian untuk psikologi murid. Justeru, sinergi berkenaan menjadikan program ini sebagai satu strategi pendidikan yang relevan dan berkesan. Murid bukan sahaja menghafal mesej kebaikan melalui lirik lagu program tetapi juga berpeluang untuk menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka dengan pemahaman mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, Teori Perkembangan Moral Kohlberg (1984) dapat dikaitkan bagi menjelaskan pendekatan Didik Hibur dapat membantu peralihan perkembangan murid dari tahap moral pra konvensional ke tahap moral konvensional. Kesan program adalah memberi celik akal kepada murid bahawa kepatuhan pemilikan nilai moral bukan hanya untuk mengelakkan hukuman daripada guru di sekolah. Setiap murid mendapat kesedaran intrinsik terhadap kepentingan akhlak terpuji dalam kehidupan mereka. Guru pembina program telah menghasilkan lagu-lagu nasihat yang bersesuaian bagi membimbing murid untuk memahami implikasi baik dan buruk sesuatu perbuatan, selaras dengan prinsip moral agama. Oleh itu, program Didik Hibur SRAH berfungsi sebagai mekanisme berkesan dalam membentuk sahsiah murid secara berstruktur, berterusan, dan berasaskan prinsip agama yang kukuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbincangan Hasil Dapatan

Pengkaji membahagikan segmen penulisan perbincangan hasil perolehan penyelidikan ini kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan tema pelaksanaan yang menjawab kepada soalan kajian mengenai pelaksanaan program Didik Hibur dalam pembentukan sahsiah murid. Pada bahagian kedua, Pengkaji mengulas tema strategi yang mengemukakan jawapan terhadap langkah mengatasi cabaran oleh guru dalam membina sahsiah murid melalui program Didik Hibur. Seterusnya, bahagian ketiga ialah penelitian dapatan kajian bagi menjelaskan sudut pandang pihak pentadbir, guru, dan murid terhadap pelaksanaan program Didik Hibur dalam membentuk keperibadian baik murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun ptbupsi

5.3.1 Pelaksanaan Program Didik Hibur dalam Membentuk Sahsiah Murid

Soalan kajian yang pertama memerlukan peranan Pengkaji menjelaskan pelaksanaan program Didik Hibur dalam proses pembentukan sahsiah murid di SRAH. Bagi mendapatkan maklumat implementasi program, Pengkaji telah menggunakan pendekatan temu bual terhadap 12 orang peserta yang berada dalam lingkungan fenomena, iaitu wakil pentadbiran, guru, dan murid. Setelah itu, hasil analisis tematik yang dijalankan ke atas perolehan sesi temu bual semua peserta telah mewujudkan tema pelaksanaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara pertama yang boleh dibincangkan ialah penggunaan konsep elemen didik hibur dalam pendekatan penyampaian ilmu kepada murid-murid. Kebiasaannya, unsur didik hibur digunakan dalam sesi pengajaran ilmu akademik untuk menarik minat murid belajar. Penggunaan pendekatan didik hibur merupakan suatu langkah peningkatan proses interaksi pembelajaran murid secara dua hala yang lebih santai (Abdul Rashid, Nurul Nadiah & Shamsudin, 2016; Ismaliah *et. al*, 2021; Ihsana & Betti, 2024). Hasilnya, pendekatan penyebaran pengetahuan daripada guru akan menjadi lebih mudah dihadam dan difahami oleh murid (Rickson, Legg & Reynolds, 2018; Mohd Rosmadi & Hafizshah, 2020).

Pengkaji dapat melihat peranan guru pelaksana program menggunakan pendekatan nyanyian lagu didik hibur bagi menyampaikan ilmu pendidikan akhlak kepada murid. Penggunaan didik hibur dalam proses penyampaian ilmu merupakan gabungan harmoni antara usaha mendidik dan elemen hiburan (Feiyue, 2022; Mohamad Hafiz *et al*., 2024). Sehubungan itu, murid menyanyikan lagu-lagu didik hibur ini sebagai peringatan kepada diri masing-masing. Keadaan ini menunjukkan suasana proses pemindahan ilmu pembinaan sahsiah kepada murid adalah menyeronokkan dan memberi manfaat pada masa yang sama. Dalam pada itu, semua lagu dalam program Didik Hibur di SRAH adalah berunsur nasihat dan turut bertindak sebagai suatu ketetapan atau peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap murid

Bagi perbincangan perkara kedua, Pengkaji melihat kepada kaedah pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH. Penemuan hasil penyelidikan mempamerkan kaedah program adalah menggunakan elemen didik hibur secara nyanyian lagu nasihat. Setiap lagu disampaikan dalam bentuk yang ringkas dan mudah untuk difahami. Justeru itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati nyanyian lagu menjadi suatu daya tarikan kepada murid untuk memahami mesej peringatan agar bertingkah laku baik. Kewujudan unsur nyanyian dalam pengajaran mampu memberikan keseronokan dan menarik minat murid untuk memahaminya (Reney, 2016; Nur Aliah, 2019; Falina, Terza & Ivonne, 2024).

Tambahan pula, nyanyian ialah perkara yang memberikan kegembiraan dan menjadi kegemaran semua murid (Falina, Terza & Ivonne, 2024). Kelebihan pendekatan elemen nyanyian lagu diperhatikan sebagai salah satu strategi pendidikan yang bersesuaian dengan tahap umur dan pemikiran bagi murid sekolah rendah. Murid menjalani proses pembelajaran menyeronokkan berkaitan pembangunan tingkah laku diri daripada medium lagu nasihat. Secara hakikatnya, kehadiran aktiviti nyanyian dalam kaedah pendidikan berpotensi membantu proses perkembangan diri murid (Nur Aliah, 2019; Mohamad Azam & Kamariah, 2020; Mohamad Hafiz *et al*., 2024). Menurut Pauline dan Zuraini (2022), pembelajaran secara hiburan menyediakan medium kepada murid untuk keseronokan berintegrasi dan kebebasan bereksperimen dengan ilmu yang diperoleh agar memberi manfaat kepada diri sendiri.

Di samping itu, aktiviti nyanyian lagu program Didik Hibur dijalankan secara berulang dan konsisten di SRAH. Pelaksanaan program adalah secara harian iaitu, pada waktu perhimpunan setiap pagi. Apabila nyanyian lirik lagu nasihat ini dinyanyikan berulang kali oleh murid, ianya menjadi peringatan yang tersemat dalam diri. Teknik pengulangan muzik dalam sesebuah lagu pembelajaran menghadirkan ruang dan masa kepada kanak-kanak untuk memahami sesuatu ilmu atau kemahiran (Hanifah, Pang & Muhammad Idris, 2019; Mohamad Azam & Kamariah, 2020). Hal ini boleh disalurkan kepada manfaat pembentukan sahsiah diri murid secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seiring dengan itu, Pengkaji menyedari proses pengulangan nyanyian lagu-lagu nasihat pada program Didik Hibur tersebut mempunyai perkaitan dengan Teori Pelaziman Operan Thorndike. Menurut pengasasnya, Edward Thorndike (1931), pembelajaran manusia melibatkan perubahan dalam sifat dan kelakuan manusia itu sendiri. Apabila manusia menjalani kehidupan dan proses belajar, maka setiap tindak balas terhadap sesuatu perkara atau situasi yang sama akan mengalami perubahan.

Secara dasarnya, teknik pengulangan ini berkaitan dengan hukum pembelajaran Teori Pelaziman Operan Thorndike. Hukum pembelajaran ini terdiri daripada hukum kesediaan, hukum latihan, dan hukum kesan. Oleh itu, proses pengulangan yang berlaku dalam program Didik Hibur ini berada di bawah lingkungan hukum pembelajaran berbentuk latihan. Hukum latihan ini menjelaskan bahawa semakin banyak kuantiti simulasi dijalankan, maka semakin kukuh kesan tindak balas terhadap rangsangan. Tambahan juga, setelah seseorang individu itu memperoleh kesan yang positif daripada sesuatu kelakuannya, maka dia akan mengulangi perbuatan tersebut agar memperoleh manfaat.

Dalam konteks program Didik Hibur di SRAH, pelaksanaan nyanyian lagu-lagu nasihat setiap hari dan pemberian peringatan setiap pagi telah membentuk perilaku murid. Murid menerima hukum latihan berbentuk pengulangan dalam membina sahsiah diri mereka. Setelah murid mendapati perubahan tingkah laku menjadikan diri mereka lebih positif, maka murid akan terus bertahan untuk menjaga kelakuan mereka sebaiknya. Bagi menyokong situasi yang berlaku, perolehan pemerhatian di lapangan kajian membuktikan hampir keseluruhan murid melakukan perubahan pada tingkah laku mereka di sekolah. Manakala, proses analisis ke atas dokumen rekod disiplin murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pula menunjukkan penurunan catatan kes salah laku murid setelah program Didik Hibur ini dikuatkuasakan sepenuhnya. Pengkaji menyimpulkan bahawa hukum latihan berbentuk pengulangan memberikan kesan positif kepada usaha melahirkan murid yang bersahsiah baik.

Selain itu, setiap implementasi sesuatu program akan wujudnya keberadaan cabaran yang menghalangi kelancaran pelaksanaan. Kehadiran elemen cabaran ini adalah seperti halangan pelaksana, sikap guru, sikap murid, halangan pembina program, dan halangan program. Pengkaji memfokuskan kepada perbincangan sikap murid sebagai halangan yang boleh diatasi melalui tindakan kerjasama semua guru.

Permasalahan sikap murid sebagai cabaran kepada program dapat dilihat apabila murid jadi kurang berminat dan tidak fokus dengan penyampaian ilmu pendidikan sahsiah. Menurut Norlela *et al.* (2020), permasalahan diri murid seperti takut akan kelemahan diri dan kurang motivasi telah menyebabkan mereka semakin hilang minat dalam apa jua pembelajaran. Dalam pada itu, Norlela *et al.* (2020) menyatakan bahawa pendidikan didik hibur dilihat mampu membangunkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh itu, cabaran sikap murid ini dapat diatasi melalui strategi guru yang diterangkan pada sub topik selanjutnya.

5.3.2 Strategi Guru dalam Membentuk Sahsiah Diri Murid Melalui Pelaksanaan Program Didik Hibur

Pengkaji berkeperluan menjawab soalan kajian kedua iaitu, menerangkan strategi atau langkah mengatasi yang dijalankan oleh guru bagi menghadapi cabaran pembentukan sahsiah murid menerusi pelaksanaan program Didik Hibur. Kepelbagaian strategi guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terlaksana antaranya adalah galakan penglibatan murid dalam aktiviti nyanyian lagu nasihat, menjalankan sesi bimbingan kepada guru-guru dan usaha bimbingan pembinaan kelakuan baik kepada murid. Pengkaji juga menemukan strategi usaha gigih pembina program menyebarkan manfaat program, pelaksanaan tindakan asertif oleh guru, dan bantuan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah.

Perbincangan pertama adalah berkenaan strategi guru memberi galakan atau dorongan sewajarnya kepada murid dalam menghadapi cabaran pembinaan sahsiah. Berdasarkan perjalanan program ini, murid dipertanggungjawabkan untuk menghafal dan menyanyikan lagu-lagu nasihat dengan betul. Murid juga perlu memahami kandungan setiap lagu dan membentuk kelakuan mengikut ketetapan acuan sahsiah daripada inti pati lirik. Apabila murid-murid berjaya mengadaptasikan tingkah laku di sekolah seperti yang dikehendaki, mereka akan diberikan pujian dan mendapat hadiah. Kesannya, semua murid akan sentiasa meningkatkan usaha untuk memperbaiki tingkah laku masing-masing agar memperoleh penghargaan tersebut daripada guru.

Menurut Teori Pelaziman Operan oleh Burrhus Frederic Skinner (1938), perubahan perilaku adalah hasil tindak balas terhadap kesan yang diperoleh melalui konsep peneguhan dan konsep hukuman. Pelaksanaan program Didik Hibur di SRAH telah memberikan rangsangan pengukuhan yang bersifat positif. Konsep peneguhan positif ini terjadi apabila berlakunya suatu perubahan tingkah laku yang disebabkan oleh penerimaan rangsangan yang diinginkan dan memuaskan hati. Bentuk rangsangan baik yang diberi adalah berbentuk ganjaran berharga atau hadiah bernilai. Keadaan ini boleh disimpulkan bahawa pemilihan rangsangan positif ini sememangnya bersesuaian dengan tahap perkembangan diri bagi murid di peringkat sekolah rendah. Secara tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung, peneguhan positif ini telah membentuk diri murid untuk mempamerkan sahsiah yang baik di sekolah.

Seterusnya, Pengkaji tertarik untuk membangkitkan usaha asertif semua guru yang bersepakat dan bertegas menggerakkan program Didik Hibur. Dapatan pemerhatian semasa di lapangan mempamerkan pendekatan ketegasan guru dalam penguatkuasaan program. Contohnya, apabila pemerhatian dibuat di bilik darjah, guru menitikberatkan pelaksanaan adab belajar seperti mana yang dianjurkan dalam nyanyian Lagu SOP Guru Masuk Kelas. Para guru menyedari tanggungjawab mereka untuk memberi keutamaan dalam pembentukan disiplin murid semasa di bilik darjah bagi menjalani sesi pengajaran. Apabila semua guru menunjukkan keseragaman penekanan terhadap proses pembinaan sahsiah murid di sekolah, ia telah menimbulkan suasana positif. Semua murid merasakan diri mereka sentiasa mendapat perhatian, teguran dan peringatan daripada guru untuk memperbaiki kelakuan. Jadinya, murid dapat membentuk diri sebagaimana pendedahan pada nyanyian lagu nasihat program.

Sehubungan itu, Pengkaji mendapati kewujudan unsur hukuman secara positif yang diberikan oleh guru kepada murid sebagaimana dalam konsep Teori Pelaziman Operan Skinner. Konsep hukuman positif dilaksanakan dengan memberi sesuatu yang tidak disukai bertujuan untuk mengurangkan kesan buruk atas sesuatu tingkah laku. Langkah ini dapat diperlihatkan menerusi peranan pembina program dan guru pelaksana menunjukkan ketegasan dalam menyampaikan peringatan kepada murid. Tindakan penegasan ini adalah perkara yang tidak digemari oleh murid tetapi sangat penting untuk memastikan murid mematuhi adab menuntut ilmu dengan guru menerusi lirik Lagu SOP Guru Masuk Kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru memberi peringatan kepada murid untuk berdiri memberi salam apabila guru masuk ke kelas. Peringatan juga diberikan untuk murid sentiasa menjaga kebersihan bilik darjah sebelum guru masuk mengajar walaupun murid tidak menyukainya. Apabila murid-murid memahami konsep ketegasan dan peringatan yang diberi, mereka akan bertindak untuk bersedia menunggu ketibaan guru ke kelas dalam keadaan kebersihan bilik darjah pada tahap terbaik. Di akhir proses pemberian hukuman positif ini akan menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku yang lebih baik dan berdisiplin. Tindakan guru yang tidak disukai oleh murid-murid tersebut telah menyebabkan proses pembentukan sahsiah berlaku ke arah yang lebih positif.

Selain usaha guru, Pengkaji menemukan usaha yang ditonjolkan oleh pengasas program Didik Hibur itu sendiri. Beliau dilihat menjalankan usaha penyebaran ilmu pendidikan sahsiah kepada murid secara konsisten. Pembina program menunjukkan kesungguhan berterusan dalam menekankan keperluan dan manfaat program pemilikan sahsiah baik menerusi nyanyian lagu nasihat.

Diri pembina program menzahirkan setiap idea dan perancangan program dalam bentuk tindakan yang selaras dengan objektif pembinaan kelakuan baik murid. Setiap kali sesi pemerhatian dijalankan, pengasas program menunjukkan usaha tanpa lelah menyebarkan kebaikan melalui pemahaman ke atas lirik lagu yang dinyanyikan murid. Semua murid pula diberikan penjelasan mengenai kandungan lagu program yang mendidik diri dengan berterusan. Oleh itu, Pengkaji berpendapat wujudnya prinsip penting dalam pelaksanaan peneguhan positif ini, iaitu konsistensi. Pemberian unsur positif yang berterusan merupakan usaha yang perlu diutamakan dalam memastikan perubahan kelakuan boleh bertahan lebih lama dan berpanjangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudian, Pengkaji mengesan maklumat pemberian cadangan oleh guru dalam mengharungi cabaran pembentukan tingkah laku murid. Dapatan sesi temu bual menemukan cadangan penambahbaikan perlu dijalankan ke atas setiap elemen pelaksanaan program Didik Hibur. Penambahbaikan adalah penting dibuat kepada lagu-lagu didik hibur. Pengkaji memperoleh cadangan yang memerlukan proses naik taraf ke atas lagu-lagu didik hibur agar lebih terkini dan menepati selera semasa generasi murid hari ini. Lagu-lagu nasihat sedia ada boleh digubah ke dalam bentuk video muzik dan dimuat naik ke media sosial agar boleh diakses dengan mudah walau di mana murid berada. Justeru, pendidik generasi hari ini berkepentingan menjalankan usaha penyebaran ilmu yang lebih moden dan bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa (Samihah *et.al*, 2019; Sulastri, Hidayat & Saputri, 2024).

Secara tuntasnya, dapatan penyelidikan yang menemukan tema strategi menampakkan potensi jelas menjawab keperluan objektif dan soalan kajian. Pengkaji telah mengeluarkan jawapan sesuai daripada sesi temu bual yang disokong oleh hasil pemerhatian dan dapatan analisis dokumen berkaitan. Strategi yang telah digunakan oleh guru tampak bersesuaian dalam menepis cabaran yang menduga tugas mereka membentuk sahsiah murid. Malah, cadangan strategi yang diberikan oleh guru juga adalah bertepatan untuk menguatkan usaha berhadapan dengan cabaran mendatang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Sudut Pandang Pihak Pentadbir, Guru, dan Murid Terhadap Pelaksanaan Program Didik Hibur dalam Membentuk Sahsiah Murid

Soalan kajian ketiga memerlukan jawapan yang diperolehi daripada sudut pandang pihak pentadbiran, guru dan murid berkenaan pelaksanaan program Didik ke arah pembentukan sahsiah murid di SRAH.

Pengkaji mengemukakan keutamaan perbincangan mengenai faktor kekuatan lagu didik hibur yang digunakan sebagai medium pembentukan disiplin tingkah laku murid. Langkah analisis terhadap kandungan lirik lagu-lagu program Didik Hibur menunjukkan konsep mengajak semua murid melakukan kebaikan kepada diri dan orang lain. Pendekatan pemerhatian pula menunjukkan semua murid mampu mengamalkan tingkah laku baik sebagaimana yang dianjurkan dalam setiap lagu didik hibur tersebut. Keadaan ini menunjukkan medium lagu bukanlah sekadar alat hiburan semata tetapi juga berperanan penting dalam menjadi instrumen pengajaran yang berkesan. Menurut Novita dan Ichsan (2022) serta Nuril Falina (2024), kaedah nyanyian meletakkan lirik lagu sebagai bahan pengajaran boleh menghasilkan pengalaman menarik kepada murid untuk lebih mudah faham dan membina pembangunan diri. Oleh itu, pendekatan nyanyian lagu didik hibur boleh disimpulkan mempunyai kekuatan mempengaruhi pembentukan sahsiah diri murid yang baik.

Selain itu, Pengkaji melihat kepentingan peranan guru sebagai faktor kejayaan yang membantu sebagai nilai tambah kepada pembinaan tingkah laku positif murid. Peranan guru dilihat sebagai pempengaruh yang membimbing murid membina sahsiah diri. Bimbingan yang diberi adalah menerusi pelbagai cara seperti penyampaian ilmu pendidikan akhlak, pemberian nasihat berterusan, langkah pemantauan tingkah laku,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan ketegasan pematuhan peraturan. Berdasarkan dapatan Sulastri *et. al* (2024), tanggungjawab guru membimbing kemenjadian murid dilihat berkesan dalam mewujudkan semangat atau keinginan yang tinggi untuk penglibatan proses pembelajaran. Tambahan pula, guru sebagai pendidik seharusnya berkemampuan menyediakan haluan proses pertumbuhan perwatakan positif kepada murid (Nor Anisa, Nor Aniza & Mohd Syaubari, 2022; Fitriana & Suhendro, 2022).

Seterusnya, dalam meraih pencapaian objektif sesuatu program di sekolah, faktor penerimaan murid adalah salah satu indikator kejayaan. Elemen penerimaan oleh murid dipandang melalui dua perkara, iaitu keupayaan murid melibatkan diri dalam program dan minat murid menyertai aktiviti yang dijalankan. Antara kunci faktor kejayaan dalam proses pengajaran adalah minat dan kesediaan penglibatan diri murid secara sukarela (Zainab *et. al*, 2022; Tisza *et. al*, 2023). Apabila minat dalam diri murid dibangunkan untuk belajar ilmu pembentukan tingkah laku baik menerusi nyanyian lagu nasihat yang menarik, mereka akan dapat memahami kandungan kebaikan pemilikan sahsiah positif dengan lebih mendalam. Kesannya, murid akan menggerakkan diri mengikuti kefahaman yang diberi untuk mengubah kelakuan mereka menjadi lebih baik. Perubahan yang berlaku itu akan bertahan lebih lama bahkan berpanjangan sekiranya diberikan penekanan berterusan sehingga ianya menjadi amalan dalam kehidupan murid.

Ringkasnya, hasil dapatan penyelidikan yang dinyatakan adalah bersesuaian menjawab kehendak soalan kajian ketiga. Pengkaji telah menyediakan maklumat yang membawa sudut pandang wakil pentadbir, guru, dan murid untuk menjelaskan kemampuan program Didik Hibur membina sahsiah diri murid di SRAH.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi Kajian

Program Didik Hibur di SRAH telah menyediakan lagu-lagu yang memberi impak positif secara langsung kepada pembentukan tingkah laku murid. Setiap lagu yang dicipta oleh guru pembina program adalah berunsurkan nasihat dan panduan kepada murid tentang penjagaan tingkah laku dalam rutin seharian. Kesan penerapan nilai-nilai kebaikan daripada empat buah lagu program boleh diterjemahkan dalam pelbagai keperluan yang bertujuan kepada melahirkan murid bersahsiah tinggi.

5.4.1 Pendekatan Lagu Didik Hibur Terhadap Pembinaan Sahsiah Diri Murid

Setiap lirik lagu dalam program Didik Hibur mempunyai peranan sebagai peraturan khusus yang perlu dipatuhi oleh semua murid. Mereka akan menyanyikan semua lagu didik hibur pada setiap hari sebagai suatu proses pengulangan. Proses nyanyian yang berlangsung berulang kali akan bertindak menjadi peringatan dalam minda mereka. Kesannya, murid akan mengawal tingkah laku dan mereka akan berkelakuan mengikut apa yang dinyanyikan. Dalam pada itu, faktor konsistensi perlu ada pada setiap langkah bimbingan dan usaha penyampaian pendidikan disiplin supaya membantu aspek perkembangan diri murid.

Bagi tujuan pemahaman yang lebih mendalam, Pengkaji bertanggungjawab untuk menerangkan fungsi setiap lagu didik hibur yang ada pada program Didik Hibur di SRAH. Penyusunan kesan pelaksanaan nyanyian lagu didik hibur dalam proses pembinaan sahsiah murid ini adalah berdasarkan kesimpulan daripada dapatan yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen berkaitan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

program. Pengkaji merumuskan manfaat empat buah lagu program Didik Hibur kepada murid dalam bentuk jadual seperti Jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1

Kesan Lagu Didik Hibur kepada Pembentukan Sahsiah Diri Murid

Tajuk Lagu	Kesan kepada Murid
Lagu Niat Kita	1. Murid memahami adab berniat baik. 2. Murid memahami konsep menuntut ilmu untuk keredhaan Ilahi. 3. Murid memahami konsep melakukan kebaikan untuk keredhaan Ilahi.
Lagu Buat Apa Yang Allah Suka	1. Murid memahami kesan membuat kebaikan dan keburukan. 2. Murid menyedari kewujudan Ilahi. 3. Murid memahami konsep syukur. 4. Murid melazimi sesi muhasabah diri.
Lagu SOP Guru Masuk Kelas	1. Murid membina adab dengan guru. 2. Murid menjaga kebersihan.
Lagu Langkah Ibadah	1. Murid melazimi zikir dan selawat. 2. Murid berjalan dengan tertib. 3. Murid mencontohi akhlak baik Nabi Muhammad.

Berdasarkan paparan maklumat pada Jadual 5.1, Pengkaji membuat kesimpulan bahawa setiap lagu yang dicipta telah memberi kesan tersendiri kepada pembinaan sahsiah murid. Kandungan penyampaian daripada keempat-empat lagu memfokuskan kepada kelakuan yang harus dilakukan oleh murid-murid mengikut perbezaan situasi. Pengulangan aktiviti nyanyian lagu-lagu ini telah memberi peringatan kepada murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesannya, semua murid akan menunjukkan perubahan perilaku menjadi lebih baik dan menepati piawaian pada kandungan setiap lagu nasihat.

5.4.2 Pendekatan Lagu Didik Hibur dalam Bidang Psikologi Pendidikan

Secara ringkasnya, bidang psikologi pendidikan merupakan cabang ilmu psikologi yang menyediakan pengetahuan mengenai cara manusia berinteraksi dalam proses pembelajaran. Melalui perolehan ilmu psikologi pendidikan, pendidik akan dapat mengoptimumkan proses pengajaran ke arah meningkatkan kualiti penyampaian ilmu. Justeru, pendekatan pengajaran didik hibur menerusi elemen nyanyian lagu dilihat sebagai satu perkara yang boleh dikaitkan dengan ruang lingkup psikologi pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji melihat kepada kepentingan bidang psikologi pendidikan memberi keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang dapat dijelaskan menerusi perkaitan teori-teori behaviorisme. Guru dapat melihat sesuatu perubahan tingkah laku terjadi akibat perolehan daripada proses pembelajaran mengenai pendidikan sahsiah diri. Hal ini kerana behaviorisme memberi penekanan kepada kewujudan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berkesan ke arah perubahan tingkah laku individu (Allen, 2007; Choudhury, 2024). Penyediaan suasana pengajaran positif oleh guru akan menjadikan pencapaian murid menepati kehendak objektif pembelajaran khusus dalam perilaku mereka. Peranan guru menggunakan pendekatan pengajaran yang bersesuaian adalah penting supaya dapat memanipulasikan persekitaran murid bagi mempengaruhi pengubahsuaian kelakuan murid. Teori behaviorisme dapat menerangkan strategi pengajaran guru mampu mengukuhkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahsiah baik yang diingini dan boleh mengurangkan perilaku negatif yang tidak diperlukan (Choudhury, 2024).

Sehubungan itu, Pengkaji berpandangan bahawa pengetahuan daripada teori behaviorisme dapat menerangkan keberkesanan pelaksanaan strategi program Didik Hibur untuk membentuk sahsiah diri murid. Berdasarkan eksperimen ke atas tingkah laku oleh Skinner, guru mempunyai tanggungjawab dalam menyampaikan bahan pengajaran dengan betul melibatkan perilaku terhadap murid (Choudhury, 2024). Perkara ini dapat diterangkan melalui usaha dan bimbingan guru terhadap pelaksanaan nyanyian lagu-lagu nasihat untuk membina sahsiah murid yang baik. Dalam pada itu, unsur peneguhan positif diberi dalam bentuk pujian dan ganjaran bertindak selaku pengaruh kepada perubahan tingkah laku. Apabila murid-murid mengenali potensi diri dalam kemampuan berkelakuan baik, mereka akan mengubah suai sahsiah diri seperti mana yang ditunjukkan oleh guru.

Di samping itu, Edward Lee Thorndike memperkenalkan teori yang menerangkan proses pembelajaran setiap individu selalunya berlaku dalam konsep eksperimen berbentuk cuba jaya (Hermansyah, 2020; Nur Kolis & Aisyah Fajar, 2022). Proses pembelajaran secara *trial and error* dilaksanakan dengan memberi rangsangan positif sebagai pendekatan motivasi kepada individu bagi menghasilkan perubahan perilaku yang lebih baik. Keadaan ini diperlihatkan melalui usaha pembina program dan para guru pelaksana dalam menjayakan usaha pembentukan sahsiah murid melalui nyanyian lagu nasihat didik hibur. Rangsangan yang diberikan oleh guru adalah berbentuk pujian, bimbingan, dan ganjaran kepada murid. Bagi tindak balas yang diharapkan pula merupakan perbuatan daripada murid-murid untuk merubah tingkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku mereka menjadi lebih baik daripada sebelumnya. Apabila rangsangan yang diberi adalah bertepatan dengan keperluan tindak balas yang diperlukan secara konsisten, maka hubungan positif ini akan membuahkan hasil mengikut kehendak (Ali, 2019).

Justeru, penerapan elemen didik hibur berkeupayaan sebagai medium pengajaran berkesan untuk mengembangkan potensi murid dari segenap aspek mencakupi intelek, rohani, jasmani, dan keperibadian secara seimbang. Kajian ini mengkhususkan kemenjadian pembinaan sahsiah murid dapat dicapai melalui pelaksanaan program Didik Hibur yang menggunakan elemen nyanyian lagu nasihat. Sokongan daripada teori-teori behaviorisme telah menerangkan pendekatan nyanyian lagu program Didik Hibur dapat dihubungkan dengan penghasilan motivasi diri murid. Usaha memupuk nilai-nilai murni daripada lirik lagu didik hibur adalah berpotensi meningkatkan motivasi dalaman murid untuk membina sahsiah diri yang baik. Kesannya, murid-murid akan mempamerkan sahsiah diri yang baik kesan daripada usaha dan peneguhan daripada pihak guru.

5.4.3 Sumbangan sebagai Program Pembangunan Disiplin Murid

Berdasarkan keseluruhan data penyelidikan, program Didik Hibur yang dilaksanakan ini dapat diguna pakai dalam membentuk disiplin murid di peringkat sekolah rendah. Manfaat program pembangunan akhlak ini berupaya membantu Unit Hal Ehwal Murid dalam mengawal tingkah laku murid sepanjang keberadaan mereka di sekolah. Lagu-lagu didik hibur yang berbentuk nasihat dan peringatan adalah berpotensi dijadikan panduan kepada murid untuk sentiasa menjaga kelakuan dan disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, Unit Hal Ehwal Murid boleh menyediakan manual pelaksanaan program pembangunan moral yang lebih mesra murid dengan menggunakan platform pendidikan secara didik hibur. Penyampaian peringatan untuk menerapkan kawalan disiplin murid boleh dimuatkan ke dalam bentuk nyanyian lagu. Apabila murid-murid mengalunkan nyanyian lagu-lagu nasihat yang diberi, mereka akan menjadi lebih tertarik untuk faham. Pemahaman murid terhadap lagu membawa kepada perubahan perilaku. Kemudian, guru di bawah Unit Disiplin boleh menghasilkan instrumen pemantauan disiplin murid berdasarkan nilai-nilai yang terkandung pada lagu. Tuntasnya, penghasilan lagu-lagu pendidikan disiplin ini boleh berperanan sebagai punca kuasa dan rujukan kepada murid dalam mempamerkan kelakuan di sekolah.

5.4.4 Manfaat sebagai Intervensi dalam Pentaksiran

Dari sudut lain, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi penekanan kepada pembangunan murid seimbang yang dinilai dari segenap aspek. Penilaian terhadap pencapaian murid yang seimbang ini dilakukan melalui medium Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Elemen sahsiah diri murid menjadi salah satu perkara yang dinilai oleh guru di bawah bahagian PBD. Dengan alasan itu, hasil kajian ini dilihat berkeupayaan membantu sebagai sandaran pelaksanaan intervensi pembinaan sahsiah diri murid.

Dalam konteks intervensi di peringkat sekolah, guru Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) boleh menyalurkan kebergunaan lagu-lagu nasihat didik hibur ke dalam bentuk program pembinaan keperibadian murid. Peranan guru UBK dapat membantu dan membimbing murid-murid yang bermasalah kelakuan dan disiplin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan menggerakkan program Didik Hibur sebagai usaha intervensi yang berkesan. Pada masa yang sama, pihak UBK boleh menggunakan penerapan lagu didik hibur program pembentukan sahsiah sebagai salah satu kebitaraan dalam melahirkan generasi murid yang seimbang dari aspek akademik dan sahsiah baik. Hasilnya, murid-murid akan dapat dibantu untuk mencapai kehendak pemilikan akhlak dan disiplin diri yang baik sebagaimana keperluan pada pemarkahan PBD.

5.5 Cabaran dan Limitasi Kajian

Ungkapan cabaran dan limitasi penyelidikan adalah dua perkara yang berlaku sepanjang pengkaji melaksanakan kajian. Pengkaji berperanan untuk menyampaikan setiap cabaran dan limitasi yang dihadapi agar dapat dijadikan rujukan kepada kajian akan datang. Konsep cabaran dan limitasi mempunyai perbezaan maksud untuk memberi sudut gambaran perkara yang dihadapi oleh pengkaji.

Cabaran kajian merupakan aspek kesusahan atau kesukaran yang dihadapi oleh pengkaji dalam menggerakkan rangka kerja penyelidikan. Setiap pengkaji perlu bertanggungjawab dalam mencari langkah penyelesaian atau tindakan perubahan strategi bersesuaian agar proses penyelidikan dapat berjalan dengan lancar. Contoh cabaran yang biasa dilalui oleh pengkaji adalah seperti kesukaran mendapatkan sampel kajian, halangan pemilihan kaedah penyelidikan yang sesuai, dan penyesuaian proses analisis data ke atas dapatan.

Sepanjang menggerakkan kajian ini, Pengkaji menghadapi cabaran berkenaan penggunaan masa yang panjang untuk memahami ideologi pendekatan kajian kes

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

intrinsik yang disarankan oleh Stake (1995). Pengkaji perlu memastikan konsep kajian kes intrinsik adalah bersesuaian dengan rangka metodologi pelaksanaan penyelidikan untuk merungkai keunikan program yang berlangsung di sebuah sekolah terpilih. Selaku penyelidik bidang kualitatif, Pengkaji bertanggungjawab menggunakan metodologi yang menepati syarat untuk menginterpretasikan dapatan secara deskriptif bagi tuntutan pembacaan dan rujukan. Bersempena tujuan itu, Pengkaji telah mencari dan menggunakan sumber rujukan primer berkaitan pelaksanaan kajian kes intrinsik agar mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Stake (1995). Antara sumber rujukan yang digunakan adalah berasal daripada penulisan pengasas ideologi kajian kes intrinsik seperti buku "*The Art of Case Study Research*" terbitan tahun 1995.

Setelah itu, Pengkaji berhadapan dengan cabaran kedua iaitu, pencarian teknik analisis dapatan yang bersesuaian untuk kegunaan kepada perolehan sesi temu bual. Pengkaji mendapatkan bantuan daripada pakar kajian kualitatif untuk mempelajari proses menganalisis dapatan temu bual melalui pendekatan analisis tematik. Bagi keperluan analisis tersebut, Pengkaji mengambil lebih masa untuk mempelajari teknik pengekodan dengan menggunakan aplikasi ATLAS.ti seperti yang dicadangkan oleh pakar kajian kualitatif. Namun begitu, penggunaan aplikasi ATLAS.ti hanyalah sebagai kemudahan penyimpanan hasil pengekodan dan keperluan penyusunan kod-kod daripada data temu bual. Selanjutnya, Pengkaji telah mengambil penggunaan teknik-teknik pengekodan yang disarankan oleh Nor Junainah (2019) untuk membantu proses pengaturan kod-kod yang lebih sistematik dan mudah dirujuk.

Berikutnya, Pengkaji menerangkan frasa limitasi kajian sebagai kekangan yang tidak dapat dielakkan kejadiannya semasa pelaksanaan penyelidikan berlangsung.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menyatakan kewujudan batasan kajian dan potensinya yang mampu menjejaskan hasil keseluruhan penyelidikan. Antara kebiasaan limitasi kajian kualitatif adalah seperti keterbatasan masa untuk pelaksanaan sesi temu bual, batasan jumlah peserta yang mewakili populasi fenomena, dan kekangan penggunaan metodologi.

Limitasi kajian pertama yang dihadapi ialah pemilihan peserta kajian yang bersesuaian daripada kalangan murid sekolah rendah. Pengkaji berkepentingan untuk mendapatkan murid yang mampu memberi gambaran sebenar mengenai fenomena kajian melalui sesi temu bual. Namun begitu, faktor daya kemampuan murid sekolah rendah menyampaikan pandangan dan penghayatan terhadap sesuatu perkara adalah terhad. Oleh itu, dapatan kajian adalah terkesan akibat tidak dapat memperoleh pengalaman dan pendapat daripada keseluruhan murid yang berada dalam lingkungan lapangan kajian. Bagi kegunaan penyelidikan kualitatif ini, Pengkaji hanya mampu menggunakan peserta temu bual daripada kelompok murid Tahap Dua, iaitu terdiri daripada Tahun Empat, Tahun Lima, dan Tahun Enam. Keadaan ini tidak dapat dielakkan kerana murid Tahap Dua sahaja yang dilihat mampu menyampaikan maklumat mengikut kehendak soalan penyelidikan.

Di samping itu, Pengkaji berhadapan dengan limitasi mengenai keterbatasan masa untuk melaksanakan sesi temu bual dengan para peserta kajian. Walaupun penetapan masa sesi temu bual telah mencapai kesepakatan daripada kedua-dua belah pihak, namun pertemuannya sering dilanda pelbagai pancaroba dan ditunda. Bagi peserta daripada kalangan guru, mereka terikat dengan jadual pengajaran dan penglibatan aktiviti dalaman ataupun luaran sekolah. Untuk peserta daripada kelompok murid, Pengkaji hanya boleh mengambil masa senggang ketika sesi persekolahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memandangkan jadual pembelajaran yang padat sehingga waktu petang. Situasi sebegini tidak dapat dihindari hingga memberi kesan kepada perancangan peruntukan masa untuk kajian lapangan. Kesudahannya, Pengkaji mengambil langkah bertenang dan sentiasa berfikiran positif untuk meneruskan tanggungjawab mendapatkan maklumat daripada setiap peserta kajian di lapangan penyelidikan.

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan dan Penambahbaikan

Bahagian penulisan cadangan kajian akan datang merupakan antara komponen penting dalam penghasilan penyelidikan ilmiah. Laporan daripada cadangan lanjutan ini akan dapat membantu para pengkaji lain mendapat panduan untuk pelaksanaan peringkat penyelidikan yang lebih terkini. Panduan daripada bahagian cadangan ini akan menyatakan kewujudan lompong pada dalam kajian sedia ada bagi keperluan tindakan eksplorasi yang lebih mendalam dan menepati kehendak semasa.

Dalam kita menyelusuri zaman globalisasi ini, gejala kemerosotan moral kian meruncing dan menggugat pembentukan generasi pemimpin masa akan datang. Sehubungan itu, Pengkaji mencadangkan kajian lanjutan adalah berbentuk kajian tindakan. Pengkaji mengharapkan agar kajian tindakan dapat dibuat bagi melihat kemampuan program pembentukan sahsiah sebegini dapat menyelesaikan permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan murid. Memandangkan pendekatan didik hibur dilihat berkesan digunakan ke atas murid-murid sekolah rendah, kajian tindakan mempunyai potensi menjadi wadah penyelidikan. Menerusi dapatan kajian tindakan tersebut, akan dapat menarik minat para pengkaji lain menghasilkan modul-modul bersesuaian untuk langkah pembinaan sahsiah diri murid. Hasilnya, guru-guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan dapat menggunakan modul tindakan yang terhasil bagi tujuan mengatasi gejala keruntuhan moral murid-murid khususnya di peringkat sekolah rendah.

Seterusnya, Pengkaji melihat kepada kehendak penyelidikan yang memerlukan pernyataan kesan pelaksanaan pendekatan didik hibur daripada murid-murid khususnya dalam konteks pembinaan sahsiah diri. Untuk tujuan itu, kajian baharu perlu mengatasi kelemahan limitasi penggunaan murid sekolah rendah untuk keperluan mendapatkan maklumat. Cadangan pelaksanaan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dilihat berkemampuan mendapatkan informasi dengan jumlah peserta lebih besar. Bilangan peserta yang lebih tinggi dalam mewakili populasi penyelidikan akan dapat memberi gambaran kesan yang lebih menyeluruh.

Selain itu, Pengkaji melihat kepada keperluan untuk pelaksanaan kajian saintifik yang boleh menguji tahap keberkesanan pendekatan program Didik Hibur dalam membentuk sahsiah diri murid. Oleh itu, kajian berbentuk eksperimen kuasi merupakan suatu pendekatan yang bermanfaat dalam penyelidikan sosial, psikologi, dan pendidikan. Pelaksanaan eksperimen pembentukan sahsiah boleh dijalankan ke atas dua kelompok murid, iaitu kumpulan yang mengaplikasikan pendekatan program didik hibur dan kumpulan yang tiada unsur pengajaran berhibur. Penggunaan eksperimen kuasi adalah lebih praktikal dan realistik untuk mempamerkan kesan penggunaan program Didik Hibur. Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pendekatan program Didik Hibur yang boleh digunakan sebagai langkah intervensi kepada pemarkahan PBD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Penutup

Pada dasarnya, penyelidikan kualitatif ini adalah untuk melihat sejauh mana pelaksanaan program Didik Hibur yang menggunakan aktiviti nyanyian lagu nasihat dapat membina sahsiah diri murid yang baik. Pengkaji telah dapat menunjukkan keupayaan pendekatan kajian kes intrinsik membantu proses merangka metodologi yang sesuai dan tepat bagi menjawab setiap soalan kajian. Sehubungan itu, perolehan data daripada sesi temu bual, kaedah pemerhatian, dan analisis dokumen berkaitan telah membawa kepada pemahaman mendalam terhadap manfaat pendekatan didik hibur.

Pada masa yang sama, Pengkaji menepati kriteria selaku penyelidik kualitatif untuk membawa ideologi pembentukan pengetahuan daripada pengalaman manusia mengenai sesuatu fenomena. Pengkaji memperlihatkan keupayaan penggunaan lagu-lagu nasihat secara berulang mampu menyemai peringatan kebaikan dalam diri murid khususnya di SRAH. Namun begitu, kesan pembentukan sahsiah murid adalah suatu proses yang memerlukan penghadaman tempoh masa tertentu. Justeru itu, implementasi program pembangunan akhlak sebegini seharusnya berterusan dan dengan lebih efisien. Hal ini penting agar kita dapat melahirkan generasi baharu yang memiliki perwatakan baik seperti berdisiplin, beretika, berintegriti, dan mempunyai daya kesedaran yang tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Rasid, J., Nurul Nadiah, R., & Shamsudin, O. (2016). Pengaplikasian teknik didik hibur meningkat pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 41*(1), 39-45.

Ainul Hasanah. (2021). Introducing sex education to children through pictures and singing. *Indonesian Journal of Islamic Early Childhood Education*, *6*(1), 66-77.

Akmal, M., Hasan, B., Soniya, & Siti Hamimah. (2022). Early childhood behavior management strategy based on fun learning environment. *Jurnal Obsesi : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, *6*(4), 2583-2595. https://doi.org/10.31004/obsesi.v6i4.2063

Ali, M. (2019). Mengenal sosok Edward Lee Thorndike aliran fungsionalisme dalam teori belajar. *Pancawahana: Jurnal Studi Islam, 14*(1), 78-91.

Allen, S. J. (2007). Adult leaning theory and leadership development. *Leadership Review, 7*, 26-37.

Alwin, W., Rizka, Y., Al Firdaus, W. Q., & Deni, P. (2023). The effect of media edutainment education on hand washing accuracy in grades 4 - 6 students. *Jurnal Ilmiah Keperawatan Orthopedi, 7*(2), 51-57. https://doi.org/10.46749/jiko.v7i2.131

Aman, J., & Debolina, D. (2019). Millennials and gamification : Guerilla tactics for making learning fun. *South Asian Journal of Human Resources Management*, *6*(1), 29-44. https://doi.org/10.1177/2322093718796303.

Ani Omar. (2018). Biblioterapi kaedah didik hibur memotivasikan kanak-kanak sekolah dalam hospital. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak, 7*, 59-69. https://doi.org/10.37134/jpak.vol7.6.2018

Annisa, F., & Eko, S. (2022). Learning strategies for religious and moral values in the modern era after the Covid-19 pandemic. *Jurnal Pendidikan Islam Anak Usia Dini*, *3*(2), 55-65. http://doi.org/10.19105/ kiddo.v3i2.6787

Anwar, I. (2023, January 19). Membangun Malaysia Madani bagi bina masa depan negara-PM. *Berita Harian Online*. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1053738/membangun-malaysia-madani-bagi-bina-masa-depan-negara-pm

Baharuddin, E., & Ismail, Z. (2013). Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan / Spiritual intelligent relationship of elderly people with the religious practice in the welfare home. *Islamiyyat, 35*(1), 19-28. Retrieved from https://www.proquest.com/scholarly-journals/hubungan-kecerdasan-rohaniah-warga-tua-dengan/docview/1491723763/se-2

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bernard, H. R. (2017). *Research methods in anthropology: Qualitative and quantitative approaches*. Rowman & Littlefield.

Bienkowska, J., & Sikorski, C. (2024). Integrating qualitative and quantitative methods: A balanced approach to management research. *Eastern Journal of European Studies, 15*(1), 345-360. https://doi.org/10.47743/ejes-2024-0115

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*. 3. 77-101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa.

Braun, V., & Clarke, V. (2014). Thematic analysis. *Encyclopedia of Critical Psychology*, 1947-1952. https://doi.org/10.1007/978-1-4614-5583-7_311

Brubaker, R. (2004). *Ethnicity without groups*. Cambridge, MA and London, England: Harvard University Press. https://doi.org/10.4159/9780674258143

Choudhury, M. (2024). A study of behaviorist learning theory and its contribution to education. *Mechanism and Machine Science, 16*(1), 56-62.

Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education, Inc.

Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). SAGE Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Creswell, J.W. and Plano Clark, V.L. (2011) *Designing and conducting mixed methods research*. (2nd ed.). Sage Publications.

Creswell, J.W. and Poth, C.N. (2018) *Qualitative inquiry and research design choosing among five approaches*. (4th ed.). SAGE Publications.

Crisyanti, K. A., & Rosadah, A. M. (2020). Penerapan nilai-nilai murni melalui nyanyian untuk meningkatkan sahsiah murid ADHD. *Jurnal Dunia Pendidikan, 2*(2), 222-230. http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd

Dede Rizal, M., Maftuhah, Irfan, N., Saifuddin, A., & Muin, B. (2023). Singing methods to improve college students' Arabic vocabulary. *Multicultural Islamic Education Review, 1*(1), 52-62. https://doi.org/10.23917/mier.v1i1.2677

Denzin, N. K. & Lincoln, Y. S. (2011). *The sage handbook of qualitative research*. SAGE Publications, Inc.

Desmond, C. S. C., & Yusup, H. (2023). Implementing e-learning as edutainment in Malaysian higher education: Challenges and solution for educators. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities, 8*(7), 1-14. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2421

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Egwu, O. A., Nto-Ezimah, U. A., Nto, N. J., Ifunanya, E., & Ohanenye, C. E. (2023). Knowledge, attitude and practice of edutainment among anatomy educators: A Nigerian survey. *Scholars International Journal of Anatomy and Physiology*, *6*(7), 95-99. https://doi.org/10.36348/sijap.2023.v06i07.002

Elfi, I., Desyandri, Yeni, E., & Nofia, H. (2022). Pendidikan karakter religius peserta didik sekolah dasar dalam perspektif filsafat idealisme. *Jurnal Ilmiah PGSD FKIP Universitas Mandiri*, *8*(2), 2275-2284.

Fanny, K. C., Khayri Zaid, Z. A., Gengatharan, K., Norzalina, N., & Sukor, B. (2022). Teachers' level of mobilizing fun-inspired pedagogical knowledge and leadership practices for effective teaching of fundamental science concepts in the new realm: A scenario in Malaysian public preschools. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *12*(4), 722-737. DOI:10.6007/IJARBSS/v12-i4/13137

Flick, U. (2018). *The SAGE handbook of qualitative data collection*. SAGE Publications.

Feiyue, Z. (2022). Edutainment methods in the learning process: Quickly, fun, and satisfying. *International Journal of Environment, Engineering & Education, 4(1), 19-26. https://doi.org/10.55151/ijeedu.v4i1.41*

Frey, B. B. (2018). *The SAGE encyclopedia of educational research, measurement, and evaluation*. SAGE Publications.

Gordon, T. S. (2021). *The perceptions of literacy coaches and general education teachers regarding the effectiveness of literacy coaching in title 1 school : A qualitative case study* [Doctoral dissertation].

Gumiandari, S. (2021). Introducing English to early childhood through singing with the total physical response method. *Acitya : Journal of Teaching & Education*, *3*(1), 86-94.

Hamidah, M., & Nik Azmah, N. Y. (2019). The effect of edutainment on higher order thinking skills among year five students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, *8*(4), 55-65. http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i4/6435

Hanifah, S., Pang, V., & Muhammad Idris, B. (2019). Modul membaca awal prasekolah menggunakan nyanyian berasaskan teori psikolinguistik kognitif dan aplikasi kaedah belajar melalui bermain. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, *44*(1), 45-58. http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-06

Hancock, D. R., & Algozzine, R. (2006). *Doing case study research: a practical guide for beginning researchers*. Teachers College Press.

Hendrickson, D. (2022). *A qualitative case study examining the teacher's perspective of the alaska native students' school environment* [Doctoral dissertation].

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hermansyah. (2020). Analisis teori behavioristik (Edward Thorndike) dan implementasinya dalam pembelajaran SD/MI. *Modelling: Jurnal Program Studi PGMI*, *7*(1), 15-25. https://doi.org/10.36835/modeling.v7i1.547

Ihsana, E. K., & Betti, N. (2024). Analysis of the implementation of early childhood education transition to primary school through fun learning. *International Journal of Social Science and Human Research*, *07*(01), 211-218. https://doi.org/10.47191/ijsshr/v7-i01-29

Ismaliah, A. R., Azhar, M., Mohd Norazmi, N., Nor Adila, M. N., & Muhd Zulhilmi, H. (2021). Fun and exciting teaching of Islamic education teachers in preschool classrooms. *Review of International Geographical Education*, *11*(7), 112-115. https://doi.org/10.48047/rigeo

Jana Bradley. (1993). Methodological issues and practices in qualitative research. *The Library Quarterly: Information, Community, Policy*, *63*(4), 431–449. http://www.jstor.org/stable/4308865

Kalogiannakis, M., Papadakis, S., & Zourmpakis, A. I. (2021). Gamification in science education. A systematic review of the literature. *Education Sciences*, *11*(22), 1-36. https://doi.org/10.3390/educsci11010022

Kamarul, J. A. (2012). *Analisis data dalam penyelidikan kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/293097661

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.

Kuzmina, N. N., Kochkina, D. V., Korotkova, E. G., & Kuzmina, N. M. (2023). Implementation of edutainment technology in foreign students' language teaching. *Bulletin of the South Ural State University. Ser. Education. Educational Sciences*, *15*(1), 82-96. https://doi.org/10.14529/ped230108

Malaysia Madani: Enam tonggak dasar membangunkan Malaysia Madani. (2023). Majlis Keselamatan Negara. https://www.mkn.gov.my/web/ms/2023/02/03/malaysia-madani-enam-tonggak-dasar-membangunkan-malaysia-madani/

Manion, A. G. (2022). *Exploring the potential for therapeutic art-making in school psychology practice: A single case study of a training experience* [Doctoral dissertation].

Mantula, F., Mpofu, A. C., Mpofu, F. Y., & Shava, G. N. (2024). Qualitative research approach in higher education: Application, challenges, and opportunities. *East African Journal of Education and Social Sciences*, *5*(1), 1-10. https://doi.org/10.46606/eajess2024v05i01.0343

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Marzni, M. M., & Marni, J. (2021). Sudut pandang pelaksanaan kajian kes kualitatif terhadap naturalisasi penyelidikan pendidikan Bahasa Melayu. *Asian Journal of Civilizational Studies, 3*(2), 93-111.

Mat Daud, H., Yussuf, A., & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari: An International Journal, 12*(1), 75-89.

McCarvy, J. L. (2019). *A qualitative intrinsic case study of the training provided to teachers for the implementation of common core state standards in Louisiana* [Doctoral dissertation].

Md. Asadul, I., & Faraj Mazyed, F. A. (2022). Justification for adopting qualitative research method, research approaches, sampling strategy, sample size, interview method, saturation, and data analysis. *Journal of International Business and Management, 5*(1), 1-11.

Md. Kausar, A. (2024). Does the relationship between the interviewer and interviewee matter in qualitative research? *International Centre for Research and Resources Development, 5*(1), 140-145. https://doi.org/10.53272/icrrd

Md. Kausar, A. (2024). Personal observations on qualitative research data collection and publications: Positivity, problems, and challenges. *Journal of Management and Economic Studies, 6*(1), 93-98. http://doi.org/10.26677/TR1010.2024.1385

Mei, T. W. (2022). *Primary year three students' attitudes towards music learning in Chinese schools, Gerik, Perak* [Master's thesis].

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation: Revised and expanded from qualitative research and case study applications in education* (2nd ed.). Jossey-Bass.

Merriam, s. B., & Tisdell, E. J. (2015). *Quality research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.

